

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 52	Rabu	18 November 2015
----------------	-------------	-------------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2016

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B.10, B.11, B12 (Halaman 26)

Maksud B.13 (Halaman 83)

Maksud B.20 (Halaman 123)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 25)

Anggaran Pembangunan 2016

Jawatankuasa:-

Maksud P.10 dan P.70 (Halaman 26)

Maksud P.13 (Halaman 83)

Maksud P.20 (Halaman 123)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Rabu, 18 November 2015

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]*

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Tuan Yang di-Pertua, *just before the House commence*, dengan izin, *I wish to request the House here to observe the one minute of silence to respect of this captive that has been murdered by Abu Sayyaf, Mr. Bernard Then.*

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ya, saya sokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, menjadi tradisi Parlimen. Duduk Yang Berhormat, untuk bertafakur jika ada kematian *Head of State* dan dalam kalangan Ahli-ahli Parlimen. Walau bagaimanapun, saya merakamkan simpati kepada keluarga mendiang Bernard yang dilaporkan telah dibunuh di selatan *Philippines*. Terima kasih Yang Berhormat.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan jumlah dan kategori latihan persijilan bertaraf antarabangsa yang sedang atau akan diusahakan dengan kerjasama pihak IPTA di negara ini bagi meningkatkan mutu pelajar-pelajar taraf vokasional dan teknikal.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya hendak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ada penjelasan sedikit. Saya baru *check the last time* Dewan ini *observe a minute of silence* adalah untuk *earth quick* di Ranau, Sabah dan bukannya *Head of State*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, pemimpin, pemimpin. Kita beri pemimpin, kita beri dalam kalangan Ahli-ahli Parlimen. Walau bagaimanapun, ada juga dalam kalangan Ahli Parlimen yang tidak disebut dalam Dewan. Jadi, memadai Yang Berhormat saya katakan bahawa kita rakamkan takziah dan simpati kepada keluarga Bernard yang menghadapi dugaan kerana kematian mendiang. Ya, silakan Yang Berhormat Menteri.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat pagi, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Pantun daripada Yang Berhormat Sik terlalu pendek untuk dijawab. *[Ketawa]* Walau bagaimanapun Yang Berhormat Sik, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab kepada soalan Yang Berhormat Sik, saya ingin mengalu-alukan kehadiran ketua-ketua masyarakat dari kawasan saya, Serian... *[Tepuk]* ...yang seramai 20 orang ada di atas itu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*
Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Yang Berhormat Seputeh janganlah kacau kita. Saya tidak pernah kacau Yang Berhormat Seputeh pun. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) sedang dalam usaha mempergiatkan kerjasama dengan badan persijilan antarabangsa seperti The Welding Institute (TWI) bagi kelayakan kimpalan dan Pearson Qualifications (Vocational) Malaysia bagi kelayakan London Chamber of Commerce and Industry (LCCI) dan Business and Technology Education Council (BTEC) untuk menambah baik kualiti program dan institusi serta memperkukuh penjenamaan dan profil TVET.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu bagi memberi peluang kepada pekerja mengikuti kursus-kursus persijilan atau akreditasi daripada badan persijilan dalam negara dan antarabangsa yang akan meningkatkan kemahiran dan membolehkan majikan menawarkan gaji yang tinggi.

Kementerian Sumber Manusia melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia sedang melaksanakan program yang dipanggil *1Malaysia Globally Recognised Industry and Professional Certification in short 1MalaysiaGRIP*. Pelaksanaan program ini menggunakan konsep *public-private partnership* yang mana peruntukan bagi membiayai yuran latihan di bawah program ini adalah dari levi Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia Berhad dan juga peruntukan dari kerajaan.

■1010

Di bawah program 1MalaysiaGRIP, daripada 800 kursus dalam pelbagai bidang yang berbentuk persijilan atau akreditasi sama ada melalui kolaborasi dengan badan akreditasi dalam negara atau luar negara telah diluluskan. Kursus persijilan yang diluluskan termasuklah kursus kolaborasi dengan IPTA dan IPTS tempatan. Antaranya Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur Infrastructure University, Cyberjaya University College of Medical Sciences dan Open University Malaysia. Sejak pelaksanaan sesi pertama, 1MalaysiaGRIP iaitu pada 1 Ogos 2015 sehingga 6 November 2015, seramai 6,047 pekerja telah diluluskan di bawah program 1MalaysiaGRIP. Sekian, terima kasih.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan yang diberikan. Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa Malaysia berusaha untuk menjadi sebuah hab pendidikan serantau. Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, apakah inisiatif kerajaan untuk menarik pelajar-pelajar daripada luar negara terutamanya

daripada negara-negara ASEAN dan juga negara-negara yang jauh dari Asia Tenggara untuk mengikuti program latihan kemahiran di Malaysia? Terima kasih.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Yang Berhormat Sik. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah memperkenalkan Program Antarabangsa Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional di Malaysia atau lebih dikenali SkillsMalaysia INVITE berdasarkan 29 sektor utama Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) sebagai inisiatif yang direka khas untuk para pelajar antarabangsa.

Matlamat utama program ini dibangunkan adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai hab latihan kemahiran serantau yang melahirkan pekerja atau usahawan yang berkemahiran. Tuan Yang di-Pertua, sehingga bulan September 2015, terdapat 120 buah pusat bertauliah antarabangsa yang diluluskan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran untuk melaksanakan 727 program latihan kemahiran. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pembangunan Kemahiran telah 'mempersijilkan' 1,050 orang calon pelajar antarabangsa dalam tahun ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Langat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang bijaksana. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana menjawab soalan yang diusulkan oleh Yang Berhormat Sik. Apa yang diketahui Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua, kementerian mempunyai satu institusi ataupun satu pendidikan yang boleh menaiktarafkan anak-anak muda. Dalam kementerian, ada ILP yang mempunyai platform untuk anak-anak muda ini bagi mengetengahkan skil kemahiran mereka dan masih lagi bersikap vokasional dan bersikap sijil dan tidak menampakkan pengiktirafan daripada pihak swasta. Yang Berhormat Menteri, itu jelas. Apa yang diketahui, ILP ini, pelajar yang keluar tidak tahu ke mana mereka hendak pergi kerana tahap mereka sijil, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi soalan saya ialah, apakah langkah-langkah kerajaan untuk menaiktarafkan ILP dari sijil ke diploma atau *degree* untuk mendapat persaingan dan pengiktirafan daripada pihak swasta untuk bersaing di peringkat nasional atau *international*? Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang budiman.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat, *my good friend*. Pertamanya, untuk menyatakan sijil yang dikeluarkan oleh ILP yang ada di bawah Kementerian Sumber Manusia Tuan Yang di-Pertua, itu tidak tepat. Ini kerana berdasarkan statistik yang ada pada kita, kebolehpasaran daripada majikan amat menggalakkan. Walau bagaimanapun, tentang soalan kedua yang telah diajukan oleh Yang Berhormat, soalannya ialah untuk meningkatkan kemahiran dalam memberikan dari sijil yang ada sekarang kepada diploma dan ijazah.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai 23 Institut Latihan Perindustrian (ILP) di seluruh negara. Untuk mereka yang ingin melanjutkan kemahiran mereka ke taraf diploma dan sebagainya, Kementerian Sumber Manusia sendiri mempunyai lapan *advance technical institute* dan institut ini yang kita panggil *Advanced*

Technology Training Centre (ADTEC) yang memberikan diploma dan sudah tentu mereka yang mempunyai diploma dari ADTEC yang ada pada kita iaitu lapan kesemuanya, tambah satu lagi, Japan-Malaysia Technical Institute. Maka Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu mereka yang bakal atau sudah pun mempunyai diploma daripada segi kemahiran ini dapat diberikan peluang untuk melanjutkan pelajaran mereka ke universiti atau *degree*, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri, kita semua tahu bahawa pada masa ini B40 itu ramai di antaranya adalah orang yang tidak dapat meningkatkan taraf hidup mereka, *income production*, tidak boleh naik. Ini kerana dari mula mereka membuat sesuatu kerja sehingga *retire* adalah kerja yang sama kerana tidak ada institusi atau perkara-perkara untuk melanjutkan pelajaran atau *training* kepada mereka.

Walaupun hasrat kerajaan dengan adanya 23 buah institut dan sebagainya, betul saya bersetuju. Akan tetapi ramai di antara majikan enggan membenarkan pekerja-pekerja mereka untuk melanjutkan pelajaran atau melanjutkan *training*. Pertama, apakah usaha yang dibuat oleh kerajaan untuk memastikan majikan membenarkan mereka? Kedua, kalau tidak dibenarkan, mengambil tindakan. Ketiga, kalau memberikan kebenaran, apakah usaha kerajaan untuk memberikan kelonggaran, pembayaran gaji, elaun dan sebagainya kepada pekerja yang melanjutkan *training* di institusi-institusi ini? terima kasih.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Mengenai B40 ini memang tidak dinafikan bahawa golongan ini perlu dibantu. Beberapa perkara dalam soalan pertama itu yang saya telah petik, antaranya adalah tentang *to up skill the current workforce*. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia melalui sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia iaitu Pembangunan Sumber Manusia Berhad. Di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia Berhad sememangnya majikan-majikan yang membayar levi atau *contributor* kepada PSMB ini, maka pekerja-pekerja majikan berkenaan dibenarkan, malahan digalakkan untuk menyertai program *upskilling* ini.

■1020

Maka Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang kita harus dan itu kerajaan akan buat. Kerajaan akan buat iaitu bilamana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan Belanjawan 2016 iaitu pada 23 Oktober, beliau telah membentangkan bahawa mulai tahun hadapan perkataan *pool fund* akan diwujudkan. Saya percaya dengan pewujudan *pool fund* ini ramai lagi pekerja-pekerja di negara kita akan dapat manfaat daripada program-program *upskilling* ini. *Thank you*.

2. **Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan langkah-langkah terkini yang telah diambil untuk memastikan negara Palestin dapat menjadi anggota penuh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Reezal Merican]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi. Berdasarkan tatacara rasmi PBB, sesebuah negara yang berhasrat menganggotai Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu perlu mengemukakan permohonannya kepada Setiausaha Agung PBB. Permohonan tersebut akan dirujuk kepada Jawatankuasa Kemasukan Anggota-Anggota Baru, dengan izin, *Committee on the Admission of New Members* di bawah seliaan Majlis Keselamatan PBB. Palestin telah mengemukakan permohonan untuk mendapatkan keahlian penuh di PBB pada tahun 2011. Permohonan itu masih lagi di dalam pertimbangan Jawatankuasa Kemasukan Anggota-anggota Baru.

Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripada permohonan Palestin pada 23 September 2011 untuk diterima sebagai negara anggota PBB, Jawatankuasa Kemasukan Anggota-anggota Baru, Majlis Keselamatan PBB telah bersidang bagi membincangkan permohonan Palestin. Walau bagaimanapun, jawatankuasa tersebut pada 12 November 2011 telah menamatkan perbincangan tanpa mencapai kata sepakat tentang keahlian Palestin. Namun begitu, Perhimpunan Agung PBB pada 29 November 2012 telah menerima pakai resolusi untuk memberikan status negara pemerhati bukan anggota PBB kepada Palestin. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, resolusi ini telah ditaja oleh Malaysia bersama dengan 67 anggota PBB yang lain dan telah menerima sokongan seramai 138 negara yakni melebihi dua pertiga daripada anggota PBB keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya telah menjadi maklum kepada semua bahawa Malaysia berpegang teguh kepada dasar menyokong aspirasi rakyat Palestin untuk mewujudkan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat. Sejak menganggotai Majlis Keselamatan, Malaysia lantang mengetengah dan membuat penegasan pendirian di semua Mesyuarat Majlis Keselamatan. Pada 30 September 2015, bendera Palestin telah di kibar buat pertama kalinya di Ibu Pejabat PBB. Ini adalah susulan daripada keputusan Perhimpunan Agung PBB yang meluluskan resolusi untuk pengibaran bendera negara pemerhati bukan ahli PBB pada 10 September 2015.

Untuk makluman Dewan yang mulia juga, Malaysia adalah di antara 33 negara yang menaja resolusi tersebut yang telah menerima sokongan daripada 119 negara. Perkembangan ini merupakan satu kejayaan simbolik dan diplomatik dalam perjuangan kita untuk mencapai kedaulatan negara Palestin. Selaku anggota tidak tetap Majlis Keselamatan PBB, Malaysia akan terus menyokong sebarang usaha untuk menyuarakan pandangan dalam isu di peringkat antarabangsa. Malaysia akan memastikan penegasan yang penting dan perlunya kerjasama anggota PBB, organisasi antarabangsa, badan-badan bukan kerajaan untuk secara kolektif mengenal pasti usaha-usaha mencapai penyelesaian dua negara secara aman, secara terangkum dan juga secara menyeluruh. Terima kasih.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Timbalan Menteri Luar yang menjawab berkaitan dengan kedudukan Palestin

di Bangsa-Bangsa Bersatu. Saya secara peribadi dan terfikir kebanyakan daripada kita mengiktiraf peranan Malaysia yang boleh dikatakan baik dalam memperjuangkan hak dan kedudukan Palestin, bukan sahaja sebagai anggota di Bangsa-Bangsa Bersatu tetapi juga sebagai sebuah negara yang diiktiraf di kalangan negara-negara antarabangsa ini.

Kita tahu bahawa sebagaimana Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi bahawa Malaysia antara penaja kepada keanggotaan Palestin dalam Bangsa-bangsa Bersatu. Apa yang saya ingin tanya dan minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri ialah oleh kerana kita telah menjadi anggota Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu semenjak Januari 2015 ini dan kita diberi pengiktirafan begitu dan kita hanya ada selepas tahun ini, setahun lagi keanggotaan kita di Bangsa-Bangsa Bersatu.

Mungkin Yang Berhormat tidak menyebutkan tadi, tahun lepas kita telah membahaskannya di peringkat Majlis Keselamatan tetapi gagal memperoleh majoriti untuk diterima sebagai Palestin anggota Bangsa-bangsa Bersatu. Jadi, saya minta dan saya berharap, saya pohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah langkah-langkah yang kita hendak lakukan dalam masa setahun lagi keanggotaan kita di Majlis Bangsa-bangsa Bersatu ini supaya kita benar-benar memperjuangkan dalam keadaan di mana seluruh dunia termasuk Amerika Syarikat, John Kerry yang telah gagal usaha untuk memberikan kedudukan dan taraf kepada Palestin ini.

Saya yakin kalau kita berusaha dengan lebih kuat lagi, kawan-kawan kita di Arab itu akan memberi derma lebih daripada RM2.6 bilion kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Terima kasih.

Dato' Seri Reezal Merican: Dalam pada dok sebut elok-elok itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya yang budiman dari Tumpat. Saya tahu bahawa Yang Berhormat Tumpat adalah orang yang cukup mempunyai minat mendalam dalam dasar-dasar hal-ehwal luar negara, terutamanya yang ada kaitan dengan Palestin dan juga di Rantau Timur Tengah. Saya hendak jelaskan bahawa isu Palestin ini bukanlah satu isu yang mudah dan diakui seluruh dunia bahawa ia adalah satu isu *complicated*, bukan isu yang mudah. Bukan semudah Kajang Move, bukan semudah Rawang Move tetapi ini adalah isu yang cukup *complicated*. Sudah berlarutan selama hampir 7 dekad, 70 tahun. Kalau hendak ambil dari segi inisiatif-inisiatif *peace*, macam-macam sudah ada. Kita ada *Oslo Accord*, kita ada *Vienna Accord*, kita ada *Annapolis Convention*, kita ada *Arab Peace Initiative* tetapi semuanya tidak mencapai kejayaan dan yang terakhir *Brochard by America* pada 2013 akhir juga dicabuli.

Menjadi malang lagi ialah bila mana *The Unity Government* yang terbentuk di antara Hamas dan juga Fattah akhirnya juga terungkuai secara unilateral oleh Fattah. Ini menyebabkan pentadbiran oleh Palestine Authority menjadi longgar. Saya sebut begini adalah kerana walaupun ini semua berlaku, Malaysia tetapi istiqamah dalam memperjuangkan kedaulatan negara Palestin. Untuk makluman Yang Berhormat, daripada bulan Januari sehinggalah sekarang tiap-tiap bulan ada isu agenda tentang Palestin. Tiap-tiap 3 bulan ada *open debate on Palestine* dan juga Middle East yang mana saya sendiri terlibat dalam bulan Oktober yang lalu.

Di semua mesyuarat dan agenda perjumpaan tersebut, semuanya disertai oleh Malaysia sama ada oleh wakil tetap atau oleh Menteri sendiri atau Timbalan sebagai *substantive*.

Kita sentiasa mengemukakan pandangan-pandangan yang berbeza daripada negara-negara kuasa besar, termasuk Amerika dalam kita mengetengahkan perjuangan untuk pastikan yang paling utama dan aila bukan hanya hendak jadikan mereka anggota tetapi untuk mencapai *two-state solution*, untuk mencapai kedamaian, untuk mencapai *peace*. Oleh kerana ini lah yang sebenarnya dikehendaki oleh rakyat di Palestin, jauh daripada menjadi keahlian. Walaupun itu juga menjadi agenda. Saya hendak maklumkan bahawa walau apa pun berlaku sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan beliau di Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu baru-baru ini bahawa Malaysia tidak akan memaling wajah dan sentiasa akan melihat isu Palestin sebagai isu utama dalam perjuangan sebagai ahli Majlis Keselamatan di PBB. Terima kasih.

■1030

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selain lantang memperjuangkan kemerdekaan mutlak untuk negara Palestin, Malaysia juga baru-baru ini telah menuntut perlindungan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan antarabangsa ke atas Wilayah Palestin yang diduduki bagi menghalang berterusannya pembunuhan dan pencabulan ke atas hak asasi manusia. Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika berucap di Perhimpunan Agung PBB telah menyatakan gesaan satu penyelesaian muktamad dapat dicapai bagi mengakhiri ketidakadilan terhadap rakyat Palestin sekali gus mengutuk keras kezaliman Yahudi di wilayah yang diduduki oleh mereka.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah kelebihan yang boleh dimainkan oleh Malaysia selaku Anggota Tidak Tetap Majlis Keselamatan PBB ini dalam memperjuangkan nasib rakyat Palestin dan sejauh manakah keanggotaan Malaysia ini mempengaruhi keadaan semasa konflik Palestin-Israel ini? Terima kasih.

Datuk Seri Reezal Merican: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Sekijang. Sebagaimana yang saya maklumkan tadi bahawa peranan Malaysia di Majlis Keselamatan dimainkan dalam bentuk secara kolektif kerana secara individu Malaysia adalah sebuah negara yang kecil. Akan tetapi Malaysia juga mempunyai pengaruh kerana Malaysia dilihat adalah sebuah negara yang menggunakan pendekatan *moderation* ataupun *wasatiyyah* dalam mencari jalan penyelesaian kepada konflik-konflik. Sebab itulah setiap kali apa jua yang dianjurkan oleh Malaysia ataupun *sponsored by* Malaysia, selalunya mendapat sambutan yang cukup menggalakkan daripada rakan-rakan sama ada di Majlis Keselamatan mahupun daripada anggota Bangsa-bangsa Bersatu.

Apa yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Sekijang, saya hendak maklumkan bahawa Malaysia juga telah mengadakan apa yang disebut sebagai salah satu daripada apa yang disebut *Arria-Formula Meeting on Gaza*. Ini antara inisiatif yang dibuat. Ia adalah bagi mengajak semua masyarakat dunia untuk melihat kembali peristiwa yang berlaku, serangan Israel terhadap Gaza pada tahun 2014 di kala dunia telah sepi tidak mengambil tahu apa yang berlaku pada Gaza.

Menjadi ahli Majlis Keselamatan, kita mempunyai kelebihan untuk memanggil dan mengadakan apa yang dipanggil *Arria-Formula Meeting* dan kita panggil secara *co-chairing* bersama dengan Jordan.

Mesyuarat itu juga akhirnya telah membawa kepada perbincangan *deliberate* yang agak *extensive* yang menyebabkan ramai di kalangan ahli-ahli anggota PBB mengambil pendirian tentang pentingnya Gaza yang diserang pada Ogos 2014 perlu dibantu dan juga diberi bantuan pada kadar yang segera. Ini yang dapat dilakukan kerana Malaysia merupakan anggota Majlis Keselamatan PBB pada waktu itu. Terima kasih.

3. Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa pembayaran BR1M Fasa II dan III untuk tahun 2015 tergendala dan apakah langkah untuk memastikan pembayaran BR1M akan datang berjalan lancar.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk maklumat Yang Berhormat Lawas, bayaran BR1M untuk fasa 2 dan fasa 3 untuk tahun 2015 telah berjalan lancar mengikut perancangan. Kesemua bayaran melalui akaun bank telah dibuat mengikut jadual manakala bagi penilaian secara manual yang tidak mengemukakan maklumat akaun bank, surat kelulusan juga telah diposkan terus ke alamat masing-masing dan penunaian boleh dibuat di mana-mana kaunter bank BSN, CIMB Bank, Public Bank dan Maybank di seluruh negara. Malah, Kementerian Kewangan juga telah mempercepatkan pembayaran BR1M fasa ketiga yang sepatutnya dibayar mulai pada 28 September 2015 kepada 21 September 2015.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat penerima yang mengadu masih belum menerima BR1M mereka, semakan bolehlah dibuat di mana-mana cawangan LHDN atau dengan menghubungi *hotline* yang telah disediakan. Kementerian Kewangan akan terus menggalakkan pemohon BR1M untuk mengemukakan maklumat akaun bank supaya pembayaran boleh dibuat secara terus dan lebih mudah.

Dato' Henry Sum Agong [Lawas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab.

Tuan Yang di-Pertua, penerima BR1M dari kawasan luar bandar mengadu bahawa mereka terpaksa datang beberapa kali ke bank dan pejabat daerah untuk tujuan mendapatkan BR1M tetapi hajat mereka tidak tercapai khusus apabila BR1M itu belum masuk ke dalam akaun atau baucar itu belum ada pada jadual yang ditetapkan. Untuk makluman, mereka ini datang dengan membayar tambang kereta yang agak tinggi, ada yang dikenakan tambang sebanyak RM30 hingga RM80 untuk tujuan tersebut.

Soalan saya, bagi mengelakkan perkara seperti ini berulang dan merugikan pihak penerima BR1M, adakah kerajaan bersedia mempertimbangkan agar pembayaran BR1M secara tunai dilakukan di kawasan luar bandar ataupun pembayaran BR1M dibuat sekali saja berbanding tiga kali sekarang? Kedua, adakah kerajaan mempertimbangkan penggunaan kad

debit bagi mereka yang mempunyai bank akaun dalam pemberian bantuan BR1M bagi mengelakkan penyalahgunaan bantuan tersebut? Sekian, terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat Lawas. Kementerian Kewangan mengambil maklum bahawa terdapat beberapa kes terutama di kawasan pedalaman. Sebagai contohnya di pedalaman Sabah dan Sarawak, setakat hari ini kita dapat lihat bahawa terdapat 11,400 kes-kes baucar ataupun penunaian yang belum dibuat oleh mereka dan saya rasa, Yang Berhormat Lawas, ini merupakan salah satu daripada isu yang Yang Berhormat Lawas bangkitkan. Apa yang MoF buat sekarang ini ialah walaupun kita mempunyai pembayaran tiga peringkat tetapi untuk kawasan pedalaman, apabila kita menghantar baucar itu, kita hantar sekali tiga-tiga. Jadi terpulang kepada mereka untuk menunaikan sekali sahaja untuk ketiga-tiga jika dibandingkan dengan mereka dalam kawasan bandar.

Mengenai fasal debit kad ini, ini adalah satu usaha baru dan kita memerlukan penilaian semula untuk memastikan bahawa ia tidak menyebabkan isu-isu yang berbangkit yang sedia ada yang telah kita selesaikan.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah untuk pedalaman Sabah dan Sarawak, tambang untuk mereka yang *travelling from* pedalaman ke bandar memang mahal. Saya difahamkan ada juga perjalanan mereka dari pedalaman ke bandar, tambangnya melebihi RM100. Jadi kalau BR1M itu diberikan tiga kali setahun, tambang sudah melebihi RM300. Jadi saya rasa ini tidak munasabah. Sila beri penjelasan.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat, tadi saya sudah jawab tadi bahawa untuk kawasan pedalaman, kawasan pedalaman ini kita memudahkan mereka oleh kerana mengambil kira apa yang Yang Berhormat bangkitkan tadi, iaitu apabila kita menghantar baucar ini, kita hantar sekali tiga-tiga *installment*. Makna bila dia dapat baucar itu, dia boleh pergi dan dia tidak payah ulang-alik tiga kali. Itu proses kita. Kita mengambil kira kerana sebahagian dari kawasan pedalaman ini, dia masuk ke dalam ambil masa sampai empat jam, dua setengah jam, itu kita ambil maklum. Sebab itu pengedaran baucar-baucar ini kita bagi melalui pejabat daerah dan kemudian mereka akan *contact* mereka yang menerima dan apabila dia dapat baucar itu, dia dapat sekali tiga-tiga. Dia tidak payah pergi tiga kali di kawasan tersebut.

4. **Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapakah jumlahnya lesen Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai yang dikeluarkan oleh KPKT di Sibu. Apakah syarat-syarat untuk memohon lesen tersebut, dan bagaimana Kerajaan memantau kadar faedah dan aktiviti tersebut supaya orang ramai tidak terperangkap dalam hutang.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada kawasan Sibu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat daripada kawasan Sibu, semua pihak yang ingin menjalankan perniagaan pinjam wang ataupun pajak gadai perlulah berlesen,

Yang Berhormat, dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 iaitu Akta 400 dan juga di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 ataupun Akta 81.

■1040

Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun kedua-dua akta ini diguna pakai di seluruh negara tetapi terdapat penurunan kuasa bagi Akta 400 yang membenarkan dan membolehkan pentadbiran pemberi pinjam wang ataupun selepas ini saya sebut sebagai PPW dikendalikan oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah, Jabatan Ketua Menteri di Negeri Sarawak dan juga Perbadanan Labuan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi negeri Sarawak kementerian hanya mengeluarkan lesen untuk pemegang pajak gadai selepas ini saya akan sebut sebagai PPG sahaja. Manakala Tuan Yang di-Pertua, bagi lesen pemberi pinjam wang dikeluarkan dan diuruskan sendiri oleh pejabat residen di bawah pentadbiran Jabatan Ketua Menteri Sarawak. Sehingga kini, kementerian telah pun mengeluarkan dua lesen iaitu pemegang pajak gadai di Sib. Yang pertama ialah Pajak Gadai Poh Lai Sdn. Bhd. Kedua ialah Pajak Gadai Bintulu Goldsmith Sdn. Bhd. dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat juga, syarat-syarat untuk mendapatkan lesen baru PPW dan PPG ini adalah seperti berikut:

- (i) pengarah syarikat hendaklah lulus tapisan keselamatan oleh Polis Diraja Malaysia, Jabatan Insolvency Malaysia dan *Anti Money Laundering and Counter Financing of Terrorism* oleh Bank Negara Malaysia;
- (ii) mempunyai keupayaan kewangan yang kukuh disahkan melalui modal berbayar syarikat; dan
- (iii) purata transaksi di kawasan di mana PPW atau PPG bercadang untuk mengadakan perniagaan adalah berdaya saing dan mematuhi jarak radius antara premis khasnya bagi PPG.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, peraturan-peraturan di bawah PPG iaitu Kawalan dan Pelesenan 2004 kepada Akta Pemegang Pajak Gadai 1972, Akta 81 telah pun menetapkan bahawa kadar faedah yang boleh dikenakan oleh PPG ini ke atas mana-mana pinjaman hendaklah pada kadar tidak melebihi 2% sebulan atau sebahagian daripadanya. Manakala bagi kadar faedah PPW yang dikenakan terhadap...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Kacaulah Yang Berhormat Putatan ini. Saya menjawab soalan Yang Berhormat Sib, bukan Putatan. Manakala kadar faedah PPW Tuan Yang di-Pertua, yang dikenakan terhadap pinjaman bercagar adalah 12% setahun. Manakala bagi pinjaman yang tidak bercagar adalah sebanyak 18% setahun. Bagi tujuan pengawalseliaan Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan PPW dan PPG berlesen ini mematuhi peraturan-peraturan yang telah pun ditetapkan, pegawai-pegawai inspektor, pemberi pinjam wang dan juga

pemegang pajak gadai akan memeriksa iklan dan buku rekod transaksi, laporan transaksi tahunan secara mengejut ataupun berkala untuk memastikan pematuhan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, sekiranya terdapat apa-apa aduan, penyiasatan dan serbuan akan dilaksanakan bagi memastikan orang ramai akan sentiasa terpelihara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan sampingan saya ialah apakah tujuan KPKT untuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Soalan apa Yang Berhormat? Sampingan? *[Ketawa]*

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Tambahan, tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Soalan tambahan.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Soalan tambahan, yalah. Apakah tujuan KPKT untuk mengadakan lesen sebegini untuk menambah kedai meminjam wang kerana sekarang *household debt* dengan izin sudah mencecah melebihi RM700 bilion. Jadi mengapa kerajaan masih mengeluarkan lesen sebegini untuk menggalakkan orang ramai meminjam wang. Jadi saya ingin pandangan daripada Yang Berhormat Menteri dan meminta menteri menjelaskan berapa jumlah pinjaman wang, jumlah wang yang dipinjam melalui kedai-kedai pinjaman wang ini di seluruh Malaysia. Saya juga ingin tahu adakah pinjaman wang ini di bawah kawalan Bank Negara Malaysia.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Panjang sangat soalan Yang Berhormat tanya ini, saya rangkumkan semua. Kenapa perlu diwujudkan Akta 400 ini. Yang Berhormat, kementerian wujudkan akta ini untuk membela nasib peminjam yang ada. Dengan akta ini, maka diperuntukkan peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan akta bagi menentukan hak peminjam itu terpelihara kerana sekiranya tidak ada Akta 400 ini Yang Berhormat, tidak ada penyelenggaraan pengurusan dari segi peraturan dan perundangan. Maka mungkin ramai peminjam yang akan meminjam kepada along-along yang ada di luar sana yang along-along ini adalah merupakan pemberi pinjam wang yang tidak berlesen.

Bila peminjam mendapatkan pinjaman daripada along-along yang berada di luar sana Yang Berhormat, maka pelbagai jenis tindakan, perilaku yang tidak difikirkan akan diambil oleh pihak along ke atas peminjam-peminjam yang ada. Maknanya apabila peminjam meminjam daripada along, nasib mereka tidak dipelihara atau dilindungi oleh peruntukan undang-undang. Akan tetapi bila kita wujudkan Akta 400 ini Tuan Yang di-Pertua, maka hak peminjam itu terpelihara kerana akta ini memberi perlindungan kepada peminjam di samping mengawal, menentukan supaya lesen pemegang pinjam wang ini akan mematuhi segala syarat yang ada yang diperuntukkan bagi membela nasib peminjam-peminjam ataupun bakal-bakal peminjam.

Kalau saya jadi Yang Berhormat dari kawasan Sibu, saya akan rasa gembira kerana akta ini ada, ia membela nasib kepada peminjam dan juga memantau supaya pemberi pinjam wang ini mematuhi kepada peraturan dari segi peruntukan undang-undang. Secara tidak langsung, tindakan boleh diambil kepada mana-mana pemberi pinjam wang yang tidak berlesen boleh

diambil tindakan. Manakala pemberi pinjam wang yang berlesen ini akan dapat dikawal oleh pihak kementerian. Jadi ini adalah jawapan kepada kenapa perlu kepada peruntukan Akta 400 ini. Bagi jumlah Yang Berhormat sebutkan tadi itu, saya akan berikan maklumat kepada Yang Berhormat kemudian. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan timbalan menteri. Saya setuju dengan perkataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa akta ini akan melindungi peminjam. Akan tetapi banyak masalah yang dihadapi bahawa peminjam-peminjam seperti Along ini berleluasa. Dalam bandar orang semua nampak tetapi tidak ada tindakan. Jadi saya mahu tanya Timbalan Menteri, adakah penguatkuasaan dijalankan, tangkap mereka yang menjadi Along ini. Itu saya mahu tahu sebab kalau akta sahaja, tiada penguatkuasaan, tidak guna juga. Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Bila soalan berbangkit tentang lesen pemegang pinjam wang ini Tuan Yang di-Pertua, saya dah agak mesti Yang Berhormat Kalabakan akan bangun kerana yang lepas pun begitu juga.

Untuk makluman Yang Berhormat dari kawasan Kalabakan, Akta 400 ini Yang Berhormat ialah satu akta untuk membendung pemberi pinjam wang tidak berlesen. Maknanya dia melihat kepada kepentingan hak peminjam ataupun bakal peminjam. Kementerian KPKT Tuan Yang di-Pertua, akan memantau kepada mana-mana lesen pemberi pinjam wang sahaja Yang Berhormat yang mana-mana pemegang lesen pinjam wang akan dipantau oleh kementerian di atas Akta 400 ini. Bagi mereka yang tidak mempunyai lesen, itu akan menjadi tanggungjawab oleh pihak yang lain.

Untuk makluman Yang Berhormat, di peringkat kementerian, kita mengadakan kerjasama secara bersama di antara kementerian KPKT untuk menentukan mana yang berlesen dan mana yang tidak berlesen akan menjadi tindakan kepada PDRM. Jadi saya hendak memaklumkan kepada Yang Berhormat, pihak kementerian hanya memantau dan akan mengambil tindakan kepada mana-mana pemegang lesen pinjam wang yang berdaftar dan mendapat lesen daripada kementerian sahaja. Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya fasal PPW ini. Pemberi pinjam wang yang berlesen ini telah diiktiraf oleh Bank Negara, mempunyai pengalaman dalam kewangan, tidak ada yang mufliis dan tidak ada yang terlibat dengan kegiatan jenayah. Saya hendak tanya Timbalan Menteri, adakah kementerian mempunyai kuasa untuk menyeragamkan syarat, faedah serta had pinjaman yang dikenakan di setiap pusat pinjaman wang dan sejauh manakah kementerian sebenarnya yakin syarat yang dikenakan dalam meluluskan permohonan lesen ini cukup ketat bagi mengelakkan berlakunya kes penyelewengan. Terima kasih.

■1050

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dari kawasan Bagan Serai, saya sudah sebutkan tadi Yang Berhormat dalam jawapan yang saya kemukakan kepada Yang Berhormat dari kawasan Sibu. Di

bawah Akta 400 ini, telah pun ditetapkan kepada kadar yang telah pun ditetapkan oleh pihak kementerian dan saya pun sudah sebutkan tadi, lesen ini adalah dikeluarkan oleh pihak kementerian dan sudah tentu kita akan rujuk. Dia kerjasama, lesen dikeluarkan oleh pihak kementerian.

Di samping itu pihak kementerian akan bekerjasama dengan pihak PDRM, dengan Bank Negara dan sebagainya untuk menentukan supaya pengarah syarikat dan juga ahli-ahli lembaga pengarah syarikat mematuhi kepada syarat pengeluaran lesen kita dan selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat dari Bagan Serai, kita mempunyai syarat yang ketat untuk memastikan supaya mana-mana pemegang lesen pinjam wang ini, dia mematuhi kepada peraturan peruntukan perundangan yang telah pun diletakkan di bawah Akta 400 itu.

Contohnya, diletakkan penubuhan syarikat sendirian berhad dengan modal berbayarnya, dengan kelulusan pihak berkuasa tempatan, dengan lain-lain yang diperlukan seperti daripada pihak PDRM, dari Bank Negara dan sebagainya untuk menentukan supaya lesen yang dikeluarkan ini pemegang-pemegang lesen ini akan mematuhi kepada peraturan yang telah pun diperuntukkan di bawah Akta 400. Terima kasih.

5. Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah permohonan lewat sijil lahir dan kad pengenalan yang belum dapat diluluskan terutama bagi negeri Sarawak. Apakah masalah sebenarnya terhadap isu ini dan strategi/langkah kerajaan bagi mengatasinya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Masir Anak Kujat]: Tuan Yang di-Pertua, pendaftaran kelahiran di negeri Sarawak ditadbir di bawah Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Sarawak Bab 10. Peruntukan ini bukan sahaja menyebut bahawa setiap kelahiran di Malaysia perlu didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara tetapi perlu juga dipastikan bahawa kelahiran itu berlaku di negeri Sarawak. Oleh itu mana-mana kelahiran yang didaftarkan selepas 42 hari daripada tarikh bayi dilahirkan akan dikategorikan sebagai pendaftaran lewat kelahiran. Antara sebab-sebab permohonan daftar lewat kelahiran tidak diluluskan adalah kerana permohonan gagal membuktikan kelahiran yang telah berlaku di kawasan yang berkenaan. Berdasarkan statistik JPN dari tahun 2011 sehingga September 2015, sebanyak 1,670 permohonan pendaftaran lewat kelahiran di negeri Sarawak telah ditolak dan sedang diteliti semula oleh JPN Negeri Sarawak.

Bagi mengatasi perkara ini, maka kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa mengenai dokumen pengenalan diri penduduk di negeri Sarawak yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri. Mesyuarat ini juga telah bersidang buat kali pertama pada 15 September 2015. Selain daripada itu untuk menggiatkan lagi usaha dokumentasi ini, maka kerajaan telah memutuskan agar JPN bersama-sama menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Datuk Joseph Entulu anak Belaun melalui satu pasukan petugas khas untuk turun padang ke kawasan-kawasan pedalaman dan rumah-rumah panjang di seluruh negeri Sarawak.

Oleh itu, kementerian ini juga ingin menyeru agar semua lapisan masyarakat mengambil berat akan kepentingan untuk mendaftarkan kelahiran di Malaysia kerana ia merupakan asas penting di dalam penentuan kewarganegaraan seseorang. Bagi menggalakkan penyertaan masyarakat, pihak Ahli Yang Berhormat sama ada ADUN atau Parlimen dialu-alukan untuk memanjangkan maklumat sebegini kepada mereka yang berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kanowit.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan Timbalan Menteri. Soalan asal saya adalah diajukan dalam tiga masalah yang besar. Satu, adalah permohonan lewat sijil lahir dan kad pengenalan. Kedua, masalah sebenarnya mengapa ia tidak dapat diluluskan dan juga strategi-strategi kerajaan untuk mengatasinya. Walaupun telah dijawab sedikit sebanyak tetapi masih juga banyak permohonan yang belum dapat diluluskan di Sarawak dan kita berterima kasih atas pusat latihan yang baru-baru ini untuk mengatasi masalah ini.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa tahun yang dahulu, kita mempunyai pasukan gerakan khas daripada JPN untuk pergi-pergi ke kawasan pedalaman untuk mendaftar ataupun mengambil maklumat berkenaan dengan permohonan yang ada masalah dan kita sebagai wakil rakyat juga terlibat dalam kegiatan-kegiatan ini, daripada bantuan kewangan, bantuan *transport* dan penginapan apabila mereka sampai ke kawasan-kawasan pedalaman di sekolah-sekolah atau rumah-rumah panjang dan pekan-pekan kecil.

Jadi soalan saya adalah daripada segi ini, saya ingin tahu *the success story* yang telah dibuat oleh pasukan-pasukan itu terdahulu dan mengapa ia masih ataupun tidak diteruskan sekarang ini sebab ianya amat penting oleh kerana mereka di pedalaman ini, kalau mereka ini tidak datang, mungkin masalah mereka yang tidak ada kad pengenalan terutamanya adalah berpanjangan. Terima kasih.

Tuan Masir Anak Kujat: Terima kasih Yang Berhormat Kanowit. Memang kita akur bahawa JPN masa-masa lalu sepatutnya telah mengadakan secara bergerak ke kawasan-kawasan pedalaman tetapi mungkin ada masalah kewangan dan sebagainya, maka perkara itu telah dihentikan tetapi buat masa ini, mengikut apa yang kita telah buat selama ini iaitu terdapat pada masa kini 1,670 permohonan yang telah ditolak tetapi melalui *task force*, melalui prihatin kerajaan, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menubuhkan jawatankuasa *task force* dan kita akan menjalankan ataupun mengadakan sekurang-kurangnya satu majlis ataupun JPN yang bergerak ke kawasan Kanowit nanti.

Kalau diizinkan dan atas permohonan Yang Berhormat sendiri, kita boleh mengatur dan mengadakan sesi seperti yang telah kita adakan dua minggu lepas di Kanowit, di Selangau dan juga di Sri Aman dan saya harap semua perkara ini akan diteruskan sehingga Jun 2016 untuk memutuskan semua senarai yang tertangguh untuk diberi pertimbangan sewajarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lanang.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tanya menteri tentang bagaimana dengan permohonan kad pengenalan yang ditolak kerana sijil kelahiran yang dibawa adalah tidak sah kerana tiada nama ibu bapa dan apakah pendekatan kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut kerana banyak anak angkat rakyat Malaysia tidak dapat mencari ibu bapa kandung mereka. Adakah kerajaan membiarkan mereka supaya tidak dapat menjadi rakyat Malaysia? Saya ingin tahu bagaimana cara untuk mengatasi masalah berikut. Terima kasih.

Tuan Masir Anak Kujat: Terima kasih Yang Berhormat Lanang. Saya harap Yang Berhormat Lanang akan memberi saya semua maklumat yang ada sekiranya ada permohonan yang ada menghadapi masalah seperti yang disebutkan tadi, kita akan mengemukakan kepada JPN untuk meneliti dan mengatasinya. Terima kasih.

6. Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar] minta Perdana Menteri menyatakan usaha memerangi fahaman ekstrem agama sehingga berpotensi melahirkan budaya pelabelan kafir sesama umat Islam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Buntar, cantik pembayang pantun tadi. Bukan ekonomi Malaysia sahaja, semua ekonomi dunia turut terlibat.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa, Ahli Yang Berhormat Parit Buntar, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menetapkan konsep *wasatiyyah* yang bermaksud kesederhanaan, keseimbangan dan keadilan dalam pelaksanaan dasar-dasar negara Islam yang dilaksanakan di negara ini adalah berdasarkan kesederhanaan dan menolak sikap melampau ataupun yang dipanggil dengan ekstrem.

■1100

Fahaman ekstrem dalam agama merupakan satu ancaman terhadap sesebuah negara dan umat Islam khususnya. Penularan fahaman ekstrem juga telah menggalakkan sesetengah pihak bertindak di luar batas kesederhanaan manusia sehingga menjejaskan sosial, politik dan kestabilan sesebuah negara dan juga masyarakat.

Oleh itu dalam membendung fahaman ekstrem ini yang telah menular dan mempengaruhi umat Islam, kerajaan melalui JAKIM telah mengambil pelbagai langkah, lebih-lebih lagi hal yang berkaitan dengan hal-hal yang bersangkutan paut dengan mereka yang suka menggunakan pendekatan ekstrem ini termasuk juga di dalam budaya pelabelan kafir kepada sesama umat Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka untuk mengambil pendekatan sebagaimana yang telah pun dilaksanakan dalam konteks negara kita Malaysia di mana Ahlus *Sunnah Wal Jamaah* yang menjadi pegangan kepada masyarakat umat Islam di Malaysia pada hari ini kita melihat pendekatan ini adalah merupakan pendekatan yang seiring dengan sifat *wasatiyyah* yang tidak meletakkan secara bentuk kesederhanaan yang tidak meletakkan mana-mana pelabelan yang berkaitan dengan urusan perkafiran, mengkafirkan orang dan sebagainya sama ada dalam

bentuk perlakuan seseorang, perkataan yang diucapkan dan sebagainya tetapi kita tidak menggunakan pendekatan tersebut.

Bahkan oleh sebab itu kalau kita melihat pendekatan yang terbaik, dakwah yang kita bawa ialah *ud'u ila sabili rabbika bil hikmah*. Negara dan kerajaan mengambil pendekatan ialah untuk kita hendak mendidik, hendak mengajak kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran dan *ud'u ila sabili rabbika bil hikmah*, dalam bentuk yang penuh dengan *wisdom*, dengan izin dan juga penuh kebijaksanaan dalam bentuk konteks dakwah ini, bukan dengan kita melabelkan perkataan kafir dan sebagainya.

Maka sebab yang demikian juga, kita sudah melihat sejarah Tuan Yang di-Pertua bahawa sejarah bermula selepas kewafatan Rasulullah SAW telah menyebabkan umat Islam berpecah dengan munculnya kelompok-kelompok *Khawarij* yang telah pun meletakkan pelabelan ataupun melabelkan perkataan-perkataan kafir dan sebagainya.

Bahkan kalau kita hendak sebut soal hendak menyebut soal hukum seseorang itu terkeluar daripada Islam sendiri pun, dalam konteks negara kita, kerajaan ada *authority* sebenarnya melalui jabatan-jabatan, majlis agama, jabatan agama, jabatan mufti dan sebagainya, melalui majlis fatwa tetapi pendekatan kita bukan ialah pendekatan untuk melabelkan berkenaan kafir.

Maka oleh sebab itu saya ingin mengajak Tuan Yang di-Pertua dan semua Ahli Dewan untuk kita menghayati bagaimana pesanan Nabi SAW di mana Nabi mengatakan, *[Membaca sepotong Hadis]* dalam maksud yang mudah Tuan Yang di-Pertua ialah, *'Apabila seseorang Nabi katakan bahawa seseorang menyebut dengan saudaranya sendiri dengan perkataan kafir, dia tidak akan lari melainkan kepada dua keadaan, dua orang sahaja sama ada kalau betul orang yang dikatakan itu jatuh kafir ataupun tidak betul, dia kembali kepada orang yang mengatakan perkataan tersebut'*.

Jadi marilah kita mengambil jiwa besar dalam dunia dakwah ini, dalam dunia perjalanan umat ini untuk tidak kita saling melabelkan perkataan-perkataan yang tidak sepatut dan tidak sewajarnya dalam mengkafirkan ini. Kerajaan sentiasa berusaha dalam pelbagai bentuk sama ada melalui ceramah, dakwah, simposium, kolokium termasuk juga dengan pelbagai program yang dianjurkan oleh jabatan agama, majlis agama, NGO dan sebagainya untuk melihat kerukunan masyarakat, kesepaduan *sovereignty* dan sebagainya, dia tidak menyebabkan kepada kita saling berpecah apatah lagi melabelkan dengan perkataan yang paling keji iaitulah dengan perkataan yang disebut dengan kafir yang sebagaimana setelah orang itu beriman. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih, jangan sekali buat telahan. Terima kasih atas pencerahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pergi lebih dalam untuk menarik perhatian Yang Berhormat Menteri dan juga Kabinet. Isu atau apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri tadi itu tidak ada siapa pertikaikan dan diterima. Akan tetapi kalau kita pergi lebih mendalam dari sudut apa sebenarnya yang menyebabkan pemikiran ekstremisme itu boleh jadi satu masalah ialah ada beberapa fahaman di dalam masyarakat kita yang dibawa oleh

kelompok tertentu sama ada melalui kuliah, melalui ceramah-ceramah agama yang saya kira sukar untuk dikawal di sebalik rakyat Malaysia ingin kepada hidup beragama ialah menyatakan bahawa hanya kelompok tertentu sahaja yang betul, orang lain itu sesat. Jadi apabila fahaman ini menguasai, maka mereka mendatangkan ayat-ayat Al-Quran secara textual. Hadis contohnya, *[Membaca sepotong hadis]* bermaksud: *tidak halal darah orang Muslim melainkan dengan tiga perkara.*

Maka salah satu disebut, *al-mufariqil jamaah, at-tariqul lidini*. Bermaksud: *'Orang yang tinggal jamaah dan yang keluar dari agama maka ditafsirkan jamaah itu ialah dia'*. Maka siapa yang keluar jamaah itu, secara tekstualnya dianggap sebagai keluar. Maka *Ya hillu dam uhu*, maka halallah darah.

Jadi saya minta kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggung jawab, supaya perkara ini dilihat secara serius kerana apabila kita *on the ground*, kehidupan beragama hari ini *masya-Allah* begitu tinggi di kalangan masyarakat. Akan tetapi cara bagaimana Islam itu disampaikan perlu ada kawalan kepada satu fiqh barut terhadap *fiqh daulah, fiqh ghir muslimin* contohnya dan juga *fiqh takfiri* yang hari ini berleluasa dalam masyarakat.

Saya minta kepada Yang Berhormat Menteri sebagai soalan tambahan, adakah Yang Berhormat Menteri akan berusaha dan bersetuju bersama saya bahawa di Parlimen ini, kita bentuk satu jawatankuasa menangani ekstremisme agama dan saya menjadi orang pertama yang akan menawarkan diri untuk di dalam jawatankuasa. Terima kasih. *[Tepuk]*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya nampak Yang Berhormat Parit Buntar membawa satu perasaan yang lara. Oleh sebab itu saya juga turut merasa tersedih, merasa juga suasana dan keadaan yang sama sebab kita umat Islam harus ada jiwa besar. Apatah lagi sekiranya kita berpandu kepada apa yang Allah SWT sebutkan. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* bermaksud: *'Quran menjelaskan, janganlah di kalangan orang beriman ini, kamu baik lelaki, baik juga orang-orang perempuan, mencemuh, merendahkan, menjatuhkan seseorang dan janganlah satu puak lelaki dan perempuan juga menjatuhkan kalangan wanita-wanita mereka'* dan "mungkin orang yang dicemuh itu lebih baik daripada orang yang kita cemuhkan tersebut dan janganlah kamu menggelarkan, nyatakan perkara-perkara yang tidak baik kepada orang lain, jangan memberikan gelaran-gelaran yang tidak elok." Sesungguhnya adalah merupakan tidak ada nama gelaran perkataan yang paling buruk sekali melainkan fasik selepas beriman. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* bermaksud: *"Orang yang tidak bertaubat, maka dia di kalangan yang zalim"*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengajak walaupun kita hendak gelar orang perkataan dengan panggilan yang tidak elok pun tidak patut, apatah lagi dengan keadaan untuk kita mengkafirkan sesama daripada kalangan umat Islam dan tentunya dengan menterjemahkan apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Parit Buntar sebentar tadi dengan sepotong hadis, dengan menterjemahkan secara begitu terbuka dan tanpa pendalaman mendalami maksud ayat dan sebagainya sedangkan kelompok kita ini di kalangan umat Islam pada jumlah yang tidak banyak dengan tuduhan-tuduhan di luar yang begitu banyak, dengan peperangan yang tak

selesai dekat dengan Syria, yang sedang berlaku dekat Iraq, yang masih berjalan di Palestin, sebagaimana soalan tadi yang sebentar dalam Dewan ini juga, banyak lagi yang sedang berlaku. Kita pecahkan lagi kelompok, maka saya mungkin barangkali untuk bersetuju kalau tadi hendak dicadangkan jawatankuasa peringkat Parlimen tetapi ini kena *check* balik dia punya SOP *procedure* untuk penubuhan jawatankuasa ini.

Namun, saya ingin mengajak kita mengambil bagaimana Rasulullah SAW apabila Nabi terpukul dekat Thaif berdarah tubuh Nabi, Zaid bin Harithah, pengsan menjadi benteng kepada Nabi, tetapi tidaklah Nabi itu bila ditawarkan untuk penduduk Thaif yang telah menunjukkan kebiadaban kepada Rasulullah itu dipukul dengan batu-batu yang dijanjikan bukit untuk dihempap di atas kepala penduduk Thaif, Nabi menjawab Malaikat yang memberikan tawaran untuk yang demikian.

Kata Nabi, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] bermaksud: “*Ya Allah, berikan hidayah kepada kaum-kaum ini kerana mereka tidak mengetahui*”. Apatah lagi sesama yang menganut ajaran yang seaqidah, yang kiblat yang sama, Al-Quran yang sama, solat yang sama dan juga kita mati yang ditanam pada kubur yang sama.

■1110

Mudah-mudahan kesedaran dan juga semua keinsafan daripada semua kalangan umat Islam yang ada khususnya di Dewan akan dapat memberikan satu kekuatan, kejituan. Kita berbeza dalam konteks politik, kita berbeza dalam konteks parti yang kita dokong tetapi soal wadah satu hal tetapi matlamat dengan kalimah yang sama, ‘*La Illaha Illallah Muhammadur Rasulullah*’ adakah merupakan ikatan seakidah sebagai umat Islam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak berminat tentang soal kafir mengkafirkan ini kerana saya tidak pernah mengkafirkan orang. Yang Berhormat, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri soal *wasatiyyah* ini. Saya baca banyak fahaman termasuklah *Kung Fu Tze* yang menyatakan soal kesederhanaan ini bagi agama-agama yang lain. Apakah kementerian atau Yang Berhormat sendiri bercadang hendak mengadakan perbincangan dengan ketua-ketua agama di Malaysia ini bagi membincangkan soal kesederhanaan dan mengembangkan kesederhanaan di Malaysia.

Keduanya, apakah kerajaan bercadang untuk menjadikan *wasatiyyah* ini sebagai mata pelajaran untuk diajar dari sekolah rendah sehingga ke sekolah menengah supaya rakyat Malaysia mengamalkan siap kesederhanaan yang baik untuk dilaksanakan?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Pendang yang ingin melihat dalam konteks *wasatiyyah* ini dilebarkan. [*Berucap dalam bahasa Arab*] Kita merupakan umat yang sederhana, umat yang dalam erti kata *balance, moderation dan* sebagainya. Kita juga berasa gembira sebenarnya dengan Islam bukan hanya untuk kalangan umat Islam termasuk yang bukan Islam. [*Berucap dalam bahasa Arab*] Itu mengajar untuk kita melihat rahmat kepada semua sekalian alam ini

adalah termasuk kepada bukan sahaja alam cakerawala, binatang, tumbuh-tumbuhan, makhluk termasuk yang mereka di luar daripada Islam.

Maka atas rahmat ini kita melihat, kita dapat hidup dalam konteks dalam negara Malaysia atas asas *wasatiyyah* yang telah kita kembangkan sejak dari dahulu dengan kerahmatan Islam tersebut kita melihat kita dapat hidup dalam rukun, aman, damai dan sebagainya. Kita boleh raya, waktu raya yang lain bangsa, agama, dan sebagainya bersama. Kita boleh untuk duduk, makan dan minum bersama. Cuma, dalam politik ini kadang-kadang sedikitlah Tuan Yang di-Pertua sedikit-sedikit, tidak sampai bergaduh, belum lagi baling kerusi.

Jadi, saya melihat bahawa setuju sangat Yang Berhormat Pendang sebutkan tadi bahawa untuk *wasatiyyah* ini kita kembangkan di peringkat antara kaum dan memang pun kita sudah ada di bawah Jabatan Perpaduan di bawah JPM iaitu JKMPA Atau Jawatankuasa Mempromosikan Keharmonian Antara Penganut Agama. Ini diwujudkan tetapi oleh kerana masing-masing masih lagi dalam peringkat baru, masih pucuk lagi jadi kita sedang untuk melihat pucuk-pucuk ini akan kembang, pucuk-pucuk baru daripada Jawatankuasa Mempromosikan Keharmonian Antara Penganut Agama di Malaysia. Selain daripada itu juga mungkin Kementerian Pendidikan boleh mengambil kira bahawa mata pelajaran walaupun telah sedia ada tetapi diuruskan secara langsung untuk membina masyarakat *wasatiyyah* yang sebagaimana disebutkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

7. Datuk Raime Unggi [Tenom] minta Perdana Menteri menyatakan jaminan kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada penambahbaikan taraf dan kualiti hidup rakyat, termasuk di Sabah terutama melalui usaha meningkatkan pendapatan isi rumah B40, memperluaskan penyediaan infrastruktur asas luar bandar serta meningkatkan jaringan perhubungan antara luar bandar dan bandar.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman dalam Rancangan Malaysia Kesebelas penekanan akan diberikan kepada memperkukuhkan *inclusivity*.

Dalam konteks ini tumpuan kepada penyediaan lebih peluang kepada semua rakyat Malaysia untuk turut serta dalam pertumbuhan ekonomi. Ini akan memastikan pengagihan kekayaan negara secara lebih saksama tanpa mengira gender, etnik, status sosioekonomi dan kedudukan geografi. Strategi akan ditumpukan untuk meningkatkan pendapatan keseluruhan isi rumah berpendapatan 40% terendah ke arah menambah baik kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat seterusnya dapat mengurangkan jurang pendapatan di kalangan rakyat. Di dalam meningkatkan pendapatan isi rumah B40, antara strategi yang akan dilaksanakan termasuklah:

- (i) meningkatkan akses kepada pendidikan tinggi dan latihan kemahiran;
- (ii) meningkatkan produktiviti dengan menggalakkan penggunaan teknologi moden;
- (iii) meningkatkan sokongan keusahawanan secara bersepadu dengan kerjasama agensi seperti SME Corp, TEKUN Nasional dan Amanah

Ikhtiar Malaysia dalam membantu usahawan mikro kecil sederhana di bandar dan luar bandar;

- (iv) membangunkan perusahaan berasaskan komuniti dan sosial berdasarkan kepada modal operasi;
- (v) menggalakkan sektor swasta terutamanya syarikat multinasional dan syarikat tempatan melabur di kawasan majoriti isi rumah B40 bagi tujuan menyediakan peluang pekerjaan yang lebih baik terutamanya pekerjaan bergaji tinggi; dan
- (vi) memperluaskan program pelaburan seperti Amanah Saham Wawasan, Amanah Saham Gemilang untuk meningkatkan pemilikan kekayaan isi rumah B40.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas keutamaan juga akan diberikan kepada penyediaan infrastruktur asas seperti jalan, bekalan air dan bekalan elektrik terutamanya di kawasan Sabah dan Sarawak. Sebagai tambahan dalam meningkatkan akses kepada kemudahan mendapatkan perkhidmatan, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah akan membina dua Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) pada tahun 2016 yang mana sebuah akan dibina di Kota Marudu dan satu lagi lokasi yang akan dikenal pasti. Terima kasih.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang begitu meyakinkan kepada rakyat dalam soal untuk membantu masyarakat yang di bawah B40. Tuan Yang di-Pertua, kalau dilihat hari ini apabila saya lihat pada bulan Jun yang lepas di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan satu program yang dikenali sebagai eRezeki yang mana kita lihat eRezeki ini adalah merupakan satu platform yang boleh menjana pendapatan tambahan iaitu dengan pemberian latihan kemahiran percuma dalam bidang digital kepada golongan B40 sebelum mereka diberi tugas untuk menawarkan bayaran daripada syarikat-syarikat digital.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita melancarkan eRezeki ini pada Jun yang lepas saya ingin bertanya kepada pihak kementerian apakah perkembangan dan juga potensi program ini kepada golongan sasaran dan pada tahap manakah pelaksanaan ini di negeri-negeri yang telah ditubuhkan. Kalau dilihat melalui program eRezeki ini yang telah diadakan di Kuala Lumpur, Terengganu, Selangor dan juga Pahang. Jadi, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita lihat di Sabah dan Sarawak masih belum lagi ada rezeki. Kita melihat program ini saya rasa program ini cukup bagus. Jadi, saya minta juga penubuhan di Sabah dan Sarawak perlu juga diberi penekanan oleh pihak kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Razali bin Ibrahim: Terdapat program-program atau enam kalau boleh saya bagi antaranya seperti berikut:

- (i) Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR);
- (ii) Program Pembangunan Tanah;

- (iii) Program Mikro Kredit;
- (iv) Program Bantuan Perumahan;
- (v) Program Latihan Kemahiran Keusahawanan; dan
- (vi) Program Bantuan Pendidikan.

Program eRzeki ini adalah salah satu dalam kebanyakan program yang ada yang telah menunjukkan kesa yang positif di tempat-tempat yang telah dilaksanakan dengan syarat mempunyai akses internet. Kita tahu sejak kebelakangan ini pendapatan di kalangan mereka yang mengurus niaga melalui sistem ini adalah baik dan seharusnya ia boleh dikembangkan dan kita percaya dengan melaksanakan dengan lebih luas terutamanya di kawasan Sabah dan Sarawak ia dapat memberikan faedah dalam jangka masa panjang dan *insya-Allah* perkara ini akan terus diberikan penekanan kerana ia telah terbukti dapat membantu para peserta dalam program tersebut untuk meningkatkan pendapatan mereka dan keluarga mereka. Akhirnya dapat terus mencapai perkara yang kita sasarkan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas.

Insya-Allah perkara ini kita akan terus berbincang dengan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak. Malahan mana-mana kawasan dalam Semenanjung bagi diperkembangkan sebagai salah satu daripada program yang boleh diguna pakai. Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi pengiktirafan kepada kejayaan tersebut.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Salah satu daripada perkara yang boleh diambil kira oleh pihak kementerian atau pihak Menteri iaitu untuk kita hendak mengatasi masalah B40 ini oleh kerana negara kita ini merdeka sudah hampir 58 tahun.

■1120

Pertamanya ialah kita harapkan supaya kerana orang miskin ini kebanyakan mereka miskin segala-galanya. Satunya kita harapkan supaya pegawai yang untuk menangani masalah ini seperti mana yang terlibat dengan JKM, seperti mana Baitulmal, seperti pertanian yang kita anggap sebagai semua pegawai yang terlibat dalam soal untuk menangani B40 ini perlu mereka ini bukan sahaja menjadi pegawai media. Mereka perlu untuk turun mencari orang. Kadang-kadang mereka banyak tidak tahu skim yang ada kepada pejabat dan sebagainya yang perlukan kepada pegawai kerajaan ini untuk pergi untuk berjumpa dan membantu mereka dalam erti kata lain memudah cara. Kalau boleh ini jadikan sebagai satu KPI terhadap pegawai yang terlibat dalam sektor ini.

Keduanya ialah supaya dalam mengatasi B40 ini juga saya mengharapkan sangatlah supaya dalam soal diskriminasi politik itu tidak perlu ada. Oleh kerana kita harapkan benda ini benda yang miskin kaya ini ialah merupakan hal yang perlu dianggap sebagai buta warna. Terima kasih Menteri.

Dato' Razali bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Saya menerima baik, cumanya kalau boleh saya kongsi dalam satu era pentadbiran negara, memang pegawai ini turun ke bawah. Sewaktu kita mula merdeka dahulu memang semua rata-rata,

bukan zaman saya, zaman ayah saya, memang kerajaan turun bantu rakyat sehingga kita dapat mengeluarkan rakyat daripada belenggu kemiskinan. Kemudian dalam era teknologi maklumat semakin ramai orang sepatutnya mempunyai akses dan diberi penekanan supaya kerajaan menunjukkan segala bentuk skim yang ada yang dibuat dengan andaian bahawa rakyat akan lebih termaklum. Hari ini kita minta supaya KPI itu pegawai tidak lagi duduk dan mesti turun juga, saya setuju.

Apa pun jalan, sama ada melalui turun ke bawah ataupun dipaparkan di sesawang masing-masing, isu mengenai ramai tidak tahu ini masih timbul. Malahan di tempat saya sendiri pun bila kita beritahu ada skim itu dan ini, ramai yang tidak tahu. Contoh macam saya sendiri mengenai e-Tanah. Di mana di bawah kementerian yang berkaitan boleh menyediakan permohonan ataupun sumber kewangan bagi mana-mana rakyat membeli tanah dengan pembiayaan yang dibuat oleh kerajaan, tidak diketahui umum. Saya percaya apa juga kaedah yang baik untuk memberikan maklumat kepada rakyat seharusnya kita mengambil kira dan saya terima baik cadangan daripada Yang Berhormat.

Kedua dari segi diskriminasi politik. Walaupun berulang kali dijawab di dalam Dewan ini tidak wujud tetapi persepsinya masih wujud. Saya hendak tambah satu perkara, diskriminasi politik ini tidak wujud malahan saya dari parti UMNO, ada orang UMNO pun kata dia pun didiskriminasikan juga. Isunya di sini adalah bila kita tidak tahu maklumat dan kita tidak dapat. Akan tetapi marilah kita sama-sama pastikan perkara ini bukan menjadi keutamaan. Ini kerana kalau cerita tidak puas hati, ia sebenarnya merentasi bukan hanya perbezaan politik, ahli politik dari parti kerajaan pun ada yang tidak dapat sebenarnya. Akan tetapi kalau ini masih jadi penumpuan, usaha untuk membawa ataupun mengurangkan B40 dalam negara dalam RMKe-11 mungkin akan terjejas dan tergendala. Terima kasih Yang Berhormat.

8. Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta Perdana Menteri menyatakan berapa bantahan telah diterima oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPRM) untuk permohonan pendaftaran baru atau tukar alamat di dalam Daftar Pemilih Tambahan mengikut negeri sejak tahun 2014, berapa bantahan telah dibenarkan dan apa jaminan pembantah akan bayar kos setelah bantahannya gagal.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya telah menerima sejumlah 1,021 bantahan bagi pendaftaran baru dan 632 bantahan bagi pendaftaran tukar alamat bagi daftar pemilih tambahan suku tahun pertama 2014 hingga suku keempat 2014. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 591 bantahan bagi pendaftaran baru dan 316 bantahan bagi pendaftaran tukar alamat telah diterima. Maksudnya, dari jumlah keseluruhan yang di bantah tadi, sejumlah 430 pendaftaran baru dan 316 pendaftaran tukar alamat telah diterima.

Manakala bagi suku tahun pertama 2015, sejumlah 589 bantahan telah diterima yang mana sebanyak 237 merupakan bantahan terhadap pendaftaran baru dan sejumlah 352 bantahan dibuat terhadap permohonan pendaftaran tukar alamat. Dari jumlah tersebut,

sebanyak 143 bantahan bagi pendaftaran baru dan 214 bantahan pendaftaran tukar alamat telah diterima. Bagi suku tahun kedua 2015, sejumlah 717 bantahan telah diterima yang mana sebanyak 443 merupakan bantahan pendaftaran baru dan 274 bantahan dibuat terhadap permohonan pendaftaran tukar alamat.

Walau bagaimanapun bagi ST2 2015, penyelarasan masih sedang dibuat terhadap bantahan-bantahan yang dikemukakan. Dalam soal kos bantahan, SPR sentiasa memastikan setiap kes bantahan yang melibatkan pembayaran oleh pembantah hendaklah dibayar seperti mana yang ditetapkan oleh pendaftar semasa siasatan awam. Ia adalah selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Peraturan 18, Peraturan-peraturan Pilihan Raya Pendaftaran Pemilih 2002. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya telah terima banyak aduan, khasnya dari negeri Selangor bahawa pendaftaran baru mereka telah dibatalkan dan bantahannya adalah gagal, tiada alasan yang baik. Akan tetapi sehingga sekarang ada yang setengah tahun, ada yang tiga bulan, ada yang satu tahun, mereka yang dibantah belum terima apa-apa kos walaupun diperintah oleh SPR sebanyak RM100 kena dibayar oleh pembantah.

Jadi, soalan saya adakah kaedah kerajaan untuk mewajibkan kos yang patut diberi sebagai satu kesalahan jenayah kalau pembantahan tidak mengikut. Juga saya hendak tanya, adakah pembantah-bantah ini, khasnya di negeri Selangor adalah ditaja oleh UMNO sebab semuanya dikatakan adalah Ahli-ahli UMNO. *[Dewan riu]*

Dato' Razali bin Ibrahim: Pertama, jika bantahan dibuat, tidak perlu kita tambah undang-undang sebab di bawah Peraturan 21 ada hak yang disebut di bawah Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 yang memberikan hak kepada orang yang di bantah untuk membawa perkara tersebut ke dalam prosiding mahkamah. Maknanya, sudah diperuntukkan di bawah akta yang sama. Kedua, walaupun soalan pagi tidak boleh dua tetapi itu ada dua. Nombor dua, Yang Berhormat yang membantah ini sebenarnya datang daripada semua pihak. Ada orang perseorangan, ada daripada UMNO, ada daripada DAP. Jadi, kalau hendak taja ini saya rasa mungkin Yang Berhormat pun tahu kalau parti Yang Berhormat ada menaja atau tidak.

Akan tetapi dari segi SPR, mereka tidak melihat yang membantah itu datang dari mana, syaratnya tiga. Nombor satu, isi borang 'C', kedua bayar RM10, ketiga ada alasan-alasan terhadap bantahan, itu sahaja. Jadi, tidak ada nombor empat dia datang ditaja daripada parti mana. Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasar Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpenggil untuk soalan tambahan ini Menteri. Apakah pendapat kerajaan berkenaan dengan tuduhan-tuduhan daripada parti-parti pembangkang, terutamanya DAP. Bahawa Barisan Nasional sengaja menyusahkan pendaftaran pengundi, terutamanya pengundi muda untuk mendaftar sebagai pengundi apabila menghentikan lantikan pendaftaran pemilih oleh

parti politik. Akan tetapi dalam masa yang sama juga pihak SPR telah meluluskan NGO untuk mendaftar pemilih-pemilih baru yang di belakangnya jelas kepunyaan parti DAP.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Nama NGO? [*Dewan riu*]

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Seperti wanita prihatin, NGO wanita prihatin yang berada di dalam kawasan saya. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Semua perkara yang kita buat sebenarnya tidak kena kalau ia tidak menepati selera mereka. Kita bagi kemudahan ini sebab yang paling penting untuk Dewan maklum, kalau ikut statistik kita, kita ada hampir 4.178 juta rakyat Malaysia yang layak tetapi masih belum mendaftar. Maknanya, jumlah ini sangat besar untuk kita cari dan daftarkan. Ruang yang diberikan untuk mereka yang dilantik sebagai pendaftar pemilih ini hendaklah digunakan untuk membantu kita mencari rakyat kita yang belum mendaftar.

■1130

Oleh sebab itu, kita mesti memberi tumpuan, kerja kita sebenarnya adalah untuk menggalakkan rakyat kita untuk menjadi daftar pemilih supaya kita dapat menyegarkan sistem demokrasi dalam negara, bukan macam yang sedang berlaku sekarang, pindah sana, pindah sini walaupun dia tak duduk di kawasan tempat dia tinggal. Terima kasih, Yang Berhormat.

9. **Tuan Anyi Ngau [Baram]** minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mencapai sasaran 90% guru tempatan di Sarawak serta adakah ia mengambil kira komposisi kaum minoriti di pedalaman seperti Orang Ulu, Penan dan sebagainya.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Baram.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil langkah untuk mencapai sasaran 90 peratus guru tempatan di Sarawak di mana penempatan guru baru di Sarawak adalah calon kelahiran negeri Sarawak. Manakala pertukaran guru yang berasal dari negeri Sarawak yang berkhidmat di Semenanjung tanpa mengira tempoh perkhidmatan untuk ke Sarawak akan diberi keutamaan berkuat kuasa pada 1 Januari 2016 bagi mendapat mandat menambah jumlah guru dalam kalangan anak tempatan 90 peratus guru yang berkhidmat di negeri Sarawak adalah dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Bagi memastikan sasaran ini tercapai, Institut Perguruan Guru Malaysia juga telah melaksanakan pengambilan calon guru bagi program Ijazah Sarjana Muda Perguruan pada Jun 2015 dengan memberikan keutamaan dan keistimewaan kepada calon-calon guru yang layak dari Sabah dan Sarawak. Mereka dipilih daripada kalangan mereka sahaja termasuk semasa tapan Ujian Kelayakan Calon Guru atau UKCG dan sesi temu duga. IPGM juga telah menetapkan bahawa panel temu duga bagi calon-calon dari Sabah dan Sarawak adalah terdiri daripada kalangan panel dari Sabah dan Sarawak juga.

Pendekatan khas dari segi syarat asas akademik kemasukan ke IPG daripada lima gred cemerlang di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia kepada hanya enam gred kepujian di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia termasuk Bahasa Melayu serta lulus bahasa Inggeris khusus kepada

calon-calon anak Penan di Sarawak dan calon anak-anak Orang Asli pedalaman bagi mengikuti PPISMP di IPG. Pengambilan khas daripada calon-calon dari kawasan pedalaman telah dilaksanakan mulai tahun 2014. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat itulah sesi soal jawab lisan untuk pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.33 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Kewangan, Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2016 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2016 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Khamis, 19 November 2015.”

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2016****DAN****USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2016****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2016 dan Usul Anggaran Pembangunan 2016 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Kedua]**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

**Maksud B.10, B.11 dan B.12 [Jadual] -
Maksud P.10 dan P.70 [Anggaran Pembangunan 2016] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kepala Bekalan B.10, B.11, B.12 dan Kepala Pembangunan P.10 dan P.70 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Parit Sulong.

11.34 pg.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma pendek sahaja. Terus kepada Butiran 022100 – Pemberian Bantuan Bil Lampu kepada PBT. Bisinglah mereka ini, Tuan Pengerusi. Kanan, kiri, depan, belakang.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Buat tidak dengar sahaja, Yang Berhormat.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Buat tidak dengar, okey, okey. Jadi saya hendak merujuk kepada butiran ini di mana peruntukan kepada perkara pemberian bantuan bil lampu kepada PBT. Ada penambahan saya tengok sebanyak 18 peratus. Cuma, daripada jumlah ini, saya hendak tahu penambahan ini disebabkan oleh apa? Selain daripada itu, selaku Ahli Parlimen kawasan Parit Sulong, jadinya saya hendak tahu berapa banyakkah daripada jumlah ini yang diperuntukkan di kawasan saya?

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Keduanya, Butiran 021800 – *KL International Airport Berhad* (KLIAB). Kita memang sedia maklum, KLIA ini merupakan antara lapangan terbang yang paling sibuk sekali di rantau Asia Tenggara ini. Sebagai contoh, pada tahun 2014, dia mengendalikan 48 juta orang penumpang dan ia mencatatkan nombor yang ke-20 lapangan terbang paling sibuk sekali daripada segi jumlah penumpang. Jadinya saya mendapati peruntukan diberikan pada tahun hadapan berkurangan iaitu sebanyak lima peratus.

Saya cuma hendak bertanya kepada pihak kementerian, pengurangan ini adakah ia akan menyebabkan pengurangan pekerja dan bagaimana pula dengan *facility* atau kemudahan-kemudahan lain sama ada ia akan terjejas disebabkan pengurangan peruntukan ini? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit Buntar.

11.37 pg.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus masuk B.10 di bawah Butiran 010000 – Perkhidmatan Kewangan di bawah Butiran 011200 – Belanjawan Negara. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, dari sudut proses bagaimanakah kewangan negara itu dibentuk dan sejauh mana kerajaan menyediakan format dan bentuk serta proses berasaskan kepada tiga asas untuk membentuk atau membuat bajet iaitu pertama, pemakluman maklumat-maklumat tentang bajet, maknanya dimaklumkan akan dibuat bajet, yang keduanya ruang awam untuk turut terlibat sama dalam memberikan pandangan dan pendapat dalam *round table discussion* pada pihak-pihak yang ada kepentingan dan yang ketiga ialah bagaimana ruang institusi rasmi, *official institution* untuk meneliti, dengan izin, *to oversight* pandangan dan pendapat mereka seperti audit dan juga pihak *legislator* iaitu Ahli-ahli Parlimen?

Saya ingin bertanya kepada Menteri kerana dalam kita membahaskan bajet, Tuan Pengerusi, terlalu banyak perkara yang kadang kali kita timbulkan, dia akan kata ini sangkaan jahat. Bila isu ini kita bawa, dia kata ini hanyalah sangkaan. Sebab itu saya tanya, yang kita hadapi dalam perbalahan dan perdebatan ini ialah lebih kepada apa sistem yang menyediakan ruang itu supaya kita dapat elak sangkaan-sangkaan ini apabila proses bajet itu dibuat secara telus dan secara bertanggungjawab.

Di peringkat piawaian antarabangsa, adanya di sana beberapa standard atau pun piawaian yang disediakan oleh IMF seperti dengan izin, *Code of Good Practices on Fiscal Transparency* dan dengan izin, daripada agensi lain juga iaitu *Best Practice of Fiscal Transparency*. Adakah ketika bajet ini diadakan, kita mengikut standard atau pun piawaian yang telah ditetapkan di peringkat antarabangsa?

■1140

Proses yang saya kira dapat memberikan laluan yang lebih telus dan bertanggungjawab kepada pembuatan bajet ini ialah perlu dilalui proses-proses seperti *pre budget* yang mana perlu

dimaklumkan sebulan, dua bulan sebelum ia dibentuk. Kedua ialah *proposal*. Saya tertarik apabila saya melihat *Proposal Budget*, bajet itu tidak semestinya ketika dibawa ke Parlimen mesti diluluskan ia perlu ada di sana enakmen atau pindaan-pindaan hasil daripada pandangan-pandangan yang dilontarkan ketika kita berbahas di dalam Dewan yang Mulia ini.

Akan tetapi, *the practice* di negara kita sejak sekian lama ialah apa yang dibentangkan bajet yang besar ini, Tuan Pengerusi, diminta kita terus luluskan. Walaupun kita berbahas, kita bagi pandangan dan kita bagi fakta-fakta oleh sebab tidak ada sistem di sana, maka seolah-olah kami diminta untuk terus lulus. Oleh sebab itulah apabila kami menolak, ia dianggap sebagai satu kepelikan sedangkan ia bukanlah sesuatu yang pelik. Tuan Pengerusi, ini kerana dalam konteks proses, *flow of budgeting* bawa ke Parlimen untuk dibahas, belum tentu *final*.

Sebab itu ada lagi satu proses yang dinamakan sebagai *enacted budget* maknanya input kami bagi ini dia *enact* balik, dia pinda balik dengan mengambil kira pandangan-pandangan dan pendapat jika dilihat sebagai baik, kemudian dia bagi kepada *citizen budget* dia bagi kepada warganegara untuk mereka membuat penilaian. Barulah proses *budgeting* ini tidak berlaku macam mana yang kita lalui di dalam Dewan ini, di mana kita berbalas-balas hujah sehinggakan akhirnya tidak ada proses untuk pandangan-pandangan kita ini dinilai semula dan dikeluarkan dengan satu bajet yang telah dipinda.

Saya ingin menekankan kepada kerajaan dalam perkhidmatan kewangan ini iaitu dalam belanjawan negara. Kalau boleh, apa salahnya untuk kita memperbaiki sistem itu dan bajet kita itu betul-betul bajet yang *accountable*, bajet yang benar-benar bertanggungjawab, bajet yang benar-benar *transparent* maka kita tidak boleh *expect* kami di sebelah sini hendak terima dia sebagai *transparent*, hendak terima dia *accountable* sedangkan sistem tidak ada.

Inilah yang kita bicarakan dalam butiran ini untuk dicadangkan di sini Tuan Pengerusi bahawa satu jawatankuasa pertanggungjawaban bajet perlu diadakan kerana apabila ada jawatankuasa pertanggungjawaban bajet ada tidak timbullah soal sangkaan-sangkaan, tidak timbullah soal kita menganggap kerajaan ini cuba hendak sembunyikan sesuatu, tidak timbullah kerajaan ini kononnya hendak menyembunyikan fakta-fakta kewangan tertentu dan sebagainya.

Oleh sebab itu apa yang saya harapkan setelah kita hampir 60 tahun atau 50 tahun lebih kita membuat bajet di dalam Dewan yang mulia ini, sudah tiba masanya untuk diberi perhatian serius kepada Menteri yang bertanggungjawab mengendalikan pengurusan bajet ini supaya kita tukar cara kita untuk membuat bajet ini melalui satu sistem, satu proses yang kemudiannya mampu untuk menjadi pendinding kepada segala sangkaan buruk lalu apabila kami menyangka buruk, sebelah sana akan kata ini sangkaan buruk.

Hal ini kerana, jangan salah salahkan kami tetapi sistem itu tidak ada. Kami tidak mampu untuk membentuk sistem itu melainkan kuasa itu ada di pada kerajaan yang memerintah iaitu jawatankuasa pertanggungjawaban bajet yang pernah dicadangkan oleh beberapa Yang Berhormat sebelum ini perlu disegerakan dan cara di *Germany* dan di beberapa negara di *France* contohnya, mereka ada satu *Accountable Budget Committee* di mana keseluruhan perbelanjaan negara itu dilihat bagaimana peruntukan-peruntukan kepada kementerian ini supaya kita tidak

akan ada satu tanggapan kekurangan di sini kenapa lebih di sini kenapa, setelah bajet ini atau jawatankuasa pertanggungjawaban bajet ini mereka memberikan pandangan dan pendapat.

Saya bagi contoh, timbul isu semalam panjang Yang Berhormat Seputeh tentang bajet SUHAKAM contohnya kenapa dikurangkan maka timbullah adakah kerana SUHAKAM Ini hendak dikurangkan peranannya dan sebagainya. Sedangkan kalau ada Bajet *Accountable Committee* ini perkara itu telah diselesaikan di situ. Kekurangan ini kenapa, kenapa begini, kenapa begini maka bajet ini sudah ada satu sistem yang telah beri maklum balas lebih awal kepada kita. Rasional-rasional mengapa *slash* di sini, mengapa tambah, mengapa *slash* di sini.

Oleh itu, Tuan Pengerusi saya harap jawapan yang akan diberikan oleh Menteri nanti adalah satu yang telus dan hanya satu harapan kita ialah kita membuat benda yang sama setiap kali, tetapi kita mendapat keputusan yang berbeza. Oleh itu, kita hendak satu benda yang baru, tukar sistem, tukar proses dan ini tidak boleh dilakukan melainkan kepada kerajaan yang memerintah. Kami cuma hanya memberikan cadangan-cadangan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Setiawangsa.

11.46 pg.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: *Bismillahi Rahmani Rahim*, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk terus kepada Bekalan 10 Perbendaharaan, Butiran 020300 – Pengurusan Teknologi Maklumat. Ini panjang dan pendek. Melihat kepada Butiran 020300 – Pengurusan Teknologi Maklumat berlaku peningkatan drastik daripada 2016 berbanding 2015.

Pada tahun 2015, peruntukan terhadap Butiran ini hanyalah RM16,000,000 tetapi pada tahun 2016, peningkatan sebanyak RM53,000,000. Ini bermakna peningkatan sebanyak tiga kali. Saya ingin bertanya apakah yang menyebabkan peningkatan sebanyak tiga kali tersebut, adakah ia berhubung kait dengan peningkatan teknologi yang diguna pakai untuk mengawal selia GST ataupun kementerian menaik taraf sistem kewangan yang digunakan sekarang ini.

Saya juga ingin merujuk kepada Bekalan 10 Perbendaharaan, Butiran 090700 – GST Latihan. Merujuk kepada Butiran 090700 saya melihat kerajaan memperuntukkan RM 30,000,000 bagi maksud latihan GST ini. Saya ingin bertanya kepada kementerian kepada siapakah latihan ini dijalankan, adakah ia untuk kakitangan kementerian atau ia untuk latihan kepada pegawai penguat kuasa yang memantau GST secara langsung.

Saya juga ingin mencadangkan supaya kementerian dapat menyalurkan sedikit peruntukan ini untuk melakukan GST kepada orang awam. Saya sedia maklum memang kerajaan ada melakukan kursus-kursus berkaitan GST sebelum ini. Namun saya melihat latihan-latihan ini harus diperluaskan lagi mungkin kerajaan boleh membuat *road tour* khusus di setiap negeri bagi maksud memberi kefahaman lebih luas kepada seluruh rakyat di pelosok negara.

Akhir sekali, saya ingin merujuk kepada Bekalan 12, peruntukan kepada Kumpulan Wang Berkanun, Butiran 040100 – Tabung Bantuan Bencana Negara. Jika melihat peruntukan yang diberikan berlaku penurunan yang agak ketara sebanyak RM20,000,000 pada tahun 2016.

Pada tahun 2015 peruntukan diberi sebanyak RM70,000,000, 2015 RM70,000,000 tapi 2016 RM20,000,000. Ini bermakna penurunan sebanyak RM50,000,000. Saya ingin bertanya apakah rasional penurunan peruntukan ini. Adakah kerajaan telah mengagihkan tanggungjawab untuk bantuan bencana ini kepada kementerian yang lain. Hal ini kerana, bencana adalah sesuatu yang sukar dijangka dan bukan di bawah kawalan kita.

Umum mengetahui bahawa negara kita sering dilanda banjir terutama di Pantai Timur bahkan pada penghujung 2014 dan awal 2015 di negeri-negeri Pantai Timur seolah-olah lumpuh bahana bencana ini. Saya hendak tahu apakah sebab kekurangan itu. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk bertanya berapakah jumlah sebenar peruntukan yang dibelanjakan oleh kementerian bagi pengurusan bencana sehingga suku ketiga 2015 ini. Adakah peruntukan sebanyak RM70,000,000 itu untuk tahun 2015 dianggarkan mencukupi dan negeri manakah yang menerima peruntukan yang terbesar. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Gantang.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bangkit berkenaan B.12 Butiran 100000 – Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin...

■1150

Ini kerana saya hendak timbulkan persoalan sini kenapa bajet untuk tahun ini dikurangkan sampai RM190 juta, sedangkan tahun 2015 bajetnya sebanyak RM200 juta. Tahun ini hanyalah bajetnya RM10 juta sahaja untuk Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin. Pelajar miskin dok ingat pelajar pencen, pelajar pencen.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dia, Yang Berhormat Bukit Gantang berkocak di bawah.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Nampak di atas tenang di bawah berkocak kah.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Itu orang ada dua, atas tenang bawah berkocak. Itu macam itik lah, itik berenang atas nampak tenang sahaja. Yang Berhormat Sekijang tahu dekat mana. Iaitu saya hendak persoalkan ialah kenapa bajet tahun lepas sebanyak RM200 juta dan tahun ini hanyalah RM10 juta kenapa turun secara mendadak sedangkan kita tahu penerima kepada BR1M ini meningkat dari semasa ke semasa itu satu. Keduanya ialah berkenaan dengan B.12 Butiran 13000 – Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam.

Tahun 2015 peruntukannya sebanyak RM10 juta dan tahun 2016 dinaikkan sebanyak RM100 juta. Kita tahu kerana tujuan untuk diadakan Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam ini ialah untuk meningkatkan mutu perkhidmatan bas terutama dari segi aspek liputan dan kekerapan perkhidmatan, menambah baik sistem integrasi pengangkutan awam antara bas, LRT, monorel dan komuter dan memperluaskan jaringan sistem monorel ataupun LRT. Persoalan saya ialah kerana peruntukan ini ditingkatkan, adakah wang ini dialirkan terutamanya kepada

penduduk-penduduk di luar bandar dan juga untuk meningkatkan sistem pengangkutan kita yang lebih efisien terutamanya antara *shuttle* dari taman ke stesen-stesen LRT.

Saya rasakan walaupun rangkaian LRT itu hari ini baik tetapi persoalannya ialah kita tidak dapat selesaikan terutama ialah pengangkutan di antara taman ke stesen LRT atau komuter itu masih tidak efisien lagi dengan izin. Maka dengan sebab itu kita harapkan peruntukan sebanyak tahun 2015 yang RM10 juta sahaja sedangkan tahun 2016 meningkatkan sebanyak RM100 juta kita harapkan perkara ini dapat diselesaikan. Apa malang juga kita lihat pada 2 Disember baru ini komuter telah pun naik tambangnya 4 sen 1 kilometer dengan maksimum sampai RM7.10.

Sedangkan kita telah memperuntukkan wang daripada RM10 juta tahun lepas ditingkatkan kepada RM100 juta. Kenapa keadaan ini berlaku? Soalan saya yang terakhir ialah berkenaan dengan B.11 iaitu 022700 berkenaan dengan *Vehicle Entry Permit (VEP)*. Tahun 2015, peruntukan ini tidak ada cuma tahun ini sahaja ada sebanyak RM50 juta. Persoalan saya bayaran apakah untuk VEP ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Bintang.

11.54 pg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Tuan Pengerusi, memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian untuk membahaskan kebenaran maksud P.10, P.11 dan P.12. Saya merujuk Butiran 90900 – Program NBOS, MOF dan UTC. Tuan Pengerusi, perkara yang perlu saya bangkitkan sini untuk pengetahuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melakukan Menteri Kewangan mengenai Pudu Sentral yang selama ini dikenali. Kota Raya yang sudah bertukar wajah menjadi Pudu Sentral kerana terdapat UTC yang kali pertama dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang beberapa tahun yang lalu.

Bermula pada tahun 2010, UDA telah mengenakan kadar baru bayaran sewa gerai di Pudu Sentral sebanyak RM400 sebulan dan *fees* penyelenggaraan yang sebanyak RM2,000 sebulan. Para peniaga merupakan orang lama sejak Pudu Sentral dikenali sebagai Puduraya lagi. Pudu Sentral merupakan tumpuan orang ramai kerana di situ diletakkan perhentian bas dan teksi memandangkan operasi bas ekspres telah pun dipindah ke Terminal Bandar Tasik Selatan pada 1 hari bulan tahun ini maka bilangan orang ramai dan penumpang di Pudu Sentral semakin merosot. Ini menjejaskan operasi peniaga di situ.

Tuan Pengerusi, walaupun Pudu Sentral sudah menjadi UTC tetapi ia tidak membantu di dalam menjana pendapatan untuk para peniaga. Ramai yang berurusan dengan agensi-agensi dalam UTC hanya lalu lalang sahaja tanpa singgah kedai atau gerai yang ada di sana. Para peniaga bukan sahaja tidak dapat membayar sewa dan *fees* penyelenggaraan bulanan tetapi tidak mampu membayar gaji pekerja dan menyara diri sendiri. Tuan Pengerusi, berbanding dengan harga yang d caj di Sungai Wang Plaza kadar bayaran di situ hanya RM900 sebulan tetapi di UTC dan UDA di Pudu Sentral ini dcaj dengan RM2,000 sebulan.

Melihatkan kepada situasi sekarang tidak mungkin para peniaga di Pudu Sentral boleh beroperasi lebih lama. Pihak UDA boleh melakukan satu siasatan atau banciaan tentang kehadiran dan kemasukan pengunjung ke kedai dan gerai yang ada bagi memastikan dakwaan para peniaga. Oleh itu saya menyuruh atau memohon Timbalan Menteri selalu pengerusi UDA pada masa ini saya haraplah boleh menyiasat tentang dakwaan ini. Tuan Pengerusi, pihak UDA haruslah melakukan satu usaha untuk membolehkan Pudu Sentral supaya menjadikan tarikan pengunjung untuk membeli belah.

Sebagai Ahli Parlimen di kawasan ini saya menggesa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri bertanggungjawab membantu untuk menyelesaikan masalah ini kerana impian dan harapan Perdana Menteri sewaktu merasmikan UTC di Pudu Sentral dulu berharap Pudu Sentral dan para peniaga akan maju setelah Puduraya berwajah baru. Semua pihak sekian maklum bahawa penubuhan UDA oleh Allahyarham Tun Abdul Razak Mantan Perdana Menteri kedua iaitu untuk membantu golongan bumiputera dan peniaga kecil yang ketinggalan untuk *ditouch up* dan maju di dalam bidang perniagaan.

Impian ini boleh musnah berkecai dan tidak disampaikan jika pihak pengurusan tertinggi UDA sekarang berterusan menggunakan golongan peniaga sehingga mereka terpaksa mengosongkan unit-unit di Pudu Sentral. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang wajar memberikan perhatian berat, serius untuk membantu para peniaga. Tuan Pengerusi, saya merujuk Butiran 022440 – Sumbangan Kepada NGO. Saya minta Menteri boleh memberikan dan sila nyatakan NGO-NGO yang mendapat peruntukan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Gerik.

11.59 pg.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin berbahas mengenai B.10 hingga B.12, P.10 dan P.70. kepada Butiran yang lebih kecil 06000 bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri.

■1200

Penduduk di negara kita dianggarkan 30 juta orang. Minta pihak kementerian nyatakan berapa orang yang membayar cukai pendapatan di mana dalam bajet kita sasaran cuma RM400 juta untuk tahun hadapan. Bolehkah pihak kerajaan ceritakan secara jelas tentang perlepasan-perlepasan yang ditunjukkan oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk tahun hadapan kerana saya difahamkan kalau keluarga tersebut mempunyai anak-anak belajar di universiti, pengurangannya ditambahkan lagi daripada RM6000 kepada RM8000. Cumanya saya terfikir dengan penduduk 30 juta orang, kenapa jumlah cuma RM400 juta untuk hasil daripada cukai pendapatan. Adakah mereka yang berpendapatan lebih daripada RM5000 sudah seolah-olah terlepas daripada dikenakan cukai pendapatan.

Perkara kedua dalam Kepala 010500 – Teknologi Maklumat. Saya melihat walaupun kita menuju ke negara maju...

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Gerik...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Hah, boleh.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih. Sebab Yang Berhormat Gerik tadi ada bercakap di bawah tajuk teknologi maklumat dan saya nampak Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri juga ada di sini. Saya hendak minta Yang Berhormat Gerik tolong tanyakan juga kepada kementerian sebab soalan saya semalam tidak dijawab oleh Jabatan Perdana Menteri. Jadi saya minta jawapan bertulis dari Jabatan Perdana Menteri terutamanya mengenai *certification of* halal dan juga Darul Quran. Itu yang saya hendak tumpang lalu Yang Berhormat Gerik hari ini.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Tidak ada masalah Yang Berhormat Parit Sulong, dibenarkan dan dimasukkan dalam ucapan saya. Mengenai teknologi maklumat...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dia sebenarnya boleh jumpa sahaja.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Akan tetapi dia boleh catat dalam *Hansard*. Teknologi maklumat, di mana dalam menuju negara 2020 saya melihat keberkesanan penyampaian oleh pihak kerajaan terutamanya di Kementerian Kewangan dan juga di lain-lain kementerian, sebenarnya tidak mencapai sasaran. Ini kerana masyarakat di luar bandar, generasi tua mungkin tidak dapat menggunakan komputer ini, contohnya tidak dapat BR1M. Kalau kita hendak mengharapkan semua rakyat tengok *online*, tidak mungkin mereka boleh tahu segala-galanya. Cuba fikirkan strategi baru terutama dalam soal-soal menghasilkan kutipan ini selain daripada menggunakan *online*. Kita juga mesti menggunakan kaedah biasa, manual untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat apa yang boleh dilakukan oleh masyarakat untuk membantu kerajaan untuk menambahkan hasil tambahan lagi dalam suasana ekonomi negara yang kurang menyenangkan perlu difikirkan bagaimana.

Saya melihat kadang-kadang kita mengambil satu pendekatan seolah-olah kita duduk di bawah satu kotak dan mengandaikan semua masyarakat di Malaysia ini sudah pandai dengan komputer. Akan tetapi realitinya, kadang-kadang saya sendiri juga tidak tahu hendak buka bab-bab *online* tadi. Apabila sudah ada penerangan, rupa-rupanya benda itu sudah ada di tangan kita, yang mana bawa *hand phone* sebenarnya kalau kita pandai buka, benda itu boleh. Akan tetapi maksud yang saya hendak terangkan ialah dengan kecanggihan yang ada tadi bukan semua masyarakat dalam Malaysia ini telah menguasai perkara tersebut.

Perkara ketiga, saya hendak bercakap soal Kepala 040000 – Perkhidmatan Kastam. Parlimen saya ada sebuah daerah kecil iaitu Pengkalan Hulu yang sempadannya dengan Thailand. Saya hendak mendapatkan maklumat daripada pihak kerajaan iaitu sehingga hari ini, apakah perdagangan yang melalui pintu masuk Betong dan Pengkalan Hulu? Apakah barang-barang yang ada dan nilainya setiap setahun? Ini kerana saya berharap pihak kastam memberikan pandangan kepada pihak kerajaan negeri, apa pembangunan yang sesuai dengan

kemasukan barang-barang daripada negara Thailand melalui pintu masuk di pekan kecil Pengkalan Hulu kerana salah satu yang saya difahamkan getah lateks tetap RM500 juta setahun masuk melalui pintu masuk Pengkalan Hulu. Akan tetapi kita di Pengkalan Hulu tidak dapat menghidupkan satu *business* yang sesuai. Sekadar memikirkan bebas cukai saya tidak berapa setuju kerana bebas cukai ini akhirnya kita memberikan kemudahan kepada mereka yang meminum arak, kemudahan menghisap rokok.

Akan tetapi walau bagaimanapun, perokok ini menjadi antara rakyat yang terpinggir. Hendak mengeluh tidak kata apa, harga rokok sudah naik RM17. Kita tidak boleh hendak kata apa. Saya salah seorang daripada perokok. Kadang-kadang saya terasa bahawa kerajaan tidak patut menaikkan harga rokok dengan tinggi, apa halnya.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Kemudahan. Jadi, tidakkanlah perokok-perokok ini masyarakat kelas tiga. Beritahulah, pandai-pandai lah naikkan lima puluh sen kan, ini naik terus melompat. Daripada RM13 naik kepada RM17. Akhirnya harga rokok akan naik sehingga RM30, RM40. Perokok pun masyarakat dalam negara Malaysia. Takkanlah cukai rokok boleh menjadikan kerajaan kaya dalam negara ini. Sama juga dengan tindakan Kementerian Kesihatan, tidak bagi rokok di R&R padahal orang yang membawa kereta ini mengantuk, berhenti di R&R – kita mengantuk, kita hisap rokok. Ya, sila.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Tenom.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Gerik. Saya tertarik dengan perbahasan Yang Berhormat Gerik tadi sebab kami berdua Tuan Pengerusi, perokok juga. Dengan kenaikan harga rokok ini Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Tuan Pengerusi...

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Gerik. Adakah Yang Berhormat Gerik bersetuju sekiranya harga menaikkan cukai rokok ini, tidak apa, kita terima juga. Bolehkah Yang Berhormat Gerik bersetuju sekiranya jika kerajaan menaikkan cukai-cukai rokok ini, kerajaan juga patut menyediakan tempat-tempat untuk perokok dengan *facility* yang bagus. Kadang-kadang ada tempat-tempat itu *ventilation* dia sampai sudah rosak dan tidak digantikan. Disebabkan *ventilation* dia rosak seperti di *airport* Tuan Pengerusi, sampai rosak tempat-tempat orang yang hendak menghisap rokok. Kalau boleh kita minta kerajaan juga menyediakan tempat-tempat yang kondusif kepada perokok-perokok ini. Bersetuju kah Ahli Yang Berhormat Gerik?

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Yang Berhormat Gerik. Saya tidak hidap rokok Tuan Pengerusi tetapi kenaikan rokok ini agak mendadak. Saya hendak tanya disebabkan harga rokok dalam negara jika dibandingkan dengan sekitar contohnya Indonesia dan sebagainya, adakah disebabkan kenaikan ini menyebabkan lebih banyak rokok dari luar masuk yang menyebabkan kerajaan pula gagal mengutip cukai daripada itu. Pada saya, kenaikan ini

harus ada hadnya supaya – macam kita subsidi minyak menyebabkan minyak kita murah akan ada orang mengambil kesempatan daripada luar, mengambil minyak dari Malaysia. Jadi saya hendak tanya kerajaan, sudah adakah kajian yang dibuat sehingga mana tahap rokok ini dinaikkan sehingga ia tidak menyebabkan rokok haram keluar dan kita pula gagal untuk mengutip cukainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gerik, sebenarnya ada satu minit sahaja lagi.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya sedikit sahaja lagi. Saya memang tidak menghisap rokok dan saya memang anti perokok. Jadi kalau bertanya kepada saya, isu kenapa kerajaan menaikkan harga rokok, saya memang sokong sebabnya isunya ialah kesihatan bukan isu hendak menambahkan pendapatan. Saya rasa itu bukan alasannya. Saya mencadangkan, setuju atau tidak Yang Berhormat Gerik bahawa apa yang ada di Parlimen kita hari ini pun, kalau boleh saya berharap tempat zon dilarang merokok diperluaskan kerana gangguan apabila kita lalu, bau asap dan sebagainya. Ada satu lagi masalah *passive smoker*, kita tidak hisap pun...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Itu saya setuju.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: ... Kita pun jadi masalah. Jadi minta pandangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cuma Yang Berhormat Gerik, saya hendak minta pandangan juga apa cerita Fatwa Kebangsaan yang mengharamkan merokok.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Payah juga hendak menjawabnya kan. Akan tetapi saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Tenom supaya apabila dinaikkan cukai, sediakan tempat merokok yang baik di mana-mana tempat. Begitu juga merujuk kepada kata-kata Yang Berhormat Parit Buntar. Walaupun dia anti merokok tetapi kita hendak menghormati orang yang merokok.

■1210

Di Parlimen pun patut ada sudut maut juga kan? Buat kan satu yang *smart* kan? [Ketawa] Untuk Yang Berhormat Setiawangsa tadi minta masukkan dalam ucapan saya.

Akhir sekali, saya hendak minta Kementerian Kewangan dengan Kementerian Pendidikan berunding balik pembayaran RM100 kepada mereka yang berpendapatan RM3,000. Supaya yang RM100 ini kita bayar sebelum buka sekolah, tidak kisahlah bila mana. Oleh sebab pada saya bila selepas buka sekolah kita bagi RM100 sebenarnya tidak ada makna. Nilai RM100 tadi mungkin emak bapa beli *prepaid*, mungkinlah andaian-andaian lain. Oleh sebab yang diperlukan kalau wang itu ada sebelum buka sekolah kita hendak bantu beli baju, kita hendak bantu beli kasut, kita hendak bantu beli – RM100 ini kalau pergi ke kedai macam di Gerik, lengkap semua. Beg boleh dapat, kasut boleh dapat, stoking boleh dapat, baju boleh dapat.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit Sulong bangun lagi.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Ya, Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Yang Berhormat Gerik, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya setuju apa Yang Berhormat tadi nyatakan tetapi apa yang kita bincangkan pada hari ini adalah bajet untuk tahun depan. Jadinya macam mana mungkin pandangan sebab kita tidak boleh gunakan bajet yang kita untuk tahun depan ini untuk bagi dahulu tahun ini. Jadinya macam mana daripada segi macam mana Yang Berhormat Gerik hendak tengok mekanismenya kalau kerajaan hendak bagi tahun ini juga, macam mana? Oleh sebab duit itu tahun depan baru ada *allocation* itu. Terima kasih.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Saya bab kewangan ini saya tidak berapa reti sangat. Akan tetapi kalau saya ada duit, saya bagi pakai dulu, bukan? Serupa kita pakai *hand phone*, kita beli *prepaid* makna kita bayar dulu. Sama juga kaedah bagi RM100. Mesti ada satu kaedah keistimewaan di antara seminggu sebelum tahun baru tahun depan, kita boleh keluarkan wang ataupun tunggu 1 Januari, 2 hari bulan kita bayar.

Akan tetapi ini kita serahlah kepada kerajaan untuk memikirkan sebenarnya untung atau tidak untung kita bagi RM100, berkesan atau tidak berkesan, menolong atau tidak menolong ibu bapa dibagi pendapatan yang bawah RM3,000 seperti yang dinyatakan oleh bajetnya. Dengan ini, saya menyokong untuk dalam Jawatankuasa. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Daripada PKR belum lagi ya, Yang Berhormat Lumut.

12.12 tgh.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Amanah itu Amanah.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: *Alhamdulillah*, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Amanah sudah, PKR belum.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Terima kasih. Saya ingin...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, selepas ini Yang Berhormat Lenggong.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Saya ingin membangkitkan mengenai Butiran P.10 – 3000, aset bernilai RM93,638,100. Saya ingin mendapat butiran ataupun perincian daripada peruntukan ini oleh sebab saya berpendapat biasanya untuk membelanjakan berjuta-juta ringgit dalam masa setahun untuk perolehan aset agak sukar. Oleh sebab kita perlu sediakan spesifikasi, kemudian buka tender, buat penilaian dan seterusnya menganugerahkan kepada penender yang berjaya. Ini mengambil masa. Oleh

sebab itu saya ingin butiran ataupun perincian peralatan aset yang akan diperoleh oleh Kementerian Kewangan.

Keduanya Tuan Pengerusi, saya ingin menyokong pandangan ataupun saranan Yang Berhormat Parit Buntar. Pengalaman saya dalam kementerian memang cara kita menyediakan perbelanjaan begitu mudah. Kita berdasarkan kepada tiga perkara, dasar sedia ada, dasar baru dan juga *one-off*. Inilah tiga perkara yang kita gunakan semasa membuat persediaan. Selepas itu jumlahnya agak terlalu berlebih kurang. Biasanya kita letak di takat yang lebih tinggilah.

Oleh sebab itu saya berpendapat saranan Yang Berhormat Parit Buntar, saya sokong supaya Kementerian Kewangan melihat balik kaedah kita menyediakan perbelanjaan. Mungkin Yang Berhormat Gua Musang juga bersetuju kaedah kita ini mungkin telah digunakan sejak beliau menjadi Menteri Kewangan. Maka sebab itu berlaku ketirisan dengan begitu ketara dalam kementerian-kementerian.

Boleh kita katakan tepat ia punya perkiraan hanyalah dalam bahagian emolumen. Emolumen memang biasanya tidak silap. Oleh yang demikian kita haraplah supaya Kementerian Kewangan melihat balik dan kalau boleh kaedah itu dibentangkan kepada Parlimen untuk kita lihat sama-sama dan kita teliti dan kita luluskan untuk dipergunakan di semua kementerian dalam negara kita. Dengan cara itu saya percaya *insya-Allah* kita boleh menjimatkan perbelanjaan kita dan kita elakkan ketirisan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lenggong.

12.15 tgh.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Lulus Yang Berhormat Lenggong. Lulus ya?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Lulus, lulus. Lulus banyak itu. Saya ingin mengambil bahagian di bawah Butiran 040200, 090900 di bawah Kementerian Kewangan.

Pertama, saya ucapkan tahniah kepada kerajaan atas keberanian untuk mengukuhkan GST ini walaupun kita peringkat awal kita lihat mendapat pelbagai reaksi daripada rakyat tetapi akhirnya kita dapat lihat bahawa ia benar-benar menyelamatkan negara. Apatah lagi ketika kedudukan ekonomi dan juga hasil negara yang merosot akibat daripada kejatuhan harga minyak dan sebagainya. Kita tahu bahawa GST cukai pengguna ini dan ia baik dan Cukai Barangan dan Perkhidmatan ini adalah saya sebutkan tadi penyelamat kepada kedudukan fiskal negara di tengah-tengah kelembapan ekonomi hari ini. Kita tahu juga kalau tanpa GST ini defisit fiskal kita akan melebar kepada 4.8% tahun ini. Akan tetapi kerana GST bukan sahaja ia mencatat angka 3.2% tahun ini malah diunjurkan akan berkurang 3.1% pada tahun hadapan.

Cuma saya harap penambahbaikan perlulah dibuat oleh kerajaan dalam isu ini. Saya harap dan saya ingin mendapat kepastian daripada kerajaan, apakah ada usaha-usaha untuk

menambahkan bilangan pegawai terutama sekali di Jabatan Kastam? Kalau melihat kawasan saya di Lenggong sendiri pun termasuklah di kawasan Gerik kerana kami terletak dalam sebuah daerah, jumlah pegawai, jumlah penguat kuasa begitu kurang sekali. Jadi perlu ada penambahbaikan daripada perkara ini. Kalau boleh, kalau kita tahu bahawa tidak ada kemampuan untuk menambah bilangan pegawai di jabatan ini, boleh tidak dan apakah ada usaha untuk melakukan secara NBOS supaya perkara ini dapat kita tingkatkan.

Saya juga ingin cadangkan supaya ditambah bilangan kadar sifar barangan keperluan semasa dan melakukan kajian impak setiap cukai ini supaya golongan pertengahan dan rendah tidak mendapat kesan yang banyak dan kesan yang panjang itu tempoh cukai ini dilaksanakan.

Satu lagi ialah program NBOS ini, UTC. Kita tahu UTC bertujuan untuk meningkatkan capaian rakyat di kawasan luar bandar kepada pelbagai perkhidmatan kerajaan dan swasta. Ia juga lebih kita kenali sebagai pusat sehenti bagi semua perkhidmatan awam dan swasta bagi menangani permasalahan. Maknanya perkhidmatan-perkhidmatan yang ada di bandar telah dibawa ke luar bandar dan ini sebenarnya cukup baik. Malah apabila kerajaan menambahkan waktu perkhidmatannya juga memberi peluang kepada pelbagai pihak terutamanya kakitangan kerajaan untuk mendapat perkhidmatan-perkhidmatan yang mereka susah hendak lakukannya ketika waktu kerja.

Kita tengok usahawan di kawasan luar bandar juga boleh mengambil kesempatan pada perkara ini. Cuma saya hendak ambil peluang sedikit untuk kerajaan menambah baik pusat UTC kita di Gopeng itu. Saya faham bahawa akan Kerajaan Negeri Perak misalnya akan membuka kawasan pertumbuhan baru di kawasan berhampiran dengan tol Jelapang itu. Nampaknya kawasan itu menjadi persaingan kepada UTC ini.

Jadi UTC Gopeng itu mesti ada perancangan baru dan saya ingin mendapatkan jawapan daripada kementerian, apakah usaha-usaha kerajaan untuk membolehkan UTC di Gopeng itu mampu untuk bersaing dengan kawasan yang saya lihat kawasan pertumbuhan baru dekat dengan tol Jelapang itu yang ada pusat aktiviti kanak-kanak supaya ia lebih menarik berbanding dengan UTC ini.

■1220

Jadi kalau itu dibuka nanti ia akan menyebabkan UTC Gopeng ini akan menghadapi masalah. Jadi apa langkah-langkah yang hendak dilakukan oleh kementerian bagi memastikan UTC Gopeng itu akan terus menarik ramai rakyat di situ.

Saya juga hendak mohon oleh kerana UTC ini baik, saya minta juga untuk kerajaan melihat 'Pusat Pekasam Lenggong' yang ada di kawasan Parlimen saya yang dibuat dengan jumlah yang besar. Akan tetapi nampaknya tidak begitu efektif dan dimanfaatkan secara keseluruhannya. Boleh atau tidak mini UTC ini dibawa ke tempat ini untuk dibangunkan kerana di kawasan Hulu Perak tidak ada lagi UTC ini. Jadi saya hendak...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lenggong, hati-hati dengan tangan itu. Yang Berhormat Parit Sulung sudah mengelak beberapa kali dah. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Hai, macam mana boleh dekat ini.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tidak apa. Dia sudah biasa itu. Sudah biasa dah. Biasa dah. Oleh sebab dia bercakap pun bukan sahaja tangan, kaki pun bergerak. Dia lagi teruk.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Rahsia sudah terbongkar juga.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Jadi, hari ini kasut dia tercabut Tuan Pengerusi. Itu dia tengah *repair* kasut.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Jadi saya minta – hai, Yang Berhormat Tenggara pun bunyi juga. Saya minta supaya mini UTC ini dibuat juga di kawasan saya. Kalau hendak cantik buat juga di kawasan Kuala Krau. Boleh tambah sikit ya. Lima minit lagi.

Jadi, supaya perkhidmatan ini dapat dilebarkan di kawasan luar bandar kerana ianya baik dan susah juga kawasan luar bandar ini hendak pergi kerana Gopeng dan sebagainya. Saya harap pusat-pusat seumpama ini ditambah dan perkhidmatan ini dapat dinikmati oleh rakyat keseluruhannya.

Satu lagi ialah program bas bergerak yang juga menyediakan perkhidmatan seumpama ini yang kadang-kadang hanya buat setahun sekali sahaja diperbanyakkan lagi. Ini pun satu perkhidmatan yang baik. Semua ini saya percaya akan memberi peluang rakyat untuk mendapat perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan yang selama ini hanya tertumpu di kawasan itu sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Yang Berhormat Lenggong. Aduh.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pokok Sena AMANAH atau PAS? Ini giliran AMANAH.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia campur, campur. AMANAH ada, PAS pun ada.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Oleh sebab saya tengok berjalan tadi lain macam sahaja. Ya, sila Yang Berhormat Kuala Terengganu.

12.23 tgh.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih saya ingin bahas...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya berani dengan Yang Berhormat Pokok Sena sahaja, dengan Yang Berhormat Sepang saya tidak berani.

Seorang Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bahas B.10, B.11 dan Butiran 10100, Butiran 170000 dan Butiran 21800.

Kebelakangan ini kita dapati kerajaan telah banyak mendapati hasil daripada GST iaitu RM49 bilion. Akan tetapi kami ingin bertanya, kenapakah kerajaan tidak dapat mencari cara yang lebih kreatif dan kurang membebankan rakyat untuk mendapat angka atau jumlah yang lebih besar tanpa terlalu banyak membebankan rakyat yang selalunya daripada golongan yang paling rendah dan susah.

Sebagai contohnya adalah cara pemberian kontrak boleh menyekat ketirisan, pembaziran, jika ia dilakukan dengan cara tender terbuka dan dengan cara jimat. Sebagai contohnya adalah apa yang telah berlaku di KLIA2 sebagai contoh yang mana terlalu banyak *package* diberi di bawah satu kontrak dan berbelas-belas kontraktor kecil. Banyak pembaziran dan juga masalah yang timbul. Keseluruhannya kos projek telah naik daripada RM1.7 bilion kepada RM4 bilion. Harga tanah sahaja telah naik daripada RM35 bilion sehingga 'RM850 million'. Itu ialah di antara kesan sampingan pemberian kontrak tanpa cara yang lebih teliti.

Di sini saya ingin mengingatkan juga masalah tidak berakhir di situ. Kita ingin tahu apakah jangkaan pembaikan landasan dan kawasan di sekelilingnya yang pada tahun ini dijangka RM76 juta hanya untuk setahun. Apakah yang dijangka untuk tahun-tahun akan datang kerana masalah mendapan ini dijangka sekurang-kurangnya akan terus berlaku untuk lima tahun lagi iaitu minimum. Akan tetapi maksimumnya masih belum dapat dikenal pasti. Jadi apakah jangkaan kos yang akan diperlukan untuk keseluruhan pembaikan ini.

Kedua, saya ingin menyentuh tentang sistem kewangan Islam Malaysia yang di antara 15 tahun ke 20 tahun lepas ini telah menempa nama di peringkat antarabangsa dan juga dunia. Akan tetapi kebelakangan ini banyak peraturan di bawah *Islamic compliance* dan juga *Islamic Index* dan sebagainya yang tidak mengikut peraturan yang sepatutnya.

Sebagai contohnya pada tahun 2009 kerajaan telah meluluskan ataupun mengeluarkan *Islamic Medium Term Note* kepada sebuah syarikat yang sepatutnya mesti *Islamic* atau *shariah compliance*. Syarikat tersebut adalah *Good Star Limited*. Akan tetapi kita dapati sebenarnya syarikat ini tidak sepatutnya *qualify* untuk mendapati *issuance* ini. Kita juga bertanya kenapakah kalau garis panduan ini tidak dipenuhi atau dikutip, tiada apa-apa tindakan daripada *Security Commission* diambil.

Satu lagi contoh di mana *shariah compliance* tidak ditepati adalah dengan syarikat daripada Hong Kong iaitu '*Brich Partners*' di mana *Security Commissions* juga tidak mengambil apa-apa tindakan. Jadi kami memohon pihak kerajaan memberi penjelasan tentang dua contoh ini supaya segala usaha kerajaan selama ini untuk mendapat pengiktirafan *Islamic Banking* dan sistem *Islamic compliance* yang baik tidak terbuang begitu sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Kangsar.

12.27 tgh.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang Maksud Bekalan 10 – Perbendaharaan. Butiran 030000 – Perkhidmatan Penilaian termasuk juga dengan Butiran 030100 – Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Butiran kecil Butiran 030200 – Latihan dan Penyelidikan Institut Penilaian Negara.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana saya lihat ada peningkatan kepada unjuran yang dibuat dan juga kepada kedua-dua perkara ini. Ia sebenarnya ada kaitan langsung dengan isu dan juga masalah dan juga kepentingan pembinaan rumah-rumah dan juga pembangunan hartanah. Jadi saya mohon supaya selain daripada penilaian ke atas nilai-nilai harta yang ada kaitan dengan duti setem dan juga duti harta pusaka dan juga melibatkan perubahan kategori tanah dan juga *acquisition*, pengambilalihan tanah. Kita lihat terdapat penilaian yang berbeza antara jarak dan di antara penilaian swasta dan juga penilaian pihak kerajaan.

Jadi saya mohon supaya perkara ini dapat diperkemas dan dilengkapkan melalui pendekatan yang lebih efisien yang mana jikalau penilaian boleh dibuat dengan cekap dan lebih efisien dan yang terutama sekali yang terpenting adalah masa untuk mengambil sesuatu penilaian itu untuk membolehkan, menggerakkan projek itu supaya tidak terjejas *progress* serta sesuatu projek itu. Jadi peringkat awalan ini cukup penting iaitu penilaian terhadap hartanah.

Jadi saya berharap pihak kerajaan dengan adanya peruntukan unjuran yang lebih ini dapat memperkemas kedua-dua aspek ini. Ini kerana ini merupakan perkara awal yang begitu penting dalam kita membangunkan projek-projek perumahan yang mana kita sendiri tahu bahawa projek untuk rumah kos rendah, rumah mampu milik perlu dilaksanakan dengan secepat mungkin. Jadi perkara ini kita tidak mahu masalah tanah, masalah penilaian tanah membelenggu ataupun menghalang *progress* kemajuan projek itu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya beri Yang Berhormat Pokok Sena oleh sebab dia tidak sabar. Kalau Yang Berhormat Hulu Langat dia sabar. Ya, sila.

12.99 tgh.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi yang beri ruang untuk saya turut terlibat dalam B.10 - Kementerian Kewangan. Saya ingin menyentuh tentang Butiran 011400 – Syarikat Pelaburan Kerajaan Menteri Kewangan Diperbadankan.

■1230

Saya hendak mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan, pada 5 Disember 2013, di Parlimen ini telah pun meluluskan sebanyak RM10 juta sebagai modal berbayar kepada AES Solutions Sdn. Bhd. dalam satu kelulusan khas yang telah pun dibuat di Parlimen ini iaitu sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan Diperbadankan. Dalam usul tersebut, usul yang dibawa oleh bekas Timbalan Menteri Kewangan dari Pontian pada waktu itu, beliau

menyatakan bahawa AES Solutions Sdn. Bhd. ditubuhkan untuk mengambil alih sepenuhnya keseluruhan aset dan operasi AES daripada syarikat pengendali swasta.

Saya hendak minta penjelasan yang berkaitan dengan status syarikat AES Solutions Sdn. Bhd ini kerana apa yang kita lihat sebelum ini, pada 6 April 2015, ATES Sdn. Bhd. dan Beta Tegap iaitu syarikat pengendali operasi AES sebelum ini, telah pun diambil alih oleh Irat Properties yang berkait...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Banyak kali sudah isu ini Yang Berhormat Pokok Sena timbulkan. Tidak selesai lagi?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Eh! Saya tidak timbulkan lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sebelum, sebelum ini.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sebelum itu, itu dulu, dulu. Ini isu syarikat...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Persidangan lepas.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Syarikat yang ditubuhkan tetapi orang lain pula yang ambil alih. Jadi kita hendak mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan tentang apa kedudukan status syarikat ini yang telah pun diluluskan dalam usul khas itu dengan peruntukan sebanyak RM10 juta? Jadi saya pun agak hairan tiba-tiba timbul ada syarikat lain yang berkaitan dengan Tabung Amanah Angkatan Tentera iaitu Irat Properties dan sebagainya telah mengambil alih syarikat yang saya sebutkan tadi iaitu ATES Sdn. Bhd. dan juga Beta Tegap.

Kedua, saya juga hendak mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan yang berkaitan dengan Butiran 010000 – Perkhidmatan Kewangan. Saya hendak baca bersekali dengan Butiran 011000 – Pelaburan Strategik dan disebut di dalam buku ini iaitu permohonan untuk pindaan kepada Akta Bank Negara, dalam buku bajet ini. Butiran 011600 – Antarabangsa, yang berkaitan dengan satu isu yang membabitkan soal pelaburan syarikat kerajaan dan juga berkaitan dengan operasi agensi di bawah Kementerian Kewangan iaitu Bank Negara.

Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Tuan Yang di-Pertua. Semalam ada jawapan kepada Yang Berhormat Kelana Jaya bahawa daripada Kementerian Dalam Negeri tidak menerima apa-apa permohonan daripada Bank Negara untuk Interpol Malaysia ini menyiasat dan menahan, mencari dua orang yang diperlukan dalam penyiasatan kes 1MDB. Jadi saya pun hairan juga kenapa Bank Negara tidak memohon. Adakah Bank Negara tidak percaya kepada polis Malaysia? Ini disebabkan polis Malaysia dilihat mengganggu SPRM, ganggu Bank Negara sehingga akhirnya mereka pun tidak pohon.

Jadi, saya hendak mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri kenapa Bank Negara tidak memohon? Apakah betul Bank Negara tidak memohon atau apa yang sedang

berlaku? Sedangkan Bank Negara memerlukan dua orang ini untuk melengkapkan sebahagian daripada penyiasatan penuh terhadap isu yang berkaitan dengan 1MDB.

Ketiga, yang terakhir Tuan Yang di-Pertua yang saya hendak bertanya ialah iaitu saya minta penjelasan kenapa Bank Negara tidak meluluskan lagi permohonan Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) yang memohon kepada Bank Negara untuk pengiriman dana berjumlah USD30 juta untuk tujuan pelaburan dalam dana MANZ Agriculture dan plantation melalui anak syarikatnya, FGV Investment. Labuan tidak dapat dipertimbangkan mengikut maklumat yang ada pada saya ini memandangkan FGV masih belum mengemukakan maklumat tambahan yang diminta melalui surat kami dalam 10 Mac.

Saya fikir dan saya pun hairan, saya hendak mendapatkan juga penjelasan daripada pihak Menteri kerana yang bertanggungjawab terhadap Bank Negara ini. Apakah hak Bank Negara? Ini kerana daripada segi hukumnya apabila kalau Lembaga Pengarah FGV ini sudah pun meluluskan untuk pengiriman dana untuk pelaburan tersebut, jadi, apakah hak untuk Bank Negara mempersoalkan, meminta dokumen-dokumen tertentu dan minta laporan usaha wajar *due diligence* bagi pelaburan tersebut sedangkan ini adalah benda yang sudah diputuskan. Jadi, saya hendak minta penjelasan, apakah Bank Negara melihat ada sesuatu yang meragukan terhadap FGV dalam melaksanakan operasi, apatah lagi ia membabitkan pengiriman wang dana sebanyak USD30 juta.

Jadi, saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan terhadap persoalan ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bandar Kuching. Ada.

12.36 tgh.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum saya masuk kepada Butiran, saya ingin menjelaskan bahawa saya masih berpegang terhadap pendirian saya bahawa itu adalah hak Ahli Parlimen dari Sabah dan Sarawak untuk bertutur dalam bahasa Inggeris dalam Dewan ini. Walau bagaimanapun untuk *benefit of the Deputy Minister who may not understand English, I will speak in bahasa Malaysia*.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, tidak bolehlah sabut macam itu Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Who may not, who may not. It does not matter.*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Timbalan Menteri ada dengar.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ada kah?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Timbalan Menteri Kewangan ada.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Deputy*. Mana dia?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Mana Timbalan Menteri Kewangan? *[Disampuk]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Mungkin dia tidak faham English. *So for the benefit, I will speak in bahasa Malaysia. [Disampuk] What is the problem? What is the problem?*

Saya ingin merujuk kepada...

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]: *You can speaks in English. No problem.*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Who is that?*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Itulah Timbalan Menteri Kewangan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Who is that? So, he lets me to speak in English. Okay, then I will proceed with English lah.*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Bandar Kuching, tidak perlulah macam itu Yang Berhormat. Sila berbahas dalam bahasa Melayu.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *I will leave that to another day. I leave that to another day but today I will confine myself to the issue at hand.*

Saya ingin mengulangi lagi mengenai kes yang saya sebut dalam perbahasan saya dalam peringkat Dasar yang mana *inner revenue* LHDN telah menuntut seseorang orang yang telah meninggal dunia selama 18 tahun untuk bayar cukai pendapatan. Saya berasa ini amatlah tidak adil terhadap pembayar-pembayar cukai dan bukan ini satu *isolated case* sahaja. Ramai rakyat kebelakangan ini telah menerima surat tuntutan daripada LHDN, menuntut bahawa belasan tahun lalu mereka ada kurang bayar cukai dan tuntutannya adalah beribu-ribu ringgit yang mereka kurang bayar. Saya rasa *there must be a cut of debt* untuk LHDN menuntut bayaran cukai pendapatan. Kita boleh membiarkan sahaja LHDN untuk menuntut pembayar-pembayar cukai, menuduh bahawa mereka kurang bayar cukai 20 tahun lalu dan mereka harus bayar sekarang.

■1240

Ini tidak masuk akal dan tidak munasabah juga kerana di bawah Akta Cukai Pendapatan, sesebuah syarikat ada tanggungjawab untuk simpan akaun mereka untuk tujuh tahun sahaja dan selepas itu mereka berhak untuk *destroy the document or keep the document*. Oleh itu, saya rasa mesti ada satu polisi yang jelas daripada kerajaan supaya ada satu *cut of debt* yang mana LHDN boleh menuntut cukai yang dituduh bahawa sudah ada kurang bayar daripada pembayar-pembayar cukai.

Perkara kedua yang saya ingin bangkitkan adalah di bawah Butiran 120000 iaitu Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan untuk Golongan Berpendapatan Rendah Sabah/Sarawak. Dalam tahun 2015, peruntukan RM50 juta telah diperuntukkan di bawah butiran ini. Akan tetapi untuk tahun depan, 2016hanya RM20 juta sahaja yang diperuntukkan untuk golongan miskin berpendapatan rendah Sabah dan Sarawak untuk pinjaman perumahan.

Bukankah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa pembentangan bajet bahawa ada tambahan peruntukan pinjaman perumahan untuk rumah panjang. Di sana tambah sedikit, tambah sedikit peruntukan, di sini untuk pinjaman perumahan untuk golongan berpendapatan rendah Sabah dan Sarawak dikurangkan. *On the one hand, you increase the allocation. On the other hand, you reduce the allocation.* Ini hanya, *I think it is only juggling of the figure, the amount.* Tidak ada kejujuran untuk menolong orang yang berpendapatan rendah di Sabah dan Sarawak dan ini merupakan satu penipuan ke atas orang-orang di Sabah dan Sarawak.

Butiran ketiga yang saya ingin sentuh adalah Butiran 150000 – Kumpulan Wang Amanah Dana Automotif Bumiputera. Walhal banyak wang bantuan untuk orang miskin telah dikurangkan, berpuluh-puluh juta dikurangkan. Akan tetapi saya nampak di sini Butiran 150000 – Kumpulan Wang Amanah Dana Automotif Bumiputera ini ditambah dari tahun ini sebanyak RM10 juta ke tahun depan RM50 juta. Satu tambahan RM50 juta. Adakah ini dana automotif bumiputera itu satu dana untuk menolong peniaga-peniaga automotif bumiputera? Bukankah ini merupakan golongan yang lebih kaya yang seharusnya berniaga *independently without any assistance from the government?* Kalau juga kerajaan hendak tolong, bagaimana golongan yang miskin. Bumiputera juga ramai yang miskin. Kenapa bantuan untuk mereka yang miskin dikurangkan sedangkan bantuan untuk peniaga-peniaga yang kaya itu ditambah?

Satu soalan lagi mengenai dana ini. Saya ingin tahu bahawa daripada duit yang dikeluarkan selama ini, berapa peratus yang telah diberi bantuan kepada kaum Dayak di Sarawak kerana mereka juga merupakan golongan daripada bumiputera? Akan tetapi sering kali mereka telah dilupakan atau diabaikan. Oleh itu, saya hendak bertanya, Kumpulan Wang Amanah Dana Automotif Bumiputera ini, berapa peratus yang telah diagihkan kepada kaum Dayak di Sarawak? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Hulu Langat.

12.45 tgh.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Akhirnya, sabar menunggu. *[Disampuk]* Merujuk kepada B.11 – Perkhidmatan Awam Perbendaharaan, Butiran 020500 – Subsidi dan Bantuan Tunai, RM10.6 bilion. Jadi saya memohon perincian mengenai pengagihan mengikut sektor atau komoditi atau syarikat-syarikat yang terlibat supaya rakyat mendapat maklumat yang jelas selaras dengan rasionalisasi subsidi kerana peruntukan tahun 2015 adalah sebanyak RM19 bilion lebih.

Kedua, saya juga sangat mengharapkan penjelasan kepada Butiran 021100 – Bayaran untuk Sektor Strategik. Saya minta Menteri beri pencerahan sektor-sektor strategik dalam usaha mencapai negara maju. Apakah faedah-faedah yang akan diperoleh nanti?

Ketiga, saya juga mengharapkan penjelasan kepada B.12 – Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun. Apakah tujuan utama Kumpulan Wang Terkanun ini diwujudkan?

Merujuk Butiran 130000 – Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam. Kepada siapakah ia akan diagihkan sama ada bagi syarikat individu yang bersama-sama memberi perkhidmatan pengangkutan awam atau kepada syarikat Prasarana yang dikatakan sentiasa mengalami kerugian dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat?

Butiran 140000 – Kumpulan Wang Tabung Bantuan Perubatan. Siapakah yang boleh memohon dan apakah jenis penyakit yang boleh dipohon atau ada tujuan-tujuan lain? Ini kerana saya membaca dalam media ada orang yang memohon kerana anaknya menghadapi penyakit paru-paru tidak diberi layanan.

Butiran 150000 - Kumpulan Wang Amanah Dana Automotif Bumiputera sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Bandar Kuching tadi. Adakah ia digunakan untuk membantu syarikat-syarikat bumiputera pengeluar kenderaan atau vendor-vendor bumiputera atau untuk syarikat pengeluar kereta negara seperti Proton dan Perodua misalnya.

Butiran 170000 - Kumpulan Wang Bayaran GST dan TRS. Sekali lagi, adakah ia untuk tabung membayar balik kepada syarikat-syarikat pengeluar produk yang memohon selepas mereka membayar GST atau untuk pembayaran lain?

Sebagai *corporator*, saya sangat mengharapkan penjelasan Butiran 080000 – Tabung Modal Pusingan Jabatan Pembangunan Koperasi. Adakah peruntukan ini diagihkan kepada Suruhanjaya Koperasi negeri-negeri atau bergantung kepada permohonan mana-mana koperasi yang memohon? Bolehkah tidak tabung ini diperuntukkan bagi membolehkan koperasi yang hampir lumpuh seperti MOCCIS? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, dari hulu ke kuala. Sila Yang Berhormat Kuala Langat.

12.49 tgh.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya teruskan ingin menyentuh Butiran 040000 – Tabung Bantuan Bencana Negara daripada anggaran tahun 2015 menurun kepada RM50 juta daripada RM70 juta. Persoalan saya hari ini Tuan Pengerusi, khusus kepada Menteri, apakah persiapan Bencana Negara ini, keperluannya itu tidak boleh kita tambahkan untuk memastikan apabila bencana itu dihadapi, ia sekurang-kurangnya akan memberikan sedikit keselesaan dan kelegaan kepada kawasan-kawasan yang dilanda bencana.

■1250

Saya melihat penurunan ini satu...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Lenggong berminat hendak buat pencerahan.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Nanti saya minum teh tertarik dengan dia di luar nanti. Yang Berhormat Lenggong memang macam itu, oleh kerana itulah dia dipanggil Lenggong.

Tuan Pengerusi, jadi saya melihat ketidaksungguhan Kerajaan Persekutuan untuk membantu dan memberikan pertolongan kepada mereka yang dilanda bencana. Ini bagi pandangan aya secara peribadi tidak adil.

Saya juga ingin menyinggung Butiran 100000 – Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin. Anggaran 2015, berjumlah RM200 juta Tuan Pengerusi. Pada tahun 2016, tinggal RM10 juta Yang Berhormat Lenggong. Dahsyat. RM190 juta dikurangkan. Maknanya apa? Adakah negara ini sudah hilang kemiskinan mereka ataupun tidak mahu bagi orang miskin jadi cerdik pandai? Ini Yang Berhormat Lenggong kena bersetuju. Kerana apa? Ini kerana kita masih lagi mendapati banyak keluarga miskin tidak mampu untuk mereka meneruskan pendidikan disebabkan oleh masalah kewangan. Maka demikian, saya ingin minta penjelasan daripada kementerian mengapa ia dikurangkan keterlaluan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Cakap perlahan-lahan sedikit. Menteri tak larat catat itu.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Titiwangsa, ini bagi saya terlalu jauh perbezaannya.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Dia tak makan ubat. Makan ubat tak tadi?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Cakap perlahan-lahan sedikit, Menteri tak *dan* catat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terlalu jauh perbezaannya yang memberikan kesan buruk kepada anak-anak miskin dan merunsingkan ibu bapa dan penjaga. Oleh yang demikian, saya minta Menteri supaya menjawab dengan ikhlas dan jujur daripada hati sanubarinya bukannya atas kertas sebab saya kenal Yang Berhormat Titiwangsa daripada kami bujang lagi. *[Ketawa]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ada rahsia apa itu?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Saya beralih kepada Butiran 120000. Saya juga ingin menyinggung Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan Untuk Golongan Pendapatan Rendah Sabah/Sarawak. Daripada RM50 juta pada tahun 2015 diturunkan RM20 juta lebih daripada 50% dan saya tidak tahu apa rasionalnya tetapi bagi saya, kita sekarang ini ketandusan untuk hidup keselesaan dan amanah pinjaman perumahan ini amat penting bagi mereka yang bekerja dan mengharapkan bantuan daripada kerajaan untuk memastikan mereka ini juga berharta. Maka penjelasan perlu diberikan terutama sekali bagi Sabah dan Sarawak.

Walaupun sedemikian, ia mesti cadangan yang rasional supaya diterima oleh rakyat Sabah dan Sarawak terutama sekali mereka yang bekerja sebab saya melihat bahawa inilah tabung yang boleh membantu rakyat pekerja di Sabah dan Sarawak yang sekarang ini kos sara hidup mereka jauh lebih tinggi dari Semenanjung. Maka yang demikian, saya memohon penjelasan daripada Menteri untuk memberikan jawapan daripada naluri hati kecilnya bukan atas kertas.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyinggung...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tengok Tuan Pengerusi, tengok Tuan Pengerusi.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: ...Butiran 130000 – Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kuala Langat, tengok Tuan Pengerusi.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Daripada RM10 juta meningkat kepada RM100 juta, oh dahsyat dan saya hendak bagi tahu apakah dengan alasan ini, pengangkutan kita akan menyaingi atau bersamaan dengan Singapura atau negara-negara yang maju.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Makan ubat, Yang Berhormat Kuala Langat makan ubat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Saya mohon Kementerian Kewangan memperjelaskan apakah dengan peningkatan sedemikian, pengangkutan tidak akan menjadi alasan yang tidak munasabah untuk kita menegaskan bahawa kita mempunyai pengangkutan yang efisien dan akhirnya penyelesaian yang dikatakan sebelum ini dikenakan GST, dikenakan pelbagai cukai untuk meningkatkan pengangkutan. Ini alasan yang perlu kita lihat sebagai alasan yang bernas daripada Menteri untuk menjawab soalan peningkatan yang luar biasa yang dibuat oleh Kementerian Kewangan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tak ada titik tadi, tak ada titik langsung.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Saya juga ingin menyinggung tanpa saya pedulikan Yang Berhormat Lenggong. Butiran 150000 iaitu Kumpulan Wang Amanah Dana Automotif Bumiputera. Ingin saya minta penjelasan daripada Menteri, daripada RM10 juta pada 2015 anggaran ditingkatkan RM50 juta.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Kuala Langat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Dia takut dengan Yang Berhormat Lenggong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Langat, ada yang membuatkan Yang Berhormat Kuala Langat bersemangat hari ini?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Ada, isteri saya. *[Ketawa]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia hendak masuk TV, hendak masuk TV.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Dekat belakang, *wife* dia dekat belakang.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Itu tidak dapat dinafikan Tuan Pengerusi, itu kenyataan yang harus segera dijawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sebab itu saya perhatikan tadi.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Sekali lagi saya ulang, saya merujuk Butiran 150000 – Kumpulan Wang Amanah Dana Automotif Bumiputera.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Langat, isteri sahaja ya bukan isteri-isteri ya?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Isteri sahaja. Saya lelaki yang terpilih. Bukan macam Yang Berhormat Lenggong, sembunyi-sembunyi. Kumpulan Wang Amanah Dana Automotif Bumiputera.

Saya ingin menyatakan dengan jelas bahawa kebelakangan ini Menteri, kita dilaporkan bahawa kedapatan syarikat-syarikat automotif sudah bermula untuk memberhentikan kerja. Walaupun jawapan saya kepada jawapan bertulis yang dibuat oleh Menteri atas Kumpulan Syarikat Naza yang memberhentikan kerja 255 orang dengan alasan menutup syarikat mereka. Ini atas kesan daripada penjualan yang tidak efisien tetapi yang saya nampak ialah kena terpalit atau terkait dengan GST dan sebagainya. Apa yang merunsingkan saya ialah syarikat-syarikat automotif ini kemungkinan besar dengan tidak disuntik sumbangan ini kepada syarikat ini, akan melebihi luaskan pembuangan kerja.

Saya hendak menyarankan kepada Menteri Kewangan, pastikan pekerja tidak boleh dibuang walau bagaimana sekalipun dan dana ini perlu wajib disalurkan kepada syarikat yang bermasalah. Tak kira bumiputera atau tidak bumiputera kerana kita akan bersaing dengan syarikat gergasi yang besar-besar apabila kita menandatangani perjanjian TPPA nanti, yang terkesannya adalah pelabur-pelabur dalam negara.

Maka yang demikian, saya ingin menegaskan bahawa waima datang TPPA sekalipun, kita mesti pastikan negara yang berdaulat ini tidak dimurkai dan tidak dipandang hina oleh rakyatnya sendiri atas kegelojohan atau pun ketidakpastian kita di masa depan. Maka yang demikian, saya hendak menutup bahawa soalan saya ini jawab daripada hati sanubari yang ikhlas daripada hatinya, bukan daripada kertas yang beretorik cerita lebih daripada kenyataan. Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri yang tekun mendengar pandangan saya. Terima kasih.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia hendak tunjuk dekat isteri dia, isteri dia dekat belakang itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

12.57 tgh.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya kasihan dekat Yang Berhormat Kuala Langat, dia tak makan ubat hari ini. Saya merujuk kepada B.10 Butiran 040200 – Perkastaman/GST.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Tuan Pengerusi, ubat apa? Hendak tanya, ubat apa. Ada penyakit macam-macam penyakit.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Butiran 040300 – Pematuhan/Penguatkuasaan dan Butiran 090700 – GST - Latihan.

Tuan Pengerusi, saya ambil peluang inilah untuk sekali lagi bercakap tentang GST. Sepatutnya rakyat Malaysia ini mengucapkan bersyukur kepada Allah SWT dan berterima kasih kepada kepimpinan yang ada hari ini kerana telah buat keputusan yang betul yang...

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Masukkan dia *YouTube* nanti.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Juara GST itu.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: ...Membawa negara kita ini hampir kepada kejayaan. Saya juga ambil kesempatan ini supaya orang di sebelah sana dapat dengar sekali lagi apa yang telah dibentangkan dalam bajet pada hari itu kerana macam mana cakap pun, saya dengar tadi apa-apa pun dipalitkan dengan GST. Sampai hari ini kalau naik satu jerawat pun, GST punya pasal.

Tuan Pengerusi, hampir 400,000 buah syarikat yang telah mendaftar GST dengan kadar patuh serahan mencapai 900%. Ini satu perkara yang baik yang telah berlaku dan hasil kutipan SST juga jika dikekalkan dulu hanya RM18 bilion berbanding dengan GST yang dianggarkan RM39 bilion. Ini satu kebaikan yang kita dapat lihat dan satu lagi adalah sasaran ataupun anggaran defisit negara. Pada tahun 2016, dijangka 3.1% dan jika tidak ia mungkin akan meningkat kepada 4.8%. Jadi sekali lagi saya hendak katakan bahawa keputusan kerajaan melaksanakan GST ini adalah keputusan yang bertanggungjawab dan betul-betul memikirkan bagaimana hendak bawa negara ini mendapat kemajuan.

Tuan Pengerusi, beberapa penambahan GST yang akan berlaku *insya-Allah* pada 1 Januari 2016. Yang pertama, kadar sifar kepada semua jenis ubat terkawal sebanyak 8,630 meningkat dua kali ganda daripada angka sebelumnya di bawah Kumpulan Racun 'A', 'B', 'C' dan 'D' meliputi ubat bagi 30 jenis penyakit. Ini adalah satu berita yang sangat baik kerana macam mana hendak buat.

Hari ini kebanyakan rakyat Malaysia bila umur sudah sampai 50 tahun dan ke atas sudah mula sudah kena penyakit tiga serangkai. Mungkin disebabkan oleh amalan harian kita selama ini, disebabkan apa yang kita makan, disebabkan pergerakan kita dan sebagainya, penyakit tiga ini sudah mari sudah. Kebanyakan orang bila kita *check*, bila saya tanya ada sudah salah satunya. Jadi, dengan itu rakyat hari ini banyak terpaksa beli ubat. Kita lihat yang ambil ubat di swasta dan ambil ubat di kedai-kedai ubat.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai. Kita sambung selepas jam 2.30 ya.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Mesyuarat bersidang dalam Majlis Mesyuarat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

2.32 ptg.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Bagan Serai, tujuh minit lagi.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sedang bercakap tentang kadar sifar kepada semua jenis ubat yang ada hari ini dan melihat kepada begitu ramai orang yang makan ubat pada hari ini. Saya pernah ada satu pengalaman pergi ke kedai, beli ubat dan harga ubat itu telah meningkat. Saya tanya kenapa ubat ini naik? Dia kata sebab GST. Ada empat hingga lima orang lagi dekat kawasan melihat dia kata GST dan orang kata, *"Ini semua tidak bagus kerajaan"*. Ini pandangan secara *superficial*, dengan izin. Akan tetapi apabila kita lihat kerajaan telah meletakkan pada kadar sifar, jadi rakyat pun jadi senang kerana ubat ini banyak pakai.

Apa yang saya hendak gambarkan di sini ialah yang pertama sekali, kita jangan cari penyakit. Banyak hari ini amalan-amalan, pemakanan dan amalan-amalan manusia mendatangkan penyakit. Jadi terpaksa makan ubat dan ubat ini kena makan sebab kita sakit tetapi ubat juga tidak boleh lari daripada kesan sampingan. *There's a lot of side effect*. Kalau kita amalkan ini, berapa orang yang baik daripada darah tinggi? Berapa orang yang makan ubat, baik terus dari kencing manis? Berapa orang yang makan ubat boleh jadi baik sebenarnya? Mungkin boleh bertahan tapi apa yang patutnya kita buat ialah amalan-amalan yang membawa kepada penyakit ini patut dihindarkan.

Contohnya kita makan makanan yang baik. Hari ini orang kata makan makanan seimbang. Makan makanan seimbang macam mana, timbang? Berapa orang yang makan makanan seimbang? Berapa orang yang dapat jaga yang sebenarnya? Sebab itu kita perlukan hari ini kepada *supplement* seumpamanya. Kalau kita makan dengan cukup karbohidrat, ada karbohidrat yang tidak baik, ada karbohidrat yang baik dan ada kita ambil protein yang cukup dan kita ambil kepada lemak yang cukup. Lemak yang baik, lemak yang tidak baik, makan sayur untuk menambahkan vitamin dalam badan kita dan boleh menguatkan badan kita, meningkatkan daya tahan badan kita supaya kita tidak ada penyakit dan kita tidak payah makan ubat. Lebih baik lagi kita makan vitamin daripada kita makan ubat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini yang saya cuba hendak gambarkan bahawa rakyat hari ini, di negara ini patut lebih insaf. Bukan saja kita dapat ubat pada kadar sifar tapi sepatutnya kita tidak payah makan ubat apabila kita dapat jaga kesihatan kita. Jadi, apa yang saya cuba gambarkan hari ini, saya mohonlah kepada kerajaan supaya kalau rakyat yang mula mengambil *supplement*, vitamin dan umpamanya memberikan insentif. Jangan kenakan GST, GST *exemption*, dengan izin ataupun diletakkan pada kadar sifar. Jadi rakyat yang sanggup berbelanja untuk mengambil *supplement*, vitamin seumpamanya kita elakkan dia daripada GST.

Begitu juga rakyat yang mengambil insurans umpamanya. Mereka membayar insurans untuk menjaga diri dan mereka ini tidak akan panggil ke hospital, mereka pergi ke hospital swasta. Jadi pengambilan insurans, saya cadangkan tidak payah ada GST ataupun pada kadar yang kosong ataupun rakyat yang terpaksa pergi ke hospital dan mereka pergi kepada hospital pakar pun tidak payah kena GST, *exemption*. Jadi perkara-perkara yang saya namakan sebagai insentif kepada amalan-amalan yang baik. Tidak timbul, contohnya Tuan Pengerusi amalan merokok.

Hari ini kecoh fasal rokok, fasal *vaping*. Ini pada peringkat asalnya, pada dasarnya fasal atau *vaping*, bukan fasal hendak haramkan *vaping* dan sebagainya. Pada dasarnya jangan merokok. Kalau tidak merokok, tidak payahlah *vape*. Kenapa mesti *vape*? Rokok pun tidak payah sebab benda itu mula mendatangkan mudarat. Benda itu boleh mendatangkan penyakit, boleh mendatangkan masalah kepada kesihatan dan contoh yang tidak baik kepada keluarga kita. [Disampuk] Benda ini bersangkut. Jadi maksud saya ialah pada kadar GST...

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Contohnya angkat cukai rokok, kalau jual *vape* Tuan Pengerusi, angkatkan *vape*, kenakan GST. Bagi dia susah. Ini pendapat saya sebab apa ini penting. Saya hendak tanyalah kerajaan, apakah kementerian bercadang untuk menambahkan barangan dan produk kadar sifar pada masa akan datang dan jika ya, apakah barangan yang telah dikenal pastikan potensinya? Contohnya saya bagi tadi adalah *supplement*, vitamin, tingkatkan *vape*, *vaping*, pematuhan dan penguatkuasaan. Berdasarkan kenyataan akhbar pada Mei yang lalu, 5 ribu aduan diterima.

Jadi kerajaan perlu memperkemas sistem penguatkuasaan bagi memastikan pelaksanaan ini dapat dilakukan dengan baik tanpa kebocoran dan fasal sistem cukai ini dapat dilihat bermasalah dan jadi isu kerana sikap sesetengah pihak yang mengambil kesempatan di atas nama GST.

Saya pernah beli barang. Saya tengok dia kata, "*Barang ini harga RM10*". Saya minta resit, kena GST. Jadi saya tengok ini. Masalahnya bukan pada sistem GST, masalahnya datang daripada sikap manusia yang tamak haloba menipu orang lain, ini masalahnya. Tuan Pengerusi, jadi saya ingin bertanya kepada kerajaan berapakah jumlah aduan yang diterima oleh Jabatan Kastam sejak percukaian ini diperkenalkan sehingga sekarang? Adakah *trend* nya makin naik ataupun *trend*nya makin menurun dan berapa *percent* kerajaan telah menyelesaikan masalah-masalah yang ditimbulkan oleh rakyat hari ini?

Tuan Pengerusi, ini bab latihan, yang akhir sekali butiran ini. Bagi meningkatkan tahap kualiti setiap penguatkuasaan, perlu ada satu latihan yang khusus secara berperingkat dan berkala di peringkat jabatan dan mana-mana badan yang terlibat. Ini kerana penguat kuasa sendiri mempunyai kefahaman yang lebih arif dalam sistem percukaian ini kerana mereka adalah orang-orang yang bertanggungjawab untuk melakukan siasatan, penerangan, pemantauan. Jadi dalam konteks latihan juga perlu harus diperbaharui dan ditambah baik. Apa yang saya cuba hendak gambarkan Tuan Pengerusi ialah orang-orang dalam sistem itu yang hendak keluar cerita pada orang ataupun siapa yang hendak buat pemantauan.

Kita hairan kenapa pembangkang, kita cerita kebaikan GST, sudah jelas kebaikan, dia tidak nampak. Mata dia rosak. Kita sudah cerita habis tentang kebaikan yang telah dilalui dunia hari ini dengan GST, dia tidak dengar. Telinga dia rosak. Apa yang rosak? Telinga dia rosak kah, mata dia rosak kah ataupun kita yang rosak?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Bagan Serai yang rosak.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Apa yang saya hendak gambarkan Tuan Pengerusi ialah mereka yang terlibat dalam pemantauan, penerangan mestilah menjiwai GST ini, mestilah faham, mesti ada *feel*. Dia mesti rasa GST ini bagus, GST ini betul, baru senang hendak cerita. Kalau tidak dia punya *vibration* dengan izin Tuan Pengerusi, *vibration* tidak sampai. Dia cuba hendak ceritakan tapi mulut dia saja sudah cerita dia pun rasa macam GST ini tidak betul. Ini yang saya cuba hendak gambarkan. Jadi ini perkara-perkara yang sangat pentinglah, kena ada *feel* dan *understanding* yang jelas tentang GST.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat kerajaan hari ini telah buat satu keputusan yang betul dan tepat dan bertanggungjawab dan kalau melihat pada saya lebih daripada 160 negara telah mengamalkan GST, *are they wrong? Are you right?* Dengan izin.

■1440

Kita lihat hari ini WHO telah *endorse* GST dan *rating agency* telah bersetuju dengan kita, telah menaikkan taraf penarafan kita, ekonomi kita lebih baik. *So what is wrong?* Ada masalah apa-apa? *Are you wrong* sebenarnya?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh saya tanya sedikit, boleh? GST.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: [Bangun]

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tujuh minit saja Tuan Pengerusi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Hai, secara tiba-tiba tujuh minit pula. Tadi bantai sedap-sedap.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Silakan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Selepas respons Yang Berhormat, gulung.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Bagan Serai. Semua orang tahu *passionate* dia fasal GST

ini. Saya rasa untuk kami pula kalau kita berkempen ini, kita akan mainkan video ucapan inilah, terima kasih banyakkah. *[Ketawa]*

Okey, cuma saya hendak tanya begini. Saya baca di *MalaysiaKini*, nampaknya di Sepang, UMNO Sepang mereka mengatakan, Rushdan namanya, dialah pengerusi salah satu *branch* UMNO di Sepang. Dia kata dia juga menyatakan tidak puas hati dengan pelaksanaan GST, 1MDB skandal dan minta Perdana Menteri meletakkan jawatan. Apa komen daripada sahabat saya. Nampaknya saya berterima kasih kepada UMNO Sepang, nampaknya dia pun tidak bersetuju dengan Yang Berhormat Bagan Serai. Terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ini masalah dengan orang yang tidak faham. Yang seperti saya gambarkan tadi Tuan Pengerusi, yang saya bimbang sebagai seorang doktor saya kena fikir ini, apa yang rosak ini. Mata dia kah, telinga dia kah ataupun otak dia yang rosak sebab kita dah habis. Hati dia rosak, ha. Jadi Tuan Pengerusi, perlulah semua orang terutama mereka di sana, muhasabah, duduk balik muhasabah diri, lihatlah kepada realiti kehidupan. Jangan dengar dari orang-orang yang *superficial*. Kadang-kala kita dengar perkara-perkara yang negatif, kita carilah sumber-sumber yang jitu, yang betul, yang menyatakan tentang realiti. Apa yang perlu untuk menjadi negara maju, untuk menuju negara yang maju.

Sekali lagi Tuan Pengerusi, saya Yang Berhormat Bagan Serai turut menyokong. Terima kasih.

2.42 ptg.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan cuba bercakap mengenai butiran-butiran berkaitan dengan 011400 berkaitan dengan Syarikat Pelaburan Negara dan juga ada butir lain.

Saya terus kepada Syarikat Pelaburan Negara dan saya terus merujuk kepada isu 1MDB ini. Saya minta Menteri memberikan jawapan walaupun di peringkat dasar saya ada sebut mengenai ini tetapi saya ingin tanyakan juga kepada pihak Menteri Kewangan. Kita tahu bahawa Bank Negara telah pun menarik balik tiga kelulusan yang diberikan kepada 1MDB berkaitan dengan wang yang dikatakan disimpan di bank di Singapura yang sebanyak USD1.83 bilion, lebih kurang RM7 bilion duit Malaysia. Jadi, apabila Bank Negara menarik balik di bawah *approval* itu, antara alasan yang diberikan oleh Bank Negara adalah ia *information* yang diberikan kepada Bank Negara pertamanya *inaccurate* dan juga tidak *complete*.

Saya ingin tanya kepada Menteri, oleh kerana tidak didedahkan apakah yang dimaksudkan tidak *accurate* itu dan tidak *complete* itu. Jadi saya ingin tanya, cuma kita boleh hanya membuat satu persepsi oleh kerana mungkin maklumat yang diberikan itu amat *crucial* di mana apabila kita bagi *information* yang tidak tepat menyebabkan *permission* diberikan, *approval* diberikan dan akhirnya ditarik balik.

Jadi saya telah menulis artikel dalam *MalaysiaKini* yang mengatakan patutnya 1MDB walaupun Peguam Negara telah tidak mahu mengambil tindakan, dia kata tidak ada kesalahan di bawah *Exchange Control Act* yang saya bersetuju dengan pihak Peguam Negara. Kalau kita

tengok kepada *Exchange Control Act* memang tidak ada *penal provision* yang boleh diambil tindakan ke atas kesalahan yang dianggap jenayah. Walaupun di dalam *Financial Service Act* boleh diambil tindakan *administrative* tetapi di sana juga ada *Penal Code*.

Kalau kita lihat kepada *Section 418, 417, 415 of the Penal Code* yang mentafsirkan makna *cheating*. Saya rasa memang kesalahan *cheating* boleh dikenakan ke atas 1MDB. Akan tetapi isu yang saya hendak bangkitkan, saya minta Menteri jelaskan di sini dan saya harap Timbalan Menteri Kewangan sahabat saya, Yang Berhormat Titiwangsa kalau dia menjawab nanti, dapat menjawab soalan ini, tidak mahu macam Menteri semalam. Kita tunggu sampai 11 malam, JPM langsung tidak jawab soalan-soalan yang kita kemukakan.

Saya tanya fasal pelantikan CEO MAIWP, *Ultra Virus Act*, tidak jawab. Tanya fasal isu profesional Baitulmal, tidak jawab. Kita tunggu sampai pukul 11, tidak jawab. Ini yang kita marah. Kawan saya dari Kapar tanya fasal PERMATA, lapan orang *Minister* daripada JPM seorang pun tidak jawab fasal PERMATA. Takkan hendak tanya dengan isteri Perdana Menteri pula. Dia tidak ada dalam Parlimen, tidak seorang pun jawab. Akan tetapi saya hendak katakan, saya minta jawab.

Keduanya, saya juga ingin tanya kepada Menteri, sepatutnya apabila wang itu telah ditarik balik *approval* itu, bermakna wang ini bagi saya secara *legalnya* adalah bukan wang yang sah dimiliki oleh 1MDB sebab *approval* telah ditarik balik. Maka sepatutnya wang itu dipulangkan ataupun *repatriated*, dengan izin kepada Bank Negara. Akan tetapi kita telah dapat satu kenyataan dari 1MDB mengatakan wang telah digunakan, *the money have been spent*.

Saya ingin tanya adakah wang USD1.83 bilion itu adalah wang yang dulu keluar daripada *Cayman Island*? Kalau wang yang dikatakan daripada *Cayman Island*, kita telah tahu dalam Parlimen ini didedahkan, asalnya kata wang itu wang *cash* tetapi apabila dijawab mana tunjukkan wang tunai. Tun Mahathir pun tanya kalau wang *cash*, tunjukkan wang itu, tidak dapat ditunjukkan. Selepas itu kata *paper asset*, kalau *paper asset*, macam mana pula telah digunakan pula. Jadi kita ingin tanya, adakah wang itu benar-benar wujud atau tidak.

Keduanya kalau katakan betul telah digunakan, telah *dispent*, takkanlah 1MDB ini dibiarkan kata orang itu *spend the so called illegal money*, selepas itu tidak diambil tindakan undang-undang. Jadi saya mahu Timbalan Menteri Kewangan atau Menteri Kewangan menjawab isu ini.

Kedua Tuan Pengerusi, saya juga ingin bertanyakan mengenai 040300 berkaitan dengan Menghapuskan Pinjaman. Saya ingin bertanya kepada Menteri, kalau boleh berikan apakah butiran-butiran penghapusan pinjaman itu. Pinjaman apakah yang telah dihapuskan itu, tidak didedahkan. Saya minta Menteri tolong menjawab.

Seterusnya 040400 – Bayaran-bayaran Balik. Saya ingin tanya juga apakah bayaran-bayaran lain itu, minta supaya didedahkan di dalam Parlimen ini.

Tentang 100100 – Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin telah dibangkitkan oleh rakan saya daripada Kuala Langat tadi. Saya juga ingin minta supaya Menteri memberikan penjelasan

sebab pengurangan itu terlalu kurang, terlalu jauh daripada RM200 juta, sekarang ini wang untuk pelajar miskin diberikan hanya RM10 juta. Pengurangan RM190 juta untuk pelajar miskin.

Sebelum ini kita telah diterangkan bagaimana SUHAKAM juga telah dikurangkan 50% daripada RM10 juta kepada 5.5% sedangkan BTN, bagi saya BTN adalah tempat di mana isu perkauman dimainkan dengan berleluasa diberikan sampai RM50 juta. SUHAKAM yang mempertahankan *human rights* turun kepada RM5 juta, sekarang ini wang orang miskin pula, pelajar miskin, RM10 juta lebih besar daripada BTN. Daripada bagi BTN, lebih baik wang ini diberi kepada pelajar-pelajar miskin ini.

Saya ingin tanya apakah rasionalnya dikurangkan ini. Apa rasionalnya? Adakah macam yang dikatakan, pelajar miskin sudah tidak ada lagi sedangkan apabila kita turun ke kawasan-kawasan, ada anak-anak yang berhenti sekolah pun ada kerana kemiskinan. Kalau dikurangkan lagi kemiskinan ini, apa yang kita akan dapat bantu pelajar-pelajar miskin ini.

Yang terakhir Tuan Pengerusi, saya juga ingin bertanya tentang 140...

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Laluan Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, silakan.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Pengerusi, sebelum Yang Berhormat pergi ke tajuk lain. Sebenarnya semalam sahaja Yang Berhormat Sepang kita bangkitkan isu pemotongan hampir 95% dana untuk yayasan bagi pelajar miskin.

■1450

Alasan yang dibawa oleh Menteri Pendidikan ketika itu kerana ada lebihan dalam belanjawan tahun lepas, lebihan RM120 juta tidak dibelanjakan pun untuk keluarga-keluarga pelajar miskin. Maka kerana itu potonglah daripada RM200 juta tinggal RM10 juta, sekarang RM130 juta tunai. Jadi bila masa ditanyakan oleh kami kenapakah ini berlaku, adakah ini bermakna ramai lagi pelajar miskin yang tercicir, jawab Menteri saya akan bagi *detail* kemudian.

Jadi saya mohon pandangan Yang Berhormat, adakah ini bermaksud kerajaan seolah-olah tidak mahu mengutamakan keperluan mereka yang tidak berupaya daripada golongan pertengahan bawahan di mana isu yang begitu besar, dana keperluan untuk pelajar miskin pun sampai meninggalkan lebihan sebanyak RM120 juta. Mungkin mereka tidak sempat pergi kursus kahwin di Paris, saya tidak pasti tetapi isunya inilah yang berlaku. Pohon pandangan Yang Berhormat, terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Lembah Pantai. Pertamanya saya ingin ucapannya dimasukkan dalam ucapan saya. Keduanya, saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai. Secara rasionalnya kita mengharapkan dalam mana-mana peruntukan pun paling kurang peruntukan fasal pelajar miskin ini kalau dahulu RM200 juta, kekalkan. Itu paling kurang ataupun tambahkan lagi. Tiba-tiba sekarang dikurangkan sampai RM190 juta dikurangkan, saya tidak boleh terima walaupun ada Menteri yang bagi *justification*, saya tidak nampak apa justifikasinya.

Akan tetapi *anyway* saya berilah peluang kepada Menteri untuk menjawab perkara ini sebab saya rasa orang-orang miskin ini ialah contoh di negeri Selangor kita ada bagi bantuan,

baucar untuk Jom Shopping. Setiap naik sekolah kita bagi dan kita lihat bila kita minta *list* untuk orang-orang miskin ini sentiasa ramai tetapi macam manakah boleh dikurangkan sampai RM190 juta dikurangkan jadi RM10 juta sahaja.

Terakhir saya kata tadi berkaitan dengan item 140100 – Kumpulan Wang Tabung Bantuan Perubatan. Saya ingin tanya kepada Menteri Kewangan. Pertama, saya hendak tanyakan apakah kesan GST ini kepada harga-harga ubatan. Walaupun - saya harap ada kajian yang dibuat sebab kita mendengar pelbagai versi. Ada yang mengatakan harga ubat tidak akan naik tetapi realitinya apabila dia berkata beli Panadol dahulu sebelum GST harga sekian-sekian selepas GST harga naik. Ini belum lagi TPPA lagi.

Jadi saya ingin tanya, sedangkan saya ingin *quote* apa yang dikatakan oleh Persatuan Pengamal Perubatan Swasta Malaysia. Dia mengatakan daripada Senarai Ubat-ubat Penting Kebangsaan yang dipanggil NADL, 10 April 2014. Dia mengatakan semasa bentang Belanjawan 2014, Perdana Menteri mengatakan NADL ini ataupun Ubat-ubat Penting Kebangsaan ini, ubat ini akan berkadar sifar, *zero rated*.

Akan tetapi bila mereka jumpa dengan pihak kastam, diberitahu berlainan dengan apa yang dijanjikan oleh Perdana Menteri dan mereka mengatakan NADL bukan senarai NADL walaupun diberikan senarai tetapi dia bukan senarai ubat lengkap sebab rawatan semua penyakit daripada 2,900 item yang dimasukkan dalam NADL ini hanya 200 ubat yang berbeza. Maknanya, dia katakan sebenarnya harga ubat ini masih lagi naik. Jadi saya ingin minta penjelasan daripada Menteri. Bagi saya perubatan ini adalah '*extension*' item, keduanya ialah satu *human rights*. Kita pergi negara-negara yang dikatakan negara Latin. Saya masih ingat bila saya pergi ke Venezuela berjumpa dengan pihak di sana, mereka mengatakan apabila seseorang *foreigner* mendarat sahaja di Venezuela, kalau dia sakit apa pun rawatan percuma. Walaupun dia adalah seorang *foreigner*. Alasannya ialah dia ialah *human rights*. Kami akan *sponsor* apa-apa.

Kita sekarang, kita lihat atau rakyat sendiri pun kena bayar tinggi. Ubat makin tinggi. Ada TPPA nanti saya rasa rakyat akan dibebankan. Sebab itulah patutlah kalau UMNO Sepang pun walaupun jarang berbangga dengan UMNO Selangor tetapi UMNO Sepang pun hentam GST, bantah RM2.6 bilion, minta Perdana Menteri letak jawatan. Ini menunjukkan bahawa UMNO Selangor memang sudah teruk apatah lagilah UMNO Malaysia. Terima kasih.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Sudah habis, okey.

Tuan Pengerusi: Dia sudah duduk. Sila, sila daripada sebelah kanan, ada? Sila, sila Yang Berhormat Putatan.

2.55 ptg.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya memang pendek sahajalah Tuan Pengerusi. Bagi butiran, bagi maksud B.10 butiran 011500 – Pengurusan Strategik Badan Berkanun iaitu yang diperuntukkan sejumlah RM3.6 juta sahaja. Jadi ini saya melihat ini

memang tidak cukup. Saya berkehendakkan pihak Kementerian Kewangan ini menambah ini kerana ini, strategi ini satu agenda Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ini amat penting.

Antara satu antara agenda Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya ingat iaitu memperkasakan ataupun mempertingkatkan pendapatan penduduk-penduduk luar bandar Tuan Pengerusi, yang mana kita mahu tidak lama lagi kita akan menjadi negara maju dan rakyat berpendapatan tinggi. Kita tidak mahu penduduk-penduduk luar bandar ini agak ketinggalan dalam segi pendapatan.

Jadi satu-satunya usaha yang telah dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan ini telah pun turun padang berjumpa dengan para penduduk untuk satu-satunya program iaitu penanaman getah, sawit dan semua tanah yang masih lagi terbiar milik tanah orang-orang kampung. Salah satu yang saya lihat yang ketara sangat adalah ketiadaan peruntukan bagi penanaman baru.

Menteri mana dia, saya harap pegawai ambil nota ini yang mana kita telah pun memberi penjelasan di mana penanaman koko di kawasan-kawasan luar bandar ini dan juga kepada infra-infra ladang yang tidak terlihat ketara dalam peruntukan kepada kementerian NPIC dan saya mengharap Kementerian Kewangan ini, tahu duit itu daripada Kewangan. Yang Berhormat Parit Sulong, makcik. Makcik ini tidak faham. Jadi kewangan itu daripada kewangan makcik.

[Ketawa]

Jadi saya minta dan haraplah Kementerian Kewangan ini melihat kembali kerana sebab-sebab kenapa peruntukan untuk penambahan ini ditiadakan. Jadi ini mengecewakan janji-janji oleh pegawai-pegawai yang telah turun padang, bertungkus-lumus berjumpa dengan yang berminat untuk koko ini langsung kecewa dan nanti bila pilihan raya di Sarawak tidak lama lagi maka ini kita selalu bercakap fasal-fasal janji ini tidak ditepati dan ini mungkin satu-satunya kesilapan kita.

Saya mengharap peruntukan penanaman baru itu *direinstatekan*. Saya ulangi, dikembalikan pada setiap tahun Tuan Pengerusi, peruntukan untuk penanaman baru ini memang ada. Akan tetapi pada bajet ini tidak ada. Saya mintalah daripada pihak Kementerian Kewangan *reinstate* peruntukan untuk penanaman koko baru ini sebab nanti penduduk di luar bandar itu amat kecewa.

Ini satu lagi program di bawah butiran yang sama bagi maksud 090900 – Program NBOS yang mana kita akan bekerjasama dengan kementerian-kementerian yang lain seperti KKLW, seperti MOSTI bagi *research and development*, dengan izin. Ini juga dengan sahabat saya Parit Sulong, MATRADE kita ada juga peruntukan sedikit supaya pengusaha-pengusaha di *middle stream* untuk pengusaha buatan coklat di kampung-kampung ini.

Saya harap MATRADE juga dapat memberi kerjasama soal pembentukan *middle stream industry*. Kalau Yang Berhormat Menteri fikir kalau boleh juga minta bantu peruntukan-peruntukan yang sesuai bagi mewujudkan usahawan-usahawan wanita terutama sekali ibu-ibu tunggal yang telah pun jalankan yang selama ini yang begitu menggalakkan sambutan daripada pihak-pihak usahawan wanita.

■1500

Jadi, ini bukan sahaja KKLW, saya tahu sahabat saya dari Machang juga Menteri dari KKLW dapat membantu usaha-usaha Lembaga Koko. Butiran yang seterusnya ialah sama bagi pembangunan B.10, Butiran 70112 – Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah yang diperuntukkan. Tuan Pengerusi, hanya RM4.7 juta. Satu negeri yang begitu luas untuk membangun dengan peruntukan hanya RM4.7 juta, mana cukup Tuan Pengerusi? Ini menangis orang mahu menjalankan usaha-usaha untuk memperkembangkan industri-industri di kawasan-kawasan perindustrian SEDCO. Kita perlukan lebih banyak daripada itu. Jadi, kalau kita bagi tambah sedikit Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Kewangan, senanglah hati orang Sabah melihat Kerajaan Pusat ini sungguh prihatin kepada rakyat negeri Sabah. Tolonglah, RM4.7 juta apa yang engkau boleh buat? Hanya minum kopi habis. Jadi, saya harap ini dapat ditambah.

Saya berbalik kepada Bekalan 11, Butiran 022400 – Sumbangan kepada NGO, yang berjumlah RM30 juta dan 022600 – Inisiatif-inisiatif di bawah NBOS. Ini saya rasa ada banyak sikit iaitu RM160 juta. Jadi, saya minta kefahaman dari pada pihak Kementerian Kewangan. Inisiatif-inisiatif di bawah NBOS ini dengan jumlah RM160 juta. Saya tidak begitu faham kerana NBOS ini yang berkolaborasi dengan kementerian-kementerian yang lain yang diberi peruntukan dan kalau ini sejumlah RM160 juta ini banyak betul ini. So, saya kalau boleh, bila dikatakan NBOS ini saya harap Menteri kewangan dapat juga menyalur, tolak sikit dari sana kasi dengan badan-badan agensi-agensi kerajaan yang memerlukan. Terutama sekali GLC-GLC kerajaan yang bermasalah yang boleh dibantu untuk memulihkan keadaan.

Sumbangan kepada NGO ini saya mengharapkanlah sumbangan-sumbangan ini kepada NGO-NGO yang betul-betul berkhidmat kepada masyarakat. Jangan setakat untuk NGO-NGO yang mungkin satu juga memberi satu *negative impact* kepada kerajaan. Ini amat penting sekali kerana banyak NGO yang terlibat, terutama sekali NGO-NGO yang suka berdemonstrasi di jalan. Jadi, saya mengharapkan Yang Berhormat Seputeh ini tidak terlibat dengan NGO-NGO yang selalunya mengacau bilau ketenteraman awam. So, saya mohonlah NGO-NGO yang menyokong kerajaan ini, termasuk Yang Berhormat Kota Melakalah ini.

Bagi butiran perbelanjaan bekalan yang sama iaitu Butiran 030300 – Pampasan kerana Kerosakan disebabkan oleh Pasukan Keselamatan. Saya tidak faham ini, pampasan kerana kerosakan oleh pasukan keselamatan. Ini pasukan keselamatan boleh merosakkan kah? So, saya tidak berapa faham ini yang hanya *token votelah*, ya *token vote*, saya tak berapa faham. Apa yang saya faham dalam perkara ini, semasa kerosakan semasa banjir, bencana alam, patut dibagi pampasan, bukan setakat untuk memberi makanan dan sebagainya.

Banyak kerosakan, terutama sekali kalau inilah maksud dia Yang Berhormat Menteri, kalau inilah maksud dia pampasan, rumah-rumah yang rosak, harta benda orang-orang kampung yang rosak oleh sebab kerosakan disebabkan banjir, ribut, bencana alam, gempa bumi misalnya. Yang ini *token vote* dengan RM100 ini kenapa pula? Patut ada peruntukan yang khusus bagi

maksud butiran yang tersebut. Okey, ini pampasan oleh pasukan keselamatan. Pasukan keselamatan pula yang mem buat kerosakan. Ini saya tidak berapa faham.

Okey, saya berbalik kepada perbelanjaan B.12 bagi maksud Butiran 100000...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Putatan, pasang *gear turbo* Yang Berhormat, supaya jimat masa.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ada sikit... [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Kumpul minyak sikit.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Okey, Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin. Saya tersilap pada semalam, ini soal murid-murid miskin ini ramai. Kita juga telah pun menggalakkan pihak-pihak NGO, pihak-pihak GLC, pihak-pihak syarikat gergasi yang memberi sumbangan secara CSR kepada penuntut-penuntut atau murid-murid sekolah ya Yang Berhormat Batu Gajah. Jangan engkau, kamu bersidang di bawah pokok kayu. Kesian. Jadi, saya berharaplah yang penerima ini Tuan Pengerusi, betul-betul murid-murid yang miskin. Jadi, kalau boleh penglibatan daripada PIBG ini harus juga kita tengok, melihat yang mana program-program ini kementerian, saya harap Kementerian Pelajaran melalui skim ini dapat menjalankan tugas yang begitu kemas. Di mana pemilihan murid-murid yang miskin ini yang betul-betul miskin, jangan pilih kasih. Ada kononnya yang saya dengar, ada antara guru ini pilih kasih. Jadi, kita juga *check* dengan eKasih, penerima pendapatan ibu bapa misalnya.

Jadi, ini saya harap dengan jumlah yang begitu banyak ini dapat disalurkan kepada sasaran B40, kalau boleh. [Disampuk] Yang Berhormat Kota Melaka, engkau bukan Speaker, Tan Sri Speaker. Masa saya masih ada setengah jam lagi. Bagi Butiran 170000 - Kumpulan Wang Bayaran GST Dan TRS ini. Saya rasa ini BR1M, saya tidak faham ini. Kalau inilah BR1M yang dibagi ini, saya berharap, saya bersetuju dengan sahabat-sahabat yang lain. BR1M ini kalau boleh secara pemberian dia harus kita jaga. Kita tidak mahu lagi macam dulu kita bagi *cash*. Kalau boleh, kita bagi dia satu buka akaun sendiri dan kita boleh salurkan melalui dengan akaun. Kita tidak mahu penduduk luar bandar, Kota Melaka. Dalam Kota Melaka itu tiada penerima BR1M sebab Kota Melaka ini semua orang kaya.

Jadi di Sarawak, kamu fahamlah dengan orang-orang di luar bandar ini, *the mode of transportation*, dengan izin, adalah bot. Petrol bot itu begitu mahal seperti mana sahabat-sahabat saya dari Sarawak sentuhkan tadi pagi. Kalau menerima RM100 pun, RM500 pun, kalau tambang itu sudah melebihi daripada apa yang diterima, ini menjadi bebanan kepada masyarakat dan penduduk dan penerima penduduk luar bandar. Saya mengharapkan kerajaan melihat ini secara serius supaya pelaksanaan pemberian BR1M ini dapat dilaksanakan dengan cara yang terbaik, teratur dan boleh mendapat impak yang baik daripada masyarakat dan rakyat luar bandar. Itu sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Kasi kaum Hawa, Kulai.

3.09 ptg.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa perkara hendak tanya Yang Berhormat Menteri Kewangan. Butiran B.11, 020500 – Subsidi dan Bantuan Tunai. Saya hendak tanya soalan yang singkat sahaja. Dahulu kita memperuntukkan RM19.3 bilion dalam butiran ini tetapi pada tahun yang akan datang hanya tinggal RM10.6 bilion sahaja. Saya hendak tanya, apa-apa subsidi ini untuk apa? Apa jenis bantuan tunai dan kenapa jumlah yang diperuntukkan ini telah begitu banyak dikurangkan.

■1510

Kedua, saya hendak tanya Butiran 022700 – *Vehicle Entry Permit* (VEP). Di sini RM50 juta telah diperuntukkan, saya rasa, untuk mengutip VEP di Kastam Johor Bahru. Kita telah bermula untuk mengutip VEP pada 1 Oktober tahun ini. Saya hendak tanya, sampai hari ini lebih kurang sudah melebihi satu bulan, berapa banyak jumlah VEP yang kita telah kutip daripada kenderaan yang masuk dari Singapura?

Saya hendak tanya, daripada kutipan VEP ini, berapa banyak yang telah diberi kepada Kerajaan Negeri Johor? Ini kerana saya rasa VEP ini selepas dikenakan terhadap kenderaan yang berdaftar di luar negeri, ada impak negatif kepada masyarakat Johor Bahru. Jadi saya rasa lebih baik dan lebih wajarnya kalau kutipan dari VEP ini adalah digunakan untuk membantu *business sector*, sektor *business* di Johor Bharu.

Selain daripada itu, saya juga hendak tanya tentang Butiran 022400 – Sumbangan kepada NGO di mana RM30 juta telah diperuntukkan. Saya hendak tanya di sini, apa jenis NGO yang menerima sumbangan daripada RM30 juta ini? Apa syarat-syaratnya, apa kelayakannya? Ini kerana kalau kita nampak, ada satu jawapan daripada Menteri Kewangan yang bertarikh 16 November, menyatakan di sini bahawa kalau hendak bagi apa-apa peruntukan kepada NGO hanya adalah untuk tujuan-tujuan berikut, seperti menyokong acara sukan sekolah, membantu mangsa banjir dan juga untuk memberi sumbangan kepada anak yatim, ibu tunggal, orang OKU, orang tua dan golongan lain yang memerlukan.

Saya rasa *guideline* ini, garis panduan ini adalah sangat tepat dan bagus. Saya memang setuju dengan ini tetapi saya hendak tanya di sini, kalau ini adalah garis panduan yang telah ditetapkan, kenapa kita ada sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kementerian Kewangan iaitu SRC International yang menderma RM42 juta kepada Perdana Menteri kita?

Sebenarnya, bekas Presiden MCA, Datuk Seri Chua Soi Lek dalam satu temu duga dengan Cari.com, beliau mengakui bahawa untuk PRU Ke-13, kali pertama MCA diberi bantuan kewangan daripada Presiden UMNO iaitu Yang Amat Berhormat Pekan. Juga, BBC *Chairman* kita, Pengerusi BBC kita iaitu Ahli Parlimen Johor Bahru juga menyatakan bahawa beliau juga salah seorang yang telah menerima bantuan kewangan daripada Yang Amat Berhormat Pekan yang telah menerima derma yang sebanyak RM2.6 bilion dari luar negeri dan juga SRC International.

SRC International sebagai sebuah syarikat milikan Menteri Kewangan, kenapa membuat derma untuk Yang Amat Berhormat Pekan untuk bantu beliau dalam PRU Ke-13?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bangun]*

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kulai. Isu yang berbangkit adalah berkenaan dengan *confidence* memandangkan kita ada jawapan yang diberikan, Tuan Pengerusi, oleh bekas Presiden MCA dan ianya juga Tuan Pengerusi, berkaitan dengan RM2.6 bilion yang dikatakan dermaan dan *of course*, ianya juga ada kaitan kepada siasatan 1MDB yang dijalankan sekarang.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Puchong, yang kita bincangkan ini di bawah Kepala apa?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Di bawah Kepala wang diberikan kepada NGO. Ya, sumbangan kepada NGO.

Tuan Pengerusi: *I've been listening, I've been listening.* Jadi Kepala sumbangan diberikan kepada NGO, lepas itu kaitkan dengan apa yang diberi kepada PM. *I think it's too remote. That has been discussed...*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *It's very short,* Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: *Okay, that has been discussed already* dalam dasar.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Just give me two minutes, I will finish.*

Tuan Pengerusi: Okey, sila.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih. Tuan Pengerusi, apa yang dibangkitkan ini adalah perkara yang serius. Tuan Pengerusi, kita ada satu siasatan sekarang iaitu siasatan 1MDB. Kita semua tahu, *in fact* Tuan Pengerusi *has made this point many times*, ada PAC yang ditubuhkan untuk siasat perkara 1MDB tersebut. Satu perkara yang berbangkit Tuan Pengerusi adalah berkenaan dengan sama ada atau pun tidak Perdana Menteri akan dipanggil sebagai seorang saksi untuk memberi penjelasan yang juga berkaitan kepada apa yang rakan saya sebutkan.

Tuan Pengerusi, apa yang berlaku tadi di Parlimen di mana satu jawapan diberikan oleh Ahli Parlimen Rompin berkenaan dengan sama ada atau pun tidak Perdana Menteri akan dipanggil. Saya baca Tuan Pengerusi apa yang dilaporkan di *MalaysiaKini*.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Laporan itu...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Puchong, *you have already taken the floor from* Yang Berhormat Kulai.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Just one line and that's it, I will sit down. I am sorry.* Tuan Pengerusi, *I assure* Tuan Pengerusi, *it will be less than a minute.*

Ini apa yang dikatakan. *"Public Accounts Committee Chairperson, Hassan Ariffin said, "It is not necessary to call Prime Minister Najib Tun Razak over the 1MDB probe". "Not necessary". He repeated several times when grilled by reporters about when PAC will call Najib in their probe. Pressed further..."* Tuan Pengerusi, ini apa yang dikatakan. *"Hassan quipped, "Janganlah, saya pun hendak cari makan juga". (Please don't, I need to earn a living too). He said this when told*

that his predecessor Nur Jazlan Mohamed had stated that if necessary, the Committee would call Najib to facilitate its probe.”

Tuan Pengerusi, *this is a conduct of the PAC Chief. This is a conduct of PAC Chief. Embarrassing, shameful. In fact Tuan Pengerusi, if this is true, then the Chairman of PAC must resign because it is clear now that he is not independent and as Chairman of the House Tuan Pengerusi, I ask Tuan Pengerusi, can we imagine this kind of respond given to the public? “Saya tidak akan panggil kerana saya hendak cari makan.” These are the standard of the MP that we have as a chairman as such a powerful committee.*

Jadi, Yang Berhormat Kulai, saya hendak minta- juga Tuan Pengerusi *you also and I've been respected of you Tuan Pengerusi, can we allow this kind of conduct? We are Members of this honorable House. This is a shameful respond, Tuan Pengerusi. Shameful. Can we just sit back and allowed this kind of respond to go to the public that our PAC chief does not or will not intend to call a Prime Minister because he wants to cari makan? Tuan Pengerusi, embarrassing, embarrassing to...*

Tuan Pengerusi: *That point has been delivered three times, I heard it.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *That's very good, Tuan Pengerusi. Terima kasih.*

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Kulai.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Saya sangat setuju dengan pandangan Yang Berhormat Puchong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kulai, *don't allow interruption because you only have ten minutes.*

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Okey, okey, singkat, singkat. Satu minit.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Okey, terima kasih. Perkara yang sama, Yang Berhormat Kulai. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin Yang Berhormat Kulai berikan ulasan. Tahun lepas apabila satu soalan ditimbulkan kepada Kementerian Kewangan bahawa pernahkah kerajaan memberi *donation* kepada NGO seperti PERKASA, Menteri pun jawab kata ada. Jadi, adakah NGO-NGO seperti Perkasa, seperti yang *promote unity* di kalangan rakyat atau betul-betul membantu rakyat dari segi memupuk perpaduan?

Baru-baru ini kita pun terkejut dengan ada persatuan silat yang boleh membuat demo di Kuala Lumpur pada Hari Malaysia. Jadi, adakah kerajaan pun memberi *donation* kepada NGO-NGO seperti NGO silat? Minta ulasan daripada Yang Berhormat Kulai. Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya memanglah minta Menteri Kewangan yang akan menjawab nanti, kalau boleh bagilah kita satu senarai siapa NGO yang telah menerima RM30 juta ini daripada Kementerian Kewangan.

Saya rasa semalam kita ada seorang Menteri senator di Jabatan Perdana Menteri yang mengambil masa yang cukup panjang untuk mengulas dan membalas tentang isu YaPEIM. Walaupun YPEIM adalah sebuah NGO, dia cakap bukan pertubuhan kerajaan tetapi beliau

mengambil masa sepanjang, saya rasa, lebih kurang 30 minit untuk membalas, menjawab segala isu tentang YaPEIM.

Jadi, saya rasa SRC International adalah sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kementerian Kewangan, jadi saya harap Menteri sebentar nanti bolehlah memberi jawapan yang telus, yang lengkap tentang benar kah SRC International ada menderma RM42 juta kepada Yang Amat Berhormat Pekan. Kalau beliau rasa dermaan ini adalah ikhlas, tidak digunakan untuk PRU Ke-13, ini adalah di bawah SRC, mereka rasa mereka tidak buat apa-apa kesilapan, apa susahya untuk mendedahkan sama ada atau tidak SRC International telah derma RM42 juta kepada Yang Amat Berhormat Pekan?

■1520

Saya rasa ini adalah tanggungjawab seseorang Menteri untuk menjawab segala aktiviti-aktiviti agensi kerajaan, syarikat yang dimiliki oleh GLC yang dimiliki oleh kerajaan di dalam Dewan ini. Jangan melindungi orang yang telah buat kesilapan kalau ada. Itu adalah satu yang telah menyalahi undang-undang atau tidak kita biar MACC siasat kita. Biar polis siasat. Akan tetapi ada atau tidak itu adalah satu soalan yang perlu dijawab serta-merta kalau Barisan Nasional memang tidak takut, tidak rasa mereka ada buat apa-apa kesalahan.

Untuk yang terakhir yang saya hendak sentuh adalah tentang Butiran 170100 iaitu tentang GST. Saya rasa sebelum GST dilaksanakan beberapa Menteri dan juga Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional telah menyatakan bahawa GST ini bantu rakyat, tidak akan membebankan rakyat. Bukan itu sahaja pada bulan Mei dan Jun tahun yang lalu pada masa itu masih memegang jawatan Timbalan Menteri Kewangan, Yang Berhormat Pontian menyatakan selepas pelaksanaan GST, 48% punya barang harganya tidak akan turun, sama, 42% punya barang harganya akan turun. Barang mana harganya akan naik hanyalah 10% sahaja. Itu kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Pontian. Masa itu beliau masih Timbalan Menteri Kewangan.

Bukan itu sahaja, Yang Amat Berhormat Pekan dalam ucapan bajet tahun 2015 juga menyebut bahawa 56% punya barang harganya akan turun. Akan tetapi pada bulan yang lalu, yang lepas ini pada 21 Oktober, Menteri Perdagangan Dalam Negeri mengakui dalam jawapan bertulis menyatakan bahawa di Semenanjung barang harga naik adalah sebanyak 78%. Di Sarawak 63% barang harganya sudah naik, di Sabah juga 68% punya barang harganya sudah naik, yang turun barang yang harga tidak berapa banyak sahaja.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Kulai tanya sedikit boleh? Boleh?

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Siapa?

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Kuala Kangsar. Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat Kulai, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya masih ingat apabila harga minyak naik barang naik kerana kos pengangkutan dan campur banyak kos lagi harga naik. Akan tetapi sekarang harga minyak

kurang mengapa barang tidak turun. Sudah jelas maknanya bukan kerajaan yang menaikkan barang, peniaga. Harga minyak sudah turun banyak, apa pandangan?

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Kalau tidak ada soalan yang bijaksana tidak apa saya boleh beri jawapan yang ringkas.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, hairan saya pada petang ini. Saya baik hati, saya sabar. Dalam empat lima minit ini saya akan tidak sabar lagi, yang lain saya tidak panggil berucap nanti saya panggil kementerian yang lain, jangan hairan, jangan hairan dan jangan hairan. Sila.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Okey terima kasih. Saya rasa jawapan kepada Ahli Parlimen tadi adalah *simple*lah, GST dan juga skandal 1MDB. Saya rasa ini jawapan yang terus terang. Saya hanya hendak tegaskan di sini walaupun bekas Timbalan Menteri Kewangan Yang Berhormat Pontian telah memberi aku janji dia. Bukan itu sahaja walaupun Yang Amat Berhormat Pekan sendiri pun telah memberi aku janji bahawa harga barang yang sebanyak 56% ini akan turun.

Akan tetapi pada hakikatnya 70% punya barang harganya naik tidak turun. Jadi saya hendak tanya di sini, wajar tidak Menteri Kewangan pohon maaf di Dewan ini. Pohon maaf daripada rakyat jelata kerana mereka telah bohong, buat satu pembohongan yang cukup besar di Dewan ini. Berani tidak mereka akui?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat itu perkataan bohong sudah saya tidak benarkan minggu pertama lagi. [*Dewan riuh*] Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain duduk.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Okey saya tarik balik, saya tarik balik tetapi saya cakap kenyataan itu telah dibuktikan salah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kulai duduk. Duduk Yang Berhormat. Minggu pertama persidangan sudah huru-hara mengenai dengan kata-kata *unparliamentary*. Sudah saya bagi *warning* siapa yang sebut lagi *unparliamentary* saya tidak akan maafkan. Satu daripada yang hari itu saya *ruling*, tidak boleh disebut bohong, diulang lagi balik. Cuba ulang lagi balik bohong itu. Sekarang saya mahu Yang Berhormat tarik bohong.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: Tarik, saya mahu dengar. Yang Berhormat Seputeh jangan campur Yang Berhormat Seputeh. Sila tarik balik.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Tuan Pengerusi, saya tidak ada masalah. Saya boleh tarik balik dan saya hendak memperbetulkan kenyataan saya, Yang Amat Berhormat Pekan dan juga Yang Berhormat Pontian telah buat kenyataan yang kurang tepat di Dewan ini. Kenyataan mereka telah dibukti salah bukan oleh saya tetapi oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri. Jadi saya hendak tanya kalau mereka masih bermaruah, tidak patutkah mereka pohon maaf di Dewan ini. Sekian sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Dalam rekod - Ahli Yang Berhormat yang berdiri duduk dahulu. Dalam rekod sudah ada 20 orang yang berhujah. Hari ini kita terpaksa siapkan tiga kementerian, ini baru Kementerian Kewangan. Kalau trend ini berlanjutan, bermakna kita akan *sit* sampai pagi lagilah. Sudah disebut bahawa 10 minit, 10 minit bermula daripada Yang Berhormat Putatan 10 minit, 10 minit, 10 minit. Tidak lebih dan tidak kurang daripada itu kalau kurang lebih baik. Kementerian Kewangan bersedia untuk menjawab. Sila jawab.

3.27 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2016 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2016 bagi maksud B.10, B.11, B.12, P.10 dan P.70 di Dewan yang mulia ini. Kerajaan sangat menghargai cadangan dan pandangan dan teguran yang telah diberikan terhadap beberapa perkara yang dibentangkan dalam rang undang-undang tersebut. *Insyallah* saya akan menjawab dan memberi penjelasan terhadap soalan yang dibangkitkan ini.

Tuan Pengerusi: Jawapan itu pun Yang Berhormat bukan macam apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kulai jangan panjang-panjang pendekkan sahaja, mana perlu.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Ya Tuan Pengerusi. Bagi isu-isu khusus yang mana-mana perkara tidak sempat dijawab saya suka maklumkan bahawa perhatian dan pertimbangan selayaknya akan diberi bagi menangani perkara-perkara tersebut. Pertama saya ingin untuk menjawab Yang Berhormat Parit Sulong. Untuk makluman Yang Berhormat Parit Sulong, kerajaan menyediakan peruntukan mengikut keperluan bil berdasarkan tuntutan yang dikemukakan oleh PBT kepada kerajaan.

Kerajaan tidak menetapkan agihan mengikut kawasan Parlimen tetapi apa yang penting perkhidmatan bil lampu untuk rakyat adalah ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan bersama-sama dengan PBT. Kedua, Parit Sulong juga mengatakan bahawa pembayaran pengurangan peruntukan kepada KLIA Berhad. Ini adalah pembayaran yang dibayar Kerajaan Pusat terhadap tanggungan sewaktu kita membina KLIA dan pembayaran ini akan tamat pada 2019. Ini adalah pembayaran sebanyak RM2 bilion lebih untuk dibayar hutang sebanyak RM11 bilion untuk pembinaan KLIA. Kemudian Yang Berhormat Parit Sulong juga— okey itu saya sudah jawab.

Yang Berhormat Parit Buntar. Yang Berhormat Parit Buntar mencadangkan bahawa bajet ini perlu mengambil, tidak ada dalam Dewan. Akan tetapi walau bagaimanapun saya hendak jawab dalam Yang Berhormat Parit Buntar. Dalam proses kita membuat bajet ini kita melibatkan banyak fokus *group* di antaranya fokus *group* di kalangan B40, di kalangan industri-industri pertanian, bumiputera dan juga SME. Banyak juga fokus-fokus *group* yang melibatkan golongan profesional yang menyumbang kepakaran semasa kita membuat bajet tersebut.

■1530

Kemudian Yang Berhormat Setiawangsa. Yang Berhormat Setiawangsa menyatakan bahawa peningkatan perkhidmatan Pengurusan Teknologi Maklumat. Kenaikan ini disebabkan oleh sistem penyelenggaraan komputer kita yang baru bagi pelaksanaan *accrual accounting*.

Kemudian Yang Berhormat Setiawangsa juga bertanya kenapa Kumpulan Wang Pelajar Miskin menurun dari RM200,000,000 kepada RM10,000,000? Sebenarnya pada tahun ini, pada tahun 2016 apabila kerajaan membuat bajet untuk Kumpulan Wang Pelajar Miskin ini. Kita mengambil kira berapa baki dalam Kumpulan Wang tersebut. Dalam Kumpulan Wang tersebut adalah sebanyak RM229,607,000 jadi kerajaan berpandangan bahawa kalaulah bantuan ini untuk pelajar miskin maka kita hendak kementerian yang terbabit pakai duit itu dan habiskan.

Ini sebab kita tidak mahu bahawa kita mengumpul duit dalam dana-dana ini tapi kita tidak menggunakannya. Jadi di sini soal *implementation*. Jadi kemungkinan besar sebahagian daripada perbelanjaan yang terkumpul ini adalah kerana banyak juga kementerian-kementerian lain yang juga menyumbang kepada bantuan-bantuan ini tetapi dia ada *duplicating role*. Oleh sebab itu dengan kita mengurangkan ini tidak bermakna kita mengurangkan bantuan kepada pelajar miskin kerana kita hendak suruh dia menghabiskan duit dalam dia punya tabung.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat daripada Titiwangsa, Menteri. Saya hendak tanyalah kalau apa yang dikatakan oleh Menteri, saya *assume* itu adalah benar. Maknanya adakah memang wang ini tidak dibelanjakan kepada orang-orang miskin dan pelajar-pelajar miskin ini? *Something* yang saya rasa tidak masuk akal, duit dengan rakyat ramai yang miskin, ramai yang minta BR1M, ramai rakyat yang mengadu kesusahan, tiba-tiba wang sebanyak itu tidak digunakan. Lebihan pula!

Kalau lebihan, sepatutnya tidak payah bagi langsung, tidak payah turunkan RM10,000,000, kosong terus bagus! Jadi ini nampak menunjukkan bahawa kita minta, hendak tanya kenapa mesti Menteri Kewangan tahu, kenapa tidak dibelanjakan? Ada sesuatu tidak kena.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat Sepang, sebelum saya jawab ini ada saya alu-alukan kehadiran wanita UMNO Sepang di Dewan ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya pun mengalu-alukan juga lah.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Sepang, dia perlukan kepada pelajar miskin ini, dia tiap-tiap tahun masuk dalam tabung. Sebahagian kadang-kadang ada tahun yang kita pakai mungkin RM180,000,000 ada baki RM20,000,000. *So, cumulatively as at 2015*, kita ada 229 – jadi kita merasakan bahawa kena lihat balik dari segi *implementation* bagaimana hendak menghabiskan duit ini.

Sebelum kita tambah duit ini, sebab itu saya kalau kita lihat dalam Kementerian Pendidikan baru ini waktu Menteri menjawab di peringkat dasar, kita boleh tanya balik nanti di pihak jawatankuasa di pihak Kementerian Pendidikan kerana duit ini semua kita serahkan kepada Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan objektif pelajar miskin ini. okey.

Kedua, kenapa Tabung Bantuan Bencana Negara menurun daripada RM70,000,000 kepada RM50,000,000. Itu juga adalah alasan yang sama. Kalau kita tengok baki terkumpul

Wang Bencana Negara hari ini adalah RM504,000,000. Jadi kita beritahu kalau kita hendak masukkan duit ini dalam tabung ini. Tabung-tabung ini kita tidak hendak jadi tabung pelaburan. Kita hendak tabung ini diguna pakai untuk menyelesaikan soal-soal bantuan dan juga bencana.

Jadi kalau kita tengok ada RM504,000,000 ini, kenapa hendak tambah lagi dan jadinya menjadi satu macam tempat untuk pergi melabur *investment*. Kita tidak mahu itu. Oleh sebab itu sekarang ini kita pastikan mana-mana tabung ini yang perlu dikendalikan untuk program-program membantu rakyat, dia kena pakai duit itu dulu. Kemudian baru kita tambah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Terima kasih Menteri...

Tuan Yang di-Pertua: Ini sudah berdialog Yang Berhormat, ini berdialog sudah ini. Bukan sudah mencelah ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tak, ini item lain Tuan Pengerusi, pasal Tabung Bencana..

Tuan Yang di-Pertua: Ini sudah balas-membalas sudah ini. Ini berdialog ini. Saya tidak boleh benarkan ini. Yang Berhormat, saya tidak boleh benarkan Yang Berhormat ini berdialog...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya tidak berdialog, *I think...*

Tuan Yang di-Pertua: Saya kata ini berdialog.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Pengerusi *very strange, it is not* berdialog.

Tuan Yang di-Pertua: *What is very strange? You have already* pencelahan. Lepas itu pencelahan ini adalah perkara-perkara yang kurang samar bukan perkara-perkara yang baru kena *import*.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak samar, *that's why* Tuan Pengerusi, *this is Parliament is about*. Kalau sekiranya Menteri bagi jawapan yang kita rasa perlu penjelasan, *we are entitled to ask for explanation* apa yang salahnya, Tuan Pengerusi? Saya ingin tanya jawapan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sepang duduk. Saya yang mengatakan sama ada perkara itu salah atau tidak menurut peraturan mesyuarat. Saya adalah pentafsir peraturan mesyuarat. Sama ada Yang Berhormat Sepang tidak setuju dengan tafsiran saya atau tidak. Itu lain soal, kalau Yang Berhormat Sepang juga tidak bersetuju dengan tafsiran saya dan *insist arguing with me*, saya tidak ada pilihan lain terpaksa memberhentikan Yang Berhormat Sepang bercakap ataupun kalau lagi terus juga berhujah bertegang leher dengan saya terpaksa saya menggunakan kuasa lain untuk merehatkan Yang Berhormat Sepang. *Small, simple as that, very simple*. Menteri teruskan

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menjawab soalan Yang Berhormat Bukit Gantang mengatakan bahawa Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam (KWAPA) itu telah meningkat daripada RM10,000,000 kepada RM100,000,000.

Sebenarnya peruntukan ini diberi untuk disalurkan kepada kawasan-kawasan bandar dan juga luar bandar melalui program jangka pendek iaitu kita pastikan bahawa SPAD menjalankan tanggungjawab untuk *provide* bas kepada rakyat. Sebahagian daripada operator ini tidak boleh untung, jadi dengan duit bantuan ini ialah untuk membantu defisit yang ada. Akan tetapi duit ini kita beri kepada SPAD untuk SPAD agihkan kepada operator-operator menjalankan tanggungjawab untuk isu-isu *obligation* rakyat daripada segi pengangkutan.

Kemudian Yang Berhormat Bukit Gantang juga tanya pasal VEP, *vehicle entry permit*. *Vehicle entry permit* ini telah...

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Menteri, minta penjelasan. Tuan Pengerusi. Satu lagi ialah saya minta penjelasan kerana bas *shuttle* daripada taman itu ke stesen LRT saya rasa tidak selesai lagi. Terutamanya kalau boleh hidupkan balik macam bas mini dahulu.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Sebenarnya kerajaan mengambil maklum dan SPAD juga sudah melihat bagi *priority* kepada kawasan-kawasan tumpuan. Jadi proses ini berjalan seiring dengan pembinaan MRT stesen dan juga banyak lagi projek-projek pengangkutan awam untuk negara dan di samping itu *support* untuk membantu *feeder bus* ini akan berterusan mengikut kawasan yang diperlukan.

Vehicle entry permit ini kita telah kenakan kadar RM20 satu kereta dari Singapura ke Malaysia. Kemudian setiap *collection* yang kita buat ini kita bagi RM5 balik kepada Kerajaan Negeri Johor. Contohnya dalam bajet ini untuk bagi Kerajaan Negeri Johor RM50,000,000. Bermakna, kita jangkakan kita akan *collect* lebih kurang dalam RM200,000,000 untuk 2016.

Kemudian Yang Berhormat Bukit Gantang juga menyatakan kenaikan kadar tambang Komuter pada 2 Disember 2015. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Bukit Gantang, tambang ini tidak naik sejak tahun 2003 dan intensiti tidak naik dari tahun 1992. Jadi ini adalah *adjustment* yang telah dibuat oleh SPAD.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Menteri sekejap, tambang komuter. Terima kasih Tuan Pengerusi, Terima kasih Menteri. Saya hendak tanya kenapa selalunya tambang komuter dia naik secara mendadak sampai sehingga 100%.

■1540

Padahal kalau *you compile* tahun 2003 sehingga sekarang, dia tidak sampai 100%. Okey, kalau katakan perlukan penambahan, kenaikan tambang, naik mengikut CPI, *better two percent, two percent*, orang tidak rasa. Akan tetapi sekarang, tiba-tiba mendadak 10 tahun, 12 tahun tidak naik, naik 100%. *I want to repeat, its compounded rate* pun tidak sampai 100%. Mengapakah kenaikan begitu besar? Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Bayan Baru, saya bersetujulah. Apabila kita tidak naikkan tambang ini dari tahun 1992, sudah tentu sekali kita naik untuk mengikut harga pasaran semasa atau kos semasa, sudah tentu ia akan membebankan rakyat. Jadi, saya ambil maklumlah, kemungkinan dasar yang akan datang, mungkin kita akan bincang

dengan MoF, apa-apa sahaja yang melibatkan rakyat atau *public*, peningkatan itu janganlah mendadak supaya ia tidak dirasakan oleh rakyat.

Kemudian, Yang Berhormat Bukit Bintang, Yang Berhormat Bukit Bintang tidak ada? Okey, Yang Berhormat Bukit Bintang ada sebut mengenai Pudu Sentral. Mengapakah UDA mengenakan penyewaan yang begitu tinggi. Sebenarnya, tidak. Apa yang berlaku ialah apabila UDA menaik taraf Pudu Sentral, UDA telah membelanjakan hampir RM90 juta. Kemudian, waktu ketika itu semua bas diguna pakai di Pudu Sentral. Akan tetapi apabila tempat sudah siap, kemudian bas-bas ekspres ini dipindahkan ke Bandar Tasik Selatan. Jadi apabila tidak ada penumpang yang turun di Pudu Sentral maka ia menjejaskan peniaga-peniaga di situ. Saya juga difahamkan pengurusan UDA telah memikirkan bagaimana untuk mengisi kekosongan pelanggan di dalam Pudu Sentral ini dengan mengambil kira *new business model* dan tidak bergantung kepada pengunjung-pengunjung atau pun pelanggan-pelanggan dan penumpang bas.

Seterusnya Yang Berhormat Gerik. Yang Berhormat Gerik bertanya tentang cukai. Kenapa bilangan penduduk 30 juta dan sasaran kutipan cukai dituju RM400 juta. Sebenarnya tidak. Sebenarnya populasi kita adalah 30 juta tetapi jumlah individu yang dikenakan cukai adalah seramai 2 juta orang. Kutipan yang dianggarkan untuk tahun 2016, bagi individu adalah sebanyak RM30 bilion. Apakah pelepasan-pelepasan yang diberikan untuk tahun hadapan? Pelepasan-pelepasan yang diberikan seperti yang diumumkan, pelepasan seperti individu ke atas anak 18 tahun, RM1,000 kepada RM2,000, pelepasan cukai ke atas pasangan dan sebagainya. Itu adalah normal pelaksanaan yang telah kita edarkan. Itu sahaja.

Yang Berhormat Gerik juga mengatakan kenapa harga rokok naik tinggi? Sebenarnya kalau saya, saya naikkan lagi tinggi sebab kerajaan merasakan bahawa kita hendak menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat. Jadi, kalau sesiapa yang betul-betul tidak mahu sihat, dia bayarlah harga rokok. Kalau hendak dibandingkan harga rokok kita dengan di UK, saya ingat lagi mahal. Jadi, Yang Berhormat Gerik bolehlah berhenti hisap rokok. *[Ketawa]* Okey.

Yang Berhormat Gerik juga menyatakan bahawa sempadan Gerik dan Thailand, mengatakan port kastam di situ. Sebenarnya kita ada *collect* cukai di sempadan di antara Gerik dan Thailand itu, bersempadan adalah sebanyak RM4 juta dibandingkan dengan tahun lepas sebanyak RM3.9 juta. Bermakna kutipan kita tidaklah besar dan barang-barang yang kita kenakan cukai adalah dagangan yang diimport dari Thailand termasuklah buah-buahan dan pakaian. Okey, saya selesai Yang Berhormat Gerik.

Senarai aset ICT tadi saya telah jawab. Yang Berhormat Lenggong tentang UTC. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat Lenggong, UTC Gopeng yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah RTC atau *Rural Transformation Centre* yang di bawah inisiatif KKLW. Penubuhan UTC ini kebiasaannya di bandar yang berkepadatan tinggi. Walau bagaimanapun permohonan mini UTC Lenggong akan MoF pertimbangkan. Seterusnya, Unit Strategi Nasional. Kementerian Kewangan Malaysia telah mengarahkan untuk menyelaraskan Program Mobile CTC

di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat, lokasi-lokasi Program Mobile CTC ini ditentukan oleh kerajaan negeri. Okey, saya selesai yang itu.

Yang Berhormat Kuala Terengganu mengatakan pembinaan KLIA2 dibuat secara berpakej-pakej. Ia merupakan satu pembaziran. Untuk makluman Yang Berhormat, pembinaan KLIA2 ini ditanggung sepenuhnya oleh MAHB, tiada peruntukan dari Kerajaan. Cuma kerajaan hanya membayar balik pinjaman bagi pembinaan KLIA yang pertama dahulu. Yang Berhormat Bandar Kuching ada mengatakan terdapat tuntutan Lembaga Hasil Dalam Negeri yang tidak ada *limitation*.

Sebenarnya apa sahaja yang LHDN hendak *tax*, dia *subject to time frame of seven years*. So, *within that seven years*, LHDN mempunyai hak untuk melihat balik semua dokumen *within that seven years*. *Once within that seven years* kita telah *determine* cukai yang perlu dibayar, maka cukai itu tidak ada *time limit*. Maksudnya, *within that seven years and then* katakan saya dapati Yang Berhormat Kuching katakan sepatutnya bayar RM100,000, selepas itu, *that RM100,000 amount owing to LHDN, there is no time frame*. That means, *LHDN will chase that RM100,000 indefinitely until you pay*. There is no time frame. As far as the calculation of tax, only limited to seven years, based on records. Okay?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan. Saya ada sebut kes itu, Pui Kim Hong yang telah meninggal dunia 18 tahun. Beliau masih menerima surat tuntutan. Bolehkah Yang Berhormat *look into the matter*? Alright.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Boleh. Kalau ikutkan yang meninggal ya, kalau katakan yang meninggal ini tidak ada meninggalkan aset maka hutang itu akan kita *write-off*. Akan tetapi kalau yang meninggal ini mempunyai aset, sebelum diagihkan, maka itu adalah salah satu daripada obligasi atau *obligation that they still have to pay*. Alright?

Next one, Yang Berhormat Bandar Kuching juga membangkitkan soalan mengapa peruntukan dalam Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan untuk golongan berpendapatan rendah Sabah dan Sarawak dikurangkan daripada RM50 juta kepada RM20 juta? Untuk makluman Yang Berhormat, untuk 2016 peruntukan yang diberikan adalah RM90 juta. Akan tetapi dia bagi dalam *two different forms*. RM20 juta dimasukkan dalam tabung pinjaman perumahan Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan untuk Sabah dan Sarawak. Lagi RM70 juta datang daripada pinjaman yang disediakan oleh Bank Simpanan Nasional melalui Bank Simpanan Nasional tanpa faedah.

Maknanya *in total is RM90 million*. Akan tetapi dia melalui Bank Simpanan Nasional sebanyak RM70 juta dan RM20 juta daripada Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan tetapi *in total is RM90 million*. Kemudian Kumpulan Wang Amanah Dana Automotif, Yang Berhormat Kuching juga ada membangkitkan mengenainya. Kumpulan Wang Dana Amanah Automotif ini ialah satu daripada inisiatif yang dibuat oleh kerajaan untuk memastikan bumiputera-bumiputera yang terlibat dalam industri automotif ini tidak hanya menumpukan perhatian kepada beli kereta dan jual kereta. Kita hendak mereka juga melihat bagaimana dia *develop the industry* dalam negara. Jadi peruntukan yang disediakan ini adalah melalui MIDF.

■1550

Dia kena *apply* kepada MIDF kalau dia buat sesuatu industri yang *related* dengan automobil *that is the intention of that fund*. Kedua, kita juga dalam tabung ini kita menggalakkan industri *player* terutama bumiputera ini, bukan sahaja dia mengimport kereta dan jual kereta, selain daripada mewujudkan industri kita juga hendak mereka berdaya saing terutamanya apabila kita hendak mereka ini mempunyai *qualification*. Seperti *industry lab formational certificate, Automotive Industry Certification Engineering, graduate apprenticeship, personal certification, this is basically* lebih kepada program-program untuk meningkatkan *human capital* di kalangan bumiputera di automobil industri. Jawapan seterusnya untuk Yang Berhormat Hulu Langat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan. Saya tadi dalam perbahasan saya ada sebut juga mengenai apakah peratusan *the breakdown of how much is given to Dayak community in Sarawak, out of that fund?*

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat *I do not have the detail now* tetapi kalau *any of the Dayak or any bumiputera in Sabah and Sarawak* yang terlibat secara langsung dalam industri automobil maka mereka layak untuk *apply* dana ini. Saya ingin menjawab soalan Yang Berhormat Hulu Langat, Yang Berhormat Hulu Langat mengatakan adakah Wang Kumpulan Wang Amanah Tabung Modal Pusingan Jabatan Pembangunan Koperasi diagihkan kepada Suruhanjaya Koperasi Negeri. Jawapannya adalah ya kerana Kumpulan Wang Amanah ini ditadbir oleh Suruhanjaya Koperasi di ibu pejabat dan keputusan permohonan sesuatu koperasi itu diputuskan oleh jawatankuasa.

Soalan yang seterusnya, sama ada Kumpulan Wang Amanah ini boleh diguna pakai untuk memulihkan koperasi yang telah rugi seperti MOCCIS. Jawapannya adalah boleh tetapi dengan syarat syarikat yang hampir muflis itu mempunyai *new business model* yang *viable* kalau dia tidak *viable* kita tidak bagi pinjaman. Seterusnya Yang Berhormat Hulu Langat juga mengatakan bahawa apakah subsidi yang telah diturunkan daripada RM19 bilion kepada RM10 bilion. Subsidi-subsidi ini yang tinggal RM10 bilion ini adalah contohnya BR1M RM5.9 bilion. Kemudian kita ada juga subsidi yang kita pergi kepada LPG gas sebanyak RM2 bilion. Kemudian yang lain itu *all* yang kecil-kecil seperti macam penswastaan Sabah Electricity RM498... *that add up the RM10 billion*. Kemudian...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Boleh? Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya hendak tanya sedikit. Mana bahagian yang telah dikurangkan? Boleh tak kita tahu kerana dari RM19 bilion ke RM10 bilion mana yang telah dikurangkan? Boleh tak kita tahu apa item yang telah digunakan?

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Dia ada *one biggest item that is* kita punya petrol subsidi. Petrol subsidi kita sudah turun sebab sekarang ini kita *follow market price* jadi kita tidak ada lagi subsidi kepada petrol yang ada. *That is the reason why it drops okay. Alright next one,* AES Yang Berhormat Pokok Sena. Ada? Oh! Ingat sudah keluar. Ini ada soalan lagi. Tuan Pengerusi, AES ini adalah satu syarikat yang telah diambil alih oleh LTAT. Jadi LTAT ini telah

beli, telah ambil alih syarikat ini dan kemudian LTAT sekarang dalam proses untuk bincang dengan MoF, MKD bagaimana kita hendak tukar *business* model AES ini sebab dulu dia ambil *percentage of the commission* bila dapat saman.

Akan tetapi sekarang ini kita hendak tukar *business* model dia caj per saman. Jadi mereka tengah bincang dan tidak ada kata putus lagi kerana ia melibatkan satu pelaburan yang besar oleh LTAT. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Pokok Sena, saya hendak sebut di sini AES dia telah membayar kepada ATES sebanyak RM295 juta, kemudian RM260 juta kepada Beta. *So these are the investment yang diinstall all the cameras*. Jadi kamera-kamera ini masih diguna pakai. Setakat hari ini ada 1.8 juta saman yang telah *dicapture* oleh kamera ini tetapi yang membayar cuma baru 85 juta.

Jadi banyak benda tak dapat *enforce* lagi sebab dia ada isu penguatkuasaan, jadi dalam proses perbincangan di antara LTAT, MoF dan juga Kementerian Pengangkutan. Kita harap kita dapat selesaikan benda ini dan AES ini akan boleh berjalan macam biasa.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Sila.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat. Cuma saya hendak minta *clear* betul-betul dari segi AES sistem operasi dan AES Solution, syarikat itu. Maksudnya tadi AES Solution itu telah pun diambil alih oleh LTAT tetapi AES Solution lah yang membayar kepada ATES dan juga Beta Tegap.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: LTAT bayar sebagai *investment* kepada *investment* tersebut. LTAT bayar tetapi *business* model daripada AES ini akan *generate profit* kepada LTAT.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Maksud *business* model ini daripada?

Datuk Johari bin Abdul Ghani: *Income* dia datang daripada...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Daripada yang dipersetujui sebelum itu?

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Tidak, sekarang ini dia tengah bincang, salah satu dia punya *proposal* ialah bayar *monthly fees* dan juga *every* saman mungkin RM15, RM16. Bukan lagi macam sekarang kita saman RM150 contoh, daripada dulu RM300 hingga RM350, RM150 jadi kita hendak ambil 30% ataupun 40%, *no*. Kita pakai *based on* per saman. Makna RM15 atau RM16 *figure* tidak *conclude* lagi *because* dia hendak buat *calculation* berapa *investment* dan berapa dia punya *pay back period*.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi, minta izin. Boleh Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Baru tadi saya tegur. Tadi saya kata baru tegur Yang Berhormat Sepang fasal soal cara berdialog ini. Sila, saya benarkan satu lagi.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Itu sebab saya minta daripada Tuan Pengerusi, saya minta kebenaran.

Tuan Pengerusi: Sudahlah Yang Berhormat Sepang, sudahlah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Sudahlah Yang Berhormat Sepang, sudahlah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya sudah tetapi orang lain tidak sudah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sabar, sabar, sabar.

Tuan Pengerusi: Okey, Yang Berhormat Pokok Sena terpaksa duduk, Yang Berhormat Sepang protes.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Mana boleh. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Sila, sila teruskan. Yang Berhormat Pokok Sena duduk fasal Yang Berhormat Sepang protes. Saya terpaksa bersikap adil. Sila Yang Berhormat Menteri teruskan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya protes kepada Tuan Pengerusi bukan protes kepada...

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Menteri teruskan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Penjelasan belum jelas saya minta.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri, Menteri! Teruskan.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Okey, terima kasih. Dia orang kacau.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ha! Kacau macam ini, apa punya sistem ini?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pokok Sena duduk.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan. Tadi saya sudah ikut arahan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Menteri, kalau Menteri mahu beri penjelasan Menteri kata, "Okey, sila".

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Saya tak payahlah sebab saya sudah jelas.

Tuan Pengerusi: Jadi sila teruskan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tadi pun dia bagi Tuan Pengerusi, saya tak dapat Tuan Pengerusi tidak bagi.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Saya teruskan.

Tuan Pengerusi: Sila, sila.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Pokok Sena tak apalah.

Tuan Pengerusi: Sila, sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *I have to register my protest* lah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sedikit. Okey, terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi disebut bahawa AES Solution itu telah pun diambil alih, jadi status AES Solution itu apa status dia? Itu yang saya tanya tadi.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Pokok Sena, lepas ini kalau nak *detail* kita jumpa dekat luar tetapi saya hendak cakap bahawa pelaburan ini telah diambil oleh LTAT bermakna dia ambil sekali dengan *company* itu, saham-saham yang dibeli itu sekarang dia

owned, instead of dua company itu sekarang ini LTAT *owned 100%* itu sahaja. *Detail* itu nanti saya beri. Okey, Yang Berhormat Pokok Sena juga tanya kenapa pelaburan anak syarikat FGV sebanyak USD30 juta, Bank Negara tidak bagi kelulusan.

Sebenarnya proses Bank Negara meluluskan mana-mana duit keluar daripada negara ini adalah melalui proses biasa bukan sahaja FGV, semua syarikat termasuk kita kalau individu pun kalau hendak keluar duit, hantar duit ke luar negara dengan melibatkan amaun yang besar kita akan melalui satu proses verifikasi daripada Bank Negara. Itu bukan sahaja *limited* kepada FGV tetapi kepada semua dan saya baru-baru ini juga pernah datang ke satu syarikat yang telah melabur di Indonesia hendak buat *right issue* dan terpaksa juga pergi kepada Bank Negara untuk mendapatkan kelulusan. Sebenarnya ia tidak ada kena mengena, hanya kepada FGV.

■1600

Kemudian seterusnya, akan meneruskan pencarian dua orang individu yang— Yang Berhormat Pokok Sena, untuk soalan ini pun Bank Negara tidak akan meneruskan— kenapa Bank Negara tidak membuat laporan kepada Interpol. Bank Negara bukan *report* Interpol, yang hendak *report* Interpol ini polislah. Interpol - Bank Negara ini membuat *investigation* dan dia *submit paper* kepada AG. Kalau AG cakap tidak ada kes, tidak ada keslah. Kalau ada kes, dia cakap hendak *further*, hendak *get all these*, dengan AG lah. Bank Negara tidak ada, dia *just do investigation based on what is there*.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, maknanya Yang Berhormat Menteri bersetujulah bahawa jawapan bertulis daripada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri kepada Yang Berhormat Kelana Jaya itu tidak betullah. Dia kata Bank Negara tidak memohon untuk pihak polis bertindak. Maknanya, tidak apalah.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Tidak, Bank Negara sudah menghantar *paper* kepada AG, *so that means* sudah *complete* dia punya *investigation*. Takkanlah hendak pergi lagi Interpol kerana Interpol tidak ada kena mengena dengan Bank Negara.

Yang Berhormat Sepang, apakah maklumat yang tepat yang dimaksudkan oleh Bank Negara memulangkan balik kelulusan 1MDB. Yang Berhormat Sepang, *statement* Bank Negara. Macam inilah Yang Berhormat Sepang, soalan ini tidak ada kaitan dengan kita punya bajet Jawatankuasa ini. Akan tetapi saya hendak beritahu Yang Berhormat Sepang, *statement* yang dibuat oleh Bank Negara itu ialah mengatakan bahawa duit yang dibenarkan keluar daripada negara kita dengan spesifik objektif untuk melabur sesuatu pelaburan. Kemudian selepas beberapa masa atau setahun kah, saya tidak tahu dia punya *exact figures and investment* itu bertukar kepada *investment* yang lain.

Jadi, yang itu lebih kepada prosedur untuk menyelesaikan dengan pihak 1MDB dengan juga Bank Negara. Saya difahamkan 1MDB telah menghantar *reply* kepada Bank Negara, mengatakan *investment* ini telah bertukar kepada *investment* lain dan ia sekarang ini dalam pertimbangan Bank Negara. Bank Negara mempunyai— saya tidak berapa pasti sama ada Bank Negara mempunyai hak untuk *compile*, saya tidak tahu tetapi itu saya kena *check* dengan lebih

detail. Akan tetapi isunya ialah kelulusan yang diberikan oleh Bank Negara untuk melabur dalam 'A', kemudian *after sometime*, 'A' has been terminated, pergi kepada 'B'. Itu dia tetapi *investment*.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada sahabat saya. Apa-apa pun saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ini yang saya rasa Timbalan Menteri yang paling baik setakat inilah, setuju ya?

Daripada segi jawapan, ada kelaslah kata orang. Ini saya harus akui, *to register my compliment*. Akan tetapi saya hendak kata- saya ingin tanyakan. Sekarang ini kita sudah tahu bahawa akibat daripada apa kata tadi tu, maknanya sepatutnya melabur di bank 'A' tetapi pergi kepada 'B'. Akibat daripada itu, Bank Negara, *we do the approval*. Ini bermakna bagi saya itu adalah satu yang serius, kesalahan yang serius. *Otherwise* kalau benda itu *trivial* sahaja, sudah tentu ia tidak akan sampai ke peringkat *withdraw the approval*, dengan izin. Jadi, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri, pertamanya jawab kalau boleh, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tidak dapat lagi *detail*, saya bersedia menerima jawapan bertulis, itu pertama.

Kedua Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin tanya, sekarang ini akibat daripada *approval* itu, apa status wang itu, pertama. Kedua, sekarang ini Bank Negara kata *we are validating because the money has been spent*. Soalan saya tadi, adakah betul wujud duit itu atau macam mana? Terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Mengikut laporan yang saya terima daripada 1MDB ialah duit itu keluar daripada negara kita, kemudian pelaburan dan pelaburan itu telah ditamatkan, ditukar kepada pelaburan lain. Jadi, sebahagian daripada duit ini diguna pakai untuk menyelesaikan hutang. Jadi, *detail* ini sedang dianalisis oleh Bank Negara sama ada boleh diterima ataupun tidak, alasan-alasan dan juga justifikasi dan juga fakta-fakta yang dikemukakan oleh 1MDB. Kalau Bank Negara tidak bersetuju, kita tunggulah jawapannya. Sekarang ini dia sedang buat, jadi kita tunggu. *I don't want to pre-empt something that is not yet there*.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *You give me written reply* tentang pelaburan 'A' kepada pelaburan 'B' itu.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Saya 'A', 'B' ini nanti saya beritahu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Bagan Serai. Bilangan aduan GST dan beberapa peratus sudah selesai. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Bagan Serai, bilangan aduan GST sehingga 14 November 2015 ialah 6,628 aduan. Itu setakat November 2016. *Breakdownnya* ialah bilangan aduan pada bulan April adalah 4,564 aduan. Bulan November jatuh lagi 91, makin lama makin turun. Jadi, kalau kita tengok penurunan kompelin ini hampir 50% dan kastam sentiasa mengambil inisiatif untuk berkomunikasi dengan semua kompelin-kompelin ini untuk menyelesaikan masalah.

Yang Berhormat Bagan Serai juga mengatakan bahawa kadar ubat perlu di sifar untuk memastikan rakyat sihat. Adakah kerajaan akan membawa kepada senarai kadar sifar?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Kerajaan telah mengumumkan bahawa skop penggunaan GST pada kadar sifar ke atas semua jenis ubat terkawal di bawah senarai Racun Kumpulan 'A','B','C' dan 'D'. Di samping itu, tambahan sebanyak 95 jenama ubat *over the counter* yang juga meliputi ubat-ubat bagi 30 jenis penyakit seperti ubat kanser, kencing manis, darah tinggi, penyakit jantung dan sebagainya. Semuanya juga ada dimasukkan dalam kadar sifar.

Seterusnya, Yang Berhormat Sepang sudah keluar ya? Dia cakap perincian bayaran balik. Yang Berhormat Putatan, kenapa tidak ada membuat peruntukan untuk penanaman baru koko. Itu saya minta Yang Berhormat Putatan masuk dalam perbahasan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi. Nanti bincangkan hal itu, suruh dia minta, nanti kita cerita.

Yang Berhormat Kulai...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan bangun Yang Berhormat.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: SRC International.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ya.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Itu juga memang satu kesukaran daripada kementerian MPIC. MPIC pun terkejut kenapa ini dipotong tetapi saya bantulah kementerian MPIC ini minta daripada Kementerian Kewangan.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Boleh Yang Berhormat Putatan. Yang Berhormat Kulai mengatakan bahawa...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang GST. Ini kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri kata penurunan kompelin tentang GST sudah menurun secara mendadak. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah ini bermaksud bahawa rakyat sudah menerima baik GST kerana adanya penurunan?

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat, saya agak sukar hendak menjawab soalan itu tetapi apa yang saya hendak beritahu bahawa daripada segi *compliance of people subscribing to GST* ini *almost* mencecah 90 *over percent*. Jadi, kalau daripada segi *compliance* itu *is there* tetapi sama ada kadang-kadang kita *comply* sama ada kita suka atau tidak, *we don't know*. Akan tetapi *standard rules*, orang memang tidak suka membayar *tax, that is the standard rule* tetapi *compliance is very high for GST* dalam *short period of the time*.

Yang Berhormat Kulai, menyebut tentang SRC International. Saya tidak boleh menjawabnya sebab ini tidak masuk dalam pengkhususan Jawatankuasa untuk bajet ini. Walau

bagaimanapun, saya difahamkan bahawa kes ini masih dalam siasatan dan saya pun tidak tahu apa keputusannya, kita sama-sama tungguilah.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tanya sedikit walaupun ia tidak termasuk dalam butiran tetapi semalam kita ada seorang Senator Timbalan Menteri. Beliau sudi menggunakan 20 minit untuk menjawab tentang isu JAKIM. Saya rasa SRC International ini... *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Ya, teruskan.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Saya tanya baik-baik, buat apa hendak buat bisings? Yang Berhormat Bintulu, apa isu dengan *you*? *You* hendak bercakap dengan saya, kita pergi luar. Saya tidak ada masalah. Saya tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Kulai ajak berdebat di luar.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Saya hanya hendak Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau bukan Timbalan Menteri, jangan buat bisingslah, *thank you*. Tunggulah, tunggu jadi Menteri ya, tunggu, sabar sedikit. Tunjuk standard, baru boleh jadi Timbalan Menteri lah Yang Berhormat Bintulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Ya lah sudah ada PKFZ maa, tidak boleh jadi Timbalan Menteri lah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Ya lah, juga jadi duta. Hendak buat apa jadi Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ya teruskan.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Saya hendak tanya, kalau semalam kita ada seorang Senator yang sudi meluangkan masa sebanyak 20 minit untuk menjawab tentang isu JAKIM.

■1610

Kenapa hari ini Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh jawab tentang SRC International? Ini kerana isu ini pun kerap dibangkitkan oleh bukan sahaja wakil rakyat tetapi di luar Dewan. Isu ini pun sering disebut iaitu kita hanya tanya sama ada SRC International ada atau tidak buat derma kepada Yang Amat Berhormat Pekan? Ya atau tidak? Itu sahaja.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Mahu publisiti sahaja.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Kulai, saya ambil maklum Yang Berhormat Kulai ya. *Okay, already replied*. Pengurangan RM9 bilion tadi pun saya sudah *reply*. Yang Berhormat Putatan, selesai.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Putatan banyak itu belum jawab.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Putatan sudah. Yang Berhormat Putatan satu sahaja. Yang Berhormat Putatan cakap itu SEDCO.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Peruntukan negeri Sabah melalui SEDCO. *[Disampuk]* Nanti dulu Yang Berhormat Putatan, mana ada sepuluh. Sini semua *redundant, you* tidak dengar.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Boleh cerita? Boleh cerita sedikit?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Bintulu.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat, sekejap. Saya hendak jawab ini Yang Berhormat Putatan ini. Ini SEDCO minta RM6.46 juta. Sebenarnya bukan RM6.46 juta, ini adalah *rolling budget*. Dia punya bajet yang kita luluskan untuk SEDCO ini *RM44 million*. So, for 2016 dalam *rolling budget* dia *RM6 million*, okey?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tapi dalam bajet pun RM4.7 juta sahaja.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Ya lah, RM4.7 juta lah. *RM4.687 million*. Itu *rolling budget* tetapi dia punya *total is RM44 million*.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. *[Disampuk]* Mana ada ini kongkalikung? *[Ketawa]* Ini Yang Berhormat Jasin hari-hari '*kong kong*' punya.

Tuan Pengerusi, saya rasa kita ini pun perkara GST pun mahu tiba masa membetulkan. Ada punya kelemahan, kita mesti mahu ambil perhatian dan cari jalan kasi selesai. Bukan macam ada punya daripada Yang Berhormat Kulai ini, kongkalikung punya. Hari-hari hendak hentam sahaja cerita. Saya cuma tanya satu, adakah ini kerajaan negeri Barisan Nasional ada hapuskan *Sales Service Tax* sepuluh peratus tukar kepada GST enam peratus? Betul tidak? Jadi barangan-barangan itu patut mahu turun harga, kita sudah tarik *Sales Service Tax* sepuluh peratus, itu mahu tarik, *come back to the original price*, dengan izin, barulah kita kali enam peratus. Akan tetapi banyak *wholesaler* itu semua atau dari kilang-kilang, dia orang terus daripada *Sales Service Tax* tidak ditarik, terus tambah satu kali. Harap Yang Berhormat Kulai faham. Itulah semua barang naik harga. Jadi sudah macam ini, apa tindakan yang kerajaan ambil? Ini perkara satu.

Isu kedua ini, sistem. Sekarang masalah satu lagi, ini suara daripada rakyat, sistem sama *hardware* itu GST banyak mahal, tidak ada potongan. Ada sistem dijual RM15,000, ada jual RM10,000 dan paling mahal sampai RM30,000 pun ada. Minta Kastam atau siapa-siapa bertanggungjawab sistem dan *hardware* ini, kita tetapkan satu harga, jangan hendak mahal sangat. Itu ada kedai runcit punya tidak berani berdaftar fasal dia tidak ada wang beli ini. Jadi apa tindakan yang kita ambil? Terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju, *implementation of the GST* ini kita mempunyai masalah di peringkat peniaga-peniaga. Ini kerana sebahagian daripada peniaga-peniaga ini berdasarkan kepada rekod yang kita tengok, waktu kita mengenakan SST sepuluh peratus, sebenarnya sebahagian daripada mereka tidak bayar sepenuhnya SST ini, tetapi kita hendak *trace* susah, kalau berdasarkan kepada ia punya jualan. Akan tetapi apabila kita *implement GST*, *from there* kita nampak peningkatan kutipan kerana syarikat yang sama dulu dia bayar katakan RM300,000 tetapi syarikat yang sama hari ini apabila

GST dia mungkin RM500,000, RM600,000 kerana *customers* mereka juga memohon untuk dapatkan bayaran balik *input tax*. Jadi oleh sebab dia kena bagi *input tax*, maka di situ dia ada *cross reference*. Ini yang menyebabkan bahawa banyak cukai yang dulu kerajaan tidak kutip tetapi kerajaan dapat kutip.

Akan tetapi impaknya ialah apabila peniaga-peniaga ini terpaksa membayar *additional tax* yang dia dulu tidak boleh lari, menjadi dia punya keuntungan, maka keuntungan dia akan berkurang. Apabila berkurang, maka dia *automatic load additional cost into the system*. Itu yang menyebabkan barang-barang naik begitu tinggi. Oleh sebab itu KPDNKK sedang membuat penguatkuasaan dengan begitu rapi untuk memastikan bahawa tidak ada barang-barang yang *zero tax* dikenakan GST kerana ini akan menyebabkan ramai masyarakat akan merasa tekanan.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ada tiga orang bangun Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Yang Berhormat Menteri, sikit, sikit.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Jasin, Jasin.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Di belakang Yang Berhormat Jasin dan Yang Berhormat Setiawangsa.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak...

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Bagi Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa Yang Berhormat Menteri mungkin ada *misleading* sedikit kerana barangan yang dikenakan *under SST* itu ia sangat kurang. Akan tetapi sekarang GST, ia menyeluruh. Itu sebab barang-barang naik tetapi SST hanya sedikit sahaja. Itu sebab jangan kita salahkan semuanya peniaga, okey? Sebab, sekarang *tendency* kerajaan adalah salahkan peniaga bahawa mereka lari *tax*lah, mereka ada *cross reference* dan sebagainya. [Dewan riuh]

Yang Berhormat Bintulu punya sangkaan jahat. Akan tetapi *the issue* sekarang adalah kerana SST, ia hanya sedikit sahaja. Sekarang GST menyeluruh, semua barang kena. Itu sebab harga barang naik. Yang Berhormat Bintulu kena faham, Yang Berhormat Bintulu tidak faham ekonomi. Minta Yang Berhormat Menteri bagi sedikit taklimat kepada Yang Berhormat Bintulu kerana dia tidak faham.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: [Bangun]

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya tidak faham Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Dia orang ini tidak faham ekonomi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya cuma tanya, adakah dalam meniaga...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bintulu, duduk dulu. Balik kepada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: ...Masuk import punya, semua *report* seratus peratuslah? Termasuk kamu juga. Tak tahu sepuluh peratus ada lapor kah tidak. Janganlah tuduh lain orang. [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Menteri, nak bagi Yang Berhormat Jasin?

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, Setiawangsa. Selepas itu Setiawangsa ya.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Sekejap, sekejap. Saya hendak jawab Yang Berhormat Bayan Baru kejam. Yang Berhormat Bayan Baru, saya bersetujulah GST itu *is a consumption tax*. Ia akan merangkumi lebih banyak barang tetapi walau bagaimanapun, rakyat bawahan yang memerlukan barang-barang asas- saya tidak cerita ini soal orang kaya ini. Kalau orang kaya ini, dia bayar *additional* RM800, RM900 *no different*. *Every month* dia bayar *additional* RM800, RM900 *no different*. Akan tetapi yang kita hendak pastikan bahawa golongan bawahan B40 ini dia tidak terjejas.

Jadi kalau kita tengok barang-barang asas yang kita perlu pakai sebagai *normal citizen* sama ada orang kaya atau orang miskin, barang asas dia akan pakai, yang itu *zero tax*. Akan tetapi ada juga barang-barang yang digunakan oleh orang berpendapatan rendah B40 ini ada juga yang kena GST. Akan tetapi oleh kerana kerajaan tahu bahawa kita tidak boleh buat *clear cut line*, sebab itu kerajaan bagi BR1M *directly to them*.

Oleh sebab itu saya hendak beritahu, kita ada buat *rough calculation*. Kalau satu orang ada gaji RM3,000 selepas dia tolak dia punya rumah sewa ataupun pembayaran rumah dan juga kereta, dia ada *balance* lebih kurang dalam RM1,700 atau RM1,500. *Basic* yang dia guna pakai untuk barang-barang keperluan asas *about* RM1,000. So, dia ada *balance* dalam lebih kurang RM700. Kalau RM700 yang *balance* ini diguna pakai untuk beli barang-barang yang ada GST, *it is approximately about* RM42. Kalau *you* kali dengan 12, *it is about* RM500. RM500 tapi kerajaan bagi BR1M RM1,000 kepada mereka yang berpendapatan RM3,000 ke RM4,000 dia dapat BR1M.

Jadi saya cukup faham Yang Berhormat Bayan Baru, saya faham apa maksud Yang Berhormat Bayan Baru. Ia merangkumi semua orang tetapi faedah jangka panjang ialah kita dapat memastikan bahawa peniaga-peniaga yang dulu sepatutnya tidak bayar *tax*, hari ini dia kena *be transparent on the tax*. Jadi dia tidak boleh mempunyai keuntungan tetapi dia tidak bayar *tax*, kemudian *corporate tax* pun tidak ada, jadi akhirnya dia beroperasi dalam negara kita dengan menggunakan semua infrastruktur termasuk kita bayar *tax* sebagai orang yang makan gaji tetapi mereka dapat infrastruktur ini secara *free* tanpa bayar dia punya keuntungan. Itu dia punya konsep ya. Sila Yang Berhormat Jasin.

■1620

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak tambah sedikit Tuan Pengerusi. Saya pun tidak ambil bahagian tadi. Hanya pasal GST ini setakat September tahun 2015, syarikat yang telah berdaftar sebanyak 390,378 syarikat. Sebelum ini 63,000 syarikat sahaja. Maknanya ada 330,000 syarikat tidak mendaftar sebelum ini. GST sebenarnya telah dapat mengurangkan *shadow economy*.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah mereka yang bercakap tentang GST ini, bercakap bagi pihak syarikat yang selama ini mengaut banyak keuntungan atau bagi pihak orang ramai. Terima kasih Tuan Pengerusi. *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Setiawangsa.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Yang Berhormat Menteri *will concur with me*, adakah Yang Berhormat Menteri setuju dengan saya bahawa tadi Yang Berhormat Menteri beritahu bahawa *compliance now is at 90%*. *Will you concur with me* dalam erti kata pada SST kita *collect RM18 bilion. For this year 2015 we're going to collect RM27 bilion*. Maknanya kita ada lebihan *RM9 bilion*. Bagi maksud tahun 2016 kita *will collect RM39 bilion*. Kalau dicomparekan SST tahun 2014, kita ada RM21 bilion. *Will you concur with me* dalam erti kata ini bahawa tahap *compliance* ini sudah tinggi bermakna kutipan itu peratusannya lebih tinggi kerana *compliance* ini daripada *impression* yang diberitahu, yang diuar-uarkan bahawa ianya disebabkan oleh kenaikan harga.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Setujulah Yang Berhormat Jasin dan Yang Berhormat Setiawangsa. Yang Berhormat Putatan – *[Disampuk]* Okey, Yang Berhormat Putatan saya hendak beritahu Yang Berhormat Putatan bahawa NBOS *RM160 million* ini ia merangkumi bukan MOF tetapi dia merangkumi banyak kementerian. Contohnya MOA – RM11 juta, KKLW – RM16 juta, MOE – RM5 juta, MOH – RM22 juta, KPDNKK – RM26 juta.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Okey, selesai. Sekian, terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM3,625,969,000 untuk Maksud B.10; RM25,885,918,000 untuk Maksud B.11 dan RM1,883,800,100 untuk Maksud B.12 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM3,625,969,000 untuk Maksud B.10; RM25,885,918,000 untuk Maksud B.11 dan RM1,883,800,100 untuk Maksud B.12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM851,255,300 untuk Maksud P.10 dan RM2,000,000,000 untuk

Maksud P.70 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM851,255,300 untuk Maksud P.10 dan RM2,000,000,000 untuk Maksud P.70 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

**Maksud B.13 [Jadual] -
Maksud P.13 [Anggaran Pembangunan 2016] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kementerian Luar Negeri, Kepala Bekalan B.13, Kepala Pembangunan P.13 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Bintulu.

4.24 ptg.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mahu sentuh satu perkara sahaja. Butiran 130300 – Penyelenggaraan dan Pembaikan Bangunan. Tuan Pengerusi, negara kita boleh kata ini kementerian paling kesian. Kementerian peruntukan paling kecil. Peruntukan tidak ada. Kalau kita pergi luar negara, semua pejabat *embassy* cukup miskin. Penyelenggaraan peruntukan tiada. Kalau lebih sedikit, orang pergi lama-lama kereta bukan pam minyak, pam air masuklah. Memang ini kongkalikung.

Saya sudah tanya Menteri dan Timbalan Menteri ada sini, adakah boleh menjalankan satu perbincangan khas bersama-sama Kementerian Kewangan? Kita mesti mahu menjaga imej kita dan promosi negara kita. Bila saya pergi sampai, bila saya menjalankan tugas di Korea, Jepun dan Taiwan, bila saya tanya, "*Kenapa kita tidak pergi membuat promosi negara kita?*" Dia kata, "*Yang Berhormat, peruntukan tidak ada.*" Ada agensi di sana, peruntukan cuma RM10,000 dan RM20,000 setahun. Ada yang langsung tidak ada. Ini Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kawan satu lagi. Jangan kongkalikung. Dengar baik-baik. Inilah mesti...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ramai Yang Berhormat Timbalan Menteri Yang Berhormat. Yang mana satu? Ramai sangat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Itu Yang Berhormat– *haiyaa*, itu Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, Yang Berhormat Labis. Nanti lama-lama lastik susah. Kita mestilah mahu jaga imej negara kita. Kalau melebihi peruntukan *ambassadors* kita pun boleh menjalankan lebih promosi ataupun bercampur sama dengan orang minyak kah pun boleh tolong sebagai pelabur kepada negara kita.

Kita kalau *ambassador* hendak pergi jumpa orang ataupun korporat-korporat ataupun pergi mana-mana NGO pun segan pergi. Tiada wang belanja. Tidak ada. Membaiki bangunan lagi teruk. Itu ada punya *basin*, ada cuci tangan, bawah pun cuci kaki. Air pun turun. Bila tanya

penyelenggaraan, “*Kenapa tidak buat?*” Peruntukan tidak ada. Inilah mustahak. Harap Yang Berhormat...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: [*Menyampuk*] Yang Berhormat Bintulu makan ubat apa ini?

Dato’ Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini ya. Potong stim punya kawan. Tidak guna ini. Harap Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Luar Negeri ada sini. Harap-harap jangan buat *ambassadors, embassies* di negara luar ataupun luar negeri semua serupa macam anak yatim. Biarkan campak mereka di sana. Setuju atau tidak Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Setuju Yang Berhormat.

Dato’ Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Jadi saya minta bagi saya satu penjelasan ataupun bagi satu jawapan positif macam mana perkara ini boleh dinaiktaraf dan boleh diselesaikan secepat mungkin. Harap Yang Berhormat Labis boleh dengar, jangan buat tidak tahu sahaja. Bincang.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kementerian di pejabat kementerian di Taiwan dan Korea okey atau tidak?

Dato’ Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Korea pun sama, Korea pun sama. Semua pun sama. Kongkalikung punya. Semua sama. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Itu *special envoy*, dengarkah itu?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

4.28 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi saya Butiran 020200 – Perhubungan Dua Hala. Tuan Pengerusi, saya ingin ambil dua ke tiga perkara untuk penghujahan ini. Satu adalah jawapan yang saya telah terima mengenai *International Criminal Court* iaitu *Rome Statute of International Criminal Court* semalam di mana saya telah bertanya adakah kerajaan serius memandang dan memberi keutamaan terhadap pengesahan Mahkamah Jenayah Antarabangsa Rome.

Saya dapat tiga asas jawapan di mana memberi satu cerita yang baru dalam kali yang kedua dalam 15 tahun ini bila perkara ini dibangkit. Kali ini mereka kata satu di antaranya ialah ia bertentangan dengan *complementary principle*. Saya rasa itu perlu difikirkan balik kerana ia tidak boleh dipakai langsung kerana *complementary principle* yang dikatakan kepada negara Kenya dan Libya oleh kerana pada waktu masa penyiasatan jenayah dijalankan, *International Tribunal* berpendapat bahawa penyiasatan yang dibuat oleh negara Kenya dan Libya tidak ada makna langsung di mana ada *biasness* dan tidak ada betul. Maka itu telah diambil alih oleh *International Criminal Court*. Kenapa kita perlu takut kepada *International Criminal Court*. *Why are we worried?*

■1630

If we are true, honest and nothing to hide under the carpet, do not worry. Tahun 2011 Tuan Pengerusi, Kabinet telah memberikan satu penghormatan, *final decision* mengatakan kita akan menjadi anggota *International Criminal Court Rome Statute*...

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: *[Bangun]*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Akan tetapi sudah empat tahun.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur bangun.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat dan juga Tuan Pengerusi. Saya hendak mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Ipoh Barat, jawapan yang saya dapat daripada Kementerian Luar Negeri yang mengatakan antara sebab *Rome Statute* ini tidak dapat diiktiraf kerana ia perlu memperhalus Artikel 120 yang mana sesebuah negara tidak mempunyai pilihan untuk membuat sebarang pengecualian terhadap mana-mana peruntukan di bawah *statut* ini.

Apa yang saya tidak faham, bila kita tandatangan dan masuk *Rome Statute* ini, kenapa pada waktu itu kita tidak tengok isu ini? Sekarang kita kata ada *problem*. *I think* ini adalah satu masalah yang tidak wujud. Kita boleh mengatasi masalah ini dengan senangnya. Betul atau tidak Yang Berhormat Ipoh Barat?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Nombor satu Tuan Pengerusi, saya hairan dengan jawapan yang diberi kepada Yang Berhormat Ipoh Timur kerana itu bukan alasan yang diberi di sini. *Every time in the last 15 years...*

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Ipoh Barat, ini alasan Kementerian Luar Negeri.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Correct. The last 15 years*, setiap kali saya bawa perkara ini, mungkin pegawai ini masa itu belajar jurusan undang-undang di universiti. Sekarang dia beri, tiap-tiap kali *rehash, new answer, create* satu pandangan yang baru. Tidak masuk akal punya. *[Disampuk] This is what? So, I can take the point.* Ini nombor satu. Itu perkara yang telah diberi kepada saya lebih kurang tiga tahun atau empat tahun dahulu.

Selepas itu mengatakan bahawa *the supreme commander of the armed forces* adalah Agong maka kita tidak boleh tertakluk kepada *International Criminal Court*. Tidak masuk akal lagi *because* itu *nominal leaders* sahaja. Pada hasratnya bila kita bersetuju pada tahun 2011 dan kita dari tahun 1998, dari itu kita telah menghadiri beberapa mesyuarat di New York, Rome, di Kampala, di seluruh dunia. Dalam mesyuarat, *no objection* memberi pandangan katakan kita akan menjadi anggota dan sebagainya. Apabila Kabinet telah memberi pandangan tersebut, kenapa ada halangan oleh *civil servants*? *Civil servants higher than policy-making people in this country*. Nampaknya dengan ini, ini boleh tunjuk *International Criminal Court* yang mana Kabinet telah memberikan kebenaran, Kabinet telah mengiktiraf *who are you to object?*

Seorang Ahli: *Little Napoleon.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Obvious* lah *Little Napoleon [Ketawa]*. Ini satu antara perkara *complementary principle*, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur, perkara mengenai Raja-raja Melayu dan lagi isu yang baru dikatakan. Oh! Kerana Amerika, China dan Rusia tidak menjadi anggota, maka *why can Malaysia become* anggota? Tak

malukah pergi ke *United Nations*, bila MH17 kita ditembak, apa kata? Oh! *You want a special tribunal? What special tribunal?*

You had all the opportunity of having your tribunal of your own! International level [Dewan riu]. Apabila kita boleh menjadi anggota dalam International Criminal Court atau Arms Trade Treaty yang kita telah setuju pada dasarnya. We have a right, automatic right to institute the tribunal? Tidak boleh. You want to go to the United Nations, tidak malukah? Whose idea? [Dewan riu] To go to the United Nations? When we in principle have agreed to be member of the ATT, to be member of the ICC, we can use those facilities. Apakah halangannya Tuan Pengerusi? These are international mechanism we have! Berapa kali I have had so many conferences in Parliament. [Disampuk] Parliament revoke, global action, berapa kali?

Seorang Ahli: Jangan marahlah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Menteri-menteri ada semua setuju tetapi *we must be practical*. Tidak perlulah guna pakai alasan. *When* kita membawa masalah MH17 itu ditembak, siapa veto? Rusia? So, apa *you* nak buat? Apa *you* boleh buat? Langsung *you cannot do anything*. *You want to get* bila masalah di Palestin, apa Malaysia cakap? Oh! *We will ask Turkey to bring the issue to International Criminal Court*. Ah! Apa Turki. *Ask Malaysia to bring* kalau berani. *Become member of International Criminal Court*, senang sahaja and Kabinet telah bersetuju pada tahun 2011. *What other* halangan? *This is the factor* dalam negara ini. Saya tidak faham langsung. *There must be a new thinking* dalam negara ini. Ini bukan perkara yang baru Tuan Pengerusi. Tahun 1997 saya telah bangkitkan. Dari dahulu sampai sekarang, bukan perkara yang baru setiap kali jawapan. Saya harap kerajaan akan mengiktiraf bahawa *there is some shortcomings. We must be practical, we want a win-win position. This is not a win for me, this is not a win for you. It is a win for the whole nation.*

MH17 bila ditembak oleh anasir-anasir di Ukraine. Siapa yang dipersalahkan? *All of us* kerana tidak menggunakan Mahkamah Jenayah Antarabangsa. *We had an opportunity. We did not want to do it. Prime Minister goes to New York*, katakan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bersetuju, buat apa? *You already know what Russia is going to say. A standard five boy can say that. No need a Prime Minister of this country, no need the Foreign Minister. What about our innocent people* yang telah dibunuh oleh MH17. [Dewan riu] *Where is justice for them? If it is your brother, sisters or friend, how would you feel? Be fair.*

Seorang Ahli: *No feel.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Do not feel, correct. [Disampuk]* Berani, bangun cakap *you do not feel. Let the Malaysian public listen when you said "No feel". What utter rubbish*, inilah. *I am not arguing for myself* Tuan Pengerusi. *It is not me, it is not other Parliamentarians, It is for the Malaysian pride and for the Malaysian honour. Our aeroplane has been shot down.* Siapa yang boleh diambil tindakan? *Only International Criminal Court*. Siapa itu *International Criminal Court? Set up by* lebih dari 150 buah negara di dunia ini. Kenapa kita tidak boleh jadi anggota bila Kabinet tidak setuju? Itu satu perkara yang kita perlu fikirkan. *Let's not go the mechanics of cari alasan demi alasan. Selain dari itu Tuan Pengerusi.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh gulung Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Arms Trade Treaty*, saya hendak kata yang mana baru-baru ini Tuan Pengerusi yang mana Malaysia telah mengatakan dengan izin, *“Malaysia also welcomes the progress of the entry into force for the Arms Trade Treaty on the 24 December 2014 and the convening of the first conference of states parties of the Arms Trade Treaty in Cancun in August this year. Building on the momentum of the success in Cancun, we remain committed to work towards acceding to the Treaty as effort is underway to ensure harmonization of the articles in the Treaty with existing domestic legislation. It is our hope that the Treaty will continue to enjoy strong support of members states, in particular, in the Southeast Asian region in effort to stem illegal trafficking of small arms and light weapons in the region”*. Ini perkara yang sama. *Diplomatic language of the highest order*. Semua wayang-wayang sahaja. Cakap *at the international states but actually down here nothing is being done*. Ini juga *Arms Trade Treaty* juga di *signed*.

Selepas itu baru-baru ini Tuan Pengerusi, saya hairan dengan apa yang Timbalan Menteri Dalam Negeri mengatakan bahawa *“The Islamic State group is attempting to recruit lecturers skilled in weapons and explosive from Malaysia and Indonesia”*, says Deputy Home Minister. Kalau kita ada *Arms Trade Treaty*, *the mechanics of it all these, they will check on this*. Ini adalah satu antara perkara yang perlu diambil kira.

Akhir sekali Tuan Pengerusi adalah mengenai isu yang di mana *hunger strike* di Sri Lanka yang mana pada kebelakangan ini lebih daripada 293 orang menjalankan *hunger strike* lebih daripada mereka telah ditahan dari tahun 1997, tidak ada tindakan apa-apa walaupun tangkapan telah dibuat dan mereka disimpan di penjara, tidak ada perbicaraan dan sebagainya. *This is rule of law, rule of law is above all principles as a country, as a nation, as a sovereign nation. We must express opinion*. Itulah sebab dalam hal *Palestinian*, dalam hal *Syria*, dalam hal *refugees*, *we express our opinion because we are humans. If we are animals, we do not express opinion*. Dalam perkara sedemikian, saya juga pohon *while Sri Lanka also* di mana perkara yang mana mereka ditahan lebih dari 20 tahun dalam penjara, *incarcerated. We cannot keep quiet. They are Commonwealth country*. Saya harap kerajaan ambil pandangan. *Let’s not be short-sighted*.

■1640

Let’s go beyond the boundaries of fairness and lets attend to this kind of issues, perkara ini tidak boleh dielak. Akhir sekali Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya harap *Arms Trade Treaty* ini dan *International Criminal Court* satu perkara yang sangat mustahak untuk negara ini, satu *opportunity* yang kita boleh guna di mana MH17, satu perkara untuk mengatasi masalah di mana kerumitan telah berlaku. Di mana kita boleh merujuk *International Criminal Court* supaya tindakan untuk *fairness and justice* kepada mereka yang mati, yang disebabkan dengan sengaja oleh orang-orang yang terlibat dalam *terrorism*. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Limbang.

4.40 ptg.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengemukakan perkara di bawah Kementerian Luar Negeri Butiran 020200 iaitu hubungan dua hala bahagian Asia. Jadi apa yang saya hendak utarakan di sini ialah tentang berkaitan dengan negara jiran kita iaitu negara Brunei. Pada masa ini laluan kedua untuk memasuki Sarawak dari Limbang iaitu dengan pembinaan jambatan baru dan sebagainya *insya-Allah* akan bermula pada hujung tahun ini ataupun awal tahun depan. Akan tetapi masalahnya ialah tentang *border check point* sebab saya tahu setiap tahun akan ada hubungan bilateral *meeting* dengan izin antara negara kita dengan negara jiran Brunei yang dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Jadi saya meminta di sini supaya apabila dalam *the next* bilateral ataupun kalau lebih awal lagi baguslah dalam forum yang lain iaitu tentang pembukaan sempadan kedua *check point CIQ* kedua iaitu di kawasan di sebahagian Limbang iaitu Pendam dan di bahagian Negara Brunei Darussalam ialah Lumapas.

Ini kerana laluan ini amat penting ianya laluan kedua dan juga sampai ke Sabah Tuan Pengerusi. Saya berharap supaya perkara ini dibawa awal. Jangan nanti bila jambatan siap dan sebagainya masalah sempadan ini, laluan kedua ini belum selesai lagi. Jadi saya minta Kementerian Luar Negeri membawa perkara ini dalam bilateral *meeting* supaya diusahakan kelulusan MoU antara dua negara untuk membuka sempadan CIQ baru untuk tujuan ini. Jadi *everything will be nice*, jambatan siap, sempadan pun sudah siap semuanya *insya-Allah* akan berjalan lancar. Kita tidak mahu ini siap tetapi yang ini belum lagi, masalah lagi nanti. Jadi itu harapan sayalah. Perkara ini juga memang ada hubung kait dengan KDN juga *which I will bring up also insya-Allah*, dengan izin. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jelutong.

4.43 ptg.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menjurus kepada dua butiran sahaja. Pertama, Butiran 090100 mengenai sejumlah RM11.31 juta yang diperuntukkan bagi Institusi Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR). Tuan Pengerusi, saya ingin tanya apakah keupayaan dan juga penguasaan bahasa Inggeris di antara semua wakil Malaysia yang bertugas di kedutaan besar? Mereka mempunyai penguasaan bahasa Inggeris terutamanya yang begitu mantap kalau berbanding dengan tahun 60-an, 70-an.

Dalam pengalaman persendirian saya apabila saya berkecimpung bersama-sama dengan lawatan rasmi ke luar negeri dan kami juga disambut mesra oleh petugas-petugas pada Kedutaan Besar Malaysia di luar negara. Nampaknya daya penguasaan bahasa Inggeris kita tidak sentuh lagi tentang penguasaan bahasa rasmi di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu seperti Perancis ataupun China ataupun Rusia. Akan tetapi penguasaan bahasa Inggeris itu martabat dan juga kecekapan itu *proficiency* itu telah jatuh. Jadi saya hendak tanya apakah

kelayakan yang paling asas sekali sebelum seseorang itu ditugaskan di luar negara di mana interaksi dalam bahasa Inggeris itu begitu penting. Itu yang pertama.

Kedua, yang saya ingin tanya kepada Menteri berkenaan bahawa apakah kelayakan ataupun syarat-syarat tambahan yang dikenakan sebagai syarat naik pangkat bagi mereka yang bertugas di Kementerian Luar Negeri itu semasa perkhidmatan mereka. Sama ada mereka harus dan wajib memperolehi kecekapan bahasa selain bahasa Inggeris supaya mereka yang ditugaskan di luar Malaysia benar-benar memainkan peranan ambassador dalam makna secara yang literal.

Seterusnya, saya ingin menjurus kepada Butiran 100100 mengenai sejumlah RM4.34 juta yang diperuntukkan bagi Pusat Serantau Asia Tenggara Bagi Mencegah Keganasan ataupun singkatannya SEARCCT. Saya hendak tanya di sini Tuan Pengerusi, adakah usaha-usaha yang bakal dijalankan di bawah pusat serantau ini ada mempunyai sebarang koordinasi dengan Kementerian Pertahanan? Oleh kerana Pusat Serantau Asia Tenggara Bagi Mencegah Keganasan itu sememangnya pasti menyentuh tentang soal-soal pertahanan. Bukan sahaja di pesisiran pantai malah di Nusantara dan sebagainya. Jadi saya hendak rujuk kepada isu yang terbaru di mana seorang warga Malaysia telah pun dibunuh puak-puak Abu Sayyaf dan juga di Jolo.

Sama ada terdapat forum ataupun perantaraan, mekanisme di mana apa yang bakal diusahakan oleh Pusat Serantau Asia Tenggara atau SEARCCT itu ada mempunyai interaksi koordinasi dengan kegiatan-kegiatan dan juga strategi yang telah dipaparkan Kementerian Pertahanan. Sekian sahaja terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Parit Sulong.

4.47 ptg.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus pada dua butiran. Pertamanya bagi Maksud Bekalan 13 Butiran 040000 – Sekretariat Kebangsaan ASEAN-Malaysia yang diwujudkan untuk menjamin kepentingan Malaysia dalam aktiviti kerjasama ASEAN dalam pelbagai bidang yang dipelihara dengan baik, menjamin agar hubungan Malaysia dengan negara ASEAN ini dapat dipertingkatkan. Secara kebetulannya hujung minggu ini *ASEAN Summit* yang ke-27 akan bermula dan Kuala Lumpur akan meraikan kehadiran pemimpin-pemimpin ASEAN. Bukan sahaja daripada ASEAN ada beberapa pemimpin dunia yang lain yang akan sama menyaksikan pelancaran Komuniti ASEAN. Jadi tahniah saya ucapkan kepada Kementerian Luar Negeri yang telah bekerja keras.

Jadi soalan saya kepada kementerian melalui butiran ini adalah apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Malaysia untuk mencapai sasaran untuk menjadikan Komuniti ASEAN ini satu realiti? Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak kementerian untuk memastikan bahawa rakyat Malaysia ini sendiri faham apa maksud Komuniti ASEAN ini terutamanya di kalangan golongan orang muda? Dalam waktu yang sama saya juga hendak mendapatkan penjelasan di bawah tajuk yang sama, di bawah butiran yang sama. Sama ada kerajaan dalam

perbincangan di ASEAN Summit itu nanti akan membincangkan dan membawa dua perkara yang hendak saya tanya ini.

Pertamanya, mengenai masalah pendamaian dan stabiliti di Laut China Selatan yang akan terpengaruh dengan situasi global sekarang ini. Keduaanya, isu global, isu jerebu yang juga menjadi satu masalah serius yang bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di Singapura dan juga di Indonesia. Ini kerana masalah ini sangat teruk hingga menyebabkan sekolah terutama di Malaysia ini cuti sampai seminggu dan lebih. Jadi, adakah kerajaan akan berbincang dalam perbincangan itu nanti? Isu kedua iaitu Butiran 060000 – Perancangan Dasar.

■1650

Seperti Dewan semua sedia maklum juga bahawa Mahkamah Keadilan Antarabangsa ataupun ICJ telah memutuskan bahawa isu kedaulatan ke atas Batu Putih yang mana kedaulatannya berpihak kepada Singapura. Jadi, mengikut proses penghakiman ICJ tersebut, ianya memberi ruang kepada pihak Malaysia untuk menyemak semula kes ini sebelum 2018. Ini bermakna bahawa kita mempunyai lebih kurang tiga tahun saja lagi untuk urusan tersebut.

Jadinya untuk itu saya ingin bertanya kepada pihak kementerian sama ada kementerian dan juga kerajaan akan memohon untuk membuat semakan semula terhadap kes ini. Kita harapkan juga sekiranya ada dan kita sungguh-sungguh berharap agar ianya dapat dipohon ataupun dibuat semakan semula agar kedaulatan Pulau Batu Putih ini akan kembali ke Malaysia. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Gantang.

4.50 ptg.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh berkenaan dengan B.13 Butiran 10000 iaitu Pusat Serantau Asia Tenggara Bagi Mencegah Keganasan (SEARCCT). Memang soal pencegahan ini amat penting dan kita harapkan ia menjadi sebagai satu daripada asas yang penting untuk kita hendak mengelak daripada berlakunya aktiviti-aktiviti keganasan sama ada di dalam negara ini ataupun ada yang melatih kadet-kadet mereka ke dalam negara ini untuk di bawa ke luar kerana kaedah yang macam pepatah Arab sebut dia kata *[Berucap dalam bahasa Arab]*. Maknanya *“Kamu membelanjakan 1 Dirham lebih baik daripada kamu hendak berubat untuk banyak lagi belanja dengan berguni-guni gandum”*.

Tuan Pengerusi yang saya kasihi, soal pencegahan ini penting. Maka dengan sebab itu antara perkara yang perlu diberikan penekanan dalam soal kita hendak mencegah keganasan ini ialah soal pelancong-pelancong luar yang datang ke negara kita yang perlu diberikan kawalan yang ketat sebenarnya ataupun pemeriksaan yang ketat di sempadan. Kita tidak mahu kerana berbeza, kalau kita pergi ke negara-negara luar, walaupun kadang-kadang sampai kita agak menyampah. Akan tetapi sebenarnya itulah hakikat yang perlu ada di dalam negara kita untuk kita hendak kawal terutama mereka datang atas tiket pelancongan atau visa pelancong tapi rupanya mereka itu mempunyai *hidden* dengan izin. Mempunyai agenda yang tersendiri untuk

merosakkan ketenteraman di dalam negara ini kerana kita tidak mahu pernah berlaku seperti mana pernah di *report* oleh laporan SPRM pada tahun 2010. Ada pegawai imigresen yang menerima rasuah sehari RM2 ribu. Makna pendapatan mereka ialah sebanyak RM60 ribu sebulan.

Ini didedahkan oleh SPRM pada tahun 2010. Ini bibit-bibit yang cukup berbahaya. Kalau inilah yang berlaku walaupun mereka datang itu sebagai petugas ataupun sebagai pekerja untuk memudahkan mereka itu membolosi negara kita. Ini kes yang pernah didedahkan oleh SPRM pada tahun 2010. Ini contoh yang amat berbahaya. Kalau ini berlaku, berbagai-bagai kebarangkalian akan berlaku dalam negara kita. Begitu juga dengan kes yang melibatkan 20 buah bangsal dan khemah pelbagai saiz yang terdapat sebanyak 139 kubur dekat Wang Kelian, dekat dengan Perlis. Seheinggakan tidak dapat kita *detect*. Cuba bayangkan kalau macam ini punya keadaan dia, orang boleh masuk ke tempat kita, duduk dalam keadaan buat khemah, tanam pula kubur. Apa akan jadi kalau mereka ini merupakan gerombolan yang membawa sesuatu perkara yang berbahaya kepada ketenteraman dan kedaulatan negara kita?

Ketiganya ialah soal berkenaan dengan jaringan pengganas. Kalau boleh seperti mana saya pernah sebut ketika bersoal jawab dengan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dulu, berkenaan dengan nama kepada IS, kumpulan pengganas ini yang sepatutnya merujuk kepada keganasan yang berlaku di Syam dan juga di Iraq. Sedangkan ini tidak sesuai kerana terminologi yang digunakan *Islamic State* ini satu istilah yang memberikan pencemaran kepada istilah yang baik, tiba-tiba dilabelkan kepada kumpulan yang memang jahat. Kumpulan ini kumpulan yang memang tidak boleh kita bertolak ansur kerana ini adalah merupakan golongan yang kita anggap sebagai golongan yang salah dari segi ajaran Islam kerana Nabi SAW sendiri pun pernah sebut tiga kali dia kata [*Berucap dalam Bahasa Arab*], "*Celaka orang yang melampau ini, celaka orang melampau ini, celaka orang yang melampau ini*".

Maka ini tindakan yang perlu, saya rasa penggunaan *term* IS itu kita dapat tukarkan untuk digunakan di Malaysia sama ada kumpulan pengganas dan sebagainya, boleh digunakan dengan istilah yang menggambarkan itu adalah istilah yang sesuai dengan kejahatan mereka. Kita rasa amat sedih apabila seorang jurutera yang, Bernard Then, 39 tahun yang dipenggal leher di Selatan Filipina yang kita semua amat berdukacita. Walaupun atas nama apa sekalipun kalau yang membunuh itu orang Islam, ini bukan ajaran Islam. Ajaran Islam tidak mengajar sikap yang demikian rupa. Kemudian yang keempatnya ialah supaya dalam soal pencegahan ini kita buat kempen. Saya tertarik apabila Ahli Parlimen kita, juga ADUN kita dipanggil dalam taklimat oleh Kementerian Dalam Negeri di Maktab Polis sebelum sidang Parlimen baru-baru ini yang ditunjukkan oleh pihak polis. Video-video tentang kekejaman golongan-golongan pengganas yang kita anggap ini semua tidak boleh diterima oleh semua agama dan juga lebih-lebih lagi Islam tidak menerima tentang apa yang dilakukan oleh mereka, pembunuhan dengan secara kejam yang dilakukan walaupun atas orang bukan Islam.

Kita tidak pasti mereka ini, yang membunuh itu Islam ataupun tidak tapi mereka yang bertopeng. Walau bagaimanapun sama ada Islam atau tidak Islam yang membunuh itu, ini

ajaran yang tidak boleh diterima, yang tidak boleh dikompromi. Oleh sebab itu perkara ini perlu kita hendak cegah dengan kita memberikan pendedahan termasuklah juga pelajar-pelajar universiti dan juga di pusat-pusat pengajian dan sebagainya perlu diberikan pendedahan. Termasuklah juga kepada orang-orang ramai supaya rakyat tidak terpengaruh dengan perkara-perkara yang kita rasakan di luar daripada perikemanusiaan.

Akhir sekali ialah perlulah kita harapkan supaya gejala keganasan ini kadang-kadang kita kena juga bertindak sebagai adil. Benda-benda ini kebanyakan berlaku di negara-negara yang demokrasi mereka tertutup. Sampai rakyat tidak boleh bersuara, rakyat tidak boleh bentuk organisasi, rakyat tidak boleh berpolitik. Akhirnya berlaku tekanan yang mereka buat tindakan yang di luar daripada batasan undang-undang. Oleh sebab itu kita harapkan supaya di Malaysia ini biarlah demokrasi yang buka, biar kita tahu kegiatan apa yang mereka buat. Senang kita hendak pantau melalui polis atau melalui risikan tentera yang kita tahu ini kegiatan-kegiatan yang buat bukan bawah tanah tetapi mereka biarlah di atas meja ataupun di atas tanah. Biar pihak berkenaan atau berkuasa senang untuk memantau sama ada kegiatan ini kegiatan yang sah ataupun tidak.

Harapan saya supaya soal demokrasi ini dibuka. Bukan seadanya luas tanpa kawalan tapi dengan kawal kerana kita tidak hendak berlaku seperti negara-negara yang kadang-kadang mereka ini buat kerana negara mereka yang tertutup demokrasi mereka. Akhirnya berlaku ledakan ataupun berlakunya rasa tidak puas hati dari kalangan rakyat mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lenggong.

4.59 ptg.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi kerana memberi peluang saya untuk berbahas peringkat Jawatankuasa di bawah Kementerian Luar Negeri. Saya ingin merujuk Butiran 030000 – Hal Ehwal Pelbagai Hala, Butiran 030100 – Politik dan Keselamatan Pelbagai dan Perlucutan Senjata dan Butiran 030200 – Hak Asasi Manusia, Sosial, Kebudayaan dan Jenayah Bersempadan.

■1700

Tuan Pengerusi, hakikatnya Malaysia perlu menjadi penggerak utama kepada perjanjian serantau yang melibatkan Myanmar dan Thailand bagi membanteras isu pemerdagangan manusia serta mengawal ketat kawasan sempadan selain memberi hak kemanusiaan kepada pelarian. Begitu juga saya lihat tadi disentuh sedikit oleh Yang Berhormat daripada Bukit Gantang. Ini kerana kalau kita lihat beberapa bulan yang lalu sebagaimana disebut tadi, penemuan puluhan mayat masyarakat Rohingya yang menjadi mangsa pemerdagangan manusia. Sebahagian dibunuh secara kejam oleh sindiket selepas kita menemui 30 mayat di beberapa kubur sekitar 300 meter daripada sempadan Malaysia – Thailand, cukup dekat. Kita cukup hairan bagaimana kita tidak begitu cepat untuk mengesan isu ini.

Isu pemerdagangan manusia dan pelarian, saya lihat perlu penglibatan pelbagai pihak, semua pemimpin dan negara-negara, terutamanya negara ASEAN kerana kita perlu mencari punca terhadap isu ini. Bagaimana penyelesaian harus dilakukan kerana masalah ini membabitkan pelarian daripada Myanmar dan Bangladesh. Isu etnik Rohingya ini sebenarnya bukan baru, ia telah begitu lama dan nampaknya masih lagi belum selesai. Oleh kerana kita hari ini menjadi Pengerusi ASEAN, sudah tentu saya percaya sedikit pengaruh yang ada pada kita perlu kita mainkan peranan walaupun hakikatnya kita tidak boleh mengganggu urusan negara orang lain. Akan tetapi hakikatnya juga kesan daripada isu ini membabitkan negara kita kerana ia perlu ditangani secara segera. Oleh kerana kita lihat kalau dari segi aspek kesihatan pun, kita dapati bahawa pelbagai virus penyakit yang kini sebenarnya sudah tiada tetapi ada kembali yang saya percaya ia juga berpunca daripada isu-isu kehadiran masyarakat ini.

Kita tahu Myanmar sebelum ini mengiktiraf Rohingya sebagai warganegara tetapi secara tiba-tiba etnik ini menjadi warga tanpa negara. Soalnya, siapa yang perlu kita pertanggungjawabkan. Memang cukup kasihan kalau kita lihat dan teliti bagaimana penderitaan, terutama sekali di kalangan kanak-kanak. Adalah tidak adil untuk meletakkan masalah ini kepada negara lain, terutama negara kita Malaysia. Jadi, sejauh manakah, saya ingin tanya kepada pihak kementerian, diplomasi serta perbincangan yang kita lakukan di antara kerajaan kita dengan Kerajaan Myanmar untuk menyelesaikan isu ini. Apatah lagi barangkali kita mempunyai peluang terbaik ketika peralihan kuasa Kerajaan Myanmar yang berlaku baru-baru ini. Walaupun kita tahu pendirian pemimpin politik baru yang mengetuai Kerajaan Myanmar yang saya tidak mahu sebut di sini yang kita tahu pendiriannya mengenai Rohingya. Akan tetapi apakah tidak ada ruang untuk kita berbincang bagi menyelesaikan isu ini kerana isu ini bukan melibatkan soal agama tetapi soal manusia. Jadi, sebab itu kita harus tidak membatasi isu ini kerana semua pihak mesti menanganinya secara baik.

Saya difahamkan, saya tidak tahu ada angka ini betul atau tidak. Akan tetapi di Malaysia sahaja sudah ada 45,000 orang etnik Rohingya yang berdaftar di bawah UNHCR. Malah pelarian dan pendatang daripada Myanmar mewakili 92.7% daripada 152,570 orang pelarian dan pemohon Suaka berdaftar dengan agensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Ini saya fikir perlu ditangani kerana saya lihat perbelanjaan begitu banyak. Jadi, sebab itu saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, barangkali mungkin angkanya tidak ada tetapi tentu pihak kerajaan mengeluarkan belanja yang banyak bagi menangani isu ini. Saya fikir telah sampai masanya untuk kita mencari jalan supaya isu ini ditangani dengan segera supaya masalah-masalah sampingan yang berkaitannya tidak berlarutan.

Tuan Pengerusi, saya hendak memetik kenyataan Timbalan Menteri Luar Negeri yang dahulu mengenai isu ini yang menyebut bahawa Malaysia bukan merupakan dan tidak berhasrat untuk menjadi pihak negara *state party* kepada Konvensyen Berkaitan dengan Status Orang-orang Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Jadi, apakah pendirian ini masih lagi kekal dan apakah kesan yang kita hadapi daripada pendirian kerajaan mengenai isu ini? Namun, saya minta juga penjelasan mengenai perkara ini. Oleh kerana kita ingin tahu apakah kesan-kesan yang dihadapi

oleh kerajaan sehingga hari ini berkaitan dengan isu ini, terutama sekali dari segi bebanan kewangan dan aspek-aspek lain, dari segi kesihatan dan sebagainya. Jadi, saya mohon kementerian menyatakan jumlah kos yang ditanggung sehingga kini dalam menyediakan tempat perlindungan sementara pendatang asing Rohingya dan juga Bangladesh. Apakah langkah-langkah terkini yang diambil oleh kementerian bagi menjaga kedaulatan negara kita?

Saya juga ingin menyentuh mengenai OIC. Saya hendak tanya peranan kementerian, mana OIC sekarang ini, senyap sunyi sahaja. Isu berkaitan dengan agama Islam dan sebagainya cukup banyak hari ini. Nampaknya tidak ada langsung peranan yang dimainkan oleh organisasi ini yang anggotanya cukup ramai. Jadi, saya minta satu ketika dulu negara kita cukup aktif dan memang berpengaruh dalam isu ini. Bagaimana kita hendak aktifkan semula kerana kita perlu ke hadapan menangani isu ini. Apatah lagi ketika ini segala isu yang berkaitan dengan keganasan. Hari ini dilaporkan dua orang lagi terbunuh di Paris, seorang wanita meletupkan diri rentetan daripada peristiwa pengeboman sebelum ini.

Yang menjadi malang kepada kita ialah apabila isu ini berlaku, maka dipalitkan kepada agama Islam. Ia tidak adil sama sekali kerana kita sebagai umat Islam dan negara kita sendiri pun menolak semua perkara ini. Malah ia tidak langsung menepati dengan kehendak agama kita. Kita bukan setuju dengan keganasan tetapi menjadi masalah kepada kita ialah organisasi yang sepatutnya mempertahankan negara-negara Islam ini senyap sunyi. Nama pun tidak muncul lama dah, OIC. Jadi, saya minta kementerian dan kerajaan mainlah peranan supaya hidupkan kembali OIC ini supaya isu-isu ini dapat ditangani dengan baik. Jadi, sebab itu saya hendak tanya apa peranan kerajaan dan apa langkah kementerian untuk mengaktifkan semula OIC ini? Saya tahu cakap mudah, ia sukar tetapi ia mesti kita lakukan kerana isu-isu yang berada di hadapan kita ini cukup banyak dan perlu ditangani. Apatah lagi seperti saya sebut tadi membabitkan soal negara Islam dan orang Islam sendiri.

Tuan Pengerusi, kita hari ini menjadi Pengerusi ASEAN. Tidak berapa lama lagi kita akan didatangi oleh pemimpin-pemimpin utama Kerajaan ASEAN dan juga kuasa besar daripada Amerika Syarikat. Sudah tentu ada impak besar kepada kita. Saya mohon kementerian menjawab apakah persediaan-persediaan yang kita buat? Terutama sekali dari aspek keselamatan kerana kita bimbang walaupun kita tahu bahawa kita selamat, langkah-langkah yang dilakukan oleh Kementerian Dalam Negeri dan kementerian-kementerian berkaitan, saya cukup yakin kita mampu menangani. Akan tetapi kita juga harus waspada kerana kita bimbang bukan kita yang menjadi sasaran tetapi orang lain yang menjadi sasaran tetapi tempatnya di negara kita. Jadi, sebab itu apakah langkah-langkah yang dibuat oleh pihak kementerian untuk menjaga semua ini kerana kita lihat di pelbagai negara ini, terutama sekali di Perancis, isu keganasan ini berleluasa. Ia juga berkaitan dengan keselamatan serantau, terutama sekali di Laut China Selatan. Oleh kerana nampaknya hari ini, negara kita dan rantau ini terdedah dengan pelbagai kemungkinan.

■1710

Kita agak kluatir dan bimbang baru-baru ini apabila berlaku sedikit pertelingkahan antara beberapa kuasa besar di Laut China Selatan. Kapal perang beberapa negara berlabuh di situ dan sebagainya. Kita tahu bahawa kerajaan kita yang selama ini mengamalkan prinsip menjaga dan menghormati negara-negara lain tetapi saya cukup yakin bahawa kita juga mesti dan terus mempertahankan kedaulatan negara kita.

Dalam proses kita berunding dan meningkatkan diplomasi kita, saya juga mohon penjelasan daripada kementerian, apakah Kementerian Luar lakukan bagi menangani isu ini dan apakah yang telah Kementerian Luar lakukan setelah isu berkaitan dengan krisis yang baru ini di Laut China Selatan, yang saya rasa Yang Berhormat Menteri tahu dan faham maksud saya, kementerian lakukan baik dari segi rundingan dengan kuasa-kuasa besar terbabit dan sebagainya? Saya mohon Yang Berhormat Menteri jelaskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh habiskan, Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Jadi yang penting saya harap Malaysia terus memainkan peranan di peringkat antarabangsa. Selama ini memang kita hebat di peringkat antarabangsa tetapi yang sekarang pun kita aktif di pelbagai forum antarabangsa, teruskan perkara-perkara ini dan kita memang boleh menjadi juara kepada isu-isu antarabangsa. Akan tetapi saya pohon supaya kerajaan bagi tumpuan kepada OIC ini nampaknya ia senyap sunyi ketika pelbagai isu berkaitan dengan agama Islam dan juga negara Islam berlaku pada hari ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tumpat.

5.11 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga turut ingin berbahas berkenaan dengan Kementerian Luar Negeri Maksud B.13 ini.

Sukacita saya maklumkan bahawa saya boleh bersetuju dengan kesemua ucapan-ucapan oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat sama ada di sebelah kerajaan ataupun di sebelah pembangkang kerana ini bererti bahawa negara kita dan Ahli-ahli Parlimen kita, Tuan Pengerusi, apabila kita berbahas tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan negara, hak asasi manusia di semua tempat termasuk di Malaysia kita ini, kita mempunyai persamaan yang begitu jelas.

Jadi saya amat gembira dan saya dengar daripada Yang Berhormat Lenggong tadi seolah-olah semua perkara yang saya ingin cakap beliau telah juga sebutkan. Ini bererti sekali lagi bahawa tidak ada perbezaan besar di kalangan kita dan inilah yang saya harap menjadi semangat kita bersama supaya kita membina Malaysia yang baru, yang adil, yang demokratik, yang tidak toleran kepada rasuah dan sebagainya dan secara kebetulan isu dasar luar negara mungkin salah satu isu yang boleh menyatukan kita.

Saya amat bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat misalnya berkenaan dengan, selain daripada ICC, MH370 dan juga MH17. Saya amat kesal bahawa negara kita, kementerian kita dalam kes MH370, MH17 tidak memainkan peranan yang utama berbanding dalam kes MH370 misalnya, negara Australia memainkan ataupun dalam kes MH17 yang lebih membimbangkan lagi, negara Belanda yang memainkan peranan utama, bukannya negara Malaysia.

Malah beberapa minggu yang lalu apabila sudah sampai setahun kes penembakan jatuh MH17 ini, yang menjalankan majlis memperingati setahun genapnya penjatuhan kapal terbang MH17 ini adalah di negara Belanda dan Malaysia seolah-olah ingin melupakan hal ini. Walhal, walaupun rakyat Belanda yang ramai terbunuh, kapal terbang itu Malaysia punya, pemandu *pilotnya* rakyat Malaysia, *first officernya* rakyat Malaysia dan saya yakin anak-anak kapalnya rakyat Malaysia tetapi Malaysia tidak begitu ke depan dan bersungguh-sungguh untuk memastikan bahawa penjenayah yang menjatuhkan MH17 ini dibawakan ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga teruskan dengan Butiran 040000 – Sekretariat Kebangsaan ASEAN-Malaysia. Saya setuju dengan rakan-rakan yang menyebutkan tentang betapa pentingnya peranan Malaysia dalam menjadi Pengerusi ASEAN. Oleh itu, saya ingin sekali lagi menanya kementerian, apakah dalam kiraan kita, kejayaan-kejayaan yang Malaysia capai dan perolehi untuk menjadikan ASEAN ini lebih berjaya dalam kita memegang jawatan sebagai Pengerusi ASEAN?

Keduanya, sebagaimana kita tahu, antara NGO-NGO rasmi ASEAN ialah apa yang dinamakan *ASEAN Intergovernmental Commission on Human Rights* dan pengerusinya tidak lain tidak bukan, anak Malaysia yang bernama Tan Sri Shafie Abdullah. Saya ingin bertanya kepada kementerian, adakah kita ingin dalam semangat *non-partisan*, *bipartisan* dan tidak mempolitikkan hubungan antarabangsa dan isu-isu dasar luar kita, memikirkan pengganti yang lebih baik daripada Tan Sri Shafie Abdullah ini yang kita anggap sebagai seorang yang *controversial* sama ada sebagai peguam ataupun sebagai seorang yang memperjuangkan hak-hak asasi manusia?

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya pergi kepada Butiran 030200 – Hak Asasi Manusia, Sosial, Kebudayaan dan Jenayah Rentas Sempadan. Seperti juga Yang Berhormat Lenggong, saya juga ingin menyentuh berkaitan dengan *development* atau perkembangan di negara Myanmar yang khususnya melibatkan rakyatnya yang berketurunan yang dipanggil Rohingya. Sebagaimana kita maklum, sebagaimana Yang Berhormat Lenggong sebut juga tadi, parti yang dipimpin oleh Aung San Suu Kyi ini telah memperoleh kemenangan dalam majoriti yang besar dalam pilihan raya pertama yang mungkin agak bebas dilakukan oleh negara tersebut lebih kurang seminggu yang lalu, Tuan Pengerusi.

Oleh itu, kita mengharapkan oleh kerana rakyat Rohingya ini telah diiktiraf oleh seluruh dunia sebagai dengan izin, *the most prosecuted minority in the world*, rakyat minoriti yang paling dizalimi di seluruh dunia dan ianya tidak dibela sama ada sudah tentunya oleh Kerajaan Myanmar tetapi negara jiran mereka seperti Bangladesh pun kita amat kecewa tidak membela

rakyat ini, Malaysia dan saya harap peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN dan sebagai anggota ASEAN menjadikan isu Rohingya ini sebagai salah satu isu utama yang seharusnya kita perjuangkan supaya apa yang dialami oleh rakyat Rohingya ini tidak berterusan.

Kita harapkan, sebagaimana saya bersetuju dengan Yang Berhormat Lenggong tadi, kita dapat memainkan peranan dua hala kita dengan pemimpin baru yang kita harapkan akan wujud di Myanmar ini untuk mereka menukar dasar mereka mengiktiraf kembali rakyat Rohingya itu dan memberhentikan dasar-dasar yang lebih teruk dari apartheid di Afrika Selatan yang terkena kepada rakyat Rohingya tersebut, Tuan Pengerusi.

Saya juga ingin menyebut apa yang disebutkan oleh rakan saya Yang Berhormat Lenggong tadi, Butiran 030400 – Hal Ehwal Islam Pelbagai Hala. Beliau menyebutkan tentang OIC tetapi dalam penerangan yang berkaitan dengan perkara ini, ianya juga menyentuh tentang satu lagi kumpulan negara-negara Islam yang dipanggil D-8. Kalau OIC pun yang mana Malaysia adalah pemain utamanya dan di antara negara yang mempelopori OIC melalui Perdana Menteri Pertama Malaysia kita tidak aktif, begitu juga D-8 walaupun dipelopori oleh Perdana Menteri Erbakan daripada Turki tetapi Malaysia juga daripada awal lagi memainkan peranan yang penting, tetapi D-8 tidak langsung kita dengar. OIC itu ada juga kedengaran tetapi itu pun belum memuaskan hati kita tetapi D-8 itu lebih teruk daripada keadaan yang kita tahu berkaitan dengan OIC.

Jadi saya bersama dengan Yang Berhormat Lenggong juga ingin bertanya kementerian apakah yang boleh kita mainkan supaya OIC benar-benar berperanan, supaya D-8 yang bertujuan untuk membantu ekonomi-ekonomi, keadaan masyarakat negara tertentu yang dilihat pada ketika itu lapan buah negara di semua benua di dunia ini dapat memainkan peranan yang lebih penting untuk membangunkan negara-negara Islam dan juga untuk membangun dunia bersama-sama dengannya itu. Jadi inilah harapan saya dan saya harap kementerian akan cuba menjelaskan lagi isu-isu yang kita bangkitkan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Tinggi.

5.18 ptg.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Tuan Pengerusi, terima kasih memberi peluang kepada saya untuk berbahas.

Pertamanya saya hendak bertanya kepada kementerian Butiran 030300 – Ekonomi Pelbagai Hala dan Kerjasama Serantau yang mana saya dapati pengurangan sebanyak 76 peratus daripada belanjawan. Jadi apakah ini tidak akan mengganggu atau memberi kesan impak dalam kita rancang mempromosikan ekonomi pelbagai hala dan kerjasama serantau?

Keduanya saya hendak bertanya tentang Sekretariat Kebangsaan ASEAN-Malaysia di bawah Butiran 040000 di mana perbelanjaan daripada RM133,676,000 berkurangan sehingga RM11 juta. Apakah ini juga dengan pengurangan bajet ini akan mengganggu gugat peranan ataupun fungsi Sekretariat Kebangsaan ASEAN-Malaysia?

Saya dapati Tuan Pengerusi, saya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat Tumpat dan juga Yang Berhormat Lenggong tadi bahawa di samping cabaran yang begitu dinamik di kawasan Asia Tenggara khususnya dengan ketegangan yang nampaknya *escalate* atau bertambah di Laut China Selatan.

■1720

Tambah pula dengan kewujudan India sebagai sebuah kuasa *super power nuclear* dalam 10 tahun terakhir ini dan kewujudan Vietnam, Filipina, Taiwan, Korea Selatan dan Jepun sebagai satu blok lain dan China sebagai satu kuasa yang besar dan kewujudan juga *ASEAN Economic Community* yang akan menjadi *buffer* ataupun penampan di antara dua ini dan juga fakta membuktikan bahawa Selat Melaka merupakan satu laluan yang amat penting dan merupakan salah satu selat yang paling sibuk di dunia seperti saya sebut sebelum ini. Kenderaan yang melebihi 200 tan sebanyak 80,000 setahun dan ini adalah merupakan satu lagi elemen yang di mana pemahaman, kefahaman, toleransi yang lebih penting dalam perancangan dasar mesti dilakukan bukan sahaja di peringkat Malaysia tetapi juga di peringkat ASEAN di mana kita sebagai satu kuasa ataupun *ASEAN Chair* pada ketika ini. Itu sebab ini juga terbabit dengan 060000 – perancangan dasar di mana peruntukan yang amat sedikit pada hemat saya.

Jadi Tuan Pengerusi, saya rasa dalam kita menangani ketidakpastian global dalam keadaan kita akan terangkum secara langsung dan tidak langsung dalam suasana landskap yang begitu dinamik, sudah sampai masanya kita mempunyai skop-skop tertentu yang melibatkan secara proaktif perancangan dasar peringkat luar negeri yang mana memerlukan penglibatan bukan sahaja dari segi kewangan dan juga *personnel* atau petugas-petugas yang lebih mendalam dan mengikuti perkembangan yang amat dinamik ini.

Atas sebab itu, saya rasa untuk kita negara kita maju ke depan bukan sahaja tahun 2020 dan seterusnya, adalah menjadi satu keperluan yang amat mendesak untuk kita melihat keperluan-keperluan yang baru ini, yang strategik ini merangkumi aspek-aspek keselamatan merentas sempadan sama ada dari segi dadah, perdagangan manusia, dari segi keganasan dan sebagainya adalah suatu perkara yang *real* yang sedang berlaku dan ia menuntut agar Kementerian Luar melihat semula keperluan-keperluan untuk memastikan pemahaman ini, rancangan ini dapat kita tangani sebaik-baiknya.

Jadi atas sebab itu, butiran 030300, 0400000, 060000 ini perlu diperincikan dan saya memerlukan jawapan yang lebih *detail* daripada kementerian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Petani.

5.23 ptg.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada cuma tiga perkara saya hendak bangkitkan. Yang pertama, 02000 – Hubungan Dua Hala. Saya dimaklumkan oleh ramai pelajar kita di Indonesia bahawa urusan untuk mendapatkan visa untuk mereka belajar di Indonesia agak susah dan kerennahnya banyak.

Jadi saya hendak tanya Tuan Pengerusi, adakah mungkin kerajaan boleh berbincang dengan pemerintah di Indonesia untuk memudahkan pelajar-pelajar kita di Malaysia sama ada yang ditaja ataupun persendirian mendapat fasilitas yang lebih baik, cepat dan tepat seperti yang kita berikan kepada para pelajar Indonesia yang belajar di Malaysia kerana pelajar-pelajar kita berselerak di Indonesia khususnya yang menuntut dalam bidang-bidang profesional seperti farmasi, kedokteran dan juga pergigian.

Jadi ramai yang datang mengatakan bahawa prosesnya itu amat rumit dan ini memakan masa dan belanja yang tinggi. Jadi saya minta supaya kalau dapat pihak pemerintah boleh berbincang di sana supaya dapat dipermudahkan seperti yang kita memudahkan pelajar-pelajar Indonesia belajar di Malaysia.

Yang keduanya Tuan Pengerusi tentang 03000 – Hal Ehwal Pelbagai Hala. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Tumpat dan juga Yang Berhormat Ipoh Barat bahawa kita mestilah memainkan peranan yang lebih aktif khususnya dalam isu-isu *human rights*. Telah pun panjang lebar cakap tentang Myanmar dan kita mengharapkan supaya kerajaan kita dapat memberikan mesej yang jelas kepada Kerajaan Myanmar sementara kita menyokong pemimpin, insya-Allah pemimpin dia yang baru ini, dia juga mestilah berjiwa besar menunjukkan bahawa dia bukan sahaja menjadi pemimpin kepada satu kelompok manusia tetapi juga keseluruhan rakyat dia ataupun warga negara dia yang berada di sana sama ada dia Muslim ataupun bukan Muslim.

Begitu juga dengan apa yang berlaku di Sri Lanka seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat bahawa kita juga agak menyepi dalam isu di Sri Lanka.

Harus diingat kumpulan khususnya orang-orang Tamil di Sri Lanka ditindas sebegitu rupa. Harus ingat Tamil ini ada yang Muslim, ada yang bukan Muslim, ada yang Kristian, ada yang Hindu. Jadi saya kira isu *human rights* mesti dibawa. Kita mempunyai hubungan yang baik dengan kerajaan Sri Lanka tetapi ini tidak bermaksud bahawa kita harus melupakan apa yang sedang berlaku di sana. Isunya ialah harus kita memainkan peranan yang lebih aktif menyuarakan isu-isu *human rights* ini kerana saya dimaklumkan dan dalam beberapa lawatan saya ke Sri Lanka, memang masih ramai yang ditindas sedemikian rupa, masih hidup dalam kem dan tanpa bicara untuk puluhan tahun. Isu yang ketiga Tuan Pengerusi..

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sedikit, dapat penjelasan Yang Berhormat Sungai Petani, adakah Yang Berhormat setuju pada saya bahawa pada kebelakangan ini bila 293 orang banduan yang *fast to death* yang telah dimulakan lebih kurang dua minggu dan nampaknya tidak ada apa-apa perubahan oleh kerajaan baru Sri Lanka. Sebagai Pengerusi *for displaced people on Sri Lanka* di *caucus* ini, apakah pandangan Yang Berhormat mengenai supaya kerajaan juga memberi satu menghantar memo *atau they show concern* seperti untuk kerajaan kita *show concern* kepada *Palestinian*, kepada Syria dan lain-lain tempat. Terima kasih.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya setuju Tuan Pengerusi dengan Yang Berhormat Ipoh Barat bahawa kita tidak harus selektif oleh sebab Syrian itu banyak Muslim ataupun Myanmar itu banyak Muslim, *Palestinian* itu banyak Muslim. So sentimen untuk

berjuang mempertahankan hak-hak Muslim itu kita tetap utamakan tetapi dalam isu *human rights*, ia mesti merentasi agama, bangsa.

Seperti juga kita simpati dengan Myanmar, kita harus juga bersimpati dengan rakyat-rakyat di Sri Lanka yang harus ingat saya katakan tadi bahawa Tamil di sana bukan sahaja Tamil Hindu Kristian, tetapi juga ramai yang Muslim. Jadi isunya ialah mereka seolah-olah walaupun kerajaan baru memerintah di Sri Lanka tetapi proses tekanan terhadap mereka berjalan terus dan saya kira sebagai sebuah negara yang memainkan peranan sebagai pemimpin saya rasa harus menunjukkan *concern* bahawa sementara kita bercakap tentang isu-isu besar di negara-negara Muslim tetapi juga tidak mesti melupai juga Sri Lanka.

Yang akhir sekali Tuan Pengerusi ialah tentang 090000. Saya seperti Yang Berhormat Jelutong dalam banyak lawatan kita ke luar negara kita disambut baik oleh pegawai-pegawai kita di kedutaan. Namun pun begitu, saya terpaksa *registerkan concern* saya dengan teman-teman bahawa kebolehan berbahasa menjadi isu kita yang agak kita risaukan. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat menteri di sini, Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negara ini diberikan peruntukan yang lebih. Saya harap ia mendapat peruntukan yang lebih. Untuk itu saya kira dapat peruntukan yang lebih daripada 10 kepada 11, dapat lebih.

Jadi begini, saya yang hendak sebut Tuan Pengerusi ialah saya harus ada strategi yang berbeza sekarang di mana saya melihat pegawai-pegawai kita sebelum dia pergi ke *next tour* dia sudah tahu. Contohnya kalau sekiranya dia balik, kalau tak *cross posting*lah. Lazimnya *cross posting* ini agak kurang sekarang. dia balik ke *base* dulu kemudian dia akan ke *posting*. Jadi saya kira semasa *posting* itu harus ada program untuk mengajar bahasa-bahasa selain daripada memperkukuhkan bahasa Inggeris tetapi bahasa-bahasa di *United Nations* harus kita perkemaskan khususnya bahasa Mandarin, Perancis, Rusia. Ini adalah bahasa-bahasa yang digunakan *United Nations*.

Cuba Tuan Pengerusi bayangkan kalau seorang diplomat kita dapat bercakap dalam empat bahasa. *He's good in Malay, he's good in English, he's good in Russian and he's good in Mandarin.*

■1730

Maknanya bila kita *posting*, orang bercakap dengan kita nampak tanjak kita hebat, *confident level*. Berbanding dengan apa yang berlaku sekarang Tuan Pengerusi, saya minta maaf. Saya berjumpa ramai khususnya pegawai-pegawai Melayu bila dia datang ke dalam satu seminar dia hendak cari orang dari Malaysia, dia berkumpul dia tidak hendak bercampur dengan orang lain. Akhirnya, inilah yang berlaku. Sebab itu kalau satu pegawai kita, pegawai Wisma Putra kita boleh bercakap dalam empat bahasa *I think you put at least minimum of four* Jadi, dia rasa *confident*, dia rasa yakin bahawa apa juga keadaan dia ada keyakinan lebih tinggi, Tuan Pengerusi. Sebab itu saya rasa oleh kerana kita sudah pun tambah peruntukan ini saya menganggap bahawa tidak ada *excuse* kenapa pegawai-pegawai kita yang sebelum *next posting whatever level* sama ada dia *level junior officers* atau pun *even* dia akan jadi *ambassador* dia harus mengambil *excel languages* selain daripada bahasa yang dia telah pun kuat. Kalau dia

kuat dalam bahasa Inggeris harus ada satu atau pun dua bahasa lagi yang paling tidak dia boleh kuasai. Jadi, ini akan memberikan kekuatan kepada kita.

Keduanya Tuan Pengerusi ialah tentang pemilihan untuk mereka yang berkhidmat dengan Kementerian Luar Negeri. Apa yang berlaku sekarang ini ialah kita melalui proses biasa. Masuk kadet, daripada kadet dipecahkan kepada jurusan. Jadi, ada jurusan yang *home*, ada jurusan *foreign*. Yang *foreign* ini akan terus masuk Wisma Putra dan kita ada. Akan tetapi saya rasa harus ada pemikiran baru sekarang ini bagaimana kita boleh *go for talent spotting* dalam negara sendiri. Contohnya Tuan Pengerusi mungkin kita ada *bankers* yang baik yang hendak *join* Wisma Putra.

Dia *senior officers* di bank, dia hendak *join* Wisma Putra atau pun dia berkhidmat dalam satu *corporation* yang baik tetapi dia hendak *join* Wisma Putra. Saya rasa harus ada *certain percentage* yang dibuka untuk pegawai-pegawai ini kerana apabila mereka masuk mereka sudah pun *specialized* sama ada dia *IT specialist* kah atau pun *what ever* tetapi dia telah ada latar belakang yang kukuh. Cuma apa yang dia perlu buat dia masuk, kemudian kita *retrain* dia supaya dia menjadi format kita dan kita boleh hantar. Jadi, saya rasa kalau ini berlaku maknanya kita akan boleh menyelamatkan wang kita daripada kita *train* dia kerana mereka ini telah pun bersedia dalam SYS, latar belakang akademik dan juga *exposure*. Cuma memberikan mereka kelebihan dan kemampuan dalam memahami diplomasi dan juga politik antarabangsa.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Sedikit.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ya Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Adakah Yang Berhormat Sungai Petani bersetuju dengan saya kalau saya mengatakan bahawa syarat penerimaan seseorang bakal pegawai yang akan ditugaskan ke luar negara itu harus juga bukan sahaja memiliki ijazah dalam bidang *international relations*, malah seseorang itu harus diberikan juga ada latar belakang dari segi *conflict management*. Apa pandangan?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya setuju Yang Berhormat Jelutong. Lazimnya apa yang berlaku adalah pegawai-pegawai ini akan didedahkan dalam berbagai-bagai bidang tetapi yang saya rasa kita boleh *advance* setapak lagi. Maknanya kalau kita boleh berikan *certain percentage* katakanlah dalam 20% atau pun 25% daripada pegawai-pegawai kita yang akan berkhidmat dengan Wisma Putra itu di kalangan mereka yang bukan melalui Maknanya *talent spotting*. Kita kena tengok profesor atau pun *academician* di universiti atau pun institusi pengajian tinggi yang memang hebat *rather than* dia *end up* sebagai *lecturer* tetapi kita boleh *invite* dia untuk *join* Wisma Putra. Jadi, ini akan memberikan tambah nilai kepada Wisma Putra *rather than* setakat PTD *officers* sahaja tetapi pegawai-pegawai ini datang daripada pelbagai bidang. Mungkin daripada IT *group* yang datang daripada *corporation* atau pun *academia* daripada universiti-universiti. Jadi, ini akan memeriahkan bukan sahaja alam persekitaran di Wisma Putra itu sendiri tetapi kita akan dapat membuahkkan pegawai-pegawai

yang memang bukan sahaja tinggi proses tetapi kebolehan yang berbagai-bagai. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih banyak-banyak.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepanggar.

5.34 ptg

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya akan mengambil bahagian di bawah B.02000 – Hubungan Dua Hala. Mengenai langkah-langkah khusus dengan Kerajaan Filipina khususnya mengenai isu penculikan di Sabah pada 15 Mei yang lalu atau pun enam bulan yang sudah.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini kita merasa lapang dada apabila pengusaha *Ocean King Restaurant* Puan Thien Nyuk Fun telah pun dibebaskan dan difahamkan dengan ikat jamin RM3 juta tetapi kita merasa sedih dengan berita walaupun ia nya tidak rasmi seorang lagi tebusan, seorang lagi tebusan yang diberitakan telah pun dipenggal kepalanya. Walaupun isu ini, berita ini belum lagi disahkan tetapi kita minta Kementerian Luar khususnya Menteri Luar yang juga daripada Sabah *I think one of the best Foreign Ministers so far we had* dengan izin supaya dapat membawa isu ini ke peringkat persidangan ASEAN dan meminta komitmen yang jelas daripada kerajaan Filipina supaya mereka juga menjaga sempadan mereka bukan sahaja kita akan menghabiskan berjuta-juta, ratus juta ringgit, mewujudkan agensi ESSCOM dan sebagainya untuk menjaga perairan kita, pihak Filipina juga harus mempunyai komitmen dan mereka juga harus bersama-sama kita menjaga sempadan supaya keganasan lintas sempadan ini tidak lagi berterusan. Kita merasa sedih kerana ia melibatkan bukan sahaja pelancongan kita terjejas malah nelayan-nelayan kita juga terjejas selain daripada mereka dalam keadaan ketakutan tetapi dengan diadakan *curfew* atau pun perintah berkurung ini sedikit sebanyak menjejaskan pendapatan para nelayan khususnya di kawasan yang terlibat. Tuan Pengerusi, ...

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Yang Berhormat Sepanggar, minta pandangan. Ya, berkenaan dengan tebusan yang telah dipancang itu. Saya rasa ini adalah satu ugutan keselamatan yang perlu diambil kira secara serius. Adakah Yang Berhormat Sepanggar bersetuju supaya kita boleh menghantar tentera untuk tangkap pengganas itu yang telah melakukan satu jenayah yang begitu serius seperti apa yang telah dilakukan oleh Perancis terhadap pengganas-pengganas IS? Silakan.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Saya tidak boleh bercakap bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertahanan kita. Kita mempunyai undang-undang antarabangsa tetapi macam mana pun saya bersetuju bahawa ugutan-ugutan atau pun *ransom* yang diminta oleh Abu Sayyaf ini kita tidak perlu layan sebenarnya. Sebab itu kita minta supaya Kerajaan Filipina juga menjaga sempadan dia kerana kalau pihak keselamatan Filipina menjaga sempadan dia tidak mungkin pengganas-pengganas tadi boleh lolos dan masuk ke perairan kita.

Satu lagi Tuan Pengerusi ialah kita difahamkan wujudnya *informer-informer* atau pun dalang-dalang daripada dalam negeri Sabah yang terdiri daripada pelarian-pelarian atau pun pendatang asing Filipina. Sebab itu kita minta supaya pihak yang berkenaan mengambil

perhatian serius terhadap isu ini kerana saya perhatikan di kawasan saya apabila polis membuat tangkapan sebelum ia dirujuk kepada pihak Imigresen kadang-kadang mereka boleh *kawtim* dengan izin, boleh runding. Mereka boleh runding membayar RM1,000, RM2,000. Lepas itu kita nampak pelarian ini akan berlegar-legar semula sebelum ia dirujuk kepada Imigresen.

Kadang-kadang mereka hantar ke rumah kem tahanan. Kem tahanan ini kalau di KK di tempat saya di Sepanggar. Saya perhatikan wujudnya kelemahan-kelemahan penguatkuasaan yang perlu dilihat oleh agensi-agensi yang berkenaan.

■1740

Tuan Pengerusi, kalau kita melihat laporan-laporan kedatangan pelancongan ke negeri Sabah menurun selepas kes penculikan ini. Sebab itu perlulah kerajaan khususnya Kementerian Luar mendapatkan komitmen yang serius daripada kerajaan Filipina tentang isu ini kerana kita tahu orang-orang *Philippines* ini mereka konon-kononnya *claim* ataupun mengaku bahawa sebahagian dari Sabah itu memang hak mereka, sebab itu mereka senang keluar masuk sempadan. Kalau mereka diusir keluar ataupun dibawa keluar dari Sabah, dalam tempoh seminggu mereka akan datang semula. Jadi, sudah tentunya ada laluan-laluan tikus yang pihak keselamatan tidak tahu. Kalau kita fikirkan lautan yang luas itu sudah tentunya pihak keselamatan tidak boleh untuk melindungi kawasan kita.

Sebab itu kerjasama yang jitu, yang erat daripada pihak keselamatan Filipina khususnya Kerajaan Filipina perlu dalam isu ini dan kita mohon supaya perkara ini dibawa ke peringkat mesyuarat Asean dan bukan sahaja melibatkan negara Filipina malah ada juga jenayah rentas sempadan daripada Indonesia di sebelah Kalimantan. Jadi Tuan Pengerusi, dengan itu saya ucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Parit Buntar.

5.42 ptg.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus merujuk kepada 030000 di bawah subseksyen 030200 yang melibatkan hal ehwal pelbagai hak asasi manusia dan mungkin ada kaitan dengan 080000, 080100 iaitu tentang undang-undang. Pencerahan yang saya mohon daripada kementerian ialah isu perjanjian dan konvensyen antarabangsa yang mana Malaysia masih belum lagi jadi negara yang menandatangani perjanjian atau konvensyen tersebut. Saya merujuk secara khusus iaitu konvensyen tentang hak asasi manusia. Tadi beberapa rakan telah pun menyinggung beberapa persoalan tentang bagaimana hak asasi manusia terhadap Myanmar dan juga negara-negara lain yang mana Malaysia hari ini adalah merupakan Pengerusi ASEAN.

Persoalannya Tuan Pengerusi ialah daripada sudut konvensyen, saya ingin tahu daripada sembilan konvensyen yang digariskan dalam hak asasi manusia, setakat makluman yang ada kepada kami, hanya tiga sahaja yang Malaysia telah tandatangani atau Malaysia sebagai salah satu penandatanganan *rectify the convention* dengan izin, iaitu *elimination of all forms of discrimination against women, convention on children right* dan juga *rights of disable*

persons. Ketiga-tiga ini sudah pun ditandatangani, berbaki lagi enam yang saya mohon penjelasan daripada Menteri kenapa masih lagi hingga hari ini enam lagi konvensyen perjanjian yang belum lagi ditandatangani. Saya gariskan enam itu iaitu;

- (i) *International Covenant on Civil and Political Rights;*
- (ii) *International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights;*
- (iii) *Convention against Torture and Other Cruel, Inhuman or Degrading Treatment or Punishment;*
- (iv) *International Convention on the Protection of the Rights of All Migrant Workers and Members of their Families.* Sorry, saya tidak boleh baca tulisan saya sendiri;
- (v) *International Convention for the Protection of All Persons from Enforced Disappearance;* dan
- (vi) terakhirnya iaitu satu yang amat penting iaitu *International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination (ICERD).*

Now, saya difahamkan daripada sedikit bacaan terhadap enam yang masih belum ditandatangani ini. Ada beberapa kesan yang akan memberi impak kepada hubungan kebersamaan Malaysia dalam masyarakat antarabangsa. Ini berpandukan kepada hampir kalau tidak semua negara-negara OIC telah pun menandatangani perjanjian ini. Saya difahamkan juga dan mohon penjelasan, antara masalah yang menyebabkan terhalangnya Malaysia menandatangani perjanjian ini adalah dikatakan kerana isu-isu kerangka negara itu sendiri seperti undang-undang syariah begitu juga tentang hak keistimewaan bumiputera yang termaktub dalam Perlembagaan. Saya amat memahami bahawa perjanjian yang hendak ditandatangani itu perlu mengambil kira kerangka negara selagi ia tidak bercanggah dengan format dan kerangka negara.

Akan tetapi, persoalan saya ialah apakah perundingan-perundingan yang dibuat sehingga kita dapat capai kepada satu titik pertemuan dan pada waktu yang sama kita mahu menjadi sebahagian daripada negara yang menandatangani perjanjian itu dan ia akan memberi impak yang besar kepada negara kita dalam penglibatan kita dalam arena antarabangsa dan yang keduanya ialah pada waktu yang sama kita hendak memelihara format ataupun kerangka negara kita. Pasti saya yakin ada titik pertemuan yang boleh kita bincang dalam kita pada usaha ini menjadikan Malaysia dengan izin, sebagai *part of the international community* yang ada standard dia, piawaian dia terhadap hak asasi manusia.

Saya juga ingin dalam tajuk yang sama, saya difahamkan juga *Universal Periodic Review* akan diadakan pada 2018 dan yang terakhir diadakan kalau tak silap saya ialah pada 2013 atau 2008 begitu. Jadi saya mahu tahu dalam *Universal Periodic Review* ini, bagaimana nanti kedudukan keenam-enam perjanjian ini atas sikap kita untuk sama ada memulakan rundingan untuk terima dulu, tandatangan dahulu dan kemudian kita akan bincangkan implikasi kepada perundangan negara dan sebagainya. Saya bagi satu contoh Tuan Pengerusi, *International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination* ini adalah kalau ditanya

kepada saya antara enam *list* ini, inilah yang paling utama sebab perjanjian ini akan membuka ruang kepada Malaysia untuk membawa kepada satu *level* baru dalam politik tanah air iaitu kita bersama dengan masyarakat antarabangsa, komitmen kita untuk menentang sebarang bentuk diskriminasi kaum.

Diskriminasi kaum inilah yang saya rasa kalau ada di sana kesungguhan politik untuk kita tandatangani dan dengannya, sebab itulah lahirnya satu ketika dahulu idea tentang Akta Keharmonian Nasional yang menjadikan kebencian agama dan kaum itu sebagai satu jenayah dan kita telah pun menyediakan draf itu untuk dikemukakan kepada Jabatan Perdana Menteri dan dibawa kepada AG. Jadi saya melihat kalau Malaysia tandatangan perjanjian *against all form of discrimination* ataupun ICERD ini, dia akan bagi ruang kepada negara ini untuk membuat satu definisi semula kepada hubungan kaum, hubungan antara kaum dan agama di negara ini dan sekali gus menjadikan Malaysia *at par* dengan negara-negara dunia yang lain yang sudah pun meninggalkan *racial politic* ini dan telah meletakkan dirinya dalam satu liga negara-negara yang *anti discrimination*. Selagi tidak ada tandatangan perjanjian ini, saya khawatir kita akan tetap diletakkan pada *ranking* yang di bawah berbanding dengan negara-negara yang telah pun membuat perjanjian ini.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Parit Buntar. Minta penjelasan.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Silakan.

■1750

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar. Saya memang setuju dengan pandangan yang dikemukakan tadi iaitu kerajaan patut kaji semula pendirian yang telah diambil setakat ini tentang beberapa konvensyen antarabangsa berkenaan hak asasi yang telah disebut tadi. Enam yang sangat penting ini, yang masih belum diiktiraf atau disahkan oleh kerajaan dan bagi saya ini memang memberi impak kepada imej negara kita di peringkat antarabangsa.

Ini kerana Malaysia sekarang adalah anggota di *Security Council* dengan izin dan beberapa badan-badan penting di bawah Bangsa-bangsa Bersatu. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Parit Buntar sama ada Yang Berhormat Parit Buntar sedia tahu bahawa satu badan lain bernama dengan izin *Working Group on Arbitrary Detention* di Bangsa-bangsa Bersatu pada mesyuarat ke-73 mereka pada 31 Ogos tahun ini, telah isytiharkan tahanan Dato' Seri Anwar Ibrahim iaitu mantan Ketua Pembangkang seperti satu tindakan oleh Kerajaan Malaysia melanggar undang-undang antarabangsa dan juga beberapa konvensyen ini termasuklah dengan izin, *Universal Declaration of Human Rights*.

Saya akhiri dengan soalan ini kepada Yang Berhormat Parit Buntar dan minta penjelasan. Walaupun Malaysia tidak menandatangani enam konvensyen itu yang sangat penting. Akan tetapi sebagai anggota Bangsa-bangsa Bersatu Malaysia adalah terikat dengan obligasi-obligasi dalam *Universal Declaration of Human Rights*. Kita sudah melanggar ia apabila kita telah menahan Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk lima tahun penjara. Minta penjelasan Yang Berhormat Parit Buntar.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Yang Berhormat Subang. Saya tidak hendak ulas panjang tapi saya akan masukkan dalam saya punya perbahasan sebagai rekod dan bersetuju penuh dengan apa yang telah disuarakan.

Saya masuk kepada poin saya yang terakhir Tuan Pengerusi iaitu berkenaan dengan minta penjelasan bagaimanakah Kementerian Luar Negeri berurusan dengan pihak AG ataupun kementerian yang berkenaan apabila dia berhadapan di dalam arena antarabangsa dalam isu-isu melibatkan konvensyen antarabangsa sedangkan apabila dia balik dia dengan izin, tidak *owned* atau dia tidak memiliki kuasa untuk membentuk semua perjanjian ini dia hanya sebagai PR sahaja kepada masyarakat antarabangsa.

Akan tetapi akhirnya benda ini saya difahamkan dikembalikan kepada AG dan kepada *the lead agency* seperti contohnya kalau tentang hak wanita *against all forms of discrimination* dia akan pergi kepada kementerian yang berkenaan dengan wanita. Apabila berkenaan dengan keenam-enam *human right issues* ini, kementerian mana yang akan mengambil tanggungjawab itu? Adakah Jabatan Perdana Menteri bahagian undang-undang ataupun Kementerian Dalam Negeri?

Saya kira di sini ada dilema antara Wisma Putra yang menjadi *front* kepada isu-isu antarabangsa ini yang mereka berunding, mereka yang berhadapan. Akan tetapi pada masa yang sama apabila balik dia hanya *report* kepada AG ataupun *report* kepada kementerian yang *lead ministry* ini yang tidak hadir dalam pertemuan-pertemuan itu. Jadi, saya rasa Wisma Putra sentiasa tertekan dengan isu-isu ini jika tidak ada satu koordinasi yang baik dan lebih utama daripada itu sejauh manakah masalah yang disebut isu syariah Islam, isu hak keistimewaan bumiputera itu menjadi penghalang. Ini sebab saya ingin tahu adakah cara dan mekanisme untuk perkara itu dicapai satu bentuk titik pertemuan yang kita tidak akan gadaikan kerangka negara kita tetapi pada masa waktu yang sama ada di dalam masyarakat antarabangsa.

Saya mohon penjelasan kepada pihak kementerian dengan izin supaya *this issues will be resolved* dan kami akan berasa yakin bahawa *Malaysia is part of the international community* dalam hak asasi manusia dan bagi komitmen dalam menandatangani semua perjanjian ini. sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, selepas itu Yang Berhormat Seputeh. Kalau tidak ada lagi yang ingin berbahas. Sila Menteri yang bertanggungjawab untuk jawab.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih, Tuan Pengerusi saya ingin membangkitkan beberapa isu berkaitan dengan beberapa butiran yang terkandung di dalam bajet Kementerian Luar Negeri.

Pertama ialah Butiran 040000 – Sekretariat Kebangsaan ASEAN-Malaysia. Apa yang saya ingin persoalkan di sini kepada kementerian ialah setakat manakah ASEAN telah bergerak untuk mewujudkan ASEAN Komuniti seperti mana yang telah pun di *road map* untuk mewujudkan ASEAN komuniti pada tahun 2015 satu ketika, tahun 2020 tetapi telah pun dianjak ke depan kepada 2015. Saya hendak mengetahui apakah faedah-faedah yang diperoleh dan

capaian-capaian yang diperoleh daripada kerjasama ASEAN Komuniti ini. Kita berharap bahawa ia akan memberikan faedah yang besar kepada negara kita.

Kedua ialah berkaitan Butiran 030000 – Hal Ehwal Pelbagai Hala. Saya ingin bertanya Kementerian Luar Negeri iaitu berkaitan *code of conduct* di Laut China Selatan. Seperti mana yang kita tahu bahawa Laut China Selatan berpotensi untuk menjadi satu tempat di mana ia menjadi *source of conflict* di rantau ini. Oleh sebab itu, apakah peranan yang dimainkan oleh Wisma Putra untuk memastikan semua pihak dapat mematuhi *code of conduct* di Laut China Selatan supaya ia dapat melindungi kepentingan negara kita.

Ketiga, saya ingin membangkit berkaitan dengan IDFR atau *Institute of Diplomacy and Foreign Relations*. Butiran 090000, saya hendak tanya kepada kementerian berkaitan dengan MTCP. MTCP ini merupakan satu program teknikal yang biasa kita beri kepada kebanyakan Negara Dunia Ketiga dan rakan-rakan sahabat. Saya hendak minta penjelasan sama ada program ini masih berjalan dan berapakah negara masih mendapat faedah daripada MTCP ini? Apakah faedahnya kepada negara kita dengan berbelanja beberapa juta bagi maksud ini?

Ketiga, selanjutnya tentang IDFR juga, saya hendak tanya kepada kementerian. Kita menghantar diplomat-diplomat ke luar negara tetapi yang saya hendak tahu adakah mereka ini diberikan persediaan yang mencukupi untuk menguasai bahasa-bahasa utama khususnya di negara di mana mereka bertugas. Misalnya, kalau mereka itu berkhidmat di wilayah negara-negara berbahasa Perancis. Adakah kita menghantar pegawai-pegawai kedutaan mempunyai kemahiran berbahasa Perancis ataupun di kawasan di mana penggunaan bahasa Mandarin itu merupakan satu penggunaan yang meluas. Adakah kita menyediakan mereka untuk maksud itu, sudah tentu bahasa Inggeris bukanlah jadi satu masalah. Itu yang saya minta penjelasan.

Selanjutnya, Butiran 100000 – Pusat Serantau Asia Tenggara Bagi Pencegahan Keganasan (SEARCCT). Memang badan ini telah pun diwujudkan di bawah Kementerian Luar Negeri. Saya hendak minta penjelasan daripada kementerian sama ada SEARCCT masih lagi menjalankan kerja-kerja penyelidikan yang *extensive* berkaitan dengan keganasan. Ini kerana kita harus mengetahui isu keganasan adalah merupakan satu isu begitu penting hari ini di mana berlakunya bermacam-macam tindakan keganasan dan ia boleh mengancam keselamatan khususnya di Asia Tenggara.

Kelmarin kita diberitahu tentang keganasan yang dilakukan oleh Abu Sayyaf. Ini adalah merupakan satu perkara yang harus kita tangani dan demikian juga dengan ancaman IS. Jadi, saya minya penjelasan apakah dapatan-dapatan dan *recommendation* yang telah dibuat oleh SEARCCT bagi membantu agensi-agensi seperti Kementerian Dalam Negeri atau PDRM dan juga pihak polis, *intelligent* kita untuk memastikan ia benar-benar berkesan. Selanjutnya, satu lagi iaitu Butiran 120000 – Pejabat Perwakilan Luar Negeri.

■1800

Saya memang menghargai tentang peranan yang dimainkan oleh pejabat-pejabat kedutaan kita di luar negara. Oleh kerana merekalah yang menjadi *frontline* bagi membolehkan negara kita dikenali di seluruh dunia dan juga membuka peluang-peluang ekonomi kepada

negara kita. Cuma kadang-kadang, pengalaman saya, saya lihat bahawa sebahagian daripada mereka ini haruslah dibekalkan, sepatutnya dibekalkan dengan peralatan-peralatan yang mencukupi. Ada beberapa kedutaan yang saya lihat agak begitu ke terbelakang dari segi kemudahan-kemudahan. Kadang-kadang kereta mereka pun agak begitu usang. Misalnya, saya pergi ke Canberra, kereta duta itu sudah terlalu usang dan terlalu lama. Kadang-kadang ia akan menimbulkan masalah sekiranya ada pihak-pihak daripada negara kita, khususnya VIP-VIP, Menteri-menteri yang datang dan duta berhadapan dengan masalah ini.

Demikian juga perumahan. Kita juga harus memastikan bahawa kita harus mengambil langkah-langkah untuk menguasai aset-aset, khususnya rumah-rumah. Oleh kerana ini adalah aset yang berguna kepada negara kita. Ini kerana pada suatu hari nanti, *the value will be appreciated, appreciated value* dan ini tidak akan merugikan negara kita. Misalnya di Hong Kong, kita mempunyai bangunan sendiri yang telah memberikan *generating income*. Jadi, ia menjadi *templates* kepada kedutaan-kedutaan yang lain. Yang terakhir sekali ialah 110000 – Pihak Berkuasa Kebangsaan (PBK) Kepada Konvensyen Senjata Kimia, *Convention of Chemical Weapons*. Saya difahamkan memang pun Kementerian Luar Negeri telah mewujudkan satu *division Convention of Chemical Weapons* di dalam Wisma Putra. Saya minta Kementerian menjelaskan, apakah peranan yang dimainkan oleh *division* ini dan peranan mereka, khususnya di dalam menolong Malaysia untuk memastikan bahawa *chemical weapons* ini adalah menjadi satu ancaman yang boleh mengancam keselamatan negara kita.

Saya juga minta penjelasan sama ada adakah kerajaan sekarang, khususnya Kementerian Luar Negeri dapat memikirkan untuk juga mewujudkan *division convention of biological weapon*. Oleh kerana ini juga menjadi satu ancaman yang besar di dalam pergelutan pada masa ini di seluruh dunia. Jadi, itu sahaja beberapa persoalan yang ingin saya bangkitkan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Semoga dapat memberikan penjelasan terhadap persoalan yang telah saya bangkitkan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Seputeh. Selepas Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Kuala Terengganu. Selepas itu Yang Berhormat Menteri, kalau sedia menjawab.

6.06 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak rujuk Butiran 120000 - Pejabat Perwakilan Luar Negeri. Saya setuju dengan pandangan dari Yang Berhormat Kudat tadi tentang adakah kita menghantar pegawai diplomat kita yang berada di luar negara, adakah kita bagi mereka *training*, latihan dari segi bahasa bagi sesebuah negara di situ? Kadang-kadang bila saya pergi ke luar negara, saya lihat yang pegawai kita ini nampaknya kurang peka tentang perkembangan politik dalam sesebuah negara. Kadang-kadang saya lihat mereka tidak fasih atau mungkin tidak tahu langsung tentang bahasa sesebuah negara yang mana mereka berkhidmat.

Saya rasa ini adalah satu kekurangan. Saya hendak tahu sama ada Wisma Putra ada menghantar mereka untuk belajar bahasa sekurang-kurangnya mereka boleh bertutur dan fasih

sedikit dalam bahasa tempatan. Supaya ini akan memudahkan kerja dan perkhidmatan mereka dan juga daripada segi memberi balik informasi kepada pihak Wisma Putra. Yang kedua ialah saya hendak tahu bagi Wisma Putra atau pun Kementerian Luar Negeri, adakah arahan diberi bahawa sekiranya ada Ahli Parlimen, wakil rakyat atau pemimpin politik dari parti pembangkang melawat sesebuah negara yang mereka berkhidmat itu, jadi kesemua permintaan daripada kami ini tidak akan dilayan. Saya hendak ambil satu contoh pada bulan April tahun ini, Yang Berhormat Gelang Patah, saya, Yang Berhormat Mertajam dan Yang Berhormat Bukit Bendera.

Keempat-empat kami telah melawat Jordan dan juga Mesir. Sebelum kami pergi, kami pernah tulis surat kepada Menteri Luar Negeri dan Wisma Putra melalui PA kepada Menteri Luar Negeri, beritahu tentang *itinerary* kami, tempat yang kami hendak pergi dan kami juga minta peluang untuk berjumpa dengan diplomat atau pun duta di Jordan dan juga di Mesir. Tuan Pengerusi, saya mesti katakan, kesalnya hanya duta di Mesir berjumpa dengan rombongan kami walaupun pada hari itu kapal terbang lewat sampai di Cairo tapi duta masih tunggu kami satu setengah jam untuk berjumpa dengan kami dari DAP. Malah beliau juga memberikan maklumat tentang isu sensitif, politik, perkembangan politik di Mesir dan sebagainya, termasuk juga beberapa isu yang beliau rasa kami perlu tahu.

Saya rasa diplomat duta ini amat profesional, *he's a professional diplomat*. Akan tetapi bila kami berada di Jordan, kami sudah minta beberapa kali, sebelum kami pergi dan selepas kami berada di sana untuk minta sama ada, ada peluang melawat pejabat kedutaan Malaysia di Jordan. Permintaan kami tidak dilayani langsung. Kami juga minta kerjasama daripada kedutaan Malaysia di Jordan untuk bagi kami satu kelulusan atau satu surat supaya kami boleh melawat kem pelarian *Syrian* yang terletak di sempadan Jordan-Syria. Ini pun tidak dilayan. Kami sudah panggil setiap hari dan tidak dilayan langsung, malah pegawai langsung tidak mahu layan kami.

Selepas itu, rombongan kecil kami berjaya melawat kem pelarian di sempadan Jordan dengan bantuan sebuah NGO. Kami pergi atas nama sebuah NGO dan kami berjumpa dengan pegawai Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu dan melawat pelarian Syria di kem pelarian tersebut. Jadi, saya rasa sedih, *you know*. Kami ini wakil rakyat. Kami bukan curi-curi pergi ke Jordan, pergi ke Mesir. Kami sudah beritahu, *we have black and white* yang *itinerary* kami dan tujuan kami. Bagi kami ini bukan satu *secret trip* tapi masih tidak dilayani oleh kedutaan di Jordan. Saya nak tahu sama ada ini merupakan satu arahan daripada Wisma Putra atau kementerian, sesiapa dari pembangkang kalau pergi ke sebuah negara, jangan layan mereka. Saya nak tahu, adakah ini satu arahan? Apabila kami berada di Jordan dan di Mesir, kami juga mempunyai pengalaman seperti di negara China. Apabila kami pergi ke sana, hendak berjumpa dengan warga Malaysia yang bekerja, yang belajar di sana, bagi mereka yang bekerja tidak ada masalah. Akan tetapi bagi pelajar, mereka selalu beritahu kami, pegawai atasan yang jaga mereka di negara itu tidak benarkan mereka keluar berjumpa dengan kami. So, adakah ini juga satu arahan daripada pihak kerajaan bahawa pelajar yang belajar di China, Mesir, Jordan dan sebagainya, mereka diberi arahan kalau nak dapat biasiswa, jangan jumpa sesiapa dari parti pembangkang.

Saya rasa ini sangat tidak adil dan tidak profesional bagi pihak Kementerian Luar Negeri. Satu lagi saya hendak merujuk kepada Butiran 020000 – Hubungan Dua Hala. Saya juga hendak tahu, adakah ini sudah menjadi satu amalan bagi Wisma Putra, kalau ada apa-apa isu, kalau melibatkan seseorang duta luar negara yang berkhidmat di Kuala Lumpur, di Malaysia ini, jadi Wisma Putra mesti *summon* mereka. Saya hendak ambil contoh Archbishop Joseph Marino, duta daripada Vatican, yang bila dia datang, *he get caught* atas isu kalimah Allah pada tahun 2013. Kita ada empat orang Menteri dalam Kabinet yang menghentam dia betul-betul kerana beliau bersetuju bahawa umat Kristian boleh guna kalimah Allah. Dia jadi begini kerana sebelum dia berkhidmat, sebelum dia di *transfer* ke Malaysia, dia berada di Pakistan.

■1810

Dia berkhidmat di Pakistan, kalimah Allah bukan satu isu. Kristian kah, Muslim kah semua boleh rujuk Tuhan sebagai Allah. Jadi bila dia *get caught*, kita lihat Wisma Putra *summon* dia. Dia seorang duta baru dan Vatican itu satu kedutaan yang baru, saya rasa tindakan daripada Wisma Putra dan Kerajaan Pusat ini bagi *diplomatic corps* di Eropah, Pegawai Diplomatik di Eropah, memang mereka lihat macam mana tindakan kerajaan Malaysia, *bad impression*.

Kita lihat Bersih 3.0. Wisma Putra *summon* duta dari Singapura. Sebenarnya kami yang berada di perhimpunan Bersih 3.0 itu kalau hendak kata ada kehadiran diplomat, kami hanya lihat ada kereta yang melaluilah dengan nombor plat diplomat, ada banyak tetapi hanya *single out* Singapura yang campur tangan dalam menunjukkan sokongan kepada *activism* dan sebagainya. Oh, kena hentam 'kaw kaw'. Lepas itu panggil Duta Singapura.

Baru-baru ini, duta dari negara China, Dr. Huang Huikang hanya kerana sebelum yang perhimpunan baju merah itu dia pergi ke *Petaling Street*, waktu itu semua orang takut pergi ke *Petaling Street* yang semua peniaga di *Petaling Street* semua juga bimbang kerana yang kononnya tindakan yang kurang senang itu akan berlaku apabila ada pasukan pakaian merah pergi melawat ada perhimpunan di *Petaling Street*, semua hendak tutup kedai. Dr. Huang itu, kerana *Mid-Autumn Festival*, dia pergi ke sana dan apabila ditanya oleh *reporter* apakah pandangan beliau terhadap ada pasukan baju merah pergi ke *Petaling Street*, dia kata *no one can break the law of the country*. Ini sebenarnya satu respons yang amat berpatutan dan sepatutnya- saya pun tidak faham, selepas dia beri penerangan dan penjelasan, masih Wisma Putra *summon* dia minta dia bagi penjelasan, penerangan.

Bagi sayalah, kalau Wisma Putra dan Kementerian Luar Negeri kita ini selalu *summon* panggil duta, ini satu tindakan yang menunjukkan kita sangat *childish*. *We are very unprofessional*, kita tidak tahu protokol. Sikit-sikit perkara, panggil, *summon* duta. Hendak tunjuk apa? *You want to show power?* Saya rasa *international* diplomasi kita pun tidak suka kalau duta Malaysia di luar negara di *summon* oleh kerajaan sesuatu negara asing. Bagi warga Malaysia, kami juga tidak suka. Kenapakah kami buat terhadap duta asing di negara kita ini?

Saya hanya hendak menyeru pihak kementerian dan negara khususnya Menteri kita ini dan Timbalan Menteri haruslah berhati-hati apabila membuat apa-apa kenyataan dan *summon* duta untuk berjumpa mereka. Saya rasa kita *must have some diplomacy before we can...*

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Seputeh, boleh celah sedikit Yang Berhormat Seputeh?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, ya, sila.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Seputeh, setujukah dengan saya bahawa waktu membuat tindakan, Menteri atau Timbalan Menteri harus bezakan bahawa waktu dia menjawat jawatan menteri, dia menjawat jawatan menteri untuk keseluruhan rakyat Malaysia, sama ada dia menteri atau pun dia timbalan menteri. Waktu itu dia bukan mewakili parti. Maknanya, walaupun dia ada sentimen terhadap satu-satu tindakan tetapi tindakan dia itu akan dilihat seolah-olah dia mewakili kerajaan. Maknanya, walaupun dia datang daripada mana-mana parti pun tetapi selagi dia menjawat jawatan itu, dia ialah menteri kepada rakyat Malaysia. Setujukah Yang Berhormat Seputeh dengan saya?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, memang saya setuju. Bagi saya, saya bangkitkan isu ini kerana saya pun rasa segan kerana kadangkala saya juga hadir *diplomatic function* oleh kedutaan asing dan bila saya pergi sebagai Ahli Parlimen Malaysia dan ini kerajaan saya, Kementerian Luar Negeri suka-suka pergi *summon* duta untuk berjumpa dengan mereka, *it is an act of humiliation*. Bagi saya, saya pun rasa segan sehingga saya setuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat Sungai Petani, *we have to show some diplomacy, some standard* lah *as a Minister or Deputy Minister of Foreign Affairs*. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Kuala Terengganu, selepas itu Yang Berhormat Menteri bersedia untuk jawab.

6.15 ptg.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rujuk kepada bawah B.13 Butiran 020100, Butiran 020200 dan Butiran 030100.

Tuan Pengerusi, masalah di antara negara-negara dan implikasi budaya keganasan pada hari ini amat kompleks kerana ia telah dibantu oleh perkembangan internet dan juga global *tourism*. Dengan itu, perlulah peningkatan dari segi mengawasi keadaan semasa ditingkatkan lagi dengan sebaik mungkin. Dengan itu, kerjasama rapat di antara kerajaan-kerajaan lain dalam masalah ancaman IS atau *Islamic State* perlu dipertingkatkan dengan lebih jauh daripada peningkatan yang lepas.

Ini boleh dilakukan melalui aspek *government to government* atau melalui Bangsa-bangsa Bersatu. Walau bagaimanapun, ianya perlulah dengan cara berterusan. Ia penting untuk kita *monitor*, dengan izin, situasi antarabangsa seperti di Syria atau di Mindanao tetapi juga kita perlu memberikan perhatian kepada perkembangan tempatan iaitu kemungkinan budaya IS ini mula berputik atau membenih di Malaysia sendiri.

Masalah peperangan di Syria dan implikasi luas dunia melibatkan jiran-jiran seperti Iraq, Turki dan negara-negara Arab lain dan contohnya adalah ledakan yang terbaru yang sampai

hingga ke Paris. Ini telah merosakkan nama Islam dan umat Islam sedunia telah terpalit dalam insiden tersebut. Seorang pakar ekstremis dan pengganas, Rohan dari Singapura melalui rencananya, *Political Violence and Terrorism Research* dengan izin, telah menyatakan dengan izin, *"IS ideology is sprinting forward while governments are crawling to fight terror"*. Ini menunjukkan bahawasanya kerajaan-kerajaan negara di rantau ini tidak dapat menandingi kecanggihan dan juga kecepatan mereka menuju ke arah yang lebih *sophisticated*, dengan izin. Peningkatan *intelligence* dan diplomatik mestilah ditingkatkan dengan lebih cepat dan lebih tinggi lagi. Ini kerana masalah ISIS ini tidak semestinya sampai dari luar negara sahaja tetapi boleh tumbuh dari dalam negara sendiri.

Pada hari ini, seorang bekas menteri kanan, Dato' Rafidah Aziz sendiri telah mengatakan dengan izin, *"We are not in a position to accept Syrian refugee on a big scale"*. Ini mungkin membayangkan kebimbangan beliau tentang pengimportnya budaya IS. Akan tetapi yang saya katakan tadi, kita jangan diberi satu *false sense of security* bahawasanya kalau tidak datang dari luar, Malaysia boleh dikatakan lebih selamat kerana ini tidak benar.

Insiden di Paris baru-baru ini telah merapatkan kerjasama antara Amerika dan Rusia yang bersedia bekerjasama melawan ISIS. Jikalau itu boleh berlaku, saya rasa Kerajaan Barisan Nasional sendiri patutlah lebih bersedia bekerjasama dengan semua pihak termasuk pembangkang di dalam negara sendiri kerana ini adalah atas kepentingan bersama.

Saya juga menyarankan di sini bahawasanya pihak-pihak berkuasa yang ada peranan di dalam *regulating*, dengan izin, hal-hal agama tentang menjatuhkan hukum dari segi status seorang itu sebagai Islam seperti ada gejala-gejala kebelakangan ini untuk menjatuhkan hukuman kafir mengkafir dan juga penyelewengan tuduhan yang tidak berasas, perlu dibendung. Saya rasa pihak-pihak berkaitan dengan JAKIM, Jabatan Mufti dan sebagainya perlulah mengeluarkan larangan yang lebih agresif dan lebih terang untuk membendung gejala-gejala ini.

Saya ingin memberikan satu contoh yang terbaru iaitu hanya minggu lepas, seorang cikgu di Terengganu sendiri telah menerima ancaman melalui sosial media tempatan di mana mula-mulanya beliau dituduh sebagai seorang murtad. Selepas itu, dengan terang dan nyata melalui sosial media, satu arahan dikeluarkan kepada cikgu ini untuk wajib dibunuh.

■1620

Selepas laporan polis dibuat sudah hampir seminggu tidak ada lagi apa-apa tindakan atau apa-apa kenyataan daripada mana-mana pihak berkuasa. Ini sangat membimbangkan. Saya rasa kalau kita tidak memberikan satu penekanan, satu perhatian yang khusus, budaya seperti ini boleh menjadi lebih parah dan tidak semestinya budaya IS ini mesti datang dari luar untuk membahayakan kita atau memporak-perandakan kita, kalau kita tidak mengambil satu sikap yang serius. Saya rasa pihak kerajaan dan pihak-pihak jabatan agama, jabatan mufti dan sebagainya perlu memberikan tekanan yang awal sebelum perkara-perkara ini menjadi dengan izin *out of control*. Itulah yang saya rasa penekanan yang saya ingin sampaikan pada petang ini iaitu kita jangan hanya memikirkan budaya ini perlu diimport kerana sudah banyak petanda-petanda dan juga contoh-contoh yang berlaku pada hari ini.

Dua bulan lepas, ada seorang guru pondok telah mengeluarkan kenyataan bahawa sebahagian daripada orang yang tidak bersama dengan mereka halal darah. Ini juga memberikan satu autoriti atau *green light* untuk mencederakan seseorang. Ini ialah satu budaya yang amat membimbangkan dan perlu dibendung dengan segera. Saya rasa itulah yang perlu kita berikan penekanan dan saya berharap pihak yang berkenaan akan memberikan perhatian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

6.21 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Reezal Merican]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat petang. Pertama sekali Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa di bawah perbelanjaan Kementerian Luar Negeri. Semua pandangan dan juga saranan, cadangan sama ada dalam nada-nada yang berbeza akan diambil perhatian dan dianggap sebagai salah satu usaha untuk kita mengangkat bersama demi meningkatkan mutu dan juga prestasi dasar luar negara kita.

Banyak yang telah dibangkitkan, saya akan cuba mengusahakan untuk menjawab semuanya, kalau tidak berkesempatan ataupun terlepas pandang mungkin saya akan menjawab secara bertulis. Soalan pertama dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bintulu yang bertanyakan berkaitan dengan bajet kementerian dan memang diakui Tuan Pengerusi, bahawa bajet Kementerian Luar Negeri adalah bajet yang terendah malahan menyaksikan penurunan 22%. Namun penurunan ini adalah *across the board*, salah satu penyumbang besar kepada penurunan ini adalah kerana ketiadaan *one-off* bajet RM120 juta yang diperuntukkan untuk mempengerusikan ASEAN pada tahun 2015.

Kemudian dibangkitkan oleh sahabat saya, Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya menyanjung tinggi kerana beliau telah membangkitkan perkara ini berulang-ulang kali dan sebelum saya menjadi wakil rakyat lagi saya kira. Sebagai Timbalan Menteri yang baru, saya memang melihat bahawa apa yang telah diberikan selalunya jawapan yang hampir sama dan jawapan yang dinyatakan pada peringkat awal adalah bahawa Malaysia serius untuk meratifikasikan *Rome Statute* Namun begitu Malaysia sentiasa ingin memastikan bahawa Malaysia memenuhi semua peruntukan undang-undang di bawah *Rome Statute*.

Akan tetapi saya memahami apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Saya juga melihat bahawa jawapan yang diberikan Yang Berhormat Menteri kepada Yang Berhormat secara bertulis ini adalah antaranya memberikan komitmen bahawa kita ingin menjadi parti atau *we want to be signatory to the statute*. Kita mengakui bahawa ada implikasi-implikasi yang bersifat legalistik namun kita juga ingin memaklumkan bahawa ada negara-negara seperti Malaysia yang mempunyai implikasi penyertaan ke *statute* ini yang mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan seperti Jepun, Belgium, Denmark dan United Kingdom namun mereka juga menandatangani.

Yang Berhormat, saya dimaklumkan bahawa mesyuarat Jemaah Menteri telah pun mengarahkan Jabatan Peguam Negara agar mempercepatkan Malaysia untuk meratifikasikan ICC ini. Saya sendiri juga ingin melihat agar ia berlaku kerana ini sudah menjadi arahan Kabinet. Berbalik kepada apa yang dibangkitkan tentang Sri Lanka...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sekejap, perkara yang saya bangkitkan. Terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya khuatir *we've lost a golden opportunity* dalam hal ini apabila kita tidak menandatangani ICC. Pertama, *we become a laughing stock in the world* kerana apabila kita mengadakan satu persidangan, perjumpaan di Parlimen ini pada tahun 2010, selepas itu *seven to ten countries* yang datang ke seminar itu telah menjadi anggota. Akan tetapi kita yang menganjurkannya sebagai tuan rumah *suppose to be the first* pun tidak tetapi ramai di antara kita, mungkin kita tidak tahu *well it's a golden opportunity* yang kita hilang.

Pertama, kita kehilangan untuk *mennominate* seorang hakim di *International Criminal Court*. Selepas kita, Filipina telah dua kali mengadakan ruangan untuk itu, *at the international level we lose*. Kedua, Kabinet sendiri mungkin Yang Berhormat mungkin baru menjadi Timbalan Menteri, *Can take it a bit serious* kita boleh, *the chairman of the parliamentarians of global action is* Yang Berhormat Padang Rengas, timbalannya adalah seorang menteri undang-undang dari Sarawak. Perkara-perkara yang telah dibangkitkan, *just know* Yang Berhormat Timbalan Menteri kata raja-raja di luar negara. Satu di antara *i said in 10 years ago or* lebih apabila perkara itu dibangkitkan, saya kata Jordan, *Islamic State is 100% not a constitutional monarch it's an absolute monarch*. Kalau mereka boleh menjadi anggota, MP dari sana pun datang untuk membuat *briefing the deal is totally unacceptable*, terima kasih.

Dato' Seri Reezal Merican: Terima kasih sebab ada negara-negara yang mengamalkan raja berperlembagaan ini, mereka menyertai dengan andaian bahawa kemungkinan untuk ketua negara melakukan jenayah itu amat tipis, ini antara andaian-andaian dan juga antaranya menyertai terus dengan membuat pindaan terhadap perlembagaan mereka sendiri iaitu dengan melupuskan kekebalan ketua kerajaan mereka. Ada juga yang menyertai *Statute Rome* dengan meminda perlembagaan dengan mengatakan bahawa ketua kerajaan kekal kebal tetapi tidak ada kesalahan di bawah jenayah antarabangsa. Maknanya domestik *you are immune but international you are not*. So apa-apa pun *this is something which is positive* apabila saya mendapat maklumat bahawa Kabinet telah mengarahkan supaya kita mempercepatkan untuk *to be a party to ICC*.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta penjelasan.

Dato' Seri Reezal Merican: Ya.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya hendak tanya penjelasan, di dalam negara kita kekebalan raja-raja dalam sesuatu situasi telah pun diambil keluar – *already limited immunity now*.

Dato' Seri Reezal Merican: Yes.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: ...Jadi apakah masalahnya sekarang, katakanlah sekarang raja-raja ini ada masalah kalau kita *ratify Rome Statute* ini, saya rasa...

Dato' Seri Reezal Merican: *There are some aspect of...*

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: ...Ini perlu diperjelaskan kepada semua orang...

Dato' Seri Reezal Merican: *There are some aspect of immunity* tetapi yang pentingnya ialah jawapan sekarang ialah *the Kabinet has already instructed AG. So, let us be optimistic that we will soon be ICC member.*

Kedua berkaitan dengan Sri Lanka yang juga dibangkitkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Ipoh Barat. Berkaitan dengan Sri Lanka ini, terdapat sedikit perubahan berkaitan dengan Sri Lanka ini daripada segi di bawah kerajaan baru. Di mana di bawah resolusi *United Nations Commission on Human Rights*, laporan resolusi yang terbaru dalam bulan Oktober telah menunjukkan bahawa terdapat *positives* tentang *engagement* yang dibuat oleh kerajaan sekarang bersama dengan UNCHR. Jadi ini memberikan perkembangan yang positif kepada Malaysia dalam mengambil bahagian dalam menyatakan apa yang perlu dilakukan tentang perihal hak asasi manusia di peringkat UNCHR. Akan tetapi kita juga ingin memberikan peluang memandangkan ini disebut sendiri oleh *commissioner* UNCHR pada resolusi yang terdahulu pada bulan Oktober lalu.

Jadi saya fikir mungkin perkembangan ini akan berubah berbeza dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat pada waktu dahulu sewaktu di bawah kerajaan yang lalu.

■1830

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya harap Yang Berhormat boleh beri – mengambil perhatian dan memberi pandangan kepada Duta Sri Lanka di sini supaya *the formalities human rights* dan sebagainya diberi perhatian. Saya khuatir kerana 294 *detainees* yang ada ini *fast until death*, yang telah dimulakan lebih kurang dua minggu dulu tidak ada – walaupun Presiden itu telah mengatakan akan memberi, akan mengambil tindakan, mengambil pengampunan dan sebagainya, *nothing happen. They've been lavishing in the jail for years and years, and years. Some of them were more than 10 years without a proper trial. We cannot pretend not to know.*

Dato' Seri Reezal Merican: Ya, ini saya ada bersama-sama dengan saya *the letters resolution by United Nation* ataupun *United Nation Human Rights Council*. Mungkin saya boleh serahkan atau berkongsi dengan Yang Berhormat. Di sini pandangan konvensional semua menyatakan bahawa bermulanya *positive engagement* di antara kerajaan baru sekarang bersama dengan pihak *Conventional UNHRC*.

Seterusnya soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seputeh itu, oleh Yang Berhormat Jelutong dahulu. Berkaitan dengan siasat dan kaitannya dengan kematian. Saya hendak maklumkan bahawa kematian oleh Mr. Bernard yang merupakan insiden yang amat menyedihkan pada semua. Akan tetapi hakikatnya ia merupakan perbuatan jenayah yang dilakukan dan Kementerian Luar Negeri mempunyai hubungan dengan pihak berkuasa di sana ketika mana dia ditahan menggunakan kesempatan untuk mencari kaedah yang terbaik dalam

melakukan pembebasan beliau. Namun sebagaimana semua sedia maklum, bukanlah satu perkara yang mudah. Akan tetapi isu yang ini dapat diberi taklimat atau diberi maklumat secara lebih *detail* kerana ia adalah *it is a crime issue. At times he was abducted, he was in Sabah. So*, benda ini berada di bawah KDN dan juga ESSCOM.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana sudi mendahulukan jawapan untuk soalan saya. Cuma yang saya rasa kesal sedikit ialah daripada segi *information flow* apabila berita telah diterima oleh Malaysia mengenai si Mr. Bernard Then yang dipancung. Apa yang berlaku semalam ialah pada lebih kurang pukul 9 malam, *The Star Online* telah mengirimi keluar berita mengenai kematian tersebut ataupun jenayah tersebut tetapi pada waktu pagi 7.50 minit melalui *Malaysian Insider*, Ketua Polis Negara masih mengatakan belum menerima berita yang pasti yang mengenai kejadian pancung itu. Jadi akhir nanti, masih sampai waktu petang pun tidak ada sebarang penjelasan daripada wakil kita sama ada duta kita di Filipina dan sebagainya. Akhir nanti pula yang kita terima bahawa yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah mengakui bahawa kejadian pancung itu telah berlaku. Jadi daripada segi *information flow* ketika tragedi itu berlaku, nampaknya tidak ada sesiapa - terutama sekali kedutaan Malaysia itu yang *you take the issue by the handle*.

Dato' Seri Reezal Merican: Terima kasih. Ya, saya ambil maklum benda itu tetapi namun begitu seperti mana yang saya maklumkan bahawa setiap *intelligence news are not within on our plate. Then*, barang kemungkinan benda-benda yang ada dalam simpanan ataupun *in the keepings of police as not all been shared to us*. Akan tetapi saya ambil maklum sebagai Kementerian Luar dan juga – malah wakil yang ada di sana. Kemudian ditanya juga dengan peranan SEARCCT *the pronunciation is 'siasat'* ada tujuh *core* yang oleh SEARCCT iaitu, antaranya ialah *investigation the legal, chemical by logical nuclear and crisis management, radiation security maritime and transport security, cyber terrorism, prevention and rehabilitation, terrorism financing, youth and terrorism*. SEARCCT telah diberi mandat untuk menjalankan program-program pembangunan keupayaan dan pendidikan mengenai keganasan dan kementerian ini bekerjasama dengan agensi-agensi swasta mahupun agensi-agensi dan jabatan-jabatan kerajaan yang berkaitan termasuk Kementerian Pertahanan.

Seterusnya daripada Yang Berhormat Seputeh. Isu – minta maaf saya tidak ikut *sequence*. Yang Berhormat Seputeh punya soalan tadi isu sambutan bantuan ke atas Ahli-ahli Parlimen pembangkang sebenarnya tidak pernah ada wujud langsung arahan dikeluarkan kepada pegawai-pegawai di perwakilan untuk menghalang mereka daripada memberi bantuan berjumpa dengan wakil-wakil, Ahli-ahli Parlimen pembangkang dari Malaysia. Namun memandangkan ada kalanya tempat-tempat tertentu bilangan pegawai agak terhad dan keterbatasan dalam menjalankan tugas mereka, mungkin itu antara menjadi *constraint*. Akan tetapi saya ambil maklum juga kalau *you want to lodge your unofficial complaint*, sebagai Kementerian Luar Negeri *I am willing to accept it*. Akan tetapi saya hendak maklumkan *let us not have a big threat, I mean let us have a good faith*. Mungkin mereka mempunyai keterbatasan

dalam daripada segi tugas kerana jumlah mereka itu kadang-kadang terutamanya Jordan kan tidak sebesar jumlah yang berada di Mesir.

Keduanya yang dibangkitkan oleh...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Boleh saya bagi satu cadangan? Ini adalah kerana melibatkan empat Ahli Parlimen dan ini adalah pengalaman kami mungkin nasihat kementerian baru bagi nasihat kepada duta berkenaan. Kalau tidak dapat jumpa pun, *say hello* lah. *You know they ask a front counter, staff and all that, you know 'taichi...taichi...taichi...'* you know, mahu jumpa kah atau tidak mahu jumpa kah, boleh tolong kah atau tidak boleh tolong kah? *You know it's not fair, we are still MPs whether you like it or not.*

Dato' Seri Reezal Merican: *Next time* Yang Berhormat datang dekat saya, *I am very gentleman. You can come to me.*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *I know we have written letter to* Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Reezal Merican: *But you have not written to me.*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *You* belum lantik lagi ma. [Ketawa]

Dato' Seri Reezal Merican: Keduanya Yang Berhormat bangkitkan tadi fasal isu duta. Saya hendak jelaskan kita tidak panggil di Wisma Putra, tidak panggil saman ataupun *summon*. Kita panggil *calling in*. Dalam amalan diplomasi melalui *Vienna Convention*, *calling in* ini adalah satu perkara yang biasa. [Disampuk] Nanti dulu. Duta-duta kita di luar negara boleh dikatakan agak kerap juga kena *called in*. Bukanlah suatu benda yang dilihat sebagai satu *prejudgement*, tidak. Sebenarnya apa yang berlaku peristiwa baru ini banyak dilaporkan silap oleh surat khabar terutamanya oleh surat khabar Cina. Surat khabar Cina salah satu daripada surat khabar Cina memohon maaf dengan saya sebab dia mengatakan bahawa sayalah sains surat panggil padahal *not even a letter that I've signed to call in the ambassador. So, the ambassador was called in by only at official level.* Oleh sebab apa, sebab bila mana suatu kenyataan dibuat dan benda itu *give fries to certain contention*. Maknanya ada laporan-laporan dan juga ada komentar-komentar yang bawa kepada *public opinion* maka kita panggil, kementerian panggil untuk minta *clarification*. *It's not doing prejudgement*. Ini yang sebenarnya hendak memberi keadilan. Maka sebab itulah yang dipanggil Duta China baru-baru ini. Akan tetapi malangnya Duta China tidak datang tetapi malahan dia berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri yang lain dan akhirnya benda itu disalahertikan dan dianggap seakan-akan kita sudah adakan *prejudgement*.

So, ini sebenarnya adalah satu benda yang sama sekali tidak betul dan ia adalah kalau tanya diplomat seluruh dunia ini adalah amalan biasa. So, saya hendak betulkan antara kenyataan-kenyataan yang dibuat bilamana dia kata, *"When Chinese from China are under attacked, the China Government will not sit idly."* Ini bukan saya kata, ini dilaporkan. Maka daripada kenyataan itu timbul satu *contention, why that a situation was implied? Just to seek the clarification based on public opinion that has already been formed.* Maka kembali kepada persoalan asal *calling in ambassador* adalah amalan biasa dalam diplomasi. Malahan amalan sihat sebenarnya dalam kita mengamalkan diplomasi ataupun *international diplomacy*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri saya tidak setuju. Kita hendak kena lihat yang keadaan waktu itu.

■1840

Bagi saya sebagai warga Malaysia atau sebagai mereka yang pemerhati politik apa yang dilakukan oleh Wisma Putra yang saman dia bagi kami adalah samanlah. *You* kata *calling in or* minum teh atau apa-apa pun Yang Berhormat boleh kata tetapi *this action itself* yang mana ia sudah pun jadi satu tumpuan media antarabangsa.

Saya lihat berita televisyen kita yang mana Kementerian Luar Negeri di China pun memberi sokongan kepada Duta China yang kenyataan yang dibuat olehnya. Bagi saya itu sudah jadi satu *tension* di antara Malaysia dengan China. *So*, bagi saya perlukah kita buat macam ini? Kalau Duta China itu kenyataannya *misinterpreted, misreported or whatever*, kita terima. Dia sudah pun jumpa Yang Berhormat di Wisma Putra, dia sudah pun keluarkan kenyataan. *We just accept that. No need to see.*

Dato' Seri Reezal Merican: Okey, saya rasa bukan. Bukan jumpa dengan saya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kalau hendak jumpa, Yang Berhormat perlu pergi jumpa dia. *This is diplomacy.*

Dato' Seri Reezal Merican: Saya tidak panggil dia.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Nanti panggil dia datang saman jumpa saya. Saya *no taiko*. Saya rasa ini *it will not...*

Dato' Seri Reezal Merican: *I think* Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Seputeh...

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, jangan bertengkar soal ini. Sekarang ini saya dengar Yang Berhormat Seputeh seolah-olah dia *expert on foreign matters*.

Dato' Seri Reezal Merican: *[Ketawa]* Yang Berhormat Seputeh buat andaian jahat. Saya tidak sebut. *Stop.*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, *do not prolong this matter. It will be explained.* Sila.

Dato' Seri Reezal Merican: Okey. Yang Berhormat Kudat tanyakan sama juga tadi fasal siasat.

Yang Berhormat Bukit Gantang bertanyakan berkaitan dengan *Islamic State*. Saya amat bersetuju tentang apa yang disebut bahawa *Islamic State*, Malaysia memang menentang sekeras-kerasnya IS. Ini telah dinyatakan secara terus terang ketika mana ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan juga tindakan kita untuk menyertai *the coalition against ISIS* ataupun DAISH. Saya bersetuju apa Yang Berhormat kata bahawa DAISH ini telah memberi wajah yang agak keruh berkaitan dengan Islam.

Sebagaimana yang disebutkan tadi saya pun pernah menyatakan daripada untuk Dewan yang mulia ini bahawa Islam tidak pernah menghalalkan apa yang telah dilakukan oleh ISIS. Hatta kalau Islam hendak menyuruh kita berlawan pun Islam sebut, *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Bermaksud: *'Kita boleh berperang, tetapi Tuhan kata berperanglah dengan orang yang*

berperang dengan kita'. Akan tetapi Tuhan sambung [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Bermaksud: '*Jangan melampau*'. [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Jadi apa yang disebut oleh Yang Berhormat adalah *something* yang memang menjadi amalan kepada pihak kerajaan.

Keduanya ialah tentang isu rasuah yang dilaporkan oleh Yang Berhormat tadi. Isu rasuah melibatkan Pegawai Imigresen ini akan ditangani oleh agensinya iaitu Jabatan Imigresen. Namun begitu, kalau di luar negara kita apa yang dinamakan Sistem Pentadbiran Kerajaan Malaysia (SPKM) yang mana ia diletakkan di bawah bumbung yang sama. Isu-isu yang melibatkan integriti pegawai-pegawai kerajaan di luar negeri dipantau oleh secara berkala oleh sekretariat dan urus setia yang khusus. SPKM dan perwakilan ini dipengerusikan oleh ketua-ketua perwakilan dan jawatankuasa SPKM ini di peringkat pusat dipengerusikan oleh Kementerian Luar Negeri. Pegawai-pegawai yang bertugas juga diwajibkan mengikuti kursus Pra-Penempatan SPKM di Institut Diplomasi dan Hal Ehwal Luar Negeri bagi mengetahui *do's and don'ts* apabila bertugas di luar negara kelak.

Soalan daripada sahabat saya Yang Berhormat Tumpat berkaitan dengan D8. Pertubuhan D8 memang memberi fokus kepada usaha-usaha untuk meningkatkan kerjasama ekonomi antara lapan negara. Malaysia telah menyertai mesyuarat D8 yang telah diadakan. Selain itu Malaysia turut menjadi *host* kepada mesyuarat D8 dengan izin kali pertama *D8 Private Sector Meeting* di Kuala Lumpur pada 1 hari bulan hingga 2 September 2015 baru-baru ini. Malaysia juga menjadi *3rd High Council Meeting of D8 Technology Transfer Exchange Network* pada 1 dan 2 Disember 2015 akan datang. Malaysia akan terus memainkan peranan dalam D8 dan berkongsi kepakaran pengalaman bagi memajukan membangunkan ekonomi lapan negara ini untuk **m**anfaat bersama.

Malaysia akan memegang jawatan Setiausaha Agung D8 bagi tempoh tahun 2017 hingga tahun 2020 selama empat tahun. Ini mungkin akan menyaksikan banyak lagi peluang yang dapat dilakukan oleh Malaysia. Kalau dulu Yang Berhormat lihat mungkin D8 tidak bermaya dan mungkin dengan adanya Setiausaha Agung yang dipilih daripada kita, kita hendak lihat dari tahun 2017 hingga tahun 2020 mungkin D8 akan jadi lebih *vibrant*.

Berkaitan dengan MH17. Kenapa Malaysia tidak mengambil peranan utama? Kenapa tidak memperingati mangsa-mangsa? Malaysia sebenarnya memainkan peranan penting untuk MH17. Belanda mengetuai penyiasatan disebabkan oleh lokasinya lebih dekat dengan negara kejadian. Ukraine tidak mahu mengetuai siasatan dan memberi kuasa penuh kepada Belanda untuk melakukan siasatan. Siasatan yang dilakukan oleh Belanda kerana semua *evidence* yang terdapat di situ diserahkan kepada mereka.

Namun begitu kita bekerjasama secara rapat dalam *Joint Investigation Team* (JIT). Untuk makluman Yang Berhormat, *Malaysia Airlines* sebenarnya telah mengadakan upacara untuk keluarga mangsa. Namun upacara tersebut dilakukan secara *low key* kerana ini adalah menghormati permohonan dan permintaan daripada kaum keluarga daripada disiarkan oleh pihak media. Baik, yang lain...

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengenai JIT. Boleh?

Dato' Seri Reezal Merican: Ya.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, dalam jawapan Timbalan Menteri mengatakan Malaysia mengambil *variety sets* dalam JIT ini. Saya hendak tanya sekarang apabila Rusia telah memveto usaha Malaysia untuk mendapat resolusi menubuhkan Tribunal Antarabangsa untuk mendakwa, sekarang kerajaan Malaysia hendak kata kita hendak guna JIT.

Saya hendak penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah langkahnya? Apakah JIT mempunyai kuasa untuk menubuhkan tribunal untuk mengambil tindakan mendakwa agresor ini...

Dato' Seri Reezal Merican: Tidak, tidak. Pada waktu sekian JIT mengadakan *investigation*. Pertama kita sudah dapat *technical report* baru ini yang *suggest* bahawa *the reason of downing* itu disebabkan oleh BUK *missile*. Sekarang masih lagi di peringkat *investigation*. Terdapat cadangan bahawa tribunal itu hendak dilakukan di Netherlands ataupun hendak dibuat *cosponsor among the JIT members*. Benda ini masih lagi diperhalusi.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Maaf ya. Itu kami hendak tahu, adakah JIT mempunyai bidang kuasa ini hendak dekat dengan jelasnya ataupun mereka boleh kata ini kami tidak mengiktiraf JIT. *You* boleh jalankan tribunal itu. Kita tidak ambil kisah.

Dato' Seri Reezal Merican: Ya, *it could be accepted* kekangan. Akan tetapi antara usaha yang telah dilakukan oleh negara-negara yang terbabit dalam JIT.

Baik, seterusnya daripada Yang Berhormat Parit Buntar. Kenapa masih tidak menandatangani enam lagi instrumen hak asasi manusia? Kerajaan sentiasa mengambil pendekatan dengan izin *careful approach* sebelum mengambil keputusan untuk menyertai mana-mana instrumen antarabangsa. Sebagai sebuah negara anggota PBB yang berprinsip, Malaysia sentiasa mendukung piawaian-piawaian dan norma-norma antarabangsa. Kerajaan terus prihatin dan sentiasa berusaha untuk mempromosi dan mempertahankan hak asasi manusia sejagat.

Ke arah meratifikasikan instrumen-instrumen utama tersebut beberapa siri mesyuarat antara agensi telah diadakan untuk mengkaji secara terperinci kedudukan Malaysia berhubung kandungan instrumen-instrumen yang masih belum dianggotai oleh kita. Ia adalah untuk memastikan kita memperhalus apakah peruntukan-peruntukan dalam instrumen-instrumen tersebut dengan izin *on the faith of it* berpotensi untuk mencabar dasar-dasar yang sedia ada dan mengkompromasi keselamatan dan kesejahteraan negara. Proses ini masih lagi berjalan.

Walau bagaimanapun, perlu diingat bahawa sebelum Malaysia mengambil keputusan untuk menyertai mana-mana instrumen antarabangsa, kerajaan mengambil kira kesesuaian peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam konvensyen berkenaan dengan kerangka perundangan serta polisi negara. Keanggotaan instrumen antarabangsa bukan hanya sekadar keahlian semata-mata tetapi ia datang dengan tanggungjawab yang harus dilaksanakan dan dipatuhi seperti yang termaktub di dalam instrumen tersebut.

■1850

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Sedikit penjelasan. Tuan Pengerusi, antara sebab dikatakan ialah saya faham tadi kerangka negara dan kompromi, keselamatan semua ini. Cuma ada disebut satu tentang syariat Islam, mahkamah syariat Islam kah atau syariat Islam antara penyebab utama untuk terhalang perkara tersebut. Saya ingin tahu apa masalahnya kalau boleh dikongsi di sini supaya kita juga boleh turut memberi pandangan-pandangan dalam meletakkan Malaysia sama *league* dengan negara-negara lain dalam hak asasi manusia.

Dato' Seri Reezal Merican: ...Dia banyak perkara, Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Boleh saya sambung? Soalan tajuk yang sama, boleh dijawab. Dengan izin Tuan Pengerusi, saya hendak ambil satu contoh dengan izin, *Convention Against Torture* tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata pertimbangan-pertimbangan yang akan diambil dan sekarang diambil apabila kita semak semua konvensyen ini adalah di antaranya kesejahteraan negara, keselamatan dan sebagainya. Jadi saya hendak tahu, *Convention Against Torture* atau konvensyen melarang keseksaan, apakah halangan dari segi perspektif kerajaan untuk menjadi anggota kepada konvensyen ini sebab bagi pandangan awam, ini adalah sesuatu yang sangat penting yang akan memberi perlindungan kepada individu apabila berurusan dengan beberapa agensi dan sebagainya. So dengan izin, *what is the objection to a protection against torture, as simple as that*. Terima kasih.

Dato' Seri Reezal Merican: Seperti yang saya sebutkan tadi bahawa kita mengambil perkiraan kerangka undang-undang dalam negara tetapi secara *detail* perkara yang diperhalusi oleh pihak AG dan sebagainya, saya nanti bagi kepada Yang Berhormat secara bertulis. Seterusnya Yang Berhormat Sungai Petani, urusan visa-visa pelajar Malaysia untuk belajar di Indonesia. Terima kasih kerana membangkitkan isu ini. Malaysia sebenarnya telah menandatangani perjanjian berkaitan visa pelajar dengan pihak Indonesia pada tahun 2013 namun saya rasa prihatin apa yang dibangkitkan dan sebenarnya saya pun berdepan juga dengan isu-isu yang sama ketika saya pergi ke Medan. Seandainya benda itu berlaku, boleh dibangkitkan dan dihantar kepada pihak Kementerian Luar Negeri ataupun Kementerian Pendidikan dan kementerian akan memaklumkan perkara ini kepada kementerian yang terlibat untuk susuli dengan pihak Indonesia.

Namun saya akui benda ini berlaku cuma saya hendak tahu secara spesifik kalau ada, sila hantar kepada pihak saya dan kemudian layanan hak asasi manusia *for* Sri Langka saya sudah jawab tadi. Pasal isu Rohingya, pemilihan pegawai KLN. Saya memang ingin maklumkan bahawa memang kakitangan yang berada di Kementerian Luar Negeri sejauh pengetahuan saya adalah *those who are English proficient*. Saya tak pernah bertemu lagi lah mereka yang daripada segi *language proficiency* dia agak lemah tetapi ia adalah satu perkara yang amat-amat penting. Kalau benarlah ada kelemahan dan mereka merupakan lambang imej negara di luar, adalah amat malang kalau mereka tak boleh berbahasa Inggeris.

Bukan itu sahaja, malahan mereka ini juga dihantar untuk belajar bahasa-bahasa di mana negara mereka di *posting* dan mereka ada juga satu kelas bahasa Inggeris di bawah tajaan PBB yang mana dibuka dan ditaja oleh pihak kerajaan dan bukan sahaja IDFR ketika mereka di *posting pun they are, I mean* mereka diberi ruang untuk mendapat latihan terutamanya dalam bidang bahasa. Bukan itu sahaja, ada juga latihan-latihan yang bersifat *political literacy* berkaitan dengan negara-negara tersebut juga antara aspek yang diberi penekanan di IDFR sebelum mereka dihantar.

Sekarang ini kita sudah ada apa yang dipanggil *pre posting orientation program*. Maknanya setiap kali sebelum mereka dihantar, bukan hanya Kementerian Luar Negeri sahaja malahan pegawai-pegawai yang berada *under the umbrella of* Kementerian Luar Negeri juga akan melalui *pre posting orientation*. Ini bagi memungkinkan mereka untuk mendapatkan - sebab kita telah berdepan dengan isu seperti Rizalman di New Zealand dan satu, dua isu yang lain maka kita mengambil pengajaran dan kita mulakan *pre orientation program* ini sebagai langkah pencegahan awal.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Boleh saya bagi satu cadangan? Saya lihat Negara China sangat besar dan saya rasa kedutaan kita ini amat penting kerana sebenarnya Malaysia daripada segi nilai perdagangan, Malaysia eksport lebih barang kepada China berbanding dengan import daripada China tetapi saya rasa kita mungkin perlu mengadakan lebih pegawai yang fasih dalam bahasa Cina. Tidak semestinya mereka daripada kaum Cina, saya rasa semakin ramai kaum bumiputera, orang muda kita ini juga fasih atau telah boleh menguasai bahasa Mandarin. Pegawai seperti ini yang kita perlu untuk menangani negara yang begitu besar dan pejabat-pejabat diplomatik kita ini di China. Begitu juga dengan di Taiwan dan saya rasa kadang-kadang kalau mengikut adat mereka, mereka mungkin suka minum dan mungkin tidak makan makanan halal seperti kami.

Jadi kalau ada pegawai yang daripada latar belakang yang dengan kaum yang lain ataupun agama yang berlainan, mungkin adalah lebih mudah bagi pegawai seperti ini untuk bertemu dengan orang *business* ataupun pegawai kanan di negara-negara tersebut.

Dato' Seri Reezal Merican: Terima kasih, saya ambil pandangan tersebut. Kemudiannya soalan yang ditanya banyak berkaitan dengan ASEAN oleh Yang Berhormat Parit Sulong dan juga Yang Berhormat Lenggong dan ada satu, dua lagi. Saya hendak maklumkan bahawa tahun ini merupakan satu *milestone* yang utama kepada ASEAN. Kini ASEAN memasuki usia 48 tahun dan ketika Malaysia menjadi Pengerusi ASEAN, kita telah menggariskan dua peranan utama dan lapan isu keutamaan yang menjadi tunjang. Setelah separuh jalan kita mempengerusikan ASEAN, seperti yang telah dimaklumkan kepada Dewan ini bahawa Malaysia telah berjaya memenuhi semua peranan keutamaan tersebut dan pada akhir ataupun ketika sidang kemuncak ini, kita akan menandatangani apa yang dinamakan sebagai *ASEAN Community*.

Walau bagaimanapun, *ASEAN Community* ini adalah perkara yang bersifat *work in progress*. *It is not something conclusive* ataupun *finish product* tetapi dalam tempoh yang

sebegini singkat, daripada tempoh kita lancarkan *blueprint* pada 2007, tempoh yang diambil dalam lapan tahun untuk kita mencapai *ASEAN Community* ini adalah satu tempoh yang amat-amat memberangsangkan. Ia tertakluk dan ia terletak kepada tiga tonggak utama kerana kita hendak lihat ASEAN ini berada pada tiga aspek yang penting iaitu yang pertama *political security*. Kita hendak pastikan rantau ini rantau yang selamat, aman damai. Keduanya, kita hendak lihat kepada kita hendak wujudkan apa yang dinamakan *ASEAN Economic Community* dan yang ketiga, kita hendak wujudkan *ASEAN Socio-Cultural Community*.

Ketiga-tiga ini berada pada landasan dan telah pun memenuhi piawaian melepasi 90% dan saya rasa itu sahaja soalan. Kalau ada yang saya belum sentuh, saya akan sentuh secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM595,085,000 untuk Maksud B.13 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM595,085,000 untuk Maksud B.13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM115,428,900 untuk Maksud P.13 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM115,428,900 untuk Maksud P.13 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

**Maksud B.20 [Jadual] -
Maksud P.20 [Anggaran Pembangunan 2016] –**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.20 dan Kepala Pembangunan P.20 di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komuniti terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Lenggong.

■1900

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana beri peluang kepada saya untuk bahas di peringkat Jawatankuasa bagi anggaran perbelanjaan Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi. Saya ingin bercakap Butiran 030000 – Lembaga Getah Malaysia (LGM), Butiran 080200 – NKEA Sawit dan perkara-perkara lain. Kita sedar harga pasaran getah terus merudum bagi Oktober 2015, di mana ketiadaan minat pasaran terhadap komoditi ini. Penurunan pasaran ini kita tahu di pengaruhi juga oleh kelembapan ekonomi China, harga minyak mentah yang rendah, indeks komoditi getah yang rendah di Tokyo dan pasaran ekuiti global yang nampaknya semakin lemah.

Jika kita bandingkan pada Oktober, harga getah bagi SMR20 menurun RM0.26 sen per kilo atau 4.7%, ditutup dengan harga RM522.0 sen per kilo di pasaran, manakala susu getah

pekat ditutup dengan harga RM387 sen per kilo. Menurun sebanyak lebih kurang 5.8%. Nilai eksport bagi komoditi ini juga nampaknya rendah berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Kalau getah asli 2014 difahamkan RM4.54 bilion dan manakala pada tahun ini saja RM1.85 bilion. Begitu juga penurunan kalau kita lihat bagi barangan getah, kayu getah dan getah-getah yang lain. Nampaknya *trend* ini memberi kesan besar kepada kita. Kalau salah, minta pihak kementerian betulkan. Pasaran bagi komoditi ini dijangka akan nampaknya terus lemah di sebabkan oleh permintaan dan penawaran yang berlebihan ini.

Jadi, sudah tentu saya lihat bahawa harga pasaran ini akan terus tidak seimbang dengan tempoh terdekat. Kemudian dipengaruhi pula oleh beberapa faktor lain, terutama sekali penstrukturan semula ekonomi China itu sendiri, keadaan ekonomi global, harga minyak mentah, *trend* pasaran getah di Tokyo dan juga pergerakan mata wang. Semua ini mempengaruhi. Oleh sebab itu saya ingin mendapat maklumat dan juga jawapan daripada pihak kementerian. Apakah langkah yang boleh dan sedang atau telah dilakukan oleh kementerian dalam menstabilkan harga getah ini? Selain daripada penggunaan di peringkat domestik supaya penurunan harga getah ini tidak terbeban dan memberi kesan besar kepada masyarakat, terutamanya pekebun-pekebun kecil di seluruh negara.

Berdasarkan inisiatif kementerian bersama dengan beberapa kementerian dalam penggunaan getah beku ini dalam pembinaan jalan raya misalnya, ia juga dijangka dapat menyumbang kepada sasaran peningkatan penggunaan domestik. Jadi, saya difahamkan sebanyak 10% setahun, apakah ini benar dan apakah langkah-langkah seterusnya? Kemudian meningkatkan penggunaan domestik adalah usaha yang saya fikir penting juga ke arah menstabilkan harga getah dan mengurangkan kesan kejatuhan harga getah di pasaran global ke atas pendapatan kepada lebih daripada 300 ribu pekebun kecil getah di seluruh negara.

Saya hendak mendapat kepastian daripada pihak kementerian, angka yang ada pada kementerian. Apakah kementerian ada angka pekebun-pekebun kecil getah yang memiliki getah sendiri dan juga yang menoreh di kebun getah orang lain dan sebagainya? Apakah kementerian ada angka? Bagaimana kementerian merangka dan mendapatkan angka-angka ini? Oleh kerana kita juga baru-baru ini apabila kita memberi insentif RM500, ramai di kalangan mereka yang tidak dapat kerana antara masalah ialah angka yang tidak tepat ini. Ada di kalangan mereka yang bekerja di Kuala Lumpur pun tapi ada ladang getah, juga menyenaraikan diri mereka sebagai penoreh getah dan sebab itu antara beberapa isu yang perlu diberikan perhatian.

Sebab itu saya harap dan ingin mendapat penjelasan daripada kementerian. Apabila pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan berkaitan dengan insentif untuk menaikkan harga getah sebagaimana diumumkan tempoh hari. Apakah langkah-langkah terkini yang dibuat supaya pekebun-pekebun kecil di seluruh negara akan merasa selesa? Oleh kerana hari ini nampaknya mereka masih lagi terkapai-kapai dan tidak mendapat maklumat yang tepat berkaitan usaha kerajaan dalam meningkatkan harga getah ini kerana kita sedia tahu bahawa jumlah mereka yang terlibat ini memang ramai.

Tuan Pengerusi, penggunaan bahan getah di dalam pembinaan jalan yang saya sebutkan tadi sebelum ini iaitu jalan perimeter di Lapangan Terbang Antarabangsa misalnya pada tahun 1995, nampaknya membuktikan jangka hayat jalan itu lebih baik daripada biasalah. Jadi, apakah kesan daripada penggunaan tersebut? Bolehkah kerajaan untuk melaksanakan secara berterusan dan mungkin ia juga membantu untuk meningkatkan pasaran domestik tadi dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga mendapat penjelasan daripada kementerian mengenai apakah kerajaan berhasrat untuk meneruskan bantuan *one-off* ini, RM500 kepada pekebun kecil dalam membantu mereka meneruskan kehidupan seharian. Saya percaya walaupun jumlah ini kecil pada kita tapi ianya besar kepada mereka. Jadi, saya ingin mendapat maklumat daripada kementerian, terutama sekali berkaitan dengan pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dalam Dewan ini. Apakah usaha yang kita telah buat untuk memberi pemahaman, penjelasan kepada pekebun-pekebun kecil, penoreh getah supaya mereka tahu bahawa hasil daripada pengumuman dalam bajet ini benar-benar ada impak kepada mereka kerana itu memang menjadi harapan mereka.

Tuan Pengerusi, satu perkara lain ialah Butiran 080200 – NKEA Sawit. Kita juga tahu bahawa industri sawit Malaysia penyumbang keempat terbesar kepada ekonomi negara. Pada masa ini, ia menyumbang sebanyak RM53 bilion kepada GNI negara. Industri ini merentasi rangkaian nilai dari ladang huluan hingga ke peringkat pemprosesan hiliran. Rantainya ini cukup besar dan kalau kita lihat saya bandingkan dari tahun 2014, Malaysia menyumbang sebanyak 42% dalam perladangan minyak sawit global. Jadi, komoditi yang berorientasikan eksport ini dipengaruhi juga oleh bekalan global dan tahap permintaan.

Saya juga ingin mendapat maklumat oleh kerana kelapa sawit kita juga harganya dipengaruhi juga bekalan dan juga negara-negara lain. Sejauh mana usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan bersama dengan Indonesia dalam membentuk Majlis Sawit itu hari ini? Apakah telah berjalan, apakah hasilnya? Saya harap pihak kementerian dapat melaporkan dalam Dewan mulia ini. Selain daripada itu, kalau kita lihat sejak suku ketiga 2014 misalnya. Disebabkan kelembapan ekonomi global, terutamanya kepada negara-negara pengimport utama industri sawit kita ini, daripada China, Kesatuan Eropah dan peningkatan pengeluaran bahan-bahan lain yang menyaingi sawit ini, misalnya kacang soya, sayur-sayuran, harga purata CPO bagi tempoh Januari hingga Februari 2015 adalah sebanyak dianggarkanlah, saya kalau tidak betul, minta kementerian betulkan, adalah RM2,276 satu tan, berbanding dengan harga purata RM2,383 se tan metrik pada tahun 2014. Ada penurunan.

Jadi, apakah langkah bagi mengatasi lebihan komoditi ini apabila berlakunya pengurangan permintaan dan lebihan penawaran di peringkat antarabangsa dan juga di peringkat domestik ini?

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Boleh Yang Berhormat Sibuti.

■1910

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Apabila Yang Berhormat Lenggong mengatakan fasal sawit peringkat antarabangsa dan juga yang dijual di negeri China dan sebagainya, ini sangat-sangat memberatkan pekebun-pekebun kecil kita yang mengeluarkan sawit di mana harga sawit sekarang ini di dalam pasaran di kebun-kebun kecil di bawah RM300 satu tan. Jadi bagaimanakah kerajaan hendak membantu pekebun-pekebun kecil yang mengusahakan sawit ini? Boleh tidak disamakan seperti kata Yang Berhormat Lenggong tadi, pekebun-pekebun kecil getah diberi juga peruntukan seperti RM200 dan sebagainya? Terima kasih.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tuan Pengerusi, saya bersetuju dan sependapat dengan Yang Berhormat Sibuti tadi. Jadi sebab itu saya lihat di peringkat dalam negara ini kepada pekebun-pekebun kecil, sebenarnya mereka mempunyai harapan supaya insentif yang diberikan kepada nelayan misalnya RM200, kepada yang lain juga diberikan kepada pekebun-pekebun getah dan juga kelapa sawit ini. Saya ingin dapatkan jawapan daripada kementerian, apakah ada usaha ini? Saya percaya kalau ini dapat dilakukan, ia mungkin satu berita gembira kepada mereka walaupun kita tahu antara kekangan ialah dari segi jumlah yang begitu ramai.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Tuan Pengerusi, kalau kita lihat dari segi strategi penggunaan bio diesel B5, B7 kalau kita rujuk bulan November 2014 tempoh hari, saya lihat bahawa penggunaan ini berkemungkinan untuk meningkatkan harga pasaran komoditi ini. Cuma sedikit persoalan, sejauh manakah penggunaan strategi ini yang dirangka sebelum ini? Apakah hasil dan kejayaan yang dicapainya, apakah ia telah terhenti dan sebagainya? Akan tetapi yang penting sekali, saya berharap bahawa kementerian mestilah melakukan usaha bersungguh-sungguh untuk memberi tumpuan dan membela pekebun-pekebun getah dan kelapa sawit kerana jumlah mereka cukup ramai dan hari ini mereka tertekan, apatah lagi dengan kenaikan kos sara hidup dan sebagainya.

Saya faham bahawa kita ada kekangan yang tertentu, usaha-usaha yang telah kita lakukan memang tidak boleh dipertikaikan, memang kerja kuat Yang Berhormat Menteri dan kerajaan. Cuma, tentu harapan besar dan kami sebagai wakil rakyat tentu mahu supaya kumpulan ini diberikan perhatian. Jadi sebab itu saya mohon pihak kerajaan dapat melakukan usaha bersungguh-sungguh bagi memastikan pembelaan dapat dibuat kepada golongan ini.

Apatah lagi hari ini Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Kuala Krau pun sama, di tempat saya pun sama dengan musim tengkujuh, hari ini berminggu mereka tidak dapat ke ladang, pendapatannya kurang. Bayangkan, ada di kalangan mereka yang langsung tidak dapat menikmati dan terhidang makanan yang baik kepada mereka kerana kebergantungan mereka kepada hasil getah dan sebagainya. Ini penderitaan yang tidak boleh kita nafikan dan saya cukup

yakin bahawa kerajaan prihatin terhadap perkara ini. Cuma, saya harap apa yang diusahakan oleh kerajaan mesti benar-benar menyentuh dan menyelesaikan masalah mereka. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya ingin mendapatkan kepastian berapa Ahli Parlimen yang berminat untuk berbahas.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sepuluh, ya. Yang Berhormat Pokok Sena, berapa? Sepuluh ya. Ya, sila Yang Berhormat Pokok Sena.

7.14 mlm.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sepuluh minit ya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya. Terima kasih untuk turut memberi ruang kepada saya dalam B.20 Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi berkaitan dengan Butiran 030000 iaitu Lembaga Getah Malaysia.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan tentang penentuan harga getah yang akhirnya sampai kepada pekebun kecil. Memang kita faham bahawa penentuan ini ada kaitan dengan pasaran getah antarabangsa tetapi untuk hendak menentukan harga yang akan sampai ke ladang, ke pekebun kecil ini, akhirnya ia ditentukan oleh satu *board*, Lembaga Penentuan Harga yang telah pun dilantik oleh Lembaga Getah Malaysia yang terdiri daripada 11 buah syarikat ataupun pengilang-pengilang besar seperti FELDA, Lee Rubber dan sebagainya.

Jadi mereka ini yang akan membuat penentuan kepada harga ini. Ini kerana kalau kita lihat kadang-kadang kalau kita tengok harga, contoh kalau pada harga RM5 lebih umpamanya harga SMR20 harga ditentukan, tetapi akhirnya apabila sampai ke pekebun ini, di akhir sekali ialah harga sampai RM2.20, RM2.25. Jadi ini saya hendak minta penjelasan bagaimana kadar penentuan?

Ini kerana saya hendak timbulkan satu isu iaitu bila pembeli getah berlesen ini yang dilesenkan oleh Lembaga Getah, mereka beli daripada pekebun, kemudian mereka jual kepada pengilang. Pengilang itu akan keluaran sejumlah wang untuk berikan kepada pembeli ini untuk pembeli getah tadi ini dia sendiri yang berurusan, dia sendiri yang kena bayar GST kepada kastam, kepada kerajaan, dia pergi bayar. Jadi, apakah pengiraan harga itu sudah mengambil kira harga itu akhirnya- maknanya yang ruginya ialah pekebun itu sendiri. Sebab, saya tidak nampak kejelasannya bagaimana kaedah mereka ini, pembeli dan pengilang ini tadi ambil duit di mana untuk nak bayar GST ini sebab harga getah ini hari-hari ia berubah. Maknanya satu hari itu ada dua tempoh, tengah hari dan juga petang ditentukan keadaan harga getah ini.

Jadi ini yang menjadikan satu kekeliruan kepada pekebun-pekebun kecil bagaimana-apakah pekebun kecil merasakan bahawa akhirnya kami secara tidak disedari sebenarnya hakikatnya kami sendiri yang bayar GST. Patutnya kami dapat lebih harga getah tetapi mereka

dah ambil siap-siap, jadi mereka tidak dapat apa. Jadi yang ini yang pekebun mengadu pada saya setelah mereka telah mengalami pemotongan harga. Maknanya harga itu akhirnya mereka juga yang menanggung pemotongan akibat daripada kerajaan sendiri yang menetapkan iaitu antara 14 sen untuk ses tanam semula dan sebagainya. Jadi kerajaan kata beri bantuan tanam semula, hakikatnya diambil daripada pekebun kecil ini. Bukan satu bantuan daripada duit lain mai bantu pekebun tetapi duit yang ambil daripada pekebun. Betul tak Yang Berhormat Lenggong?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Betul, betul.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, Yang Berhormat Lenggong ini bagus, setuju dengan saya tetapi sambil-sambil dia nak keluar baru dia setuju.

Jadi bukan kerajaan ambil wang lain daripada tabung lain mai bantu kepada pekebun, tidak. Dia ambil duit daripada pekebun sendiri. Jadi ini bukan bantuan. Jadi tidak bolehlah kata bagi bantuan, maknanya duit itu ambil daripada poket pekebun sendiri 14 sen. Kemudian juga kos pemprosesan kilang dan juga peniaga, maknanya ambil sampai RM1.30. Jadi ini yang mereka merasakan keadaan yang sangat membebankan mereka.

Jadi saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan supaya melihat perkara ini kerana kita hendak supaya akhirnya pekebun ini akan dapat harga yang tinggi sebab saya melihat bahawa dalam keadaan harga RM2.20- minggu sudah saya turun ke kawasan saya. Kawasan saya ini ada sebahagian getah, sebahagian padi. Saya turun, mereka kata ini bukan fasal hujan tak pergi menoreh, bukan fasal hujan tidak pergi menoreh. Dia kata bila datang musim cuti sekolah ini, hari itu ada kenduri banyak, setiap hari kenduri. Dia kata lebih baik dia pergi makan kenduri, bawa anak-beranak pergi makan kenduri kahwin daripada dia pergi memotong.

■1920

Dia kira sampai tara itu sebab kalau dia pergi memotong sendiri dia hendak boleh RM2.00 dia balik beli telur sebiji boleh belah 16.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Apa dia? Memanglah Tuan Pengerusi dok tengok saya, saya tengok Tuan Pengerusi kadang-kadang kerling jelingan-jelingan manja dengan Tuan Pengerusi ini. Ini pekebun beritahu dengan saya. Pekebun dan juga penoreh, bila penoreh tidak pergi menoreh harga rendah jadi pekebun sudah orang tua-tua dia menoreh apa.

Jadi ini dia kata daripada aku pergi menoreh, hendak beroleh berapa duit lebih baik aku bawa anak-beranak aku makan kenduri duduk sampai petang orang bagi nasi bungkus pula bawa balik, selamat malam. Gantung periuk. Jadi ini beban yang terpaksa ditanggung oleh pekebun-pekebun. Jadi mereka ambil kira sampai kepada peringkat itu. Jadi ini yang harus dilihat oleh kerajaan.

Keduanya, fasal RRI iaitu penyelidikan getah ini. Akhirnya RISDA yang akan bagi benih. RISDA yang akan bagi..

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Pokok Sena boleh sedikit?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Boleh, boleh.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Cerita fasal makan kenduri ini sampai boleh bungkus bawa balik ini. Makan kenduri tiap-tiap hari kah?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bagan Serai cerita dengan Yang Berhormat Pokok Sena kah, cerita dengan Dewan?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Fasal dia tengok saya Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, dia cerita fasal kenduri, pekebun. Saya dengar indah khabar dari rupalah. Takkan tiap-tiap hari makan kenduri. Hari ini saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Pokok Sena ini hari yang tidak kenduri ini mereka makan apa, kebulurkah?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang ini payah jadi Ahli Parlimen tidak faham. [Ketawa]. Saya pun tidak tahu dia doktor ENT kah apakah, *wallahualam* lah. [Ketawa]. Saya bagi contoh bagaimana kalau hari kenduri daripada dia pergi menoreh lebih baik aku pergi kenduri. Akan tetapi kalau harga getah tinggi ini saya hendak beritahu kepada Doktor, harga getah tinggi cikgu yang mengajar sebelum dia pergi mengajar dia pergi menoreh dahulu. Kalau itu harga getah di ladang itu RM5.00, RM6.00 satu ketika dahulu dia kata sebelum pergi mengajar aku pergi menoreh dahulu. Dia hendak beroleh duit. Saya kira kalau doktor pun...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dia sama dengan Yang Berhormat Pokok Sena sebelum pergi ceramah dia menoreh juga.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [Ketawa] Saya percaya kalau harga getah sampai RM7.00 kalau Yang Berhormat Bagan Serai itu doktor sebelum dia pergi klinik dia kata pergi menoreh dahulu. Sebelum dia pergi sunatkan anak-anak pekebun kecil itu.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Pengerusi, dia sudah melampau. Ini Yang Berhormat Pokok Sena yang terlampau inilah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak saya hendak sebutkan bahawa itu fenomena yang berlaku suatu ketika dahulu. Bila harga getah tinggi, cikgu, pegawai kerajaan sebelum pergi pejabat, sebelum pergi sekolah dia pergi menoreh pokok di sekeliling rumah dia.

Akan tetapi hari ini cikgu tentulah tidak pedulilah harga getah jatuh. Hanya orang yang dok menoreh sahaja hari-hari itulah kerja cari makan dia. Dia kata kalau ada kenduri kahwin musim cuti sekolah ini banyak lebih baik aku pergi makan kenduri kahwin, bawa anak-beranak aku daripada aku pergi menoreh kerana aku tidak dapat menampung perbelanjaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, satu isu masa sudah tamat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, macam yang saya katakan tadi bahawa telur beli sebiji belah 16. Ayam orang kerat 16 adalah orang potong 16 buat kenduri. [Dewan riuh]. RRI...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Pengerusi, telur apa boleh belah sampai 16 ini? Telur apa belah sampai 16 ini.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [Ketawa] Saya pun tidak tahu. Doktor apa ini telur apa pun tidak tahu beratlah. [Ketawa].

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, habiskan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Akhir sekali, saya diadu oleh pekebun-pekebun kecil, ini berkaitan dengan RRI walaupun yang beri itu ialah RISDA, yang beri benih itu RISDA tetapi RISDA pun akhirnya dia ambil benih itu hasil daripada kajian yang dibuat oleh RRI.

Benih yang mereka dapat hari ini dia kata pokok itu tidak tahan lama untuk tempoh selepas dia pergi menoreh itu daripada kali pertama menoreh itu dia hanya boleh tahan 10 tahun sahaja. Tidak macam pokok-pokok yang dahulu-dahulu. Pokok yang orang tanam dengan benih biji ini. Benih biji dia *pi* kahwin dia *pi* tut sendiri dan sebagainya. Pokok itu dia kata boleh tahan sampai umur 20 ataupun 25 tahun untuk dia toreh.

Jadi ini saya minta bahawa untuk dilihat kembali tentang kaji selidik benih pokok itu supaya terhasil benih yang baik. Jadi kita minta Yang Berhormat Jasin sebagai Pengerusi LGM kah, dia kena tengok macam mana harga getah, dia tentukan supaya biarlah bagi kesenangan sedikit kepada orang kampung.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*].

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sudah ada bukan jual ubat. Maknanya saya hendak jual. Kalau boleh hendak jual Yang Berhormat Jasin itu fasal nampak lemah sangat tidak berjaya untuk membantu meningkatkan pekebun kecil. Baik aku jual dia. Duduk macam Ahmad Nisfu kena lelong itu. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jerlun.

7.25 mlm.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya terima kasih dapat peluang juga berbahas dalam Kementerian Perladangan dan Komoditi tajuk 00526, 11011 dan juga NKEA – 94000. Kita sedar bahawa Malaysia masih menjadi pengeluar utama kelapa sawit *area* 5.6 juta hektar. *Matured area* ataupun kawasan matang 4.86. Ini statistik 2015 hasil purata FLB ataupun BTB 19.5 metrik tan per hektar ada kenaikan 5%. CPA yang dihasilkan 19.85 juta metrik tan. Harga *average* 2014 – 2,489 PMT dan 2015 menurun sedikit 2,165.

Kita sedar bahawa kita sedang mengalami cabaran yang besar dalam industri ini. Permintaan global yang menurun, saingan minyak kacang soya, cuma hendak tahu Yang Berhormat Menteri adakah masih ada negara-negara yang menggunakan tarif untuk kita eksport ke macam EU dan sebagainya. Kemudian berkaitan dengan harga yang rendah, kekurangan tanah, produktiviti yang rendah, tenaga kerja yang kurang, kemampunan *sustainability and then* dari segi kita kena tingkatan R&D biodiesel macam Yang Berhormat Lenggong kata B5, B7 dan kini ada juga B10.

Produk-produk *oleo-chemical*, *foodstuff*, baka-baka baru yang perlu kita keluarkan untuk meningkatkan hasil kerana sasaran kementerian untuk mendapatkan OER, oil extraction rate yang kini *average* 20.6% dijangkakan ditingkatkan sehingga kalau untuk pekebun-pekebun kecil 22% daripada 2020, kalau estet mungkin 23% kadar perahan minyak. Kemudian hendak kena cari benih-benih yang rintang penyakit. Bagaimana hendak kempen, hendak menggalakkan petani-petani kecil menggunakan amalan pertanian yang baik. Bagaimana hendak meningkatkan penggunaan mekanisasi dan semua ini.

Jadi ini adalah perkara-perkara yang kita sedang buat dan kita sedar. Memang kita sedang menghadapi cabaran namun pada saya usaha-usaha untuk meningkatkan R&D ini kita kena teruskan sebab ini mungkin *cyclical*, mungkin ketika harga minyaknya turun tetapi suatu hari nanti mungkin terjadi sesuatu kepada minyak kacang soya, minyak bijan, matahari dan sebagainya, ketika itu mungkin Malaysia akan dapat *reap the harvest*, kata bahasa Inggeris.

Kemudian saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan Institut Penyelidikan dan Teknikal Minyak Sawit (POTSIM) di China dan juga India. Apakah perkembangan sehingga kini dan sejauh manakah keberkesanan MSPO ataupun Persijilan *Malaysian Sustainable Palm Oil* ini dari sudut penjenamaan barangan Malaysia adakah ianya diterima di peringkat antarabangsa. Bagaimanakah pula penerimaan negara-negara tertentu tentang MPOCC, Majlis Persijilan Minyak Sawit Malaysia yang diusahakan untuk memberi keyakinan, meningkatkan keyakinan dan juga menangani isu-isu persepsi negatif terhadap industri kita.

Saya hendak sentuh sedikit tentang EPP 4 iaitu NKEA 9400 ini yang dijangkakan pada 2020 nanti akan meningkatkan mencapai GNI kepada RM13.7 bilion. Menghasilkan peluang pekerjaan seramai 10,000 orang. Kemudian dia ada dua tajuk iaitu nak bagi *re-ranking* kepada kilang-kilang sawit berdasarkan kepada prestasi terutama sekali dari segi OER ataupun *oil extraction rate* kepada 23% dan juga sudah tentu berkaitan dengan sumber bekalan FLB ataupun buah tanam baik.

Kemudian difahamkan ada 104 *clusters* dengan adanya 100 orang pegawai-pegawai daripada MPOB, MPOC dan sebagainya yang memantau projek ini. Jadi sejauh manakah sehingga kini ianya berjalan dan apakah kesan dan harapan kita di masa depan. Untuk petani-petani pula diadakan satu lagi program tanaman semula dengan bantuan RM7,000 satu hektar dan juga diberi bantuan bulanan RM500 sebulan untuk pemilik-pemilik kebun yang saiznya bawah 2.5 hektar untuk dua tahun pertama.

■ 1930

Disasarkan sejumlah 109,000 hektar untuk ditanam semula dengan benih-benih yang baik, baka-baka yang baik yang akan menghasilkan sekurang-kurangnya 22 tan BTB ataupun buah tandan baik sehektar di masa depan.

Tuan Pengerusi, sedikit tentang koko. Saya amat bersimpati dengan kawan kita dari Putatan, Pengerusi Lembaga Koko Malaysia di bawah Kepala B.20, 04100 dan P.20, 00100 diberikan peruntukan yang saya kira agak banyak iaitu RM46.34 juta untuk mengurus dan juga RM37 juta untuk pembangunan.

Difahamkan ketika ini 15,000 pekebun-pekebun kecil yang terlibat dan cumanya ialah isu yang berlaku yang ketika ini yang kita hadapi adalah hasil keluaran kita adalah hanya sekadar 3,000 metrik tan iaitu jauh lebih rendah daripada satu ketika dahulu di pertengahan tahun 80-an di mana ketika itu kita menjadi antara negara ketiga terbaik di dunia terbesar pengeluaran koko mencecah 150,000 tan setahun.

Jadi bagaimanakah peranan yang kita hendak bagi kepada rakyat, hendak kempen untuk menggerakkan semula supaya mereka ini dapat menanam koko dengan lebih gigih, dengan lebih intensif kerana hari ini harga koko sudah meningkat naik. Kalau dari segi *sterling pound* pun saya ingat 2,200 *pound*. Kalau *diconvert*, ditukarkan dengan Ringgit Malaysia setelah kita bagi diskaun SMC 1A, 1B ini mungkin dia boleh mencecah RM9,000. Jadi sudah tentulah penanaman koko ini lumayan dan boleh membantu meningkatkan pendapatan petani sekiranya seorang petani itu sudah ada tanah dua, tiga hektar, saya yakin dengan harga ini ia akan menjadikan pendapatan mereka yang lumayan.

Soalan seterusnya adakah kita masih menjadi ahli kepada International Cocoa Conference ataupun International Cocoa Organisation yang menceritakan berkait rapat dari segi isu-isu tanaman, dari segi import eksport dan juga *grinding* dan sebagainya.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya tak mahu sentuh pasal getah sebab ramai sudah bercakap. Cuma hendak bercakap sikit soal Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara, B.020100 dan P.20, 00401. Saya difahamkan mengikut peruntukan yang diberikan berjumlah bagi kedua-dua tajuk ini RM80.35 juta dan difahamkan mengikut rekod, kita ada 3,000 hektar kawasan tanaman kenaf dengan *average* ataupun hitung panjang hasil 9 metrik tan satu hektar. Jadi semuanya kalau didarabkan dengan kawasan maka kita hanya dapat 27,000 metrik tan.

Kalau dibahagi balik dengan peruntukan yang ada ini sudah tentulah ia mencecah hampir RM3,000 satu metrik tan. Jadi hala tuju kita, adakah kita masih ketika ini hanya sekadar mengeluarkan hasil kenaf biji-biji itu untuk dijadikan benih atau adakah kita sudah mampu mengeksport batang kering kenaf yang diproses untuk dijadikan pelbagai produk termasuk *dashboard* kereta dan sebagainya. Jadi itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih. Assalamualaikum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

7.34 mlm.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut sama membahaskan di peringkat Jawatankuasa ini. Pertamanya mengenai Lembaga Getah Malaysia di bawah program tiga, ada statistik di sini bahawa bilangan inovasi reka cipta, *pattern*, *intellectual property* bagi 2015 sebanyak enam dan dijangka tahun depan juga enam.

Saya ingin meminta penjelasan daripada kementerian, apakah bentuk-bentuk inovasi ataupun IP yang telah berjaya didaftarkan dan adakah penyelidikan-penyelidikan ini berkaitan dengan kegunaan-kegunaan baru hasil daripada getah ini kerana kalau kita inginkan peranan Malaysia dalam industri getah ini berpanjangan, maka kita harus menjadi peneraju kepada

penyelidikan-penyelidikan yang boleh membantu menambah lagi kegunaan getah asli ini. Ini sangat diperlukan kerana cabaran daripada getah tiruan adalah besar.

Namun begitu, getah asli ini memang ada kegunaan khusus kepada beberapa industri seperti industri pembuatan tayar dan sebagainya. jadi sudah tentulah kalau setakat penggunaan biasa ini maka kegunaannya terhad. Lalu pembangunan perkembangan industri getah ini akan terencat. Di samping itu, saya juga ingin bertanya apakah penyelidikan baru yang berjaya dibuat oleh pihak berkuasa getah ini bagi menambahkan hasil torehan bagi setiap hektar supaya khususnya pekebun-pekebun kecil akan dapat mengeluarkan hasil yang banyak.

Kita dulu ada Institut Penyelidikan Getah di Sungai Buloh dengan kawasan yang begitu luas dan kita lihat dahulunya berbagai-bagai penyelidikan yang kita boleh lihat dari jalan raya, tak payah masuk ke dalam. Kita nampak bagaimana pokok getah yang ada di institut tersebut melalui berbagai-bagai proses penyelidikan.

Saya hendak bertanya oleh sebab kebanyakan tanah di RRI ini sudah diambil alih untuk pembangunan khususnya di Sungai Buloh, adakah kita masih lagi bergiat cergas dalam penyelidikan getah ini dan setakat ini apakah hasil-hasil penyelidikan yang boleh kita banggakan, yang boleh dipasarkan dan boleh memberi kelebihan kepada khususnya pekebun-pekebun kecil getah kita. Saya ingin masuk kepada masih lagi di bawah Lembaga Getah Malaysia, 030100 yang diperuntukkan RM30 juta.

Tadi disebut bahawa penoreh getah diberikan bantuan *one-off*. Satu jumlah wang, saya dimaklumkan RM500. Jadi permintaan yang disebut oleh Yang Berhormat Lenggong tadi ialah supaya bantuan ini diteruskan.

Saya menyokong penuh kerana di tempat saya di Kuala Krai industri pekebun kecil getah ini merupakan sumber pendapatan yang terbesar, lebih besar daripada penanaman sawit ataupun lain-lain hasil pertanian. Namun, keadaan hari ini dengan keadaan harga getah yang rendah, cuaca yang tidak menentu, mereka mengalami berbagai-bagai masalah. Bukan *double jeopardy* kadang-kadang sampai masa banjir mereka akan mengalami masalah yang berat.

Jadi, boleh atau tidak kerajaan memikirkan bukan sekadar *one-off* sekali dalam setahun tetapi memikirkan satu lagi bentuk bantuan untuk mengatasi masalah pendapatan yang ada. Boleh juga disokong dengan harga lantai yang lebih membantu. Buat masa ini harga lantai getah pot ini atau bahasa orang Kuala Krai ialah RM2.30 sen sekilo. Saya rasa harga ini walaupun memberikan sedikit keyakinan kepada pekebun kecil getah tetapi adalah amat rendah, terlalu rendah untuk menampung kehidupan mereka. Mungkin hari ini harga sekitar RM2.50 sen adalah baik sedikit daripada harga lantai tetapi tidak mencukupi untuk menampung.

Jadi apakah tidak boleh kerajaan menimbang untuk industri pekebun kecil getah ini supaya mereka diberikan jaminan harga yang lebih baik bagi menampung kehidupan mereka. Peruntukan RM30 juta ini saya yakin ialah untuk pemberian dan berkenaan bayaran getah rendah daripada yang diberikan kepada Lembaga Koko Malaysia juga untuk kepala yang sama, RM40,000, sejumlah RM46,000.

Jadi apakah isyarat yang diberikan oleh kementerian kepada kita di Dewan ini sama ada keutamaan masih lagi diberikan kepada koko ataupun getah? Jadi saya berpandangan kalau getah ini merupakan antara teraju satu ketika dan juga masih lagi menjadi teraju industri komoditi kita, seharusnya Lembaga ini diberikan satu sokongan dan dokongan pembiayaan yang lebih besar supaya menarik untuk mereka yang terlibat dalam industri ini untuk mengembangkan usaha-usaha untuk menambah pendapatan.

■1940

Seterusnya Tuan Pengerusi, 020100 – Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara. Kita masih ingat akta mengenai kenaf ini diluluskan dalam sesi yang lepas, dalam Parlimen yang lepas. Saya ingin bertanya apakah perkembangan bukan tentang kenaf ini tentang tembakau sebab ia kedua-duanya digabungkan dalam lembaga. Apakah kita telah dapat mengurangkan jumlah *acreage* penanaman tembakau kerana niat asalnya kita merombak Lembaga Tembakau Negara ialah untuk memastikan kita dapat membuat migrasi mereka yang terlibat dalam industri tembakau ini kepada industri yang baru dan kita memberikan alternatifnya kenaf kerana dikatakan pokok kenaf ini sesuai di tanah-tanah bris yang membolehkan tembakau ditanam. Jadi, apakah kita berjaya mengurangkan keluasan tembakau ini dalam usaha kita untuk mengurangkan kegunaan tembakau dan akhirnya menyelamatkan rakyat kita daripada ketagih rokok. Jadi saya hendak tahu perkembangan daripada usaha kita membentuk Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara ini.

Kemudian, 040100 – Lembaga Koko Malaysia. Saya melihat di negara lain, di Vietnam contohnya industri penanaman koko ini menjadi agak penting di negara tersebut sedangkan bagi saya Malaysia satu ketika menerajui penanaman koko ini tetapi hari ini sudah agak tenggelam. Ramai di antara pekebun kecil getah kita dahulu menebang pokok getah dan menggantikan dengan koko tetapi akhirnya industri koko ini menjadi tidak menarik. Akan tetapi saya melihat kita masih lagi mempertahankan Lembaga Koko ini. Sudah tentu untuk mengendalikan apa-apa juga baki tanaman koko yang ada di Malaysia ini. Cuma saya ingin bertanyakan kepada kementerian apakah *vision* kita dalam industri koko ini pada jangka masa panjang. Sama ada kita akan membawa pekebun kecil atau pun industri ini *migrate* ke tanaman-tanaman yang lain atau bagaimana. Kemudian...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang akhirnya.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang akhirnya, saya ingin bertanyakan *detail* lah sedikit di bawah P.20 tentang Lembaga Getah Malaysia yang diperuntukkan hanya lebih kurang RM9.6 juta. Agak-agaknya apakah jumlah yang kecil ini boleh membantu atau bidang apakah yang boleh digunakan sejumlah ini untuk membantu menambahkan pendapatan para pekebun kecil getah kita. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Parit Sulong.

7.43 mlm.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Pendek sangat, *don't worry*. Okey saya cuma hendak menyentuh satu butiran sahaja iaitu Maksud...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Parit Sulong memang pendek-pendek.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Ha?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Maksud B.20 Butiran 070400. Sekarang ini Yang Berhormat Kuala Krai pun kuat mengacau orang juga ini Tuan Pengerusi. Tidak padan dia dah lah tukar parti dah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dia sebab parti pun parti Amanah. Dahulu PAS dia lain sedikit.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: *[Ketawa]* Okey tajuk di bawah Menangani Kempen Anti Minyak Sawit. Pada sayalah MPOB ini memang merupakan satu agensi yang sangat penting sebabnya secara tidak langsung ia membantu untuk meningkatkan ataupun membuatkan ekonomi negara ini terus berkembang terutamanya dalam keadaan ekonomi sekarang ini yang cukup mencabar.

Saya tengok daripada *statistics* yang diberikan, ia memang mencatatkan satu prestasi yang baik. Pengeluarannya naik 2.3% kepada 19.6 juta tan pada tahun 2014 kalau dibandingkan dengan sebelum ini. Waktu yang sama saya tengok dari segi pendapatan ianya meningkat sebanyak 3.4% kepada 63.4 juta kalau kita bandingkan dengan 61.3 juta pada tahun 2013. Ini berikutan mungkin harga purata itu mungkin lebih tinggi kalau kita bandingkan dengan tahun sebelum ini.

Walau bagaimanapun, kita tidak nafikan seperti tadi Yang Berhormat Jerlun juga ada nyatakan bahawa dalam waktu yang sama memang ada cabaran dia industri sawit ini. Dia menghadapi pelbagai kemungkinan, pelbagai cabaran. Di antaranya adalah serangan daripada kesatuan Eropah di Perancis dan juga Belgium dalam kempen pelabelan yang tiada minyak sawit yang mana setakat Januari 2015 melibatkan 550 jenis produk. Kita juga sudah semestinya merasa bimbang mengenai dakwaan oleh mereka bahawa minyak kelapa sawit ini membawa kesan negatif kepada kesihatan pengguna. Ini yang diperkatakan oleh mereka dalam usaha untuk mengurangkan kepercayaan kepada minyak sawit kita.

Seterusnya ada juga ancaman barang pengganti ataupun dengan izin *substitute goods* dan kemudian dalam waktu yang sama kejatuhan harga minyak sawit yang bukan sahaja menjejaskan pendapatan negara malah memberi kesan secara langsung kepada pekebun-pekebun kecil yang mengusahakan tanaman sawit ini terutamanya di kawasan saya. Dakwaan ini memang sudah semestinya tidak adil kepada negara kita.

Jadinya sehubungan dengan itu saya tengok yang diperuntukkan adalah RM10 juta. Jadinya saya cuma hendak bertanya pada pihak kementerian yang pertamanya adakah RM10 juta ini cukup sebab sebelum ini saya tengok tidak ada perubahan. Tahun selepas pun sama,

tahun ini pun sama tetapi kita tengok kempen daripada pihak barat itu semakin meningkat dan ia ditambah lagi dengan bantuan-bantuan daripada *private sectors*, dengan izin kerana itulah saya merasakan bahawa dalam usaha untuk kita membantu – ini adalah sumber pendapatan terutamanya kepada kebanyakan daripada pekebun-pekebun kecil di merata di Malaysia ini.

Jadi, seterusnya saya juga hendak bertanya kepada pihak kementerian apakah jenis-jenis kempen daripada RM10 juta ini yang dibuat oleh pihak kementerian dalam usaha untuk mengakis kempen negatif yang dibuat oleh pihak barat ini. Seterusnya, saya juga hendak bertanya sama ada, adakah tidak MPOB membuat satu penyelidikan ataupun satu kajian yang mungkin kita pun boleh buat hasil daripada kajian ini, kita boleh buat satu hebahan mengenai kebaikan penggunaan minyak sawit ini kalau kita bandingkan mungkin dengan *soya bean* kalau kita hendak buat perbandingan secara *drag* seperti itu. Ini kerana apabila kita menguar-uarkan kebaikan ataupun hasil kajian kita, kita dapat secara langsung juga mungkin membantu untuk meningkatkan kepercayaan kelapa sawit ini pada tempat kita. Jadinya itu sahajalah Tuan Pengerusi, ini betul-betul memang satu *point* sahaja saya hendak bawa pada malam ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, belakang sekali Yang Berhormat Sarikei.

7.48 mlm

Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]: Terima kasih Tuan Pengerusi untuk bagi peluang. Saya mahu membangkitkan beberapa isu berkaitan Butiran 030000, 040000, 060000, dan 070000. Tuan Pengerusi, *I wish to take your permission to continue my debate in English.*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, elok dalam bahasa Melayu, bahasa Malaysia ya.

Seorang Ahli: Tidak boleh, tidak boleh.

Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]: Ya, *I know speaker.*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, cuba perlahan-lahan boleh bahasa Malaysia.

Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]: Tuan Pengerusi, *I want to make my point clear to you because the previous speaker...*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Sarikei, Tuan Yang di-Pertua telah membuat *ruling*, peraturan mesyuarat kita Peraturan Mesyuarat 8 ada menyebut tetapi dengan kebenaran Tuan Yang di-Pertua tetapi saya mempengerusikan saya nasihatkan berbahas dalam Bahasa Malaysia. Sila.

Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]: *I know.* Tuan Pengerusi, *I know. I just want to make my point clear to you...*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sekarang ini buka ...

Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]: *I know you have the right to made decision whether to allow me to speak in English or to continue in Bahasa Malaysia. But I just want to make my point*

to clear to you before you made a decision. I don't want to make myself a victim of history or a victim of the educational system in Malaysia. Because I was born in Sarawak before Sarawak independence...

■1950

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sarikei, isu penggunaan bahasa Inggeris sudah banyak kali ditimbulkan. Tuan Pengerusi pun telah membuat *ruling* jadi kalau Yang Berhormat Sarikei berminat untuk berbahas mengenai kementerian ini sila dalam bahasa Malaysia. Kalau tidak berminat sila duduk.

Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]: Terima kasih. Saya mahu membangkitkan beberapa isu tentang perladangan dan komoditi di Malaysia terutamanya di Sarawak dan Sabah. Pertama, cukai jualan kerajaan negeri untuk kelapa sawit. Tuan Pengerusi, cukai jualan kerajaan negeri pada kadar 5% bagi tandan segar buat kelapa sawit hanya dikenakan di negeri Sarawak dan 7.5% bagi negeri Sabah. Pengutipan 5% sampai 7.5% cukai jualan kerajaan negeri adalah tidak adil kepada peladang-peladang kelapa sawit di Sarawak dan Sabah. Selaras dengan Program 1Malaysia cukai kerajaan negeri ini boleh dihapuskan dengan serta-merta. Penghapusan cukai jualan kerajaan negeri ia tidak akan mengurangkan bilangan petani-petani atau peladang-peladang yang menceburkan diri dalam bidang menanam kelapa sawit.

Sekiranya cukai jualan kerajaan negeri tersebut dapat dihapuskan tentu sekali ia akan menambahbaikkan kebajikan peladang-peladang dan pekerja-pekerja asing yang bekerja di ladang. Sekali lagi saya sebagai seorang Ahli Parlimen di mana kebanyakan rakyat di kawasan Parlimen saya adalah petani atau peladang. Saya merayu kepada Kerajaan Pusat supaya memansuhkan atau menghapuskan cukai jualan kerajaan negeri bagi tandan segar buat kelapa sawit dengan segera untuk kepentingan pekebun kecil dan peladang-peladang. Kerajaan Pusat perlu mengkaji dengan mendalam supaya dapat melaksanakan satu sistem cukai yang *standardize* di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah. Ini adalah penting supaya adil kepada semua pekebun kecil atau peladang-peladang di seluruh negara.

Isu kedua pelaksanaan GST. Tuan Pengerusi, adalah ketara sekali setelah GST dilaksanakan semua harga barangan yang mempunyai kaitan dalam bidang pertanian dinaikkan. Kenaikan harga seperti baja, racun rumput, racun serangga dan sebagainya telah memberikan kesan buruk kepada pekebun kecil dan peladang-peladang di negara ini. Saya bagi contoh, di kawasan Parlimen saya di Sarikei baja yang *most commonly used* baja cap jambatan sebelum GST dilaksanakan harganya RM118 satu beg, sekarang harganya RM148 satu beg. Bagi racun rumput contohnya Basta, lima liter satu tong Basta sebelum GST dilaksanakan harganya RM225 satu tong sekarang harganya RM275 satu tong, naik RM50 satu tong. Racun serangga yang paling biasanya Malathion bagi satu liter sebelum GST dilaksanakan harganya ialah RM18 sekarang satu liter harganya RM23 naik RM5.

Petani-petani terpaksa menampung perbelanjaan tambahan dalam bidang pertanian, perladangan dan komoditi masing-masing. Justeru itu, saya merayu kepada Kerajaan Pusat untuk mengkaji semula kesesuaian pelaksanaan GST terhadap barangan yang berkaitan dengan

bidang pertanian. Saya ingin menekankan bahawa pelaksanaan GST terhadap barangan petani akan memburukkan keadaan ekonomi kepada pekebun-pekebun kecil di negara ini. Sebagai contoh di kawasan Parlimen saya iaitu di Sarikei dan Meradong ramai pekebun-pekebun kecil dan sederhana telah dan sedang mengalami pendapatan yang rendah sekali selepas GST dikenakan bagi barangan yang mempunyai kaitan dengan bidang pertanian atau perladangan dan komoditi.

Dengan penyusutan mata wang Malaysia, pekerja asing meminta peningkatan gaji mereka supaya mereka dapat mengirim balik wang yang sama nilai ke negara asal mereka. Ini bererti pendedatang-pendedatang akan meningkatkan perbelanjaan dengan peningkatan gaji pekerja-pekerja asing. Di samping itu, dengan kesusutan mata wang Malaysia segala harga import dalam bidang pertanian akan meningkat dengan ketara juga. Tambahan pula harga komoditi seperti getah, koko, kelapa sawit dan sebagainya adalah rendah sekali pada masa sekarang. Keadaan ini memang telah memburukkan status ekonomi bagi petani-petani dan peladang-peladang kecil. Oleh sebab itu saya merayu kepada Kerajaan Pusat agar mengadakan pelbagai subsidi kepada petani-petani dan peladang-peladang atau menghapuskan GST terhadap barangan yang berkaitan dengan bidang pertanian. Supaya dapat meringankan bebanan mereka untuk terus melanjutkan kehidupan mereka dalam bidang pertanian atau perladangan dan komoditi. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya terima kasih. Yang Berhormat Bagan Serai.

7.57 mlm.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya merujuk kepada Maksud B.20 Butiran 030100 – Lembaga Getah Malaysia. Tuan Pengerusi, suasana harga pasaran yang tidak seimbang hari ini yang menyebabkan lebih penawaran dari permintaan terhadap komoditi ini. Antara lain adalah sebab kesan kelembapan ekonomi dunia terutamanya apabila China melakukan penstrukturan semula ekonomi dan nilainya yang jatuh. Jadi kisah harga komoditi yang jatuh ini bukanlah kerajaan tengok macam itu sahaja. Kerajaan telah buat bermacam-macam-macam usaha untuk membantu pekebun-pekebun kecil, untuk membantu mereka yang terlibat dalam usaha penanaman getah dan juga sawit ini.

Kita lihat dari lebih penawaran daripada permintaan terhadap komoditi. Di negara-negara jiran seperti Thailand, Malaysia dan Indonesia telah mengadakan usaha sama untuk memikirkan bagaimana supaya lebih tidak berlaku. Bagaimana untuk menyekat lebih ini? Bagaimana usaha untuk menjaga supaya keadaan harganya lebih stabil? Walaupun di Parlimen Bagan Serai ini tidak banyak sangat, kita ada 4,662 peserta yang terlibat dengan tanaman semula dengan keluasan 7,548.1 hektar. Akan tetapi banyak juga penanam getah ini telah beralih kepada kelapa sawit atas kehendak mereka sendiri dan atas keadaan tanah pamah dan juga keadaan banjir yang lebih sesuai. Di sini pun kerajaan telah beri bantuan. Apa yang saya

dengar banyak hari ini ialah tentang rakyat yang menanam getah dan kelapa sawit macam tidak ada makan langsung. Mana kita dengar tidak ada makan langsung ini? Kerajaan tidak pernah buat begini, kerajaan tidak pernah biar begini.

Kita katanya seolah-olah GST ini melekat, semua jadi susah. Kita lihat kerajaan, penanaman semula getah diberi bantuan 9,230 per hektar secara ansuran. Mereka-mereka yang ingin menukarkan tanaman kelapa sawit juga boleh mohon bantuan RM2,500 bantuan secara *one-off*, ini bantuanlah. Kerajaan buat di antara negeri-negeri dengan negara tadi, memikirkan bagaimana tidak ada lebih.

■2000

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Menteri. Apakah langkah yang telah dilakukan kementerian dalam menstabilkan harga getah ini lagi? Meningkatkan harga getah? Apakah inisiatif kementerian dalam membantu penoreh getah menceburi bidang-bidang lain yang sebagai sampingan?

Bukan tengok getah, getah tidak boleh turun hujan, duduk di rumah, pergi makan kenduri. Potong telur enam belas kali, bukan macam itu. Ada lagi tanaman-tanaman yang lain boleh buat sebagai mendapatkan pendapatan lain. Jadi, kalau hujan, kita buat benda lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bagan Serai, cuti sekolah ini tidak apalah, ramai pelajar hendak berkhatan.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Akan tetapi saya hairan Tuan Pengerusi, telur apa enam belas biji...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dia kira dia, telur RM10 sekali. Hah, takpa la.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: RM120 seorang.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Seorang RM120. Oh, lebih mahal daripada harga getah. Lebih mahal daripada harga getah.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Bagi contoh yang boleh pakai la.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ada Yang Berhormat Bagan Serai sebut penoreh getah hendak pergi, dia tidak bagi keluar langsung. *[Ketawa]*

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Pengerusi, tidak makan ubat tu. Berdasarkan rekod Disember 2014, kira-kira 200,000 orang daripada 320,000 orang pekebun kecil getah seluruh negara masih belum memiliki kad pendaftaran jualan Pekebun Kecil Getah yang melayakkan mereka mendapat insentif pengeluaran getah (IPG). Ini satu lagi skim, bila kerajaan tengok harga komoditi jatuh, kerajaan buat skim. Bagaimana bila sampai satu tahap, kerajaan akan bantu. Kerajaan akan melihat ini.

Ini sebab contohnya, skim ini diaktifkan apabila harga getah SMR20 jatuh ke tahap RM4.60. Dalam Bajet 2016 itu diceritakan paras pengaktifan ditingkatkan daripada RM4.60 kepada RM5.50 per kilogram. Bagi getah sekerap dari RM1.75 kepada RM2.20 per kilogram.

Ini akan memanfaatkan 300,000 anggaran penoreh getah. Ini kita kena tepuk tangan sebenarnya. Kerajaan tolong, kerajaan bantu. Saya tengok di negeri Kedah hari itu apabila hujan

orang tidak dapat pergi menoreh getah. Kerajaan Negeri Kedah ada bagi bantuan makanan lagi. Ini belum kita cerita BR1M lagi. Mereka inilah yang dapat BR1M, dapat bantuan sebagainya kerana kerajaan sentiasa fokus kepada orang-orang yang dalam kesusahan begini.

Tuan Pengerusi, ini cerita GST ini orang yang macam Yang Berhormat Pokok Sena yang kena. Dia makan di hotel besar-besar, dia kena bayar GST. Dia tidur di hotel yang hebat-hebat, dia kena bayar GST. Penoreh getah tidak kena. Lepas itu bila harga getah naik, dia pergi menoreh dulu baru dia pergi tengok rakyat. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan bangun.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Hah, sahabat, sebab apa dia pakai *tie* sama dengan saya. Saya bagi peluang.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya baru-baru ini balik kampung, Bagan Serai saya. Akan tetapi kawan saya dan juga penduduk datang jumpa saya, *complain* dengan GST ini. Mereka tidak puas hati dengan GST. So, saya tidak faham mengapa MP Bagan Serai masih mempertahankan GST ini.

So, saya rasa perlu bagi penjelasan. Turun ke kampung!

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai, masuk dalam Kepala dan Butiran Kementerian. Tidak payahlah, nanti tidak makan ubat susah juga. Tumpukan pada ini.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan sepatutnya jaga Petaling Jaya Selatan. Dia balik ke tempat saya, dia cerita yang bukan-bukan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ni klinik daftar tak? Klinik Bagan Serai daftar tak?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Pengerusi, berapakah jumlah pekebun kecil kini yang telah mendaftar dengan skim insentif ini? Saya ingin tahu apakah punca yang masih menyebabkan ada mereka tidak mendaftar? Penyelidikan, pembangunan dan meningkatkan penggunaan domestik. Ini satu cara lagi untuk stabilkan harga. Bagi menstabilkan harga komoditi ini kementerian perlu meningkatkan penggunaan domestik. Maknanya kita guna, bukan kita memperdagangkan sahaja. Selain daripada penggunaan getah beku *cup lumps*, dengan izin, dalam pembinaan jalan raya. Apakah kegunaan domestik getah lain yang boleh kita usahakan. Apa benda-benda lain yang boleh buat, *furniture* dan sebagainya. Jalan raya ini boleh ambil hingga 10%. Jadi, satu usaha untuk menstabilkan harga.

Tuan Pengerusi, sejauh manakah perkembangan kegunaan terkini getah beku dalam pembinaan jalan raya di Malaysia? Sejauh mana, perlu dipertingkatkan. Jadi, penyelidikan serta pembangunan getah perlu dilakukan bagi memperluaskan penggunaan getah di sektor-sektor yang lain. Contoh, industri pembuatan berasaskan getah juga perlu diperhebat. Kajian terkini perlu dijalankan ke atas potensi getah pada masa akan datang.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 080200 – NKEA Sawit iaitu penstabilan harga sawit, *indoor commodity*. Harga purata CPO bagi tempoh Januari hingga

Februari 2015 adalah RM2,276 satu tan berbanding dengan harga purata RM2,383 se tan metrik 2014. Jadi, saya ingin bertanya apakah pasaran baru bagi hasil sawit yang boleh diketengahkan? Adakah kementerian ada melakukan kerjasama dengan mana-mana negara luar dalam memperluaskan industri sawit berikutan dengan keadaan ekonomi yang tidak menentu hari ini? Sejauh manakah pelaksanaan skim insentif tanam semula dijalankan oleh kementerian? Berapakah jumlah permohonan yang diterima dan apakah kriteria yang diambil kira oleh kementerian ini?

Yang terakhir sekali Tuan Pengerusi, ialah tentang penggunaan biodiesel B5, B7. Sebanyak 35 depot berserta kemudahan pengadunan telah dibina bagi menyokong pelaksanaan program B5 biodiesel. Pada akhir tahun 2014, Malaysia telah memperkenalkan program B7 biodiesel di seluruh negara. Pengenalan biodiesel B7 dijangka menggunakan 575,000 tan biodiesel yang menjimatkan penggunaan 667.6 juta liter setahun.

Jadi, saya ingin bertanya, berapakah jumlah kos yang diperlukan bagi meningkatkan penggunaan biodiesel ini? Adakah penggunaannya mampu menjadi pengganti kepada bahan bakar pada masa datang? Sejauh manakah kejayaan yang di kecapi oleh kementerian dengan strategi penggunaan biodiesel setakat ini? Nyatakan sekali, gerak kerja perancangan penggunaannya pada masa depan. Jadi, perkara-perkara yang singgah di pemikiran saya tadi saya ingin ucapkan terima kasih banyak kepada Tuan Pengerusi...

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Bagan Serai, saya hendak tumpang sedikit. Satu perkara kecil sahaja. Kita lihat bahawa Kementerian Perusahaan Peladang dan Komoditi adalah kementerian yang cukup penting sekali. Ini kerana matlamat dan objektif kerajaan adalah semata-mata mahu memperkasakan sektor perladangan dan komoditi sebagai penyumbang utama ekonomi negara.

Saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Bagan Serai yang telah membuat satu hujah yang cukup baik sekali. Akan tetapi kalau kita lihat daripada jumlah bajet yang telah diberikan kerajaan pada setiap tahun. Sejak tahun 2012 - RM2.3 bilion, tahun 2013 - RM2.29 bilion, dalam 2014 - RM1.5 bilion, 2015 - RM1.6 bilion. Mengapakah 2016 kalau kita anggap kementerian ini cukup penting yang bukan sahaja kita memperkasakan sektor perladangan sebagai penyumbang ekonomi utama negara, kenapa kita beri hanya RM600,000,000 sahaja? Ada *short fall* daripada RM1 bilion.

Jadi maknanya, kalau kita boleh, kita hendak merayu kerajaan supaya memberikan perhatian yang khusus kepada kementerian yang ini yang banyak memberikan bantuan bukan sahaja pekebun kecil tetapi dalam masa yang sama menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Jasin, saya sangat setuju dengan Yang Berhormat Jasin. Saya minta dimasukkan permohonan itu, rayuan itu ke dalam perbincangan saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, masa sudah cukup.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Putatan minta, sahabat saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Putatan, bila masa tidak pentingnya, semua penting.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini soal apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jasin tadi. Soal kementerian ini saya rasa amat penting, saya setuju. Hal ini kerana, apabila kita membuatkan industri hiliran misalnya, kita terlalu bergantung dengan bahan mentah import daripada luar.

Maka, pada masa dahulu, koko ini, pada tahun 80-an. 250,000 metrik tan kita proses, sekarang hanya 3,000 metrik tan. Ini bermakna bahawa harga koko itu amat tinggi sekali. Jadi, ini satu-satunya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memperkasakan, mempertingkatkan pendapatan penduduk luar bandar dan juga mewujudkan usahawan-usahawan. Jadi, saya tidak faham kenapa peruntukan di dalam kementerian dikurangkan. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Ini kita bercakap dengan pengerusi getah dengan pengerusi koko ini. Jadi, Menteri akan jawab ini. Tuan Pengerusi, saya akan tutup ini. Jadi, saya ucapkan terima kasih kerana beri saya peluang dan... *[Disampuk] [Ketawa]* Tuan Pengerusi, *short people conquer the world*, dengan izin. *[Ketawa]*

■2010

Jadi saya hendak nyatakan sekali lagi, saya ucapkan tahniah dan berbanyak-banyak terima kasih kepada Kerajaan yang sentiasa memikirkan bagaimana cara untuk membantu rakyat yang mengalami masalah begini. Ada sesetengah orang itu, sikit apa hal pun, tidak ada dalam perkara ini pun dikaitkan dengan GST.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Satu jerawat pun hendak cerita pasal GST.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah itu Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Boleh jual ubat dah itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar. Boleh Yang Berhormat Kapar dalam masa lima minit? Semua, boleh? Semua sekali.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya cuba lima minit, Tuan Pengerusi. Saya cuba.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya bercadang Yang Berhormat Menteri jawab 8.30 malam, boleh?

8.11 mlm.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Okey, saya mula dengan Butiran 010100 – Kemajuan Industri Komoditi dan Pengurusan, ketetapan kod 40000 di mana Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap telah dikurangkan daripada RM19.2 juta pada tahun 2015 kepada RM2.2 juta pada tahun 2016. Ini adalah penurunan sebanyak 88 peratus. Situasi yang sama untuk Butiran 010200 – Kemajuan Industri Komoditi, Perladangan dan Kewangan untuk kod 20000 iaitu Perkhidmatan dan Bekalan berkurangan dari RM19 juta kepada RM12 juta. Ini adalah penurunan sebanyak 36 peratus.

Objektif Butiran ini Tuan Pengerusi, adalah untuk memastikan industri perladangan dan komoditi terus bersaing di peringkat global dan menyumbangkan kepada pendapatan negara secara berterusan.

Saya ingin mendapat penerangan dan penjelasan daripada kementerian, dengan penurunan Butiran 010100 sebanyak 88 peratus dan Butiran 010200 sebanyak 36 peratus, bagaimana kita dapat menyumbangkan kepada pendapatan negara dan menjadikan kita bersaing di peringkat global? Ini kerana saya rasa penurunan ini amat ketara dan peratusnya amat tinggi.

Kedua, Tuan Pengerusi, adalah mengenai Lembaga Getah Malaysia, Butiran 030100. Peruntukan RM70 juta diturunkan kepada RM30 juta iaitu penurunan sebanyak 58 peratus berbanding dengan Lembaga Koko Malaysia. Untuk Lembaga Koko Malaysia, tahun 2015 dan 2016, peruntukan adalah sama iaitu RM46 juta. Saya ingin membawa perhatian Dewan ini kepada bilangan projek perkhidmatan kepada pelanggan industri. Sebagai contoh, pada tahun 2014 terdapat 240 projek, tahun 2015 terdapat 243 projek manakala tahun 2016 dianggarkan 732 projek. Bagaimana kekurangan peruntukan ini boleh menampung bilangan projek yang sedang bertambah berbanding dua tahun sebelum ini?

Tuan Pengerusi, pada tahun 2012, Lembaga Getah Malaysia telah menganjurkan Persidangan Ekonomi dan Teknologi Getah Antarabangsa 2012. Dalam persidangan ini yang diadakan di PJ, Selangor, satu teknologi baru telah diperkenalkan iaitu *automatic rubber nursery machine*. Saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian, apakah teknologi ini masih digunakan dan bagaimana teknologi ini boleh membantu LGM dalam industri getah? Adakah teknologi baru telah diperkenalkan untuk menggantikan *automatic rubber nursery machine*?

Tuan Pengerusi, penanaman pokok getah juga semakin merosot. Dianggarkan pada tahun 1998, kawasan penanaman pokok getah seluas 1.543 juta hektar. Ia berkurangan menjadi 1.271 juta hektar pada tahun 2005 dan pada tahun 2010 merosot lagi kepada 1.021 hektar. Saya ingin bertanya, pada tahun 2015 ini berapakah luas kawasan hektar penanaman pokok getah? Apakah tindakan kerajaan untuk menggalakkan penanaman pokok getah di Malaysia? Apakah bantuan-bantuan yang dicadangkan oleh kerajaan yang akan diberikan kepada penoreh-penoreh getah untuk memastikan industri ini berterusan dan memastikan penoreh getah semakin lama semakin tidak pupus?

Tuan Pengerusi, seterusnya saya masuk ke Butiran 070300 iaitu Skim Penstabilan Harga Minyak (COSS) di mana tahun dulu RM950 juta, kini tiada apa-apa nilai, *zero* ya. Saya memerlukan kepastian dan penjelasan kementerian bahawa adakah tindakan ini akan membebaskan pengguna atau rakyat biasa? Skim ini diperkenalkan pada tahun 2007 bertujuan untuk menentukan harga syiling dan permintaan pasaran yang aktif dengan memberi pampasan kepada pengeluar. Adakah pengguna terpaksa membayar lebih untuk harga minyak masak dengan ketiadaan peruntukan untuk Butiran ini?

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, Butiran *one-off* iaitu berkenaan Butiran 080200 – NKEA Sawit yang diperuntukkan sebanyak RM17 juta. Saya ingin mendapat penjelasan kementerian, apakah rasional peruntukan sebanyak RM17 juta ini? Saya juga ingin mempersoalkan kejayaan projek atau pun program NKEA EPP1 iaitu Skim Permohonan Tanam Semula dan Tanah Baru Sawit di mana pekebun-pekebun kecil telah dipelawa untuk memohon skim ini. Saya ingin tahu setakat ini, apakah kejayaan skim ini? Adakah skim ini masih lagi diteruskan? Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sekijang.

8.16 mlm.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan pengerusi. Saya terus kepada Butiran 080200 berkenaan NKEA Sawit. Seperti yang telah diumumkan, sewaktu pengenalan NKEA ini, antara lain objektif utamanya adalah untuk menjalankan penyelidikan serta pembangunan aktiviti bio diesel nasional. Persoalan saya, apakah usaha-usaha yang telah dijalankan serta perkembangan terkini bagi memastikan pembangunan bio diesel ini menepati piawaian yang ditetapkan oleh negara-negara Eropah?

Untuk rekod, di Eropah, pembangunan bio diesel menggunakan bahan dari kacang soya serta bunga matahari sedang giat dijalankan. Justeru, saya mendesak agar pembangunan bio diesel daripada kelapa sawit ini dilipat gandakan memandangkan kita sudah mempunyai sumber yang tidak terhad. Dianggarkan pada setiap tahun, 700,000 tan kita gunakan untuk industri bio diesel ini.

Untuk Butiran 070400 berkaitan dengan Program Menangani Kempen Anti Minyak Sawit. Antara kempen yang telah dijalankan kumpulan anti minyak sawit ini adalah berkenaan pembersihan hutan untuk memberi laluan kepada pembukaan ladang kelapa sawit. Harus diingatkan, jerebu yang melanda negara baru-baru ini adalah disebabkan oleh pembersihan hutan yang berlaku di Indonesia. Bermakna kempen anti minyak sawit ini ada asasnya. Hal ini telah menyebabkan industri sawit secara keseluruhannya terjejas teruk, menambahkan lagi masalah kelembapan harga sawit yang sememangnya sedang dihadapi peladang dan petani kecil di dalam negara ini.

Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan agar melalui Program Menangani Kempen Anti Sawit ini, diperuntukkan sedikit dana bagi membincangkan perkara pembersihan hutan ini.

Seterusnya Butiran 030000 bagi Lembaga Getah Malaysia. Tahun lalu LGM melancarkan *One Nation Rubber Strategy* atau pun 1NRS bagi memajukan industri getah termasuklah melindungi kepentingan pekebun kecil. Saya ingin bertanya kepada Menteri, apakah strategi-strategi serta kejayaan yang telah diperolehi melalui penubuhan 1NRS ini? Sejauh mana penubuhan 1NRS ini mampu membantu pekebun kecil getah untuk tempoh jangka masa panjang dalam menghadapi fenomena lembap harga getah yang dihadapi sekarang serta apakah perancangan khusus yang dirancang untuk tahun hadapan? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu Gajah.

8.18 mlm.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Maksud B.20 Butiran 040000 – Lembaga Koko Malaysia. Berdasarkan statistik Lembaga Koko Malaysia, pada tahun 1989, keluasan tanaman koko di Sabah mencecah 205,260 hektar tetapi sejak tahun 90-an, keluasan tanaman koko mula berkurangan. Pada tahun 1990, koko di Sabah cuma mewakili 7,913 hektar sahaja. Keluasan tanaman koko di negara kita pernah mencapai 414,236 hektar tetapi pada tahun 2009, keluasan hanya tinggal 20,561 hektar.

Koko mempunyai potensi sebagai salah satu komoditi yang boleh membawa keuntungan kepada negara kita. Pada satu ketika dahulu, penanaman koko amat meluas di negara kita terutamanya di negeri Sabah. Apabila berlakunya kejatuhan harga koko di pasaran dunia, ramai di antara petani-petani yang mengusahakan koko telah berpindah kepada menanam kelapa sawit. Memandangkan harga pasaran dunia untuk komoditi kelapa sawit telah mula merudum sekarang, adakah ini akan mempengaruhi penanam-penanam kelapa sawit berpindah semula kepada penanaman koko?

■2020

Saya ingin mengetahui trend ataupun pola pembangunan industri koko di Malaysia. Sejauh manakah koko yang dihasilkan di negara kita dapat bersaing di pasaran global. Di manakah kedudukan Malaysia di arena antarabangsa dalam perdagangan koko. Saya juga ingin tahu berapakah jumlah pengeluaran koko untuk kegunaan tempatan dan untuk dieksport. Nyatakan juga jumlah keluasan tanah dan juga jumlah hasil koko yang diperolehi dari negeri-negeri pengeluar koko iaitu Sabah, Sarawak, Pahang, Perak, Selangor dan Johor.

Selain daripada itu, selain daripada eksport bagaimanakah permintaan untuk koko dalam negeri. Bagaimana ini membantu industri-industri sampingan yang berhubung kait dengan industri koko. Industri koko juga berpotensi untuk menzahirkan banyak peluang pekerjaan di negara kita. Setakat ini berapakah jumlah petani yang terlibat di dalam penanaman koko di seluruh negara. Apakah bantuan-bantuan yang disediakan oleh kerajaan untuk membantu

petani-petani ini. Bagaimana pula dengan petani-petani baru yang ingin tahu dan berminat untuk menceburi penanaman koko. Apakah bantuan dan latihan yang diberikan oleh Lembaga Koko Negara.

Oleh sebab industri ini mempunyai potensi yang tinggi, adakah kerajaan bercadang untuk meningkatkan penghasilan koko. Jika ya apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencapai matlamat ini. Berapakah tanah-tanah baru yang telah dibuka pada tahun ini di seluruh negara. Nyatakan juga masalah-masalah ataupun kekangan yang dihadapi oleh industri koko di Malaysia. Akhirnya saya juga ingin mengetahui tentang program koko untuk rakyat yang dilancarkan oleh kementerian beberapa tahun yang lalu. Sejauh manakah pencapaian program ini dan adakah program ini masih diteruskan oleh kerajaan sehingga sekarang.

Butiran 070300 – Skim Penstabilan Harga Minyak Masak. Dalam Belanjawan 2015, sebanyak RM900 juta diperuntukkan bagi skim penstabilan harga minyak masak tetapi bagi Belanjawan 2016 tidak ada apa-apa peruntukan untuk skim ini. Adakah ini menjadi penyumbang utama kepada kementerian ini untuk memotong perbelanjaan pengurusan daripada RM1.238 bilion kepada RM235 juta iaitu lebih daripada RM1 bilion. Minta pencerahan dalam hal ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Jelebu.

8.22 mlm.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih Tuan Pengerusi saya ringkas sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Lepas Yang Berhormat Jelebu, Bachok, lepas Bachok Kelana Jaya selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Pertama sekali terima kasihlah kerajaan kerana telah menaikkan paras harga lantai *cup lump* kepada RM2.20. Jadi perkara B.20 03000 – LGM Lembaga Getah Malaysia. Jadi saya ingin penjelasan ketika harga lantai RM1.75 berapakah jumlah subsidi yang telah dibayar bagi tujuan menampung kejatuhan harga di bawah harga lantai. Seterusnya berapa – bagaimana mekanisme pembayaran subsidi itu dan bila harga getah jatuh di bawah harga lantai. Bagaimana tuntutan pembayaran dan sebagainya dan nyatakan siapa yang layak menerima, yang boleh buat tuntutan subsidi itu apabila harganya jatuh sama ada dia penoreh sahaja ataupun tuan tanah dan sebagainya.

Jadi ini melibatkan lebih 300,000 pekebun kecil. Akhirnya perkara B.20 Butiran 40000 – Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Saya dapati penurunan yang begitu ketara sekali daripada RM1 bilion kepada RM186 juta sahaja. Ini tidak menggambarkan kepentingan pekebun-pekebun kecil dan seharusnya kementerian ini dibela dengan pemberian peruntukan yang lebih besar kerana dia adalah merupakan pembelaan kepada pekebun-pekebun kecil dalam bidang getah, koko yang terlibat. Jadi saya mahu perincian item-item apa sebenarnya di bawah pemberian dan kenaan bayaran tetap yang dikurangkan begitu banyak sekali dan apakah ini

nanti pada pandangan menteri boleh menjejaskan prestasi pembelaan kepada pekebun-pekebun kecil dan getah. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bachok.

8.24 mlm.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada satu poin sahaja yang hendak disebutkan tapi sederhana panjang tidak terlalu panjang dan tidak terlalu pendek. Saya merujuk kepada Butiran maksud bekalan 20 Butiran 02000 – Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara. Dalam perbahasan untuk Rang Undang-undang LKTN suatu ketika Ahli Parlimen Rembau pernah menyebut tentang kenaf memerlukan kos pembangunan yang sangat tinggi dengan hanya purata pendapatan RM1,501 hektar semusim dan hanya melibatkan 92 penanam kenaf di Bachok daripada 3,000 penanam tembakau.

Bachok ini 3,000 penanam tembakau daripada keseluruhan di Kelantan 4,000 lebih maka jumlah yang sangat besar. Laporan LKTN menyebut jumlah kerosakan tanaman kenaf daripada 6 negeri di dalam jumlah yang sangat besar. Terengganu yang dirancang sebagai hab kenaf negara mencatat kerosakan sehingga 43%. Soalan saya bagaimana kerajaan boleh memilih sejenis tanaman yang terdedah kepada kerosakan yang tinggi sehingga 43%. Untuk menjadi tanaman yang membantu golongan-golongan miskin. Soalan saya juga kenapa kerajaan tidak memilih pokok buluh sebagai alternatif kepada tanaman kenaf.

Padahal sudah sekian lama dan banyak kajian yang dibuat oleh FRIM yang menunjukkan buluh sangat berpotensi sebagai industri besar mahupun kecil-kecilan. Buluh adalah pokok yang mempunyai nilai ekonomi yang sangat tinggi terutama kepada golongan miskin. Soalan saya juga apa jadi dengan plot kenaf yang dibuat kerjasama dengan MARDI, UPM dan syarikat yang berkaitan. Apakah statistik yang ada membayangkan 10,000 hektar kenaf akan berjaya dicapai pada tahun 2020 sebagaimana hasrat pihak kerajaan. Apa sudah jadi kepada tanah Saujana Setiu yang diteroka seluas 1,500 hektar dan juga apa jadi kepada Terengganu sebagai hab kenaf negara yang dicadangkan oleh pihak kerajaan.

Soalan saya juga berapa juta nilai projek kepada 4 syarikat yang membangunkan CPMC. Adakah ianya ada kaitan dengan mana-mana pemimpin yang berkaitan dan juga berapa jumlah pokok kenaf dan namakan ladang-ladang yang sudah berjaya diintegrasikan diladang MPOB dan juga LGM. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kelana Jaya.

8.27 mlm.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada B.20 Butiran 080200 – NKEA Sawit Kod 4000 iaitu pemberian sebanyak RM17 juta. Pendek sahaja saya hendak tanya apakah NKEA sawit itu bagaimanakah ia akan digunakan RM17 juta

ini. Saya merujuk kepada B.20 070400 – Menangani Kempen Anti Minyak pemberian sebanyak RM10 juta dan juga pada P.20 11101 – Lembaga Minyak Sawit (MPOB) RM8.7 juta. Apakah butir-butir tentang RM8.7 juta ini. Tuan Pengerusi apabila kita mengambil kira semua tiga butiran ini, dana yang disediakan secara langsung ataupun secara spesifik hanya kepada industri sawit keseluruhannya adalah RM36 juta sahaja.

Tuan Pengerusi, kita tahu industri sawit itu tersangat penting sekali di Malaysia. Ia merupakan satu industri di mana eksport pada satu ketika mencecah RM100 bilion. Pada *low time* RM60 bilion katakanlah kita ambil pertengahan lebih kurang eksport setahun RM80 bilion. Jadi peruntukan RM36 juta adalah cuma merupakan 0.045% eksport sawit. 0.045%. Tuan Pengerusi, masalah industri sawit ini begitu banyak secara ringkas ada tiga perkara. Pertama ialah imej negatif yang ketara sekali terhadap sawit iaitu setiap tahun semakin buruk, apa lagi dengan isu jerebu baru-baru ini di mana Indonesia terbakar dan sawit kena hentam di *international press*.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Kelana Jaya boleh mencelah sedikit?

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Boleh-boleh tetapi *no timelah* kena cepat sikit.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Sikit sahaja seminit sahaja terima kasih. Saya ingin menyentuh tentang anti sawit yang dibuat oleh mereka yang anti sawit menyatakan kerana sawitlah hutan ditebang, kerana sawitlah oksigen di dunia ini kurang, kerana sawitlah orang utan dan harimau ini pun hilang.

■2030

Malahan mereka menyatakan bahawa sekarang ada pihak NGO dan juga NGO tempatan yang telah memulakan isu di ladang sawit menggunakan buruh paksa dan juga buruh kanak-kanak. Ini semua cabaran dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kelana Jaya bahawa kita perlu meningkatkan kempen untuk melawan anti kempen yang menjejaskan ekonomi negara yang begitu strategik ini dan tindakan kepada NGO-NGO yang merosakkan imej industri sawit ini baik di luar negara dan juga tempatan. Apakah pandangan Yang Berhormat Kelana Jaya?

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar, kawan baik saya dia *chairman* MPOB jadi dia tahulah isu-isu sawit ini. Bagi saya, isu *environment* adalah penting tetapi kita kena *argue* dengan baik dan menunjukkan secara terperinci bahawa sebenarnya sawit ini kalau dikira daripada segi *consumption* atau *production*, ia adalah sembilan kali lebih baik daripada soya. Soya juga menebang *rainforest* dan di Malaysia, kita tidak bakar tetapi kita mengamalkan benda yang baik. Walaupun ada banyak isu FELDA, FELDA merupakan satu *success story eradication of poverty* di *rural area*. Jadi, kita kena *balance*, kita kena tengok isu yang boleh kita perbaiki, kita boleh perbaiki.

Akan tetapi *point* yang saya hendak buat adalah ini. Dengan jerebu ini, Indonesia adalah *culprit* utama, kita semua tahu. Akan tetapi kenapakah kementerian kita membuat satu pakatan baru dengan Indonesia di mana sepatutnya daripada segi strategi industri sawit di negara – kita

patut pisahkan atau *differentiate* produk kita daripada Indonesia. Maknanya produk Malaysia sepatutnya lebih *environmental* dan sepatutnya mendapat harga yang lebih baik. Tidak guna kita berpakat-pakat dengan Indonesia secara kartel ataupun *market control*. Lebih baik kita *differentiate* sebagai satu strategi. Saya minta Yang Berhormat Menteri boleh memberikan pandangan beliau.

Masalah kedua, masalah ini kita semua tahu. *Technology, harvesting* untuk kelapa sawit memang teruk, tidak pernah *improve*. 20, 30 tahun tidak ada apa-apa pun *technological improvement*. Setiap tahun kita ada masalah buruh, pekerja. Selagi teknologi sawit tidak *improve harvesting technology*, kita tidak akan mengatasi isu kekurangan *labour* setiap tahun.

Masalah ketiga ialah tentang *yield, the plant yield* ataupun hasil daripada pokok-pokok sawit kita. Kita tahu *competitor* kita yang terbesar ialah minyak soya. Kita tahu mereka pakai GMO bukan natural. Sawit kita lebih natural, kita tidak pakai *genetically modified technology*. Akan tetapi setiap tahun *yield improvement* ialah 1%. Di Malaysia, 30 tahun kita buat sawit ini, *yield improvement* kita 2-3% dalam 30 tahun sahaja. Jadi kita perlu memasukkan lebih dana terhadap *scientific research*.

Masalah keempat adalah *certification*. Kita semua tahu RSPO itu baik. Akan tetapi kita semua juga tahu sekarang ini, sudah cerdik sebab sekarang kita tidak dapat premium pun. Berapa tahun? 10 tahun RSPO? Premium sawit tidak ada. Jadi kita tahu RSPO adalah isu *certification* dan isu *certification* adalah sejenis *tariff barrier* yang baru. Kenapakah negara kita lambat, lebih lewat daripada ISPO Indonesia kebelakangan ini telah melonjak ke hadapan. Kita baru sahaja melancarkan MSPO. Jadi saya minta dalam MSPO itu jangan bagi *voluntary* basis, buat *compulsory*. Ini boleh menolong industri sawit kita.

Jadi apa yang penting Tuan Pengerusi, *point* yang saya betul-betul hendak tekankan adalah bajet ini tidak sesuai daripada segi menolong industri sawit. Industri sawit RM80 bilion, *you* bagi RM36 juta untuk spesifik sawit. Ini tidak menolong langsung kepada industri ini. Kita memerlukan cara yang lebih dinamik.

Saya minta Yang Berhormat Menteri kalau boleh ikutlah cara Lim Keng Yaik dahulu walaupun dia Gerakan. Kita semua di industri sawit memang suka Lim Keng Yaik, cara dia *straight forward*, mempunyai wawasan yang baik. Jadi saya minta kalau bolehlah, tahun ini bajet sudah lepas tetapi untuk tahun depan, saya minta Yang Berhormat Menteri...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Bajet sudah sokong?

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Eh tidak sokong ini, sebab RM36juta ini untuk industri sawit RM80 bilion. *Think about it*. Ini bukan isu politik, ini isu tentang industri. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri, tahun depan, untuk bajet tahun 2017 mintalah yang lebih, minta sekurang-kurangnya RM3, RM4 bilion untuk membuat benda yang betul untuk sawit bagi menjaga industri sawit kita, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Menteri.

8.35 mlm.

Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Datuk Amar Douglas Uggah Embas]: Tuan Pengerusi. Pertama, saya mengucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan beberapa cadangan apabila kita berbincang dalam peringkat Jawatankuasa mengenai kementerian saya.

Beberapa isu dan saya mungkin tidak dapat menjawab kesemua isu yang dibangkitkan kerana memang banyak isu, jadi saya akan memberikan satu jawapan seboleh mana yang dapat dijawab pada malam ini.

Pertama yang dikemukakan adalah mengenai pengurangan bajet kepada kementerian. Apabila bajet ini dikurangkan adalah tuduhan bahawa kerajaan tidak menekankan pembangunan industri ataupun komoditi di negara kita. Saya ingin memberitahu bahawa pandangan itu tidak tepat kerana walaupun bajet yang dikemukakan di sini adalah seperti yang dibentangkan kepada kita semua tetapi dalam masa yang sama, industri sawit kita mendapat perbelanjaan untuk menjalankan tanggungjawab-tanggungjawab MPOB, MPOC telah dibenarkan kerajaan untuk mengutip levi. Levi yang kita kutip adalah RM13 satu tan. Inilah satu punca belanja semua kewangan yang kita gunakan supaya kita dapat meneruskan usaha-usaha membangunkan industri sawit.

Kalau kita melihat, mengkaji ataupun membaca dengan teliti atau memerhatikan pembangunan industri sawit, kita akan berbangga kerana industri sawit telah berjaya mengeluarkan barang-barang yang pelbagai. Apabila kita bangun sampai kita tidur memang minyak sawit terlibat. Inilah satu pembangunan mengenai minyak sawit yang begitu penting dan harus diambil perhatian kepada kita semua. Jadi saya berharap Yang Berhormat jangan lah menyokong pendirian yang mengatakan sawit ini adalah merosakkan *environment* kerana *palm oil means prosperity* bagi kita di Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang telah dikemukakan tadi adalah mengenai pengurangan bajet tadi, salah satu yang saya hendak jelaskan adalah mengenai kos yang telah kurang tetapi saya ingin memberitahu bahawa bantuan subsidi minyak masak ini akan diteruskan dan bajet ini diletakkan di bawah Kementerian Kewangan. Jadi itulah sebabnya kelihatan berkurangan.

Tuan Pengerusi, pertama soalan mengenai *social safety net* sawit. Kita memang bersetuju bahawa harga sawit sekarang begitu rendah tetapi ia masih memberikan pulangan kepada pengusaha-pengusaha sawit. Dalam masa yang sama, kita telah pun diarahkan oleh Kabinet untuk menyediakan satu *social safety net*. Dan kita berharap apabila *social safety net* kita telah pun selesai sediakan nanti, kita akan bentangkan di Parlimen ini.

Mengenai kempen anti *palm oil*, di sini kita juga diperuntukkan RM10 juta. Persoalan cukup atau tidak, saya ingin memberitahu bahawa untuk menambahkan peruntukan ini ada levi yang diberikan iaitu antara RM2 satu tan. Dalam *production* sekarang, kita mendapat RM43 juta untuk membantu MPOC untuk menjalankan beberapa program untuk mengatasi kempen-kempen anti kelapa sawit. Kita juga mengadakan beberapa program dan seminar di beberapa buah tempat di seluruh dunia yang diatur setiap tahun.

■2040

Ini juga nampaknya telah pun berkesan kalau kita melihat daripada segi jumlah permintaan minyak sawit kita di seluruh dunia.

Ketiga mengenai MSPO, MPOCC. Kita telah pun meluluskan seperti saya beritahu di Dewan ini, *Malaysian Sustainable Palm Oil Standard*. Dalam masa yang sama industri sawit kita juga telah pun mendapat RSPO dan bagi kita MSPO. Mengapa kita menggunakan MSPO? Ini kerana RSPO terlalu mahal maka pekebun-pekebun kecil tidak dapat di *certify* menggunakan RSPO. Maka kita mengadakan MSPO dan ini kita membantu pekebun-pekebun kecil supaya pekebun-pekebun kecil kita juga dapat *certification* untuk – dan ke arah ini kerajaan telah pun memperuntukkan RM57 juta untuk membantu pekebun-pekebun kecil kita supaya dapat pensijilan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Kapar bangun.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Pengerusi, saya hendak balik kepada COSS yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Yang Berhormat Menteri mengatakan subsidi ini masih lagi ada. Kalau tidak silap saya dan ia telah dimansuhkan dalam Kementerian Kewangan. Kalau itulah penjelasan yang saya dengar tadi di luar kalau betul, saya ingin tanya apakah rasional ia dikeluarkan dari sini dan dimasukkan dalam Kementerian Kewangan. Apa rasionalnya? Penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Ini adalah satu keputusan kerajaan dan ada beberapa kementerian juga sama, dibuat sama rupa seperti yang kos ini. Penting adalah kos ini kita akan teruskan.

Tuan Pengerusi, mengenai permohonan *biodiesel*. Memang *biodiesel* ini – pembangunan *biodiesel* begitu penting kerana inilah satu cara kita mempelbagaikan kegunaan minyak sawit. Itu yang pertama.

Kedua, penggunaan *biodiesel* ini juga dapat membantu kita untuk mengawal penurunan harga-harga sawit. Maka di negara kita mulai tahun ini kita telah pun menggunakan B7 untuk *biodiesel*. Sekarang kita merancang untuk meningkatkan peratusannya kepada B10. Ini akan dibentangkan kepada Kabinet. Inilah satu program yang selari yang dijalankan kita sama-sama dengan Indonesia. Ini kerana Indonesia telah pun melaksanakan B15. Bagi *biodiesel* ini bukannya hanya digunakan di dalam negeri, ia juga dieksport ke luar negara. Maka kita menentukan bahawa standard *biodiesel* kita adalah mesti mematuhi standard-standard di luar negara sama ada di Amerika Syarikat ataupun di Eropah.

Mengenai 'POTSIM' ini kita memang telah pun membantu, kita mengadakan seminar-seminar di China dan ini untuk berjumpa dengan pengguna-pengguna minyak sawit dan kita

mengadakan kajian-kajian, *research* bagaimana sawit ini dapat digunakan di industri-industri di beberapa buah negara di mana 'POTSIM' ada, ia berjaya. Bagi NKEA *one new planting* kita telah pun berjaya menjalankan program ini dan kita akan teruskan program ini.

Mengenai teknologi sawit, ada tuduhan bahawa teknologi kita masih mundur. Saya fikir Yang Berhormat tidak memahami penggunaan teknologi sawit kita. Memang kita sedar bahawa adalah penting untuk kita meningkatkan *mechanization* dalam industri sawit khususnya mengenai *harvesting* sawit. Jadi sekarang kita telah pun mengeluarkan satu alat mencantas, ia telah pun digunakan di beberapa ladang dan ia telah pun berjaya mengurangkan penggunaan teknologi buruh dari empat orang kepada satu orang.

Akan tetapi kerajaan tidak berpuas hati, maka kita telah mengadakan satu *competition* yang akan berakhir pada hujung tahun ini. *Competition* ini adalah untuk menarik minat-minat *innovators, creators*, orang kreatif untuk mencipta alat-alat ataupun *mechanization* yang digunakan di industri sawit ini – dalam sawit. Dalam keadaan ini kita telah pun menyediakan hadiah USD1 juta untuk hadiah yang pertama. Jadi dengan hadiah yang sebegitu rupa, kita berharap bahawa ramai akan memberi cadangan dan kita berharap isu *mechanization* di ladang sawit kita akan dipertingkatkan. Ini kerana bagi industri sawit kita, kita mesti berusaha meningkatkan produktiviti, mengurangkan kos dan kita cuba sedaya upaya untuk mengurangkan penggunaan buruh kerana buruh ini adalah satu perkara yang begitu penting.

Tuan Pengerusi, isu mengenai getah cukup hangat. Ada yang berkata getah ini harga ia memang turun, memang saya bersetuju ia turun. Memang saya bersetuju juga dulu apabila harga tinggi memang mungkin Yang Berhormat Pokok Sena juga menoreh getah waktu itu. Kita juga sedar bahawa apabila harga turun, jumlah orang penoreh getah juga berkurangan. Maka kita telah pun menyaksikan pengurangan tidak kurang daripada sepuluh peratus daripada pengeluaran getah negara.

Akan tetapi Kerajaan Barisan Nasional sebuah kerajaan yang bertanggungjawab yang sentiasa prihatin kepada kebajikan pekebun-pekebun kecil di seluruh negara kita tidak berdiam diri. Kita mengambil beberapa langkah untuk menentukan bahawa kebajikan pekebun-pekebun kecil ini akan dibela. Maka atas kesedaran inilah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengumumkan program harga penetapan untuk program insentif pengurangan getah kita ditingkatkan kepada bagi SMR 20 kepada RM5.50 dan bagi *cuplumps* kepada RM2.20. Mengapa? Ini kerana kita telah pun memberi perhatian bahawa apabila harga pengiktirafan dahulu iaitu pada RM4.60, maka ia terlalu rendah.

Jadi waktu itu tidak ada apa-apa bantuan diberi kerana harga ia rendah dan kita pun mendengar rayuan daripada rakan-rakan saya di sini bahawa adalah keperluan kerajaan untuk meningkatkan harga pengiktirafan ini. Ini kita sampai kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan beliau telah mengumumkan bahawa harga ini dinaikkan. Tambahan itu pula RISDA, FELCRA dan FELDA juga ada pelbagai program untuk membantu pekebun-pekebun kecil kita. Jadi Kerajaan Barisan Nasional memang sentiasa membela nasib para pekebun kecil kita.
[Tepuk]

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Menteri, sikit. Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Betul, daripada segi apa yang ditentukan daripada segi *cup lump* RM2.20, getah sekerap itu. Itu harga yang standardnya, kan? Akan tetapi akhirnya pekebun tidak akan dapat RM2.20 pun kerana kualiti getah. Kualiti getah antara satu tempat dengan satu tempat itu berbeza kerana kandungan kebersihan dia dan sebagainya itu. Akhirnya pembeli ini akan potong harga lagi, maknanya ia akan turun. Akan tetapi dia tidak akan dapat 20 sen kerana 20 sen itu hanya akan dikira kepada RM2.20 *cup lump* yang telah ditentukan. Cuma apa yang saya hendak minta kepada Yang Berhormat Menteri kalau boleh, kaji balik supaya ditentukan, diturunkan kadar potongan untuk proses pemprosesan kilang. RM1.30 sekilo, saya fikir terlalu tinggi. Kalau boleh maknanya dikurangkan jadi tidak lebih daripada RM1.30. Supaya 30 sen itu akhirnya dia akan balik kepada pekebun. Jadi ini akan menguntungkan sedikit pekebun.

■2050

Oleh sebab kalau apa yang berlaku pada hari ini RM1.30 itu pada kedudukan getah harga yang semasa ini. Akan tetapi kalau harga getah tinggi dia akan dapat lebih banyak. Jadi saya minta ditentukan supaya pada kadar RM1 itu sudah cukup berpatutan dan akan lebih menguntungkan kepada pekebun kecil.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan sampai ke situ nanti kerana penentuan harga adalah satu isu yang penting bagi kita. Sebelum itu saya akan hendak memberitahu kerana ada soalan tadi bagaimana Insentif Pengeluaran Getah (IPG) ini dilaksanakan. Ia akan dilaksanakan oleh Lembaga Getah Malaysia dan untuk menentukan bahawa masalah melaksanakan program ini tidak menjadi satu isu seperti apabila kita melaksanakan bantuan *one-off* RM500 itu. Maka, adalah disyaratkan bahawa pekebun kecil ini yang pertama mesti mendapat IPG, mendapat kad menunjukkan mereka adalah pekebun kecil getah, *owner* ataupun pengusaha getah. Oleh kerana apabila menuntut harga ataupun insentif ini nanti dia perlu mengemukakan dua dokumen. Pertama adalah kad itu. Kedua, *invoice* menunjukkan harga getah yang dijual. Itulah asas kita memberi bantuan.

Kini masih ada 97,000 pekebun dan penoreh getah ini belum dapat gaji. Kita akan berusaha untuk menentukan mereka ini mendapat kad. Erti kata kita merayu kepada semua Yang Berhormat untuk memberitahu kepada kawasan-kawasan masing-masing kepada pekebun-pekebun kecil getah ini berdaftar dengan LGM mendapat data dan kad ini.

Mengenai harga memang kita selalu ini satu isu yang hangat kita bincang. Kita ada panel, ada *price advisory panel* yang menentukan harga di peringkat kebangsaan. Dari situ kita memang ada diskaun dan ia akan menentukan harga di peringkat ladang. Ini kita telah pun berbincang dan sekarang kita telah pun menyelesaikan beberapa program dengan kerjasama koperasi-koperasi. Saya kalau tidak silap kalau beberapa koperasi di mana LGM pun telah

memberi pinjaman untuk membantu mereka supaya harga di peringkat ladang adalah satu harga yang munasabah dengan menentukan diskaun yang diberi, yang dikenakan tidak begitu tinggi. Itulah yang sedang dilaksanakan. Kita memerlukan maklum balas dari Ahli-ahli Yang Berhormat kalau pelaksanaan itu ada masalah, sila beritahu. Kita kena bersemangat melaksanakan ini adalah menentukan pekebun getah kecil kita mendapat harga yang munasabah.

Mengenai *social safety net* tadi saya sudah jawab. Mengenai *research* memang kita mengadakan *research*. Kita pun telah mendapat beberapa produk-produk yang telah digunakan dan satu produk yang cukup *high profile* adalah *seismic bearing*. Satu alat yang boleh digunakan untuk membantu sesuatu bangunan ataupun jambatan dari rosak apabila jadi *earthquake*. Ini telah pun digunakan di *second bridge* Pulau Pinang. Kita telah memasarkan ini. Kita berharap ini dapat membantu.

Kita juga ada beberapa penemuan-penemuan yang lain seperti **I**klon di mana kita menggunakan untuk menentukan bahawa satu benih yang dibekalkan kepada pekebun-pekebun kecil ini benih yang sah, yang mengikut standard yang diperlukan. Ini kerana tadi ada juga disentuh mengenai isu benih. Begitu juga sekarang telah mengeluarkan *ecopreneur*, satu produk baru yang kita berharap dapat membantu industri getah kita.

Akhirnya pada yang terkini ini kita juga telah membuat *final* kajian mengenai kegunaan getah adalah untuk membina jalan raya. Kita telah bekerjasama dengan Jabatan Kerja Raya. Saya yakin pada awal tahun depan getah boleh sebagai satu bahan kita gunakan untuk membina jalan raya. Mengenai penggunaan getah domestik itulah seperti yang saya sebut tadi iaitu penggunaan untuk jalan raya dan sebagainya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Sila Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi berkenaan COSS Yang Berhormat Menteri telah mengatakan ada dalam Menteri Kewangan. Saya cuba semak sepanjang Bekalan 10 hingga 12 saya tidak nampak butiran mengenai COSS. Boleh Yang Berhormat Menteri beri pemerincian tentang COSS tadi? Terima kasih.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat tidak percaya?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Bukan tidak percaya Yang Berhormat. Saya cari-cari, saya tidak dapat. So, saya perlukan penjelasan.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas: Dalam Kementerian Kewangan saya tidak ada butiran. Akan tetapi ia tidak khusus kepada COSS. Ia satu kelompok bantuan. Jadi saya akan...

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Menteri boleh saya – Tuan Pengerusi, boleh ya? Yang Berhormat Menteri boleh tidak ceritakan sedikit pada Dewan yang mulia ini, COSS ini macam mana, teks dia daripada mana. Dia daripada *plantation* betul atau tidak? Mengikut harga pendapatan ataupun harga pasaran minyak sawit. Boleh atau tidak berikan penjelasan lebih tentang COSS?

Datuk Amar Douglas Uggah Embas: Pertama, COSS ini adalah dibiayai oleh kerajaan kerana kita merasakan dan berpendirian bahawa kita adalah pengeluar minyak sawit yang kedua terbesar di dunia. Maka adalah penting kita menentukan masyarakat kita khususnya rakyat miskin dapat membeli minyak sawit, minyak masak dengan harga yang berpatutan. Di sinilah program COSS ini dilaksanakan oleh kerajaan. Itu sebab ia akan diteruskan.

Tuan Pengerusi, mengenai kenaf, soalan kenaf tadi adalah bertanya apakah masa depan kenaf. Saya ingin memberitahu bahawa KTN sekarang telah pun berjaya untuk mendapatkan permintaan kenaf untuk pasaran di China. Inilah satu arah tuju kita. Maka kalau kita melihat peruntukan-peruntukan yang diberi kepada kenaf, ia bertambah kerana selepas satu kajian yang dibuat dan satu perancangan yang disusun, maka kita yakin bahawa kenaf ini dapat membantu pekebun-pekebun kecil kita untuk menambah pendapatan. Kita yakin pada tahun 2016 kita dapat meningkatkan pengeluaran kenaf kita kepada 27,000 tan.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Menteri, mengenai erti kenaf.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih. Kita bangkitkan sekali dengan kenaf tadi ialah tembakau kerana mengikut hasrat kita mengadakan lembaga ini adalah untuk menggantikan tembakau dengan kenaf. Jadi adakah memberi kesan terhadap industri tembakau iaitu berkurangan? Adakah petani-petani yang terlibat dengan tembakau ini betul-betul beralih kepada kenaf atau pihak lain pula yang berminat tentang kenaf ini kerana asalnya untuk menggantikan tembakau. Oleh sebab itulah saya tanyakan tadi *acreage* tembakau sama ada berkurangan ataupun tidak.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas: Oleh kerana kita telah pun menandatangani satu perjanjian yang kita tidak akan menanam tembakau lagi, itu sebab tembakau ditukar dengan kenaf. Jadi bagi kita kenaf ini sekarang adalah – itulah program yang dilaksanakan. Bagi mereka yang pernah menanam tembakau dulu telah pun ada beberapa mereka ini diserap, dibantu oleh Jabatan Pertanian dan ada juga dibantu terus menanam kenaf.

Tuan Pengerusi, mengenai koko. Memang industri koko kita seperti yang diberitahu tadi pada tahun 1990 keluasan koko kita di negara hampir 400,000 hektar.

■2100

Akan tetapi pada tahun 2012 telah turun kepada 20 ribu hektar. Jadi, ini adalah satu hakikat ekonomi. Oleh kerana daripada segi pulangan koko, mungkin ia tidak dapat melawan pulangan daripada sawit ataupun getah. Oleh itu ramai yang mengganti menanam koko dengan tanaman-tanaman yang lain. Oleh kerana pada waktu itu, harga koko begitu menurun sekali. Akan tetapi kita melihat bahawa potensi yang besar bagi kita terus untuk mengembangkan koko. Koko boleh dijadikan satu komoditi untuk mempelbagaikan pendapatan pekebun-pekebun kecil kita. Oleh kerana dasar kerajaan adalah untuk menggalakkan pekebun-pekebun kecil kita kalau ada tanah untuk menanam lebih daripada satu komoditi ataupun mengadakan aktiviti-aktiviti

ekonomi yang lain. Itulah sebab kalau kita melihat peruntukan kepada MPOB untuk tahun depan adalah peruntukan untuk mempelbagaikan aktiviti ekonomi untuk pekebun-pekebun kecil. Oleh kerana kita semua sedar bahawa harga komoditi turun naik, kerajaan kadang-kadang tidak dapat mengatur program untuk menyekat penurunan harga. Akan tetapi kalau kita menanam dua jenis komoditi, ianya dapat *cushion-off the problem of cooling in price*.

Misalnya di Sarawak, ada pekebun kecil menanam getah dan ada juga menanam lada. Jadi, bagi mereka yang menanam lada kerana lada sekarang satu tan RM50 ribu. Jadi, kalau menanam seribu pokok iaitu kira lebih setengah atau tiga suku ekar, dapat dua kilo satu pokok, dua tan dapat RM100 ribu. Jadi, getah yang turun ini dia biar, tidak dia usahakan. Jadi, inilah dasar kita, jadi koko kita berharap dapat memainkan peranan itu. Bagi proses koko, negara kita adalah lima terbesar di dunia ini untuk mengeluarkan *grinding* koko. Oleh itu kita import lebih 300 tan *cocoa product*. Jadi, kita berharap dengan menanam koko ini, kita dapat menambahkan pengeluaran koko kita dan mengurangkan belanja import kepada negara kita. Jadi, sekarang kita memang berusaha. Pengerusi Lembaga Koko berusaha sedaya upaya untuk menggalakkan pekebun-pekebun...

Beberapa Ahli: Siapa itu?

Datuk Amar Douglas Uggah Embas: Siapa itu? Minta dia berdiri. Menggalakkan pekebun-pekebun kecil untuk menanam koko. Mereka juga memberi nasihat, bimbingan dan bukan itu sahaja, mereka juga terus mengatur satu program untuk menggalakkan penanam-penanam koko juga bukan hanya menanam tetapi mengeluarkan *homemade chocolate*. Oleh kerana *homemade chocolate* ini telah pun dipasarkan kepada luar negara dan inilah perkembangan koko di negara kita ini. Jadi dengan itu Tuan Pengerusi, perkara yang saya jawab. Perkara yang tidak dijawab, kita jawab secara bertulis. Terima kasih.

[Tepuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM234,810,600 untuk Maksud B.20 di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM234,810,600 untuk Maksud B.20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM415,548,500 untuk Maksud P.20 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM415,548,500 untuk Maksud P.20 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Majlis bersidang dalam Majlis Mesyuarat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Khamis, 19 November 2015.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 9.03 malam]